

92-3607

Pengetahuan Kenegaraan Malaysia

Tengku Anuar



NURIN ENTERPRISE

Kuala Lumpur

1991

NASKAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
30 NOV 1992

Hakeipta dan cetakan terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh digunakan lagi atau dipindahkan dalam sebarang bentuk dan cara - baik secara elektronik, mekanikal, dan sebagainya tanpa mendapat izin terlebih dahulu daripada

NURIN ENTERPRISE.

Cetakan Ketujuh 1991
Pindaan dan tambahan
© Tengku Anuar

Penerbit:

Nurin Enterprise
40 Jalan Kemuja, Off Jalan Bangsar,
59000 Kuala Lumpur.
Tel. 03-2823112/2821113

Dicetak di Malaysia oleh:
Percetakan Cetaktama
B4-09, 4th. Floor, KL Industrial Park,
653, 5th. Mile, Klang Road,
58200 Kuala Lumpur.

Harga:
\$14.00

695673
APB

111
320 4595
ANU

- 4 NOV. 1993
Perpustakaan Negara
Malaysia

*Untuk renungan putera-puteri Malaysia
yang bakal mewarisi pusaka bangsa dan
bumi tumpah darah tercinta*

ISTIMEWA UNTUK

*Rakiah,
Haizad,
Nur,
Reza,
Sofia dan
Safuan*

KATA PENGANTAR

Pengetahuan dan pemahaman tentang pelbagai aspek Kenegaraan difikirkan begitu perlu sebagai pedoman kepada generasi muda yang kelak akan mewarisi pusaka bangsa dan tanahair tercinta. Kepada putera-puteri ini kita menaruh keyakinan dan harapan yang begitu besar demi menegak dan mempertahankan kedaulatan, keutuhan, dan kemakmuran bangsa dan negara Malaysia.

Pepatah peninggalan nenek-moyang kita pernah menyebutkan *Tak kenal maka tak cinta*. Oleh itu, timbul persoalan bagaimanakah generasi muda boleh menyintai bangsa dan negara ini sepenuh jiwa raga jika mereka tidak pernah mengenali negara mengikut erti kata yang sebenarnya. Oleh itu, adalah menjadi hasrat dan harapan saya agar buku PENGETAHUAN KENEGARAAN MALAYSIA ini bukan sahaja dapat mewujudkan pemahaman yang menyeluruh tentang pelbagai aspek dan bidang serta pengetahuan dan kenegaraan, malah diharap boleh menjadi asas kepada pemupukan rasa cinta yang mendalam, semangat patriotik yang tinggi, dan kebanggaan terhadap budaya bangsa dan bumi Malaysia tercinta.

Dalam edisi ini beberapa tambahan dan pindaan dibuat agar buku ini dapat memenuhi keperluan semasa dan mencakupi bidang-bidang dengan sewajarnya. Buku ini mengandungi 14 bab yang menyentuh beberapa aspek Kenegaraan Malaysia, bermula dengan Catatan Ringkas Sejarah Tanahair dan Pertumbuhan Penduduk dan Pembentukan Masyarakat Berbilang Kaum. Bab-bab yang berikutnya adalah mengenai Perlembagaan Persekutuan dan Negeri-negeri, Badan Perundangan Persekutuan, Sistem Pentadbiran

Kerajaan Persekutuan, Dewan Perundangan dan Kerajaan Negeri, Perkhidmatan Awam, Kelakuan dan Tata tertib dalam Perkhidmatan Awam, Badan Kehakiman dan Pentadbiran Keadilan. Ini diikuti oleh beberapa bab tentang Dasar dan Rancangan Pembangunan Negara, Dasar-Dasar Baru Kerajaan, Perpaduan Negara, Keselamatan Negara, Dasar Luar dan Hubungan Antarabangsa.

Bahan-bahan yang dimuatkan dalam buku ini sesuai dibaca oleh setiap lapisan masyarakat Malaysia yang berminat serta ingin tahu serba sedikit tentang Pengetahuan Kene-garaan Malaysia. Kepada pelajar-pelajar STPM yang mengikut kursus Pengajian Am dan kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang bakal menduduki Peperiksaan Am Kerajaan, sebahagian besar daripada topik-topik yang dibicarakan itu ternyata sangat berguna sebagai rujukan dan persediaan asas.

Akhir kata, saya berdoa agar buku kecil ini dapat memberi sedikit sebanyak manfaat kepada para pembaca seke-lian. Terima kasih dan penghargaan yang tinggi saya tujukan kepada semua pihak yang telah memberi galakan dan dorongan sehingga buku ini berjaya diterbitkan.

Kuala Terengganu
Mei 1991

Tengku Anuar bin Tengku Dalam

KANDUNGAN

	Muka Surat
KATA PENGANTAR	v
BAB 1 CATATAN RINGKAS SEJARAH TANAH AIR	1
Penjajahan Barat	1
Gerakan-gerakan Anti-British dan Semangat Kebangsaan	4
Perang Dunia Kedua dan Pendudukan Jepun	5
Malayan Union dan Tentangan Orang Melayu	7
Persekutuan Tanah Melayu 1948	8
Gerakan Komunis dan Darurat	9
Gerakan Nasionalisme Dalam Tahun 1950-an	10
Kerjasama Politik Berbilang Kaum	11
Persediaan Ke Arah Kemerdekaan 1957	12
Tolak Ansur Antara Kaum dan Perpaduan	13
Cabaran dan Perjuangan Mengisi Kemerdekaan	13
Tamatnya Zaman Darurat	14
Cadangan Pembentukan Malaysia	14
Sebab-sebab Pembentukan Malaysia	15
Usaha-usaha Ke Arah Pembentukan Malaysia	16
Dugaan dan Cabaran Terhadap Pembentukan Malaysia	17
BAB 2 PERTUMBUHAN PENDUDUK DAN PEMBENTUKAN MASYARAKAT BERBILANG KAUM DI MALAYSIA	27
Pertumbuhan Penduduk dan Penjajahan Inggeris	27
Perpindahan Masuk Orang-orang Cina	28
Perpindahan Masuk Orang-orang India	30

Perpindahan Masuk Bangsa-bangsa Lain	31
Pertumbuhan Semula Jadi Penduduk	32
Pertambahan Saiz Penduduk	32
Perubahan Komposisi Penduduk	36
Taburan Penduduk	38
Kesan dan Pengaruh Penduduk	42

BAB 3

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI-NEGERI	51
Pendahuluan	51
Perlembagaan Persekutuan	52
Beberapa Perkara Penting Dalam Perlembagaan Persekutuan	55
Perlembagaan Negeri-negeri	63

BAB 4

BADAN PERUNDANGAN PERSEKUTUAN	71
Parlimen Malaysia	71
Yang di-Pertuan Agong	71
Dewan Negara	72
Dewan Rakyat	73
Keistimewaan-keistimewaan Parlimen	74
Cara Parlimen Membuat Undang-undang	75
Persidangan Parlimen	78
Pilihanraya	80

BAB 5

SISTEM PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN	89
Yang di-Pertuan Agong	89
Majlis Raja-raja	92
Jemaah Menteri	94
Kementerian dan Jabatan Kerajaan Persekutuan	96

	Agensi-agensi Pusat	101
	Perbadanan Awam	105
BAB 6	DEWAN UNDANGAN DAN KERAJAAN NEGERI	115
	Dewan Perundangan Negeri	115
	Pentadbiran Kerajaan Negeri	118
	Pentadbiran Daerah, Mukim, dan Kampung	123
	Kerajaan Tempatan	124
BAB 7	PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA	133
	Perubahan Fungsi dan Peranan	133
	Kecekapan dan Mutu Perkhidmatan Awam	134
	Etika Perkhidmatan Awam	136
	Cara-cara Meningkatkan Kecekapan dan Mutu Perkhidmatan Awam	139
	Aspek Pengurusan	140
	Aspek Teknologi, Kewangan, dan Sumber	141
	Aspek Arahan dan Kawalan	142
	Pengenalan Konsep dan Dasar Baru	145
BAB 8	KELAKUAN DAN TATATERTIB DALAM PERKHIDMATAN AWAM	153
	Pendahuluan	153
	Tatakelakuan Dalam Perkhidmatan	153
	Tatacara Tatatertib	170
	Peruntukan-peruntukan Khas	177
	Hukuman	179
	Penamatan Perkhidmatan Demi Kepentingan Awam	183

BAB 9	BADAN KEHAKIMAN DAN PENTADBIRAN	
	KEADILAN	191
	Keperluan Undang-undang	191
	Kuatuksa Undang-undang	191
	Kedaulatan Undang-undang	192
	Mahkamah-mahkamah Rendah	194
	Mahkamah Budak-budak dan Mahkamah Perusahaan	198
	Mahkamah Tinggi	201
	Mahkamah Agung	202
BAB 10	DASAR DAN RANCANGAN PEMBANGUNAN	
	NEGARA	209
	Dasar Pembangunan Di Zaman Penjajahan	209
	Rancangan Malaya Pertama (1956 – 1960)	210
	Rancangan Malaya Kedua (1961 – 1965)	211
	Rancangan Malaysia Pertama (1966 – 1970)	211
	Rancangan Malaysia Kedua (1971 – 1975)	215
	Rancangan Malaysia Ketiga (1976 – 1980)	217
	Rancangan Malaysia Keempat (1981 – 1985)	218
	Rancangan Malaysia Kelima (1986 – 1990)	220
	Rancangan Malaysia Keenam (1991 – 1995)	222
	Dasar Pembangunan Nasional 1991 – 2000	227
BAB 11	DASAR-DASAR BARU KERAJAAN	237
	Pendahuluan	237
	Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam Dalam Pentadbiran Negara	238
	Dasar Bersih, Cekap, dan Amanah	239
	Kepimpinan Melalui Teladan	240
	Dasar Kependudukan	241
	Dasar Produktiviti	242

Dasar Pertanian Negara	243
Pelan Induk Perindustrian	245
Dasar Perindustrian Berat	246
Dasar Belilah Barangan Buatan Malaysia	247
Dasar Pandang Ke Timur	248
Dasar Persyarikatan Malaysia	249
Dasar Penswastaan	250
Dasar Urbanisasi Negara	251
Dasar Wanita Negara	252
BAB 12 PERPADUAN NEGARA	261
Pengasingan dan Polarisasi Kaum	261
Dasar Pelajaran Kebangsaan	266
Dasar Ekonomi Baru	271
Politik dan Perpaduan	276
Perpaduan dan Rukunegara	279
Kebudayaan Kebangsaan dan Perpaduan	286
BAB 13 KESELAMATAN NEGARA	295
Pendahuluan	295
Ancaman-ancaman Terhadap Keselamatan Dalam Negara	296
Eksplotasi Isu-isu Sensitif dan Perkauman	298
Penyalahgunaan Dadah	299
Kegiatan Memperalatkan Agama	300
Tugas dan Tanggungjawab Keselamatan Dalam Negara	302
Pertahanan	305
Angkatan Tentera Malaysia	305
Tentera Darat	307
Tentera Laut Diraja Malaysia	307

Tentera Udara Diraja Malaysia	308
Langkah-langkah Mengawal dan Memelihara Keselamatan Dalam Negeri.....	308
Menetapkan Pelbagai Undang-undang dan Peraturan-peraturan	311
Menjalankan Kuatkuasa Undang-undang dan Peraturan-peraturan	312
BAB 14 DASAR LUAR DAN HUBUNGAN ANTARABANGSA	319
Pembentukan dan Ciri Dasar Luar.....	319
Dasar Berkecuali.....	322
Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali – ZOPFAN	323
Kerjasama Serantau dalam ASEAN.....	324
Hubungan Antarabangsa yang Luas	327
Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu	328
Hubungan Dengan Komanwel	329
Rancangan Kerjasama Teknikal Malaysia	330
Dasar Antartika	332
SENARAI RUJUKAN	339

CATATAN RINGKAS SEJARAH TANAH AIR

PENJAJAHAN BARAT

Pencerobohan dan penempatan kuasa-kuasa Eropah di negara ini telah bermula dalam tahun 1511 apabila Kerajaan Melayu Melaka ditawan oleh Portugis dengan hasrat untuk memonopoli perdagangan, menguasai jalan perdagangan utama di antara India dan China, menentang kebangkitan pengaruh Islam, dan mengembangkan agama Kristian. Dalam tahun 1641 Belanda pula telah mengalahkan Portugis di Melaka dengan tujuan untuk memonopoli kegiatan perdagangan di seluruh kepulauan Melayu-Indonesia dan menguasai negeri-negeri Melayu yang kaya dengan bijih timah. Penaklukan Melaka oleh kedua-dua kuasa Eropah ini telah mengakibatkan perubahan-perubahan politik dan ekonomi yang penting terhadap sejarah tanahair dalam konteks penjajahan oleh kuasa-kuasa asing. Perlumbaan antara kuasa-kuasa Eropah untuk memiliki tanah jajahan menjadi lebih ketara apabila tercetus Revolusi Perindustrian yang sangat memerlukan bekalan sumber-sumber bahan mentah dan kawasan pasaran yang lebih luas, terutama sekali sejak akhir abad ke-19.

Inggeris yang sudah pun bertapak di India menaruh minat yang besar terhadap Tanah Melayu. Mereka mula menduduki Pulau Pinang dalam tahun 1786 dan Singapura dalam tahun 1819. Sementara itu, dalam tahun 1795 Inggeris telah menduduki Melaka setelah Belanda bersetuju menyerahkan jajahan takluknya di Timur mengikut Perjanjian Surat Kew dan telah menyerahkan kembali Melaka kepada Belanda pada

tahun 1818, apabila Perang Napoleon tamat. Perjanjian Inggeris – Belanda pada tahun 1824 telah membolehkan Inggeris menguasai semula Melaka dengan menukarkannya dengan Bangkahulu yang diserahkan kepada pihak Belanda. Perjanjian ini telah menamatkan pertelingkahan antara Inggeris dan Belanda dan kedua-dua kuasa tersebut telah membentuk kawasan lingkungan pengaruh masing-masing di Kepulauan Melayu-Indonesia. Dengan itu Inggeris telah menguasai Pulau Pinang, Singapura, dan Melaka serta membentuk tanah jajahan yang dikenali sebagai Negeri-negeri Selat. Dalam tahun 1867, pentadbiran Negeri-negeri Selat yang terletak di bawah kuasa Gabenor Jeneral di Calcutta telah dipindahkan ke Pejabat Tanah Jajahan di London dan Negeri-negeri Selat telah ditadbirkan oleh seorang Gabenor Inggeris, beribu pejabat di Singapura.

Revolusi Perindustrian yang bertambah pesat di Eropah telah menyebabkan wujud pertandingan untuk memperluaskan tanah jajahan dan menguasai sumber-sumber kekayaan ekonomi di kalangan kuasa-kuasa Eropah. Dengan ini Inggeris mula mengubah dasar tidak campur tangan kepada dasar campur tangan dan penjajahan di negeri-negeri Melayu. Perjanjian Pangkor dalam tahun 1874 merupakan titik permulaan bagi perubahan politik dan pentadbiran yang radikal di negeri-negeri Melayu. Inggeris mula mengambil alih kuasa dan tugas-tugas politik serta pentadbiran yang dahulunya telah dipegang oleh sultan, anak-anak raja, dan pembesar-pembesar Melayu atas alasan hendak menjaga keamanan dan ketenteraman di negeri-negeri Melayu. Dalam masa beberapa tahun sahaja Inggeris berjaya menguasai negeri-negeri Melayu seperti Perak, Selangor, Negeri Sembilan, dan Pahang. Inggeris telah melantik pegawai-pegawainya yang dikenali sebagai residen untuk 'menasihati' sultan-sultan di negeri-negeri tersebut dalam semua perkara kecuali mengenai perkara agama dan adat resam orang-orang Melayu. Akhirnya Inggeris telah menggabungkan negeri-

negeri tersebut menjadi sebuah persekutuan yang dikenali sebagai Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan pentadbirannya diketuai oleh seorang Residen General Inggeris.

Inggeris terus berusaha memperkuatkan pengaruh di seluruh Tanah Melayu dengan mengirinkan perutusan-perutusan ke Siam dan menerusi Perjanjian Bangkok tahun 1909, Siam bersetuju menyerahkan Negeri-negeri Tanah Melayu di bawah naungan mereka seperti Kedah, Perlis, Kelantan, dan Terengganu ke tangan Inggeris. Pihak Inggeris melantik juga seorang pegawai atau penasihat di setiap buah negeri tersebut. Dalam tahun 1914, Inggeris telah berjaya memujuk Sultan Ibrahim agar menerima seorang penasihat Inggeris di Johor. Kelima-lima buah negeri yang menerima penasihat Inggeris ini tidak digabungkan sepertimana Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan dikenali sebagai Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu. Dengan ini wujud tiga corak politik dan pentadbiran di Tanah Melayu iaitu Negeri-negeri Selat, Negeri-negeri Melayu Bersekutu, dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu.

Dalam zaman penjajahan, Inggeris telah melakukan banyak perubahan ke atas corak dan sistem politik, ekonomi, sosial, dan pentadbiran di Tanah Melayu, Sabah, dan Sarawak. Mereka bukan sahaja menguasai politik dan pentadbiran di negara ini, malah secara besar-besaran mempergiatkan penguasaan ke atas ekonomi terutama sekali menerusi kegiatan perlombongan bijih timah, perladangan getah, dan perdagangan antarabangsa. Pihak Inggeris bertanggungjawab juga membawa masuk imigran Cina dan India ke negara ini secara besar-besaran. Penjajah Inggeris sebenarnya telah berjaya memasukkan doktrin ekonomi yang liberal bagi menjaga kepentingan mereka sendiri dan usaha untuk memajukan penduduk bumiputera hanya menjadi perkara kedua dan sama sekali tidak penting. Akibatnya masyarakat bumiputera terus ketinggalan dalam setiap aspek kemajuan.

Proses pendudukan Inggeris telah berlaku juga di negeri-negeri Borneo (Brunei, Sabah, dan Sarawak) sebelum pertengahan abad ke-19. Dalam tahun 1840, seorang pengembara Inggeris, James Brooke telah melawat Kuching dan sebahagian daripada daerah di Brunei. Brooke telah campur tangan dalam satu pemberontakan atau peperangan terhadap Pemangku Sultan Brunei. Sebagai balasan atas pertolongannya menamatkan pemberontakan tersebut, pada tahun 1841 ia telah dilantik oleh Sultan Brunei menjadi Rajah (Raja) di Sarawak yang pada masa itu menjadi jajahan takluk Brunei. Selepas itu Brooke meluaskan sempadan Sarawak dengan mengalahkan pembesar-pembesar tempatan yang menentanginya. Pemerintahan keluarga Brooke di Sarawak telah ditamatkan dalam tahun 1946 apabila kerajaan Inggeris mengambil alih pemerintahan dan Sarawak dijadikan sebagai sebuah tanah jajahan British. Sabah dikuasai sepenuhnya oleh Syarikat Borneo Utara yang ditubuhkan oleh orang Inggeris dalam tahun 1882 dan Syarikat ini telah mendapat pengiktirafan kerajaan Inggeris. Syarikat Borneo Utara telah memerintah wilayah-wilayah di Borneo Utara di antara tahun 1881 hingga 1946 apabila kawasan tersebut diambil alih oleh kerajaan Inggeris sebaik sahaja tamat Perang Dunia Kedua.

GERAKAN-GERAKAN ANTIBRITISH DAN SEMANGAT KEBANGSAAN

Tindak-tanduk penjajah Inggeris di negeri-negeri Melayu, Sabah, dan Sarawak telah menimbulkan rasa tidak puas hati dan tentangan hebat daripada penduduk bumiputera tempatan. Hal ini dapat dibuktikan dengan jelas menerusi gerakan-gerakan antiBritish yang berlaku di Nanning (1831-1832), Perak (1875), Negeri Sembilan (1875), Pahang (1891-1895), Kelantan (1915), Terengganu (1922-1928), Sabah (1894-1904), dan Sarawak (1854-1861). Semua gerakan anti-British ini berpunca daripada perasaan tidak puas hati dan

kemarahan pemimpin dan masyarakat tempatan terhadap dasar dan tindak-tanduk Inggeris yang bertujuan menguasai dan memperluaskan kuasa politik, pentadbiran, dan ekonomi di negeri-negeri berkenaan dan sekaligus mengancam kedudukan serta kuasa raja dan pembesar-pembesar tempatan.

Kesedaran dan semangat kebangsaan yang lebih bersemarak mulai awal abad ke-20 bukan sahaja berpunca daripada rasa tidak puas hati terhadap segala dasar dan tindakan penjajah Inggeris, tetapi mendapat juga sumber inspirasi dan dorongan daripada gerakan-gerakan menentang penjajahan yang begitu kuat yang sedang berlaku di negara-negara luar seperti Perang Rusia-Jepun, kemunculan Gerakan Turki Muda, Gerakan Pemulih Islam di Mesir, dan gerakan kebangsaan di Indonesia. Akibatnya, muncul beberapa golongan pejuang kebangsaan yang menentang penjajahan Inggeris seperti golongan Pemulih Islam yang menggelarkan diri mereka sebagai Kaum Muda, golongan radikal di bawah Kesatuan Melayu Muda, dan golongan nasionalis sederhana yang bergiat di bawah persatuan-persatuan Melayu. Perjuangan Kaum Muda lebih menekankan hal-hal agama Islam, kemajuan pelajaran, ekonomi, dan menuntut hak-hak politik orang-orang Melayu. Sebaliknya, golongan radikal lebih bersikap antiInggeris dan menginginkan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu bersama dengan Indonesia di bawah gagasan Indonesia Raya. Golongan nasionalis sederhana pula berhasrat membaiki taraf ekonomi dan sosial orang-orang Melayu menerusi kerjasama dengan pemerintah Inggeris.

PERANG DUNIA KEDUA DAN PENDUDUKAN JEPUN

Perjuangan nasionalis di negara kita telah bertukar corak akibat daripada berlaku Perang Dunia Kedua dan pendudukan Jepun selama tiga setengah tahun mulai daripada Februari 1942 hingga Ogos 1945. Jepun dengan slogan '*Asia untuk orang-orang Asia*' berhasrat membentuk apa yang

dinamakan sebagai Lingkungan Persekemakmuran Besar Asia Timur yang mengandungi Manchuria hingga ke Australia dan menganjur dari Lautan Pasifik hingga ke Teluk Benggala. Pendudukan Jepun telah meninggalkan berbagai-bagai kesan terhadap negara ini dan rakyat seluruhnya.

Orang-orang Cina telah diberi layanan buruk dan mereka menjadi mangsa kekejaman Kempeitai Jepun. Keadaan ini menyebabkan ramai orang Cina menjadi anggota Tentera Rakyat Malaya Antijepun (MPAJA) yang dipimpin oleh parti Komunis Malaya (PKM). Kumpulan antijepun wujud juga di Sabah dan Sarawak. Sementara itu, orang-orang India juga bersikap antijepun kerana mereka telah dipaksa membina Landasan Keretapi Maut dan ramai antara mereka telah kehilangan pekerjaan kerana ladang-ladang getah ditutup dan dimusnahkan. Orang-orang Melayu dikatakan mempunyai hubungan yang lebih baik dengan orang-orang Jepun dan diberi layanan yang agak baik. Tetapi kebanyakan orang Melayu juga bersikap antijepun. Pejuang-pejuang nasionalis Melayu di bawah Kesatuan Melayu Muda (dahulunya anti-British) pada zahirnya bekerjasama dengan orang-orang Jepun. Tetapi golongan ini sebenarnya adalah antijepun dan membuat hubungan sulit dengan MPAJA bagi menentang Jepun. Dengan ini pihak Jepun telah mengharamkan KMM dan menggantikan KMM dengan sebuah pertubuhan baru yang bernama *Giu Giu* atau Pembela Tanah Air (PETA).

Pemerintahan Jepun di negara ini dan kawasan-kawasan Asia Pasifik tidak dapat bertahan lama. Mereka telah menyerah kalah kepada Pihak Berikat pada 15 Ogos 1945 setelah bandar Hiroshima dan Nagasaki dibom oleh Amerika Syarikat. Dalam tempoh tiga minggu selepas itu Inggeris kembali semula ke Tanah Melayu dan menubuhkan kerajaan sementara yang dikenali sebagai Pentadbiran Tentera British. Tujuan penubuhan kerajaan tentera ialah untuk memulihkan semula keamanan di negara ini sehingga kerajaan tersebut dibubarkan pada bulan Mac 1946 dan digantikan dengan sebuah kerajaan awam yang baru.

MALAYAN UNION DAN TENTANGAN ORANG MELAYU

Pentadbiran baru Inggeris selepas Perang Dunia Kedua berhasrat untuk menyatukan semua negeri di Tanah Melayu di bawah satu kerajaan pusat yang dikenali sebagai Malayan Union. Inggeris berpendapat, rancangan Malayan Union ini dapat melindungi kepentingan dan kedudukan mereka serta dapat diterima oleh semua pihak dan memuaskan hati penduduk-penduduk berbilang kaum di negara ini. Mengikut Gagasan Malayan Union, semua negeri di Tanah Melayu (kecuali Singapura) akan menjadi sebuah Tanah Jajahan British, pentadbiran Malayan Union diketuai oleh seorang Gabenor Inggeris dan raja-raja Melayu tidak mempunyai sebarang kuasa kecuali dalam hal-ehwal agama Islam dan adat resam orang-orang Melayu. Gagasan Malayan Union memberi taraf kerakyatan kepada semua orang yang dilahirkan di negara ini dan orang-orang yang telah bermastautin selama lebih daripada 10 tahun adalah layak memohon menjadi warganegara. Malayan Union bertujuan memberikan juga hak-hak yang sama kepada semua warganegara.

Cadangan Malayan Union telah menerima tentangan hebat daripada orang-orang Melayu kerana tidak berpuas hati mengenai beberapa perkara dasar yang dirasakan sangat penting. Pemberian taraf kewarganegaraan dengan hak yang sama tidak dapat diterima oleh orang-orang Melayu kerana perkara ini akan menamatkan hak dan kedudukan istimewa mereka. Cadangan ini ditolak juga kerana menghilangkan taraf dan martabat raja-raja Melayu dan sebaliknya segala kuasa pemerintahan akan dipegang oleh Gabenor Inggeris yang mengetuai Malayan Union. Cara pihak Inggeris mendapatkan persetujuan raja-raja bagi perjanjian Malayan Union juga dipertikaikan sebagai tidak sah kerana dibuat secara paksa dan tipu muslihat. Malahan Rancangan Malayan Union itu sendiri ditentang keras oleh bekas pegawai-pegawai tinggi Inggeris yang pernah berkhidmat di Tanah Melayu. Namun

begitu, kerajaan Inggeris tetap berdegil dan akhirnya pada 1 April 1946, Malayan Union dikuatkuasakan dalam keadaan tidak puas hati dan tentangan daripada raja-raja dan orang-orang Melayu.

Keperluan untuk menyatupadukan seluruh masyarakat Melayu di negara ini menjadi kenyataan apabila Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) di bawah pimpinan Dato' Onn bin Jaafar telah ditubuhkan pada 11 Mei 1946. Pemimpin UMNO telah mengadakan perjumpaan, kempen, dan tunjuk perasaan secara besar-besaran di seluruh pelosok tanahair bagi menentang Malayan Union yang telah dilaksanakan oleh kerajaan Inggeris, Kerajaan Inggeris sendiri telah dikecam hebat dalam Parlimennya berikutan dengan penguatkuasaan Malayan Union. Rasa tidak puas hati dan tentangan hebat orang-orang Melayu menyebabkan Inggeris terpaksa beralah dan membatalkan Malayan Union.

PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948

Berikutan dengan penarikan balik Malayan Union itu, sebuah jawatankuasa kerja telah ditubuhkan untuk membuat cadangan-cadangan bagi pembentukan satu perlembagaan baru. Jawatankuasa ini mengandungi wakil-wakil raja Melayu, UMNO, dan pihak Inggeris. Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang baru ini memberi keutamaan kepada dua perkara iaitu: (a) memberikan semua hak orang-orang Melayu dan (b) mengenakan peraturan yang lebih ketat terhadap pemberian taraf kerakyatan.

Di sebalik usaha-usaha membentuk sebuah Persekutuan Tanah Melayu yang baru ini, orang-orang bukan Melayu pula tidak bersetuju dan menentang rancangan tersebut. Sebuah pakatan antara Majlis SeMalaya Untuk Tindakan Bersama (AMCJA) dan Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA) telah dibentuk di bawah pimpinan Tan Cheng Lock untuk menentang rancangan Persekutuan Tanah Melayu. Tetapi Perlembaga-

an Persekutuan Tanah Melayu tetap diisytiharkan pada 1 Februari 1948.

GERAKAN KOMUNIS DAN DARURAT

Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu yang baru menggabungkan semua negeri di Tanah Melayu, kecuali Singapura. Kerajaan Persekutuan yang baru terpaksa mengisytiharkan keadaan darurat pada bulan Jun 1948 akibat daripada pemberontakan komunis yang dilakukan oleh PKM yang telah ditubuhkan di Singapura semenjak tahun 1930. Kedudukan PKM bertambah kuat sejak ditubuhkan kerana parti itu telah menubuhkan unit-unit gerila MPAJA bagi menentang Jepun dalam tahun 1942 hingga 1945 dan mereka tidak meletakkan senjata semasa pendudukan semula Inggeris dalam tahun 1946. PKM menggunakan isu-isu yang berkaitan dengan Malayan Union dan Persekutuan Tanah Melayu 1948 untuk mendapatkan sokongan orang-orang bukan Melayu, terutama sekali orang-orang Cina. Matlamat perjuangan PKM ialah menggulingkan kerajaan Inggeris dan membentuk sebuah Republik Komunis di Tanah Melayu.

Bagi mencapai matlamat-matlamatnya, perjuangan PKM melibatkan penggunaan beberapa taktik seperti melumpuhkan sistem ekonomi negara dengan cara melakukan serangan-serangan hendap terhadap lombong-lombong bijih timah, ladang-ladang getah, dan pasukan-pasukan keselamatan serta keganasan terhadap orang-orang awam dengan harapan mereka akan menyokong PKM. Ancaman komunis terhadap keselamatan, keamanan negara, dan masyarakat menyebabkan kerajaan mengisytiharkan darurat dan mengambil tindakan-tindakan yang lebih tegas bagi menghancurkan kegiatan serta keganasan PKM. Langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan termasuk menguatkan angkatan tentera dan polis, pendaftaran kebangsaan bagi mengenalpasti golongan-golongan tertentu dalam negara, menge-

nakan langkah-langkah kawalan yang lebih ketat ke atas pergerakan penduduk, bekalan dan simpanan bahan makanan, menempatkan semula penduduk setinggalan Cina di kampung-kampung baru, perang saraf atau perang psikologi bagi menambahkan sokongan dan kerjasama orang ramai terhadap kerajaan sebagaimana yang dilakukan di bawah Rancangan Briggs.

GERAKAN NASIONALISME DALAM TAHUN 1950-AN

Dalam tahun 1950-an gerakan-gerakan nasionalisme yang bertujuan mendapatkan kemerdekaan bertambah kuat. Pengerusi UMNO ketika itu, Dato' Onn mencadangkan supaya UMNO menjadi sebuah parti berbilang kaum agar usaha mendapatkan kemerdekaan lebih cepat dan bertambah kuat. Cadangan ini tidak dipersetujui oleh kebanyakan ahli UMNO kerana tujuan utama penubuhan UMNO ialah menjaga kepentingan orang-orang Melayu. Dengan ini, dalam bulan Ogos 1952, Dato' Onn telah meletakkan jawatannya sebagai Pengerusi UMNO dan kekosongan tersebut digantikan oleh Tunku Abdul Rahman. Dato' Onn telah menubuhkan sebuah parti politik baru iaitu Parti Kemerdekaan Malaya (IMP) dalam bulan September 1952 dan telah mendapat sokongan daripada pemimpin-pemimpin kaum Cina dan India. Hasrat IMP untuk menyatukan kaum-kaum Melayu, Cina, dan India supaya sama-sama memperjuangkan kemerdekaan tanahair tidak berjaya kerana kebanyakan rakyat berbilang kaum di negara ini lebih suka berjuang untuk mendapatkan kemerdekaan secara berasingan menerusi perwakilan kaum mereka masing-masing.

Sementara itu, dalam bulan Februari tahun 1949 Persekutuan Cina Malaya (MCA) telah ditubuhkan bagi menjaga dan memelihara kepentingan orang-orang Cina sepertimana UMNO memperjuangkan kepentingan orang-orang Melayu. Pihak Inggeris bersetuju dengan pembentukan MCA kerana

langkah tersebut akan memudahkan kerajaan menyelesaikan masalah-masalah kaum Cina. Pada peringkat awalnya, MCA lebih banyak menumpukan perhatian kepada kegiatan-kegiatan kebajikan di kalangan masyarakat Cina dan membantu kerajaan dalam mengatasi masalah setinggian Cina. Pada bulan Ogos 1946 telah ditubuhkan pula Kongres India SeMalaya (MIC) bagi memperjuangkan kepentingan kaum India di negara ini.

KERJASAMA POLITIK BERBILANG KAUM

Perikatan UMNO-MCA dibentuk bagi menghadapi Pilihanraya Perbandaran Kuala Lumpur dalam tahun 1953. Perikatan UMNO-MCA telah memenangi sembilan daripada jumlah dua belas kerusi yang dipertandingkan dan telah mengalahkan Parti Kemerdekaan Malaya (IMP) yang memenangi dua kerusi dan calon bebas memenangi satu kerusi. Kemenangan Perikatan UMNO-MCA telah menambahkan keyakinan pihak Inggeris dan mencerahkan jalan ke arah kerjasama dan persefahaman yang lebih besar bagi menghadapi pilihanraya umum yang bakal diadakan. Kongres India Tanah Melayu (MIC) pula berminat untuk menyertai sama Perikatan UMNO-MCA bagi menghadapi pilihanraya umum pertama dan pada 5 Januari 1955, MIC telah diterima menjadi ahli Perikatan tersebut. Pilihanraya pada tahun 1955 mempertandingkan 52 kerusi. Parti Perikatan telah memenangi 51 kerusi yang dipertandingkan dan satu kerusi lagi dimenangi oleh Parti Islam SeTanah Melayu (PAS). Dalam pilihanraya ini, UMNO telah bersetuju untuk memberikan peruntukan kerusi yang lebih kepada MCA iaitu sebanyak 15 kerusi yang dipertandingkan, walaupun kadar kaum Cina yang layak mengundi hanyalah 11 peratus (6 kerusi sahaja daripada 52 kerusi yang dipertandingkan).

Kemenangan besar Parti Perikatan dalam pilihanraya tersebut telah membuktikan sokongan rakyat berbilang kaum

terhadap parti-parti yang bergabung dan menunjukkan bahawa rakyat di negara ini telah cukup bersedia untuk mengambil alih pemerintahan dan mencapai kemerdekaan. Selepas pilihanraya itu, telah dibentuk Jemaah Menteri atau Kabinet yang diketuai oleh Tunku Abdul Rahman sebagai Ketua Menteri Tanah Melayu dengan sembilan orang menteri dan dua orang penolong menteri.

PERSEDIAAN KE ARAH KEMERDEKAAN 1957

Kerajaan yang dibentuk di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman telah membuat berbagai-bagai persediaan bagi mencapai kemerdekaan. Dalam bulan Januari 1956, Utusan Kemerdekaan yang diketuai oleh Tunku telah berlepas ke London untuk mengadakan rundingan dengan pihak Inggeris. Perjanjian London yang diadakan dalam bulan Februari tahun yang sama telah bersetuju untuk memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu dalam tahun 1957. Berikutan dengan perjanjian itu, sebuah suruhanjaya yang diketuai oleh Lord Reid telah ditubuhkan bagi merangka perlembagaan baru bagi Persekutuan Tanah Melayu. Suruhanjaya ini telah menerima 131 buah memorandum bertulis daripada pelbagai pihak dan dua memorandum yang dianggap penting daripada pihak Raja-raja Melayu dan Parti Perikatan.

Suruhanjaya ini telah menyiapkan laporannya menjelang bulan Februari 1957. Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang baru telah memberi perhatian kepada beberapa aspek yang dianggap sangat penting iaitu pembentukan sebuah kerajaan pusat yang kuat, pemakaian prinsip-prinsip demokrasi, perlindungan terhadap kedudukan raja-raja Melayu, kedudukan istimewa orang-orang Melayu, dan perlindungan kepentingan kaum-kaum lain. Akhirnya, tepat pada jam dua belas tengah malam 31 Ogos 1957, kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu diisytiharkan dan negara ini menjadi sebuah negara yang merdeka dan berdaulat.

TOLAK ANSUR ANTARA KAUM DAN PERPADUAN

Suatu hal yang sangat penting tentang Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 ialah hakikat tolak ansur dan persefahaman antara kaum yang menjadi landasan kepada pembentukan sebuah negara yang bersatu padu. Syarat-syarat yang longgar mengenai kerakyatan telah diberi kepada orang-orang bukan Melayu dan orang-orang Melayu pula telah mendapat kedudukan istimewa mengikut Perlembagaan. Dengan ini wujud apa yang dikatakan 'Perjanjian Murni' antara UMNO yang mewakili orang-orang Melayu di satu pihak dengan MCA dan MIC yang mewakili orang-orang bukan Melayu di satu pihak yang lain. Kelonggaran dalam soal kerakyatan merupakan keuntungan semerta yang besar kepada orang-orang bukan Melayu kerana dalam tempoh setahun selepas 31 Ogos, seramai kira-kira 800,000 orang bukan Melayu telah diterima menjadi warganegara. Sebaliknya kedudukan istimewa orang-orang Melayu dan bahasa Melayu pada hakikatnya bukanlah suatu keistimewaan kerana perkara tersebut telah lama wujud dan sememangnya menjadi hak orang-orang Melayu sejak sebelum penjajahan lagi.

CABARAN DAN PERJUANGAN MENGISI KEMERDEKAAN

Perjuangan berikutnya setelah mencapai kemerdekaan ialah mengisi kemerdekaan dalam ertikata yang sebenarnya dan menghadapi pelbagai masalah di dalam negeri seperti ancaman pemberontakan komunis yang berterusan, keperluan membangunkan taraf ekonomi dan sosial dengan kemampuan yang terhad, masalah perpaduan antara kaum, dan pembentukan jentera pentadbiran yang kuat termasuk soal-soal hubungan antarabangsa, dasar luar serta politik serantau.

TAMATNYA ZAMAN DARURAT

Ancaman pemberontakan komunis terus berlaku kerana Rundingan Baling yang diadakan pada 28 dan 29 Disember 1955 antara pihak kerajaan yang diketuai oleh Tunku Abdul Rahman dengan pihak PKM yang diketuai oleh Chin Peng telah menemui kegagalan. Chin Peng meminta pihak kerajaan mengakui PKM sebagai sebuah parti politik yang sah dengan mempunyai kebebasan penuh, tetapi permintaan tersebut telah ditolak oleh Tunku Abdul Rahman. Dengan ini PKM tetap meneruskan perjuangan, tetapi tidak mendapat sokongan daripada kebanyakan penduduk Tanah Melayu. Sebaliknya rakyat menyokong pihak kerajaan kerana kejayaan mempertahankan kemerdekaan tanahair. Rancangan Briggs yang telah dilancarkan mulai tahun 1950 mencapai kejayaan kerana pembentukan kampung-kampung baru yang dikawal ketat telah melumpuhkan bekalan makanan dan bantuan lain kepada PKM. Akhirnya pada tahun 1960 keadaan darurat diisytiharkan tamat dengan rasmi, walaupun gerakan-gerakan pengganas komunis masih berterusan, terutama sekali di sempadan Tanah Melayu-Thai.

CADANGAN PEMBENTUKAN MALAYSIA

Perkembangan politik yang berlaku sebelum dan selepas merdeka, kedudukan dan kepentingan pihak Inggeris, perubahan-perubahan di Sabah dan Sarawak serta kegiatan-kegiatan komunis di rantau Asia Tenggara mempunyai pengaruh ke atas masa hadapan negara. Pada 27 Mei 1961, Perdana Menteri Persekutuan, Tunku Abdul Rahman telah membuat ucapan kepada Persatuan Wartawan-wartawan Luar Negara di Asia Tenggara, di Singapura. Dalam ucapan itu Tunku menyatakan bahawa Persekutuan Tanah Melayu tidak dapat hidup bersendirian dan berasingan. Tunku telah membayangkan juga betapa mustahaknya bagi Persekutuan Tanah Melayu mendapat kerjasama bukan sahaja daripada kerajaan British tetapi daripada semua penduduk Singapura,

Borneo Utara, Brunei, dan Sarawak. Ucapan penting ini dianggap oleh banyak pihak di dalam dan luar negara sebagai gagasan pembentukan sebuah gabungan persekutuan yang baru serta telah menimbulkan berbagai-bagai pandangan dan reaksi antarabangsa.

SEBAB-SEBAB PEMBENTUKAN MALAYSIA

Perkembangan politik yang berlaku di Singapura telah mendapat perhatian juga daripada kerajaan Persekutuan Tanah Melayu yang begitu khuatir dengan golongan kiri di Singapura yang bertambah kuat. Parti Tindakan Rakyat (PAP) yang dipimpin oleh Lee Kuan Yew menghadapi tentangan hebat daripada Parti Buruh yang dipimpin oleh David Marshall yang telah pun memenangi pilihanraya kecil dalam tahun 1961. Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu tidak mahu golongan kiri memimpin Singapura kerana keadaan ini akan membolehkan golongan berfahaman komunis bertapak kuat dan sudah tentu mengancam keselamatan Tanah Melayu. Selain itu, pihak Inggeris mempunyai banyak kepentingan juga di Tanah Melayu serta Singapura dan mereka tidak mahu komunis menguasai pulau tersebut.

Sebaliknya kemasukan Singapura ke dalam Malaysia akan menyelamatkan Singapura daripada jatuh ke tangan golongan kiri dan soal keselamatan dalam negeri dapat dikawal oleh kerajaan Persekutuan Kuala Lumpur. Lee Kuan Yew telah memberi sepenuh sokongan tentang kemasukan Singapura ke dalam Persekutuan Malaysia kerana cara ini merupakan jalan mudah bagi Singapura untuk mendapat kemerdekaannya dan memperolehi faedah ekonomi yang lebih besar. Namun begitu, terdapat tentangan terhadap pencantuman ini daripada golongan-golongan berhaluan kiri dan radikal seperti Barisan Sosialis dan Parti Buruh. Pungutan suara yang diadakan pada 1 September 1962 telah menunjukkan 70 peratus pengundi menyokong penyertaan Singapura ke dalam Malaysia.

Percantuman Tanah Melayu dengan Singapura sahaja difikirkan kurang selamat kerana kedudukan orang-orang Melayu akan terancam dari segi bilangan penduduk. Percantuman sedemikian akan menjadikan penduduk bukan Melayu sebagai golongan majoriti dan orang-orang Melayu pula menjadi golongan kedua. Oleh itu, kemasukan negeri-negeri Borneo (Sabah dan Sarawak) tentu dapat mengatasi masalah komposisi penduduk ini. Pembentukan Malaysia dianggap juga sebagai satu cara yang praktikal bagi Singapura, Sabah, dan Sarawak memperolehi kemerdekaan segera daripada pemerintah Inggeris.

USAHA-USAHA KE ARAH PEMBENTUKAN MALAYSIA

Perkembangan-perkembangan yang berlaku di Sabah dan Sarawak serta Brunei menunjukkan beberapa reaksi penting juga terhadap pembentukan Malaysia. Tunku Abdul Rahman telah membuat lawatan muhibah ke Borneo Utara dalam bulan Jun 1961 dan beliau mendapati banyak salah faham telah timbul mengenai gagasan pembentukan Malaysia. Oleh itu, pada bulan Julai 1961 telah ditubuhkan Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia. Jawatankuasa ini di wakili oleh kelima-lima buah negara iaitu Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sabah, Sarawak, dan Brunei. Penubuhan Jawatankuasa ini bertujuan untuk memberitahu orang ramai mengenai pembentukan Malaysia, mengumpulkan malumat-maklumat mengenai pendapat serta sambutan orang ramai terhadap pembentukan Malaysia, dan mengemukakan cadangan-cadangan mengenai cara-cara pembentukan Malaysia.

Jawatankuasa ini kemudian mengemukakan satu memorandum yang mengandungi perkara-perkara penting yang patut dijadikan asas kepada Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang sedang dirancangkan. Jawatankuasa ini pada dasarnya bersetuju dan berpuas hati dengan beberapa perkara utama dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu

1957 sebagai asas Perlembagaan Malaysia. Jawatankuasa ini bersetuju dengan pembentukan sebuah Kerajaan Persekutuan yang kuat, menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, memberi layanan yang sama kepada penduduk bumiputera di Sabah dan Sarawak sebagaimana yang diberikan kepada orang-orang Melayu di Tanah Melayu serta kelonggaran kepada Sabah dan Sarawak mengenai hal-hal kemasukan orang-orang luar.

Sementara itu dalam bulan Oktober 1961, Tunku Abdul Rahman Putra berlepas ke London bagi mendapatkan sokongan dan persetujuan kerajaan Inggeris. Kemudian Suruhanjaya Cobbold telah ditubuhkan untuk meninjau pendapat penduduk di Sabah dan Sarawak mengenai sokongan mereka tentang pembentukan Malaysia. Suruhanjaya ini melaporkan bahawa 80 peratus daripada penduduk bumiputera di Sabah dan Sarawak menyokong gagasan pembentukan Malaysia dan 20 peratus lagi menentang gagasan tersebut. Laporan Suruhanjaya ini telah dikemukakan kepada kerajaan Borneo dan Persekutuan Tanah Melayu dalam bulan Jun 1962. Kedua pihak sebulat suara menerima hampir semua cadangan yang dibuat oleh Suruhanjaya itu.

Jawatankuasa Antara Kerajaan yang dianggotai oleh Persekutuan Tanah Melayu, Britain, Sabah, dan Sarawak telah ditubuhkan bagi merangka perlembagaan, kewangan, undang-undang, perkhidmatan awam, dan perkara-perkara yang berkaitan dengan bentuk jabatan dalam Persekutuan Malaysia. Berbagai-bagai perkara dan isu telah dibahas dan dibincangkan sehingga terbentuk satu Perlembagaan Persekutuan Malaysia hasil tolak ansur dan persefahaman yang diterima oleh semua pihak yang berkepentingan.

DUGAAN DAN CABARAN TERHADAP PEMBENTUKAN MALAYSIA

Pelbagai dugaan dan cabaran dihadapi di saat-saat akhir proses pembentukan Persekutuan Malaysia. Brunei misalnya,

menolak gagasan Malaysia dalam bulan Julai 1963. Antara sebab utama penolakan tersebut ialah berkaitan sumbangan wang dari Brunei kepada Kerajaan Persekutuan dan mengenai perlantikan Yang di-Pertuan Agong Malaysia. Tinjauan-tinjauan yang dibuat oleh Kerajaan Brunei sebelum itu menunjukkan juga sebahagian besar daripada rakyatnya tidak bersetuju dengan penyertaan Brunei ke dalam Persekutuan Malaysia. Bangkangan paling lantang diterima daripada A.M. Azhari, Ketua Parti Rakyat Brunei yang berhaluan kiri dan sangat berpengaruh.

Indonesia juga menentang pembentukan Malaysia dan menganggapnya sebagai sebuah negara neokolonialisme. Tambahan pula, Presiden Sukarno sendiri mempunyai rancangan tersendiri mengenai masa depan rantau ini dan bercita-cita mewujudkan Indonesia Raya yang mengandungi seluruh rantau Kepulauan Melayu Nusantara. Dengan ini pada 20 Januari 1963, Menteri Luar Indonesia Dr. Subandrio telah mengumumkan Konfrantasi Indonesia terhadap Malaysia.

Tuntutan Filipina ke atas Sabah telah juga menimbulkan suasana kekeruhan politik serantau dalam proses pembentukan Malaysia. Dalam tahun 1962, Kerajaan Filipina di bawah pimpinan Presiden Macapagal telah membuat tuntutan ke atas Sabah. Filipina menggesa kerajaan Inggeris menyerahkan Sabah kepadanya dengan alasan bahawa Sabah adalah sebahagian daripada Republik Filipina kerana negeri itu pada masa dahulu terletak di bawah jajahan takluk Kesultanan Sulu. Dengan ini rundingan telah diadakan bagi mencari penyelesaian antara Indonesia dan Filipina di satu pihak dan Persekutuan Tanah Melayu bersama Singapura, Sabah, dan Sarawak di satu pihak yang lain. Persidangan Menteri Luar ketiga-tiga buah negara telah bersetuju membentuk sebuah gabungan serantau yang diberi nama MAPHILINDO.

Sidang kemuncak yang dihadiri oleh ketiga-tiga orang ketua kerajaan yang dikenali sebagai Persidangan Manila

dalam bulan Julai 1963 telah mengambil persetujuan meminta Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu meninjau kembali pandangan rakyat Sabah dan Sarawak tentang persetujuan menyertai Malaysia. Sementara itu, timbul pula salah faham mengenai cara-cara yang hendak digunakan bagi menjalankan tinjauan tersebut. Kerajaan Indonesia dan Filipina tidak mahu menerima pengumuman Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang menyatakan bahawa sebahagian besar daripada rakyat di Sabah dan Sarawak menyokong penyertaan dan pembentukan Malaysia. Namun begitu, dengan persetujuan Inggeris dan negeri-negeri gabungan, akhirnya pada 16 September 1963, terbentuk sebuah Persekutuan Malaysia yang merdeka dan berdaulat.

SOALAN-SOALAN SUBJEKTIF

1. 'Campur tangan British di negeri-negeri Melayu pada pertengahan kedua abad ke-19 disebabkan oleh faktor-faktor ekonomi dan politik'. Bincangkan kenyataan ini dengan merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai.
2. Mengapakah pihak Inggeris terpaksa menarik balik Rancangan Malayan Union dan menggantikannya dengan Persekutuan Tanah Melayu 1948?
3. Tuliskan rencana ringkas mengenai dua daripada berikut
 - (a) Parti Komunis Malaya
 - (b) Tentera Antijepun Rakyat Malaya (MPAJA)
 - (c) Kesatuan Melayu Muda
 - (d) Rancangan Briggs
4. Huraikan peristiwa-peristiwa penting selepas tahun 1948 yang membawa kepada Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957.
5. Bincangkan sebab-sebab yang membawa kepada pembentukan Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963.

SOALAN-SOALAN OBJEKTIF

1. Pihak Inggeris telah mengambil keputusan untuk campur tangan di negeri-negeri Melayu pada pertengahan abad ke-19 disebabkan oleh faktor-faktor berikut.

- I. Kegiatan kongsi gelap Cina.
 - II. Penguasaan perdagangan candu.
 - III. Keperluan bahan-bahan mentah.
 - IV. Persengketaan antara pembesar-pembesar Melayu.
 - A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. I, II, dan III
 - D. I, III, dan IV
 - E. II, III, dan IV
2. Apakah faktor yang paling mendesak pihak Inggeris untuk menubuhkan Negeri-negeri Melayu Bersekutu dalam tahun 1895?
- A. Untuk membina sistem pengangkutan ke negeri Pahang.
 - B. Untuk memajukan perkembangan ekonomi negeri-negeri Melayu.
 - C. Untuk memudahkan pentadbiran Inggeris di negeri-negeri Melayu.
 - D. Untuk menyelaras pungutan cukai di negeri-negeri Melayu.
 - E. Untuk mempengaruhi negeri-negeri Melayu menerima pentadbiran Inggeris.

Pemusatan kuasa oleh kerajaan pusat yang diketuai oleh Residen-Jeneral.

Raja-raja bersetuju memberi bantuan kepada negeri-negeri yang memerlukannya.

Keseragaman pentadbiran dan kemajuan antara negeri-negeri Melayu.

3. Pernyataan-pernyataan di atas adalah kesan yang diakibatkan oleh penubuhan

- A. Negeri-negeri Selat.
 - B. Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu.
 - C. Negeri-negeri Melayu Bersekutu.
 - D. Malayan Union.
 - E. Persekutuan Tanah Melayu.
4. Mengapakah Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu enggan menyertai pertubuhan Negeri-negeri Melayu Bersekutu?
- A. Negeri-negeri tersebut sudah mempunyai sistem pentadbiran yang baik.
 - B. Sultan-sultan bimbang akan kehilangan kuasa dan kebebasan mereka.
 - C. Rakyat negeri-negeri berkenaan menentang tindakan ini.
 - D. Negeri-negeri tersebut takut kepada ancaman dari Siam.
 - E. Negeri-negeri tersebut telah mempunyai penasihat-penasihat Inggeris.
5. Antara berikut, yang manakah telah membawa kepada kebangkitan semangat kebangsaan di Tanah Melayu?
- I. Perjuangan kemerdekaan di India.
 - II. Pengaruh gerakan Islam di Mesir.
 - III. Kejayaan Parti Komunis di China.
 - IV. Perjuangan kemerdekaan di Indonesia.
- A. I dan II
 - B. II dan IV
 - C. I, II, dan III
 - D. II dan III
 - E. I, II, dan IV
6. Apakah cara yang digunakan oleh pejuang-pejuang kebangsaan di Tanah Melayu untuk menentang penjajah-penjajah Inggeris sebelum Perang Dunia Kedua?

- A. Mengadakan pemogokan dan rusuhan antiInggeris.
 B. Memulaukan barang-barang yang diimport dari England.
 C. Mengadakan gerakan-gerakan bersenjata bawah tanah.
~~D.~~ Menyuarakan perasaan tidak puas hati melalui media penulisan.
 E. Menentang sebarang bentuk kerjasama dengan pihak Inggeris.
7. Tujuan utama Jepun menakluki Tanah Melayu dalam tahun 1942 ialah untuk
- A. menempatkan penduduknya di negara ini.
~~B.~~ mendapatkan bekalan bahan-bahan mentah tempatan.
 C. memperluaskan pasaran bagi barang-barang ke- luaran perkilangannya.
 D. memberikan kemerdekaan kepada negara ini.
 E. menyebabkan pengaruh kebudayaan Jepun di negara ini.
8. Apakah faktor yang menyebabkan orang-orang Melayu menentang hebat Rancangan Malayan Union?
- I. Menghapuskan kedaulatan Sultan dan Raja Melayu.
 II. Menghilangkan hak istimewa orang Melayu.
 III. Menghapuskan adat istiadat orang Melayu.
 IV. Mengancam agama Islam yang menjadi pegangan orang Melayu.
- ~~A.~~ I dan II
 B. I, II, dan III
 C. II, III, dan IV
 D. I dan III
 E. III dan IV

9. Pentadbir Inggeris terpaksa membatalkan Rancangan Malayan Union dan menggantikannya dengan Persekutuan Tanah Melayu 1948 kerana
- A. ketiadaan sokongan daripada penduduk keturunan Cina dan India.
 - B. tentangan hebat daripada orang-orang Melayu.
 - C. ancaman Parti Komunis Malaya yang bertambah kuat.
 - D. kecaman daripada ahli-ahli Parlimen British.
 - E. ingin memberi kemerdekaan yang cepat kepada negeri-negeri Tanah Melayu.
10. Mengapakah terdapat golongan bukan Melayu yang tidak berpuas hati dengan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu yang diisytiharkan pada 1 Februari 1948?
- A. Singapura diasingkan daripada Persekutuan Tanah Melayu.
 - B. Jawatankuasa kerja tidak mengandungi wakil-wakil bukan Melayu.
 - C. Orang-orang bukan Melayu hanya diminta memberikan pendapat sahaja.
 - D. Wakil-wakil bukan Melayu tidak dibawa berunding dalam menggubal Perlembagaan Persekutuan 1948.
 - E. Hak istimewa orang-orang Melayu tetap dikekalkan.
11. Tujuan utama Parti Komunis Malaya (PKM) melancarkan pemberontakan dalam tahun 1948 ialah untuk
- A. melumpuhkan kegiatan-kegiatan ekonomi pihak Inggeris.
 - B. mendapatkan sokongan dan bantuan daripada penduduk keturunan Cina.
 - C. menubuhkan sebuah republik komunis di negara ini.

- D. melemahkan perpaduan negara dan masyarakat berbilang kaum.
- E. memusnahkan kemudahan-kemudahan infrastruktur.

12. Apakah taktik dan strategi yang digunakan oleh Parti Komunis Malaya untuk mencapai matlamat-matlamat perjuangan mereka dalam zaman darurat?

- I. Melumpuhkan ekonomi.
 - II. Menakutkan rakyat supaya memberi sokongan kepada mereka.
 - III. Melancarkan perang gerila.
 - IV. Mendapatkan bantuan tentera daripada luar.
- A. I dan II
 - B. I, II, dan III
 - C. II, III, dan IV
 - D. I dan IV
 - E. I, II, III, dan IV

13. Dalam tahun 1955 Parti-parti UMNO, MCA, dan MIC telah digabungkan dalam sebuah parti yang dikenali sebagai Parti Perikatan. Apakah matlamat utama penubuhan Perikatan ini?

- A. Untuk menyatupadukan rakyat dengan tujuan mendapat kemerdekaan.
- B. Untuk menyatupadukan rakyat dengan tujuan mempertingkatkan pembangunan sosioekonomi.
- C. Untuk menyatupadukan rakyat dengan tujuan menghapuskan gerakan komunis.
- D. Untuk menyatupadukan rakyat dengan tujuan membentuk satu dasar pelajaran kebangsaan.
- E. Untuk menyatupadukan rakyat dengan tujuan mewujudkan satu kebudayaan kebangsaan.

14. Apakah tujuan utama Suruhanjaya Cobbold dihantar ke Sabah dan Sarawak?
- A. Untuk mengkaji tuntutan Filipina terhadap Sabah.
 - B. Untuk menilai ancaman komunis di negeri-negeri ini.
 - C. Untuk menentukan persetujuan rakyat menyertai Persekutuan Malaysia.
 - D. Untuk mengkaji cara-cara memajukan ekonomi negeri-negeri ini.
 - E. Untuk mencadangkan langkah-langkah menyatukan penduduk dan masyarakat di negeri-negeri ini.
15. Apakah faktor-faktor yang membawa kepada penubuhan Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963?
- I. Untuk menghadkan kegiatan komunis di Singapura
 - II. Untuk mempercepatkan kemerdekaan bagi Sabah dan Sarawak.
 - III. Untuk memajukan penduduk bumiputera di Sabah dan Sarawak.
 - IV. Untuk mengelakkan Sabah dan Sarawak jatuh ke tangan Indonesia.
- A. I dan II
 - B. I, II, dan III
 - C. I, III, dan IV
 - D. II, III, dan IV
 - E. I, II, III, dan IV

BAB 2

PERTUMBUHAN PENDUDUK DAN PEMBENTUKAN MASYARAKAT BERBILANG KAUM DI MALAYSIA

PERTUMBUHAN PENDUDUK DAN PENJAJAHAN INGGERIS

Hubungan politik dan ekonomi dengan dunia luar, proses penjajahan kuasa-kuasa Eropah, dan kemasukan orang-orang asing merupakan faktor utama yang bertanggungjawab mewujudkan masyarakat berbilang kaum di negara ini. Catatan-catatan sejarah menunjukkan telah berlaku hubungan awal dalam bidang-bidang ekonomi, politik, dan kebudayaan antara kerajaan-kerajaan Melayu dengan Cina dan India kerana kedudukannya yang berdekatan dengan kedua-dua tamadun tersebut. Hal ini disebabkan oleh kepentingan negeri-negeri Melayu sebagai pusat perdagangan kepada pelbagai bangsa dari Timur dan Barat seperti yang berlaku dalam zaman Kesultanan Melayu Melaka dan semasa penjajahan kuasa-kuasa Eropah. Perpindahan masuk beramai-ramai orang-orang luar terutama sekali Cina dan India pada penghujung abad ke-19 dan awal ke-20 nyata sekali telah mewujudkan masyarakat berbilang kaum dengan pelbagai bahasa, agama, adat resam, kesenian, dan cara hidup.

Pada pertengahan abad ke-19 selepas Inggeris menguasai Melaka, Pulau Pinang, dan Singapura telah berlaku secara beransur-ansur proses pertumbuhan penduduk dan pembentukan masyarakat berbilang kaum di negara ini. Dalam tahun 1826, Melaka dianggarkan mempunyai jumlah penduduk seramai 25,000 orang dan daripada jumlah tersebut kira-kira 16 peratus terdiri daripada penduduk keturunan

Cina dan sembilan peratus merupakan penduduk keturunan India. Manakala Pulau Pinang pula, termasuk Seberang Prai dianggarkan mempunyai penduduk berjumlah 30,000 orang dengan 46 peratus orang Melayu, 28 peratus orang Cina, dan 27 peratus orang India. Sehingga tahun 1836 jumlah penduduk di negeri-negeri Semenanjung Tanah Melayu dianggarkan berjumlah 350,680 orang.

Kekurangan data dan rekod rasmi menimbulkan kesulitan bagi mengetahui jumlah dan komposisi penduduk di Sabah dan Sarawak. Petempatan-petempatan awal dikatakan pernah wujud sebelum abad ke-11 dan kerajaan Melayu Brunei menguasai negeri-negeri tersebut sehingga abad ke-19 apabila Inggeris mula bertapak di sana. Kawasan utama petempatan-petempatan tradisional terdapat di sepanjang pantai dari Teluk Maruku di utara hingga ke Tanjung Datu di selatan. Dalam tahun 1841, penduduk Sarawak dianggarkan berjumlah 10,500 orang dan tiga puluh tahun kemudian jumlahnya meningkat lebih daripada 140,000 orang. Anggaran yang dibuat menunjukkan Sabah juga mempunyai penduduk berjumlah kurang daripada 65,000 orang pada pertengahan abad ke-19.

PERPINDAHAN MASUK ORANG-ORANG CINA

Jumlah dan komposisi penduduk di negeri-negeri Tanah Melayu mengalami perubahan pesat selepas pertengahan abad ke-19 berikutan dengan dasar campur tangan dan penaklukan Inggeris yang seterusnya menggalakkan perpindahan masuk beramai-ramai orang Cina dan India di samping kenaikan dalam kadar pertumbuhan semula jadi penduduk. Dalam zaman pemerintahan Inggeris, tumpuan diberi terhadap usaha-usaha mengeksploitasi sumber-sumber ekonomi yang melibatkan perlombongan bijih timah dan pembukaan ladang-ladang getah secara besar-besaran serentak dengan pembinaan jalan raya, jalan keretapi, pelabuhan-

pelabuhan, dan bandar-bandar baru yang bertujuan mengukuhkan penguasaan ekonomi dan politik di negeri-negeri Melayu. Oleh kerana orang-orang Melayu dianggap tidak begitu berminat untuk menjadi buruh di lombong-lombong dan ladang-ladang, maka pihak Inggeris telah menggalakkan memasukkan orang-orang Cina dan India secara besar-besaran. Dengan bantuan broker-broker Cina di Negeri-negeri Selat lebih ramai orang-orang Cina dibawa masuk ke Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Dua kawasan utama yang menjadi tumpuan ialah Lembah Kinta dan Lembah Kelang.

Perpindahan masuk orang-orang Cina bukan sahaja disebabkan oleh faktor-faktor penarik seperti peluang-peluang ekonomi yang lebih baik yang terdapat di negeri-negeri Melayu dan galakan-galakan oleh pihak Inggeris, tetapi disebabkan juga oleh faktor-faktor penolak seperti masalah-masalah lebihan penduduk, kebuluran, kemiskinan, dan pengangguran yang dialami di wilayah-wilayah Hokkien dan Kwangtung di Selatan China. Perpindahan pesat terus berlaku sehingga tahun 1930-an setelah Akta Kawalan Kemasukan Penduduk dikuatkuasakan oleh kerajaan Inggeris. Selain penglibatan dalam perlombongan timah dan ladang-ladang getah, orang-orang Cina yang berpindah masuk bergiat juga dalam penanaman gambir serta lada hitam, perniagaan kecil, penangkapan ikan, dan lain-lain.

Antara tahun 1881 hingga 1900 lebih 1.6 juta orang Cina telah berpindah ke Selangor dan Perak. Pada tahun 1901 terdapat seramai 301,463 orang penduduk Cina di Negeri-negeri Melayu Bersekutu berbanding dengan jumlah penduduk Melayu seramai 313,205 orang.

Sarawak juga menjadi tumpuan perpindahan masuk orang-orang Cina melalui Sambas, Pontianak. Dalam tahun 1830-an terdapat lebih daripada 25,000 orang Cina di kawasan lombong emas di Bau, Bahagian Pertama. Orang-orang Cina berpindah masuk dan bertumpu juga di kawasan Kuching dan bergiat dalam bidang pertanian pasar. Sehingga

awal abad ke-20 terdapat seramai 45,000 orang Cina di Sarawak. Ketiadaan kegiatan perlombongan menyebabkan Sabah tidak mempunyai tarikan bagi perpindahan masuk orang-orang Cina. Keperluan terhadap buruh-buruh asing timbul apabila pemodal-pemodal Inggeris membuka ladang-ladang tembakau secara meluas. Pentadbir Inggeris telah mengendalikan urusan kemasukan orang-orang Cina ke Sabah menerusi broker-broker di Singapura. Tetapi jumlah orang Cina yang berpindah masuk ke Sabah adalah sedikit berbanding dengan kemasukan mereka yang lebih ramai ke negeri-negeri Semenanjung dan Sarawak.

PERPINDAHAN MASUK ORANG-ORANG INDIA

Burma dan Tanah Melayu merupakan dua buah negara di Asia Tenggara yang menjadi tumpuan perpindahan masuk orang-orang India kerana hendak mendapatkan pekerjaan dan terlepas daripada tekanan masalah-masalah kebuluran, kemiskinan, dan pengangguran di negara asal. Sehingga pertengahan abad ke-19 terdapat dua jenis buruh India yang berhijrah masuk ke negeri-negeri Semenanjung iaitu: (a) buruh-buruh ladang yang dibawa masuk sejak awal-awal lagi untuk mengerjakan ladang-ladang teh, kopi, getah, dan kelapa yang dimiliki oleh pemodal-pemodal Eropah. Kebanyakannya merupakan orang Tamil, (b) buruh-buruh India yang merupakan orang-orang tawanan yang dibawa masuk dari Bangkahulu selepas Perjanjian Inggeris-Belanda 1824. Pihak Inggeris mengambil golongan ini untuk melakukan kerja-kerja membina jalan raya, jambatan, jalan keretapi, dan bangunan-bangunan kerajaan. Pada tahun 1891 terdapat seramai 74,104 orang penduduk keturunan India di Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

Perpindahan masuk orang-orang India secara beramai-ramai hanya berlaku semasa industri penanaman getah berkembang dengan lebih pesat pada awal abad ke-20. Di antara

tahun 1911 hingga 1920, hampir sejuta orang India telah dibawa masuk ke negara ini dan lebih 50 peratus daripada jumlah tersebut telah kembali semula ke India. Urusan kemasukan dan kepulangan orang-orang India pada tahun 1930-an adalah agak teratur dan segala perbelanjaan ditanggung oleh pengusaha-pengusaha ladang. Penghijrahan masuk orang-orang India semakin berkurangan selepas tahun 1930-an apabila kerajaan Inggeris di India mula menyekat penghantaran buruh-buruh ke Tanah Melayu. Namun begitu, masih terdapat penghijrahan masuk secara sukarela kerana tertarik dengan peluang-peluang untuk meninggikan taraf hidup di negara ini. Jumlah orang India yang berpindah masuk ke negeri Sabah dan Sarawak tidak dapat dianggarkan kerana ketiadaan simpanan rekod dan catatan yang jelas mengenainya.

PERPINDAHAN MASUK BANGSA-BANGSA LAIN

Selain perpindahan masuk orang-orang Cina dan India, terdapat penduduk daripada keturunan bangsa lain juga yang memasuki negara ini, terutama sekali pada akhir abad ke-19. Pemerintah Inggeris membuat rancangan membawa masuk orang-orang dari Indonesia terutama sekali dari Pulau Jawa untuk bekerja di ladang-ladang kopi dan tebu di Selangor dan Perak, tetapi jumlah imigran yang terlibat dalam rancangan ini adalah sedikit. Orang-orang keturunan Melayu-Indonesia dari Pulau Jawa, Sumatera, Makasar, dan Borneo telah berpindah masuk ke negeri-negeri Selangor, Johor, Negeri Sembilan, dan Perak untuk mengusahakan tanah pertanian dan perniagaan secara kecil-kecilan dan ramai daripada mereka terus menetap di sini. Orang-orang Indonesia dan Brunei berpindah juga ke Sarawak dan Sabah. Selain itu terdapat sekumpulan kecil penduduk berbangsa Eropah, Arab, dan Eurasia yang berpindah masuk ke negara ini. Banci tahun 1947 menunjukkan terdapat seramai 110,000

orang keturunan Eropah, Eurasia, dan lain-lain bangsa yang bermastautin di negara ini.

PERTUMBUHAN SEMULA JADI PENDUDUK

Perlu ditegaskan bahawa selepas Perang Dunia Kedua, faktor utama yang bertanggungjawab terhadap pertumbuhan penduduk pelbagai kaum di Malaysia ialah kadar pertumbuhan semula jadi yang terus meningkat akibat kadar kelahiran yang terus meningkat pada paras yang tinggi dan kadar kematian yang semakin merosot. Fenomenon ini dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti amalan pemakanan yang lebih baik, taraf kesihatan yang semakin tinggi di kalangan penduduk, kejayaan mengawal wabak-wabak penyakit berbahaya, merosotnya kadar kematian bayi, umur hidup (jangkaan hayat) yang meningkat, perkahwinan dalam usia yang muda, dan kadar kesuburan yang tinggi di kalangan wanita. Dalam tahun 1950-an dan 1960-an kadar kelahiran di Semenanjung Malaysia berada pada paras yang tinggi di antara 4 hingga 4.5 peratus, sementara kadar kematian pula terus merosot daripada 1.5 peratus dalam tahun 1951 kepada 0.7 peratus dalam tahun 1967.

Kajian-kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa kadar kesuburan dan kelahiran di kalangan wanita Cina sejak tahun 1930 adalah lebih tinggi daripada wanita Melayu dan India. Keadaan yang sama berlaku juga di Sabah dan Sarawak. Di antara tahun 1939 hingga 1960 jumlah penduduk Cina di Sarawak telah bertambah dua kali ganda dengan kadar pertumbuhan 3.5 peratus setahun, mengatasi kaum-kaum lain.

PERTAMBAHAN SAIZ PENDUDUK

Pertumbuhan pesat penduduk yang berpunca daripada perpindahan masuk orang-orang luar dan pertumbuhan se-


mula jadi penduduk menyebabkan berlaku pertambahan besar dalam saiz atau jumlah penduduk negara dan pembentukan masyarakat berbilang kaum di negara ini. Pada keseluruhannya, negara ini mengalami pertumbuhan penduduk pada paras yang tinggi melebihi 2.0 peratus setahun di antara tahun 1911 hingga 1990, kecuali pada paras purata 1.6 peratus setahun di antara tahun 1931 hingga 1947 iaitu pada zaman-zaman kemelesetan ekonomi dunia dan Perang Dunia Kedua. Pada masa ini, kadar kelahiran merosot dan kadar kematian pula meningkat akibat kekurangan bekalan makanan, kadar kematian bayi pada paras yang tinggi, kekurangan bekalan ubat-ubat, kemudahan kesihatan yang terhad, serangan wabak penyakit, dan lain-lain.

Jumlah dan saiz penduduk negara telah meningkat secara berterusan daripada 2.86 juta orang kepada hampir 18 juta orang dalam tempoh di antara tahun 1911 hingga 1990. Sehingga awal tahun 1940-an, penghijrahan masuk orang-orang Cina dan India merupakan faktor utama yang telah mempengaruhi pertumbuhan penduduk di negara ini, di samping mengubah komposisi penduduk yang sedia ada dan membentuk masyarakat berbilang kaum. Selepas tamat Perang Dunia Kedua, undang-undang yang mengawal kedatangan orang-orang asing telah dikuatkuasa dan diperketatkan oleh kebanyakan negara di dunia. Dengan ini jumlah orang Cina, India, dan bangsa lain yang berpindah masuk ke negara ini adalah sangat sedikit. Dalam tahun-tahun 1950-an dan selepasnya, faktor pertumbuhan semula jadi memainkan peranan yang lebih besar dalam pertumbuhan penduduk di negara ini berbanding dengan jumlah penghijrahan masuk orang-orang luar yang sedikit. Jadual 1 menunjukkan pertumbuhan penduduk Malaysia yang berlaku di antara tahun 1911 hingga 1990.

Jadual 1
Penduduk Malaysia 1911 – 1990
(juta)

Tahun	Semenanjung Malaysia	Sabah	Sarawak	Jumlah Malaysia	Purata Pertumbuhan Tahunan (%)
1911	2.34	0.22	0.30+	2.86	2.1
1921	2.91	0.26	0.35+	3.52	2.4
1931	3.79	0.27	0.43+	4.49	1.6
1947	4.91	0.32+	0.55	5.78	2.5
1957	6.28	0.41+	0.85	7.54	2.5
1970	8.81	0.65	0.98	10.44	2.3
1980	11.14	1.00	1.29	13.14	2.6
1990	14.61	1.52	1.75	17.88	

+ Anggaran



Rajah 1
 Taburan penduduk Malaysia tahun 1980 mengikut kumpulan umur dan jantina. (ratus ribu)

Pertumbuhan penduduk yang pesat dalam beberapa dekad yang lalu menyebabkan negara ini mempunyai struktur umur dan jantina penduduk yang bersifat progresif (Rajah 1). Hal ini merupakan kesan langsung yang timbul daripada kadar kesuburan yang tinggi di kalangan wanita, kemerosotan dalam kadar kematian bayi, dan kadar kelahiran kasar yang berada pada paras yang tinggi berbanding dengan kadar kematian kasar yang terus merosot terutama sekali dalam dekad-dekad selepas Perang Dunia Kedua. Akibatnya penduduk kumpulan umur bawah 15 tahun telah mencapai angka 45 peratus pada tahun 1970. Tetapi jumlah ini telah menurun sedikit pada 40 peratus dalam tahun 1980. Struktur umur dan jantina penduduk yang bersifat progresif ini menyebabkan bilangan atau kepadatan isi rumah dan nisbah tanggungan adalah tinggi, timbul desakan yang kuat terhadap berbagai-bagai jenis kemudahan sosial seperti pelajaran dan kesihatan, peluang-peluang pekerjaan, dan lain-lain.

PERUBAHAN KOMPOSISI PENDUDUK

Negara mengalami perubahan besar dalam komposisi penduduk berikutan dengan perpindahan masuk orang-orang Cina dan India serta bangsa-bangsa lain terutama sekali pada awal abad ke-20. Jadual 2 menunjukkan pertumbuhan penduduk mengikut kaum di Semenanjung Malaysia di antara tahun 1901 hingga 1990. Perhatikan bahawa orang Melayu merupakan kaum utama dengan jumlah peratusan yang tinggi, 50 peratus atau lebih kecuali dalam tahun 1901 dan 1931. Manakala orang Cina pula merupakan kaum yang kedua dengan melebihi 30 peratus semenjak tahun 1931 dan peratusannya rendah sedikit dalam tahun 1911 dan 1921. Orang India pula merupakan kaum yang ketiga dan jumlahnya adalah disekitar 10 peratus atau lebih sedikit, kecuali dalam tahun 1901 hanya 9 peratus sahaja.

Jadual 2:
Pertumbuhan penduduk mengikut kaum di
Semenanjung Malaysia antara tahun 1901 – 1990

Tahun	Melayu		Cina		India		Jumlah
	(ribu)	%	(ribu)	%	(ribu)	%	
1901	528.2	43	583.4	48	115.5	9	1,277.2
1911	1,367.2	57	693.2	29	239.2	10	2,385.0
1921	1,568.5	54	855.8	29	439.1	15	2,907.0
1931	1,863.8	49	1,284.9	34	571.0	15	3,788.0
1947	2,427.8	50	1,884.6	38	535.1	11	4,908.0
1957	3,126.7	50	2,332.9	37	696.9	11	6,278.8
1970	4,671.9	53	3,131.3	35	936.3		8,809.5
1980	6,315.5	55	3,865.3	34	1,171.2	10	11,426.6
1990	6,324.4	55	3,894.3	34	1,178.9	10	11,397.6

Komposisi penduduk di Sabah dan Sarawak agak berbeza daripada yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Penduduk bumiputera di Sabah terdiri daripada berbagai-bagai suku kaum seperti Kadazan, Murut, Dusun, Melayu, Bajau, dan lain-lain. Peratus penduduk bumiputera di negeri itu telah berkurangan daripada hampir 85 peratus dalam tahun 1901 kepada lebih 67 peratus dalam tahun 1960 dengan kadar pertumbuhan yang lebih rendah berbanding dengan pertumbuhan penduduk kaum Cina. Peratus penduduk kaum Cina di negeri itu telah bertambah daripada 13.3 peratus dalam tahun 1901 kepada 23 peratus dalam tahun 1960. Purata pertumbuhan tahunannya juga adalah tinggi iaitu sentiasa melebihi 3.5 peratus, kecuali dalam tempoh 1921 hingga 1951, puratanya rendah sedikit iaitu antara 2.0 hingga 2.5 peratus setahun. Penduduk bangsa-bangsa lain pula bertambah daripada 2.0 peratus dalam tahun 1901 hingga

9.5 peratus dalam tahun 1960. Dalam tahun 1980 jumlah penduduk bumiputera di Sabah adalah hampir 84 peratus, kaum Cina 16.2 peratus dan bangsa-bangsa lain hampir satu peratus.

Penduduk bumiputera di Sarawak terdiri daripada dua suku kaum utama iaitu orang-orang Iban dan Melayu di samping Dayak Darat, Melanau serta lain-lain suku kaum bumiputera yang sedikit jumlahnya seperti Kenyah, Kayan, Kedayan, Murut, Kelabit, Bisaya, dan Punan. Dalam tahun 1939 jumlah penduduk bumiputera di Sarawak ialah sebanyak 73.7 peratus dan telah berkurang kepada 68 peratus dalam tahun 1960. Manakala, penduduk keturunan Cina telah bertambah daripada 25.2 peratus kepada hampir 31 peratus dalam tempoh yang sama. Jumlah penduduk bangsa lain adalah sangat sedikit iaitu kira-kira satu peratus sahaja. Dalam tempoh di antara tahun 1947 hingga 1960 kadar pertumbuhan tahunan penduduk Cina ialah setinggi 3.6 peratus berbanding dengan 2.0 peratus di kalangan penduduk bumiputera dan bangsa-bangsa lain sebanyak 2.6 peratus. Dalam tahun 1980 jumlah penduduk bumiputera di Sarawak ialah kira-kira 69 peratus, kaum Cina 29.5 peratus, dan bangsa-bangsa lain 1.2 peratus.

TABURAN PENDUDUK

Keadaan taburan penduduk antara negeri-negeri dan antara kawasan-kawasan bandar dan luar bandar adalah tidak seimbang. Semenjak awal abad ke-20 lagi konsentrasi penduduk di Semenanjung Malaysia adalah di negeri-negeri Pantai Barat. Dalam tahun 1911 negeri-negeri Perak, Selangor, dan Johor menampung 42 peratus daripada jumlah penduduk Semenanjung dan telah meningkat kepada 57 peratus dalam tahun 1970. Dalam tempoh di antara tahun 1911 hingga 1980 negara mengalami pertambahan penduduk hampir lima kali ganda. Pertambahan yang paling besar

adalah di negeri Johor iaitu sembilan kali ganda, Selangor hampir lapan kali ganda, dan Pahang hampir tujuh kali ganda. Negeri-negeri seperti Sabah, Sarawak, Kedah, Perlis, dan Negeri Sembilan mengalami pertambahan lebih empat kali ganda, manakala negeri-negeri lain seperti Pulau Pinang, Melaka, Perak, Kelantan, dan Terengganu mengalami pertambahan lebih daripada tiga kali ganda, tetapi tidak melebihi empat kali ganda. Jadual 3 menunjukkan pertambahan sebenar penduduk di negeri-negeri Malaysia di antara tahun 1911 hingga 1990.

Jadual 3
Taburan Penduduk Mengikut Negeri-negeri di
Semenanjung Malaysia, 1911 – 1990 (ribu)

Negeri	1911	1921	1931	1947	1957	1970	1980	1990
Pulau Pinang	270.5	292.5	340.3	446.3	572.1	776.1	954.6	1,133.0
Melaka	124.1	153.5	186.7	239.4	291.2	404.1	464.8	521.0
Perak	501.5	610.9	785.6	953.9	1,221.4	1,569.1	1,805.2	2,040.5
Selangor+	294.0	410.0	533.2	710.8	1,012.4	1,630.4	2,345.8	3,521.0
Negeri Sembilan	130.2	178.8	233.8	267.7	364.3	481.6	573.6	673.7
Pahang	118.7	146.1	180.1	250.2	312.9	504.9	798.8	1,244.0
Johor	180.4	282.2	505.3	738.3	927.6	1,277.2	1,638.2	2,063.2
Kedah	245.9	338.6	429.7	554.4	701.6	954.9	1,116.1	1,300.5
Kelantan	286.8	309.3	362.5	448.5	505.6	684.7	893.8	1,173.7
Terengganu	154.1	153.8	179.8	225.0	278.2	405.4	540.6	750.7
Perlis	32.7	40.1	49.3	70.5	90.9	121.1	148.3	138.6
Semenanjung								
Malaysia	2,339.1	2,906.7	3,787.8	4,908.1	6,278.8	8,809.5	1,426.6	14,605.2
Sabah++	220.0	260.0	270.0	320.0	410.0	650.0	1,000.0	1,517.4
Sarawak	300.0	350.0	430.0	550.0	850.0	980.0	1,290.0	1,754.6
Malaysia	2,859.1	3,516.7	4,487.8	5,778.1	7,538.8	10,439.5	13,716.6	17,877.2


+ Termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

++ Termasuk Wilayah Persekutuan Labuan.

Taburan penduduk negara menunjukkan keadaan yang tidak seimbang antara kawasan-kawasan bandar dan luar bandar. Dengan mengambil kira petempatan yang berpenduduk lebih 10,000 orang sebagai bandar, jumlah penduduk bandar di Semenanjung Malaysia dalam tahun 1957 ialah sebanyak 26.5 peratus dan jumlah ini telah meningkat kepada 28.7 peratus dalam tahun 1970 dan 37.2 peratus dalam tahun 1980.

Proses urbanisasi yang berlaku dengan pesat di kalangan penduduk dalam tempoh dua dekad kebelakangan ini, pada dasarnya berkait rapat dengan perpindahan besar-besaran penduduk luar bandar ke bandar-bandar besar dan bandar-bandar baru yang telah dan sedang dimajukan berikutan dengan rancangan-rancangan pembangunan sosioekonomi seperti pembangunan wilayah, pembukaan tanah, dan petempatan baru serta pembangunan estet-estet perindustrian. Perpindahan penduduk, terutama sekali golongan belia merupakan unsur utama yang terlibat dalam proses urbanisasi di negara ini dalam tempoh lebih dua dekad kebelakangan ini. Keadaan-keadaan sosioekonomi luar bandar seperti kemunduran sektor pertanian, kekurangan peluang-peluang pekerjaan, dan kemiskinan merupakan faktor-faktor penolak yang mendorong perpindahan tersebut. Di samping itu, perpindahan ke bandar-bandar disebabkan juga oleh faktor-faktor penarik seperti peluang-peluang ekonomi dan sosial yang lebih baik di bandar-bandar tersebut.

Perpindahan pesat penduduk dari kawasan-kawasan luar bandar menyebabkan bandar-bandar utama mengalami kadar pertumbuhan penduduk yang lebih pesat dan lebih tinggi daripada paras nasional. Di antara tahun 1970 hingga 1980, misalnya bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Kuala Terengganu, Petaling Jaya, Kota Bharu, Johor Bahru, dan Kuantan masing-masing menerima perpindahan masuk di antara 70,000 hingga 115,000 orang. Kawasan-kawasan utama yang menjadi tumpuan perpindahan penduduk ialah



Rajah 2
 Perpindahan antara negeri-negeri di Semenanjung
 Malaysia hingga 1980.

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang, dan Pahang (Rajah 2). Faktor-faktor utama yang bertindak sebagai penarik pada perpindahan masuk ke kawasan-kawasan ini ialah peluang-peluang sosioekonomi yang lebih baik berikutan dengan pertumbuhan pesat sektor-sektor perindustrian, perdagangan, perkhidmatan, pengangkutan, dan perhubungan. Manakala perpindahan masuk ke negeri Pahang disebabkan oleh tarikan peluang-peluang ekonomi yang lebih baik berikutan dengan rancangan-rancangan pembangunan wilayah, pembukaan tanah, dan petempatan baru serta industri perkilangan. Kadar urbanisasi di Sabah dan Sarawak adalah lebih rendah dan jumlah penduduk yang tinggal di bandar-bandar adalah kurang daripada 20 peratus.

Selain itu terdapat perbezaan juga dalam komposisi penduduk mengikut kaum antara kawasan-kawasan bandar dan luar bandar. Dalam tahun 1980 terdapat lebih daripada 7.1 juta orang penduduk yang tinggal di kawasan-kawasan luar bandar Semenanjung Malaysia dan daripada jumlah tersebut 66 peratus terdiri daripada orang-orang Melayu, 23.8 peratus orang Cina, dan 10.2 peratus orang India serta bangsa-bangsa lain. Manakala jumlah penduduk yang tinggal di kawasan-kawasan bandar adalah hampir 4.3 juta orang dan daripada jumlah tersebut 50.5 peratus terdiri daripada orang Cina, 37.4 peratus orang Melayu, dan 12.1 peratus orang India serta bangsa-bangsa lain.

KESAN DAN PENGARUH PENDUDUK

Pertumbuhan penduduk yang pesat, keadaan taburan penduduk yang tidak seimbang antara kawasan-kawasan bandar dan luar bandar serta antara negeri-negeri, komposisi penduduk mengikut kaum, ciri-ciri demografi yang dinamik, dan proses urbanisasi yang pesat semuanya mempunyai kepentingan, kesan, dan pengaruh yang besar terhadap pembentukan dasar-dasar dan rancangan-rancangan pembangunan

sosioekonomi, pembentukan sistem pelajaran dan kebudayaan kebangsaan, politik, dan perpaduan negara. Antara kesan-kesan tersebut ialah:

Pertama, wujud keadaan dan taraf pembangunan sosial dan ekonomi yang tidak seimbang antara penduduk berbilang kaum, antara sektor bandar dan luar bandar dan antara negeri-negeri di Malaysia. Keadaan yang tidak seimbang ini menyebabkan kerajaan perlu melaksanakan Dasar Ekonomi Baru dan dasar-dasar lain pembangunan negara yang bertujuan membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat sebagaimana yang akan dijelaskan lebih lanjut dalam Bab 10. Semua rancangan ini diharap dapat mengukuhkan perpaduan antara kaum serta mewujudkan masyarakat Malaysia yang adil dan progresif.

Kedua, kadar pertumbuhan penduduk yang pesat telah menimbulkan pelbagai masalah sosioekonomi yang memerlukan penyediaan lebih banyak peluang ekonomi, peningkatan produktiviti, penyediaan lebih banyak kemudahan-kemudahan pelajaran dan latihan, kesihatan, bekalan air, elektrik, perumahan, pengangkutan awam, dan lain-lain bagi mengatasi masalah-masalah kemiskinan, kadar pengangguran yang tinggi, kemunduran sektor desa, setinggan, buta huruf, kesesakan bandar, pencemaran alam, dan lain-lain. Dengan ini rancangan-rancangan pembangunan lima tahun negara telah memberi perhatian dan peruntukan yang besar bagi mengatasi masalah-masalah yang dinyatakan di atas.

Ketiga, pembentukan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum atau masyarakat majmuk menimbulkan keperluan dan cabaran yang sangat besar dalam usaha mewujudkan dan mengukuhkan perpaduan negara dan masyarakat. Semenjak mencapai kemerdekaan pelbagai usaha telah dilaksanakan ke arah mencapai cita-cita murni ini misalnya, menerusi Dasar Pelajaran Kebangsaan, Dasar Ekonomi Baru, Dasar Kebudayaan Kebangsaan, dan dasar-

dasar serta rancangan-rancangan lain kerajaan. Segala usaha ini sebenarnya telah membawa banyak kejayaan, tetapi masih ada golongan-golongan tertentu dalam masyarakat dan negara yang tidak mahu mengakuinya, mempertikai-kannya, dan menunjukkan sikap serta tingkahlaku yang bertentangan.

Keempat, ditinjau daripada pandangan yang positif pertumbuhan penduduk sebenarnya merupakan suatu sumber yang boleh membawa banyak keuntungan dalam jangka masa panjang seperti dari segi penawaran tenaga kerja yang ramai, potensi meluaskan pasaran dalam negeri, meningkatkan produktiviti menerusi pembaikan dalam kualiti-kualiti sumber manusia yang melibatkan perancangan gunatenaga, program latihan, pendidikan, dan lain-lain. Pertumbuhan penduduk akan membolehkan juga eksploitasi dan pengurusan sumber-sumber alam semula jadi dengan lebih produktif dan ekonomik di samping menguatkan pasukan-pasukan pertahanan dan keselamatan negara.

SOALAN-SOALAN SUBJEKTIF

1. Huraikan faktor-faktor yang telah menggalakkan perpindahan masuk beramai-ramai orang Cina dan India ke Semenanjung Malaysia pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20.
2. Apakah kesan-kesan utama yang diakibatkan oleh kedatangan orang-orang Cina dan India ke Semenanjung Malaysia sehingga Perang Dunia Kedua.
3. Jelaskan ciri-ciri utama masyarakat berbilang kaum di Malaysia.
4. Bincangkan masalah-masalah yang dihadapi dalam usaha mewujudkan dan memperkuatkan perpaduan di kalangan masyarakat berbilang kaum di Malaysia.
5. Huraikan langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan bagi memperkuatkan perpaduan di kalangan masyarakat berbilang kaum di Malaysia semenjak tahun 1957.

SOALAN-SOALAN OBJEKTIF

1. Semasa Inggeris memerintah Tanah Melayu, mereka membiarkan keadaan berpecah-belah terus berlaku dalam masyarakat. Antara berikut, pernyataan-pernyataan manakah yang membuktikan amalan di atas?

- I. Terdapat sistem pelajaran berbagai-bagai aliran.
 - II. Wujud kegiatan-kegiatan ekonomi mengikut kaum-kaum.
 - III. Penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi.
 - IV. Terdapat dasar imigresen yang ketat.
- A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. I, II, dan III
 - D. II, III, dan IV
 - E. I, II, III, dan IV
2. Apakah akibat yang timbul daripada amalan pentadbiran Inggeris yang sengaja membiarkan kaum-kaum utama di negara ini tinggal berasingan?
- A. Kesukaran mencapai perpaduan antara kaum.
 - B. Penentangan rakyat terhadap pentadbiran Inggeris.
 - C. Ekonomi negara tidak dapat berkembang dengan pesat.
 - D. Setiap kaum mengamalkan kebudayaan mereka sendiri.
 - E. Kemudahan dan bantuan kerajaan sukar untuk diagihkan kepada semua kaum.
3. Di bawah pentadbiran Inggeris, sekolah-sekolah Melayu, Cina dan Tamil wujud secara berasingan? Apakah kesan utama terhadap negara akibat daripada keadaan ini?
- A. Kos membina sekolah-sekolah adalah tinggi.
 - B. Kerajaan terpaksa membawa masuk guru-guru dari negara-negara luar.
 - C. Setiap kaum mendapat pelajaran dalam bahasa ibunda mereka sendiri.
 - D. Murid-murid tidak dapat disatukan menerusi suatu sistem pendidikan yang seragam.
 - E. Bahasa Inggeris telah digunakan sebagai bahasa rasmi.

4. Sistem Kontrak dan Sistem Kangany mempunyai kaitan dengan sistem pengambilan buruh untuk
- penanaman padi di Tanah Melayu.
 - penanaman lada hitam di Sarawak.
 - penanaman tembakau di Sabah.
 - pelombongan bijih timah di Tanah Melayu.
 - perusahaan getah di Tanah Melayu.
5. Mengapakah buruh dari India dibawa masuk secara beramai-ramai ke negara ini dalam kurun ke-19 hingga awal kurun ke-20?
- Untuk bekerja di ladang-ladang kopi.
 - Untuk bekerja di ladang-ladang getah.
 - Untuk membina jalan raya dan jalan keretapi.
 - Untuk bekerja di lombong-lombong bijih timah.
- I, II, dan III
 - I, II, dan IV
 - II, III, dan IV
 - I, III, dan IV
 - I, II, III, dan IV
6. Antara berikut, yang manakah kesan daripada perkembangan perusahaan perlombongan bijih timah di Tanah Melayu?
- Kemasukan beramai-ramai orang Cina ke negeri-negeri pantai Barat.
 - Perpindahan orang Melayu dari kawasan luar bandar ke bandar.
 - Campur tangan Inggeris dalam hal-ehwal Negeri-negeri Melayu.
 - Pembinaan jalan keretapi yang menghubungkan bandar-bandar pedalaman dengan pelabuhan.
- I dan II
 - II dan III
 - I, II, dan III

- D. I, III, dan IV
 E. I, II, III, dan IV
7. Apakah faktor utama yang menyebabkan perpindahan masuk orang-orang Cina secara besar-besaran ke Tanah Melayu semenjak akhir abad ke-19?
- A. Perkembangan perusahaan getah.
 - B. Perkembangan perlombongan timah.
 - C. Perkembangan sistem perhubungan.
 - D. Perkembangan pelabuhan Singapura.
 - E. Perkembangan bandar-bandar baru.
8. Perkembangan perusahaan getah di Tanah Melayu telah membawa kepada
- I. kemajuan dalam bidang ekonomi.
 - II. pembinaan jalan-jalan raya.
 - III. penubuhan sekolah-sekolah Tamil.
 - IV. pembinaan kilang-kilang membuat kereta.
- A. I dan II
 - B. I dan III
 - C. I, II, dan III
 - D. II, III, dan IV
 - E. I, II, III, dan IV
9. Antara berikut, yang manakah benar mengenai kaum-kaum di Malaysia?
- I. Kaum-kaum di Malaysia mempunyai kebudayaan yang sama.
 - II. Kaum-kaum di Malaysia menganut agama yang berlainan.
 - III. Kebanyakan kaum asing telah berpindah masuk ke Malaysia semasa penjajahan Inggeris.
 - IV. Kaum-kaum di Malaysia menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama.

- A. I dan II
- B. II dan III
- C. I, II, dan III
- D. II, III, dan IV
- E. I, II, III, dan IV

10. Kerajaan telah berusaha menyatupadukan masyarakat berbilang kaum di negeri ini melalui

- I. pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan.
- II. pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.
- III. penggunaan bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi.
- IV. penubuhan Skim Amanah Saham Nasional.

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. I, II, dan III
- D. II, III, dan IV
- E. I, II, III, dan IV

BAB 3

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI-NEGERI

PENDAHULUAN

Malaysia merupakan sebuah negara merdeka dan berdaulat serta mempunyai ciri-ciri tertentu dalam berbagai-bagai aspek kenegaraan yang kadang kala dikatakan sebagai unik. Malaysia merupakan sebuah persekutuan yang mengandungi negeri-negeri Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perlis, Perak, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Selangor, dan Terengganu serta Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur dan Labuan). Semua negeri ini (termasuk Wilayah Persekutuan) mempunyai sempadannya sendiri. Namun begitu, parlimen boleh dengan undang-undang: (a) memasukkan negeri-negeri lain ke dalam Persekutuan, (b) mengubah sempadan mana-mana negeri, tetapi undang-undang yang mengubah sempadan sesebuah negeri tidak boleh diluluskan dengan tiada persetujuan negeri itu (yang dinyatakan dengan undang-undang yang dibuat oleh Badan Perundangan Negeri itu) dan Majlis Raja-raja.

□ Ciri-ciri utama Malaysia sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat dapat ditinjau daripada keutuhan sempadannya, sistem pemerintahan, keluhuran perlembagaan, ideologi kebangsaan, kedaulatan undang-undang, simbol-simbol negara, tradisi, adat resam, dan lain-lain. Negara ini merupakan juga sebuah negara yang mempunyai masyarakat berbilang kaum yang kaya dengan berbagai-bagai bangsa, bahasa, keturunan, kepercayaan, agama, adat resam, kesenian, dan lain-lain. Kewujudan masyarakat ber-

bilang kaum atau masyarakat majmuk ini mempunyai kesan, pengaruh, dan kepentingan yang begitu besar terhadap seluruh sistem kehidupan di Malaysia, meliputi aspek-aspek politik, pemerintah, pentadbiran, kebudayaan, perundangan, kehakiman, ekonomi, pelajaran, bahasa, dan lain-lain.

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Malaysia mempunyai satu Perlembagaan Persekutuan yang merupakan Undang-undang Tertinggi Negara dan Perlembagaan ini yang menentukan pelbagai perkara mengenai kebebasan asasi, kewarganegaraan, Kerajaan Persekutuan, Perundangan Persekutuan, kedudukan negeri-negeri dalam Malaysia, peruntukan-peruntukan kewangan, pilihanraya, kehakiman, perkhidmatan awam, dan lain-lain. Dengan ini Perlembagaan merupakan satu dokumen yang mengandungi semua undang-undang tertinggi yang menjadi sumber bagi memerintah negara. Perlembagaan Persekutuan yang ada pada masa ini berasaskan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang telah digubal dan dikemukakan oleh Suruhanjaya Perlembagaan yang diketuai oleh Lord Reid. Suruhanjaya ini mula bergiat dalam bulan Jun 1956 dan telah menyiapkan Laporan Perlembagaan menjelang bulan Februari 1957. Laporan ini kemudian dibahaskan oleh parti-parti politik utama negara dan diluluskan oleh Majlis Perundangan dalam bulan Jun tahun yang sama. Perlembagaan Persekutuan mula dikuatkuasakan pada 31 Ogos 1957 apabila Tanah Melayu diisytiharkan sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, dikenali sebagai Persekutuan Tanah Melayu, dan mengandungi semua negeri-negeri Melayu, Pulau Pinang, dan Melaka.

Perlembagaan Persekutuan 1957 ini telah dijadikan asas kepada pembentukan Perlembagaan Persekutuan bagi negara Malaysia yang diisytiharkan pada 16 September 1963

Kemasukan Singapura, Sabah, dan Sarawak ke dalam Persekutuan Malaysia menyebabkan Perlembagaan Persekutuan 1957 dipinda dan diadakan beberapa pindaan mengenai bab-bab pemakaian bagi negeri-negeri Borneo dan peruntukan-peruntukan tambahan bagi negeri-negeri tersebut. Sehingga tahun 1985 beberapa pindaan telah dibuat terhadap Perlembagaan Persekutuan menyentuh perkara atau fasal tertentu selaras dengan perubahan-perubahan kehendak, keperluan, dan kepentingan negara.

Perlembagaan Persekutuan yang digunakan pada masa ini mengandungi 14 Bahagian mengenai tajuk-tajuk tertentu. Sesetengah daripada Bahagian tersebut dipecahkan kepada bab-bab yang semuanya mengandungi sejumlah 181 perkara seperti berikut:

Bahagian	Tajuk	Perkara
1.	Negeri-negeri, Agama, dan Undang-undang bagi Persekutuan	1 - 4
2.	Kebebasan Asasi	5 - 13
3.	Kewarganegaraan	14 - 31
	Bab 1 - Perolehan Kewarganegaraan	(14 - 22)
	Bab 2 - Penamatan Kewarganegaraan	(23 - 28A)
	Bab 3 - Tambahan	(29 - 31)
4.	Persekutuan	32 - 69
	Bab 1 - Kepala Utama Negara	(32 - 37)
	Bab 2 - Majlis Raja-raja	(38)
	Bab 3 - Pemerintah	(39 - 43C)
	Bab 4 - Badan Perundangan Persekutuan	(44 - 65)
	Bab 5 - Acara Perundangan	(66 - 68)

	Bab 6 – Keupayaan Terhadap Harta, Kontrek, dan Guaman	(69)
5.	Negeri-negeri	70 – 72
6.	Perhubungan Antara Persekutuan Dengan Negeri	73 – 95E
	Bab 1 – Hal undang-undang Persekutuan dan Negeri	(73 – 79)
	Bab 2 – Pembahagian Kuasa-kuasa Pemerintah	(80 – 81)
	Bab 3 – Pembahagian Beban Kewangan	(82)
	Bab 4 – Tanah	(83 – 91)
	Bab 5 – Pembangunan Negara	(92)
	Bab 6 – Tinjauan Persekutuan, Nasihat Persekutuan kepada Negeri dan Pemeriksaan Persekutuan Mengenai Kegiatan-kegiatan Negeri	(93 – 95)
	Bab 7 – Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan	(95A)
	Bab 8 – Pemakaian Bagi Negeri-negeri Borneo	(95B-95E)
7.	Peruntukan-peruntukan Kewangan	
	Bab 1 – Am	(96 – 112)
	Bab 2 – Pemakaian Bagi Negeri- negeri Borneo	(112A – 112E)
8.	Pilihanraya	113 – 120
9.	Penghakiman	121 – 131A
10.	Perkhidmatan Awam	132 – 148

- | | | |
|------|--|------------|
| 11. | Kuasa-kuasa Khas Menentang
Perbuatan Subversif, Kekerasan yang
Dirancang dan Perbuatan-perbuatan dan
Jenayah-jenayah yang Memudaratkan Awam
dan Kuasa-kuasa Darurat (Digantikan oleh
Akta A442 Mulai Daripada 31.12.78) | 149 - 151 |
| 12. | Am dan Pelbagai | 152 - 160 |
| 12A. | Perlindungan Tambahan Bagi
Negeri-negeri Borneo | 161 - 161H |
| 13. | Peruntukan Sementara dan Peralihan | 162 - 180 |
| 14. | Perkecualian Bagi Kedaulatan Raja-raja
dan Sebagainya. | 181 |

BEBERAPA PERKARA PENTING DALAM PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Perlembagaan sebagai Undang-undang Tertinggi negara ini mengandungi berbagai-bagai perkara yang sangat penting dan menjadi teras kepada sistem-sistem perundangan, pemerintahan, kehakiman, kebebasan asasi, kewangan, perkhidmatan awam, hubungan antara Persekutuan dengan negeri-negeri dan lain-lain. Dalam bahagian berikut ini, kita akan meneliti beberapa perkara yang menjadi isi kandungan Perlembagaan Persekutuan.

1. *Kebebasan Asasi* Bahagian 2 Perlembagaan Persekutuan menyatakan berbagai-bagai perkara berkaitan dengan kebebasan asasi. Hak-hak yang diperuntukkan itu merupakan kebebasan mutlak sementara yang hanya boleh diubah dengan majoriti dua pertiga daripada jumlah kesemua ahli Dewan Perundangan. Antara kebebasan-kebebasan utama yang dinyatakan dalam Perlembagaan ialah:

- (a) Kebebasan diri atau orang perseorangan yang tidak boleh diambil nyawanya atau dilucutkan oleh kebebasan dirinya kecuali menurut undang-undang serta hak individu bagi mendapat pengadilan.
- (b) Tiada sesiapa pun boleh ditahan sebagai abdi dan segala kerja paksaan adalah dilarang, tetapi Parlimen boleh dengan undang-undang membuat peruntukan bagi perkhidmatan kerahan bagi maksud-maksud negara, dan tidak termasuk kerja paksa terhadap orang-orang yang menjalani hukuman penjara yang dijatuhkan oleh mahkamah.
- (c) Tiada sesiapa pun boleh dihukum kerana sesuatu perbuatan atau ketinggalan yang tidak menjadi kesalahan di sisi undang-undang pada masa perbuatan atau ketinggalan itu dilakukan.
- (d) Seseorang yang telah dibebaskan daripada sesuatu kesalahan atau disabitkan dengan sesuatu kesalahan tidak boleh dibicarakan semula kerana kesalahan itu juga kecuali jika sabitan atau pembebasan itu telah dibatalkan dan perbicaraan semula diperintah oleh satu mahkamah yang lebih tinggi daripada mahkamah yang telah membebaskan atau mensabitkan kesalahan itu.
- (e) Semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang.
- (f) Tidak boleh ada perbezaan terhadap warganegara semata-mata oleh sebab agama, kaum, keturunan atau tempat lahir dalam mana-mana undang-undang atau dalam perantikan bagi apa-apa jawatan atau pekerjaan di bawah sesuatu pihak berkuasa awam atau dalam pentadbiran mana-mana undang-undang berkenaan dengan memperolehi, memegang atau melepaskan harta atau berkenaan dengan menubuh

atau menjalankan apa-apa tred, perniagaan, profesion, vokasion atau pekerjaan, kecuali sebagaimana dibenarkan dengan nyatanya oleh Perlembagaan ini. Pengecualian ini misalnya dibenarkan dalam peruntukan di bawah Fasal 153 mengenai hak-hak istimewa orang-orang Melayu dan bumiputera lain di Sabah dan Sarawak.

- (g) Tiada seorang warganegara pun boleh dibuang negeri atau ditahan masuk ke dalam Persekutuan. Namun begitu, Parlimen boleh dengan undang-undang mengenakan sekatan-sekatan, antara negeri itu dengan negeri-negeri yang lain, ke atas hak-hak yang diberi oleh Fasal (2) berkenaan dengan bergerak dan bermastautin.
- (h) Tiap-tiap warganegara bebas bercakap dan mengeluarkan fikiran, berhak berhimpun secara aman dan dengan tidak bersenjata, dan berhak menubuhkan persatuan. Tetapi Parlimen boleh dengan undang-undang mengenakan sekatan demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, ketenteraman awam atau akhlak.
- (i) Tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan tiap-tiap kumpulan agama adalah berhak menguruskan hal-hal agamanya sendiri, menubuh dan menyelenggara yayasan-yayasan bagi maksud-maksud agama atau khairat, memperolehi dan mempunyai harta serta memegang dan menadbirkan harta mengikut undang-undang. Namun begitu, Undang-undang Negeri, Wilayah Persekutuan, dan Undang-undang Persekutuan boleh mengawal dan menyekat pengembangan apa-apa iktikad atau kepercayaan agama antara orang-orang yang menganuti agama Islam. Semua kebebasan di atas juga tidak membenarkan apa-apa perbuatan yang ber-

lawanannya dengan undang-undang atau mengenai ketenteraman awam, kesihatan awam atau akhlak.

- (j) Tiap-tiap kumpulan agama berhak menubuh dan menyelenggarakan institusi-institusi pelajaran kanak-kanak dalam agama kumpulan itu sendiri dan tidak boleh ada pembezaan semata-mata oleh sebab agama dalam mana-mana undang-undang berkaitan dengan institusi-institusi atau dalam pentadbiran mana-mana undang-undang itu. Agama bagi seseorang yang berumur kurang daripada lapan belas tahun adalah ditetapkan oleh ibu bapa atau penjaganya.
- (k) Tiada seorang pun boleh dilucutkan hartanya kecuali mengikut undang-undang dan tiada sesuatu undang-undang pun boleh membuat peruntukan bagi mengambil atau menggunakan harta-harta dengan paksa dengan tiada pampasan yang mencukupi.

Semua kebebasan asasi di atas sememangnya telah menyentuh berbagai-bagai perkara mengenai hak kebebasan individu terhadap nyawa, pengadilan, kedudukan sama rata di sisi undang-undang, tiada pembezaan disebabkan oleh agama, kaum, keturunan, dan tempat lahir kecuali dibenarkan oleh undang-undang, hak terhadap tempat bermastautin (tempat tinggal), hak bercakap, berhimpun dan menubuhkan persatuan selagi tidak melanggar undang-undang, kebebasan beragama, dan hak terhadap harta.

2. *Kewarganegaraan* Perlembagaan Persekutuan menyatakan dengan jelas mengenai dua perkara berkaitan dengan kewarganegaraan iaitu perolehan kewarganegaraan dan penamatan kewarganegaraan. Pada umumnya, kewarganegaraan diperolehi dengan dua cara iaitu; (1) kewarganegaraan dengan cara kuatkuasa undang-undang dan (2) kewarganegaraan dengan cara pendaftaran mengikut syarat-syarat dan peraturan-peraturan tertentu. Perkara 14

Perlembagaan menyatakan bahawa orang-orang yang berikut adalah warganegara dengan cara kuatkuasa undang-undang iaitu:

- (a) tiap-tiap orang yang lahir sebelum Hari Malaysia dan ia adalah seorang warganegara Persekutuan menurut peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Bahagian 1, Jadual Kedua; dan
- (b) tiap-tiap orang yang lahir pada atau selepas Hari Malaysia dan ia mempunyai mana-mana kelayakan yang ditentukan dalam Bahagian 2, Jadual Kedua.

Perolehan kewarganegaraan dengan cara pendaftaran perlu dibuat dengan memohon kepada Kerajaan Persekutuan dan pemohon adalah berhak didaftarkan sebagai warganegara jika ia terbukti memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dan kerajaan berpuas hati dengan bukti-bukti tersebut. Jika seseorang perempuan yang bersuami dan suaminya seorang warganegara, maka perempuan itu adalah berhak didaftarkan sebagai seorang warganegara jika ia masih bersuami dan suaminya itu seorang warganegara pada permulaan Oktober 1962 atau jika ia membuktikan dan Kerajaan Persekutuan berpuas hati:

- (a) bahawa ia telah bermastautin di Persekutuan sepanjang tempoh dua tahun sebelum dari tarikh permohonan itu, dan ia berniat hendak bermastautin tetap di Persekutuan dan
- (b) bahawa ia adalah berkelakuan baik.

Perolehan kewarganegaraan dengan cara pendaftaran melibatkan juga orang-orang yang lahir di Persekutuan sebelum Hari Merdeka dan berumur lapan belas tahun atau lebih dan orang-orang yang bermastautin di Negeri-negeri Borneo (Sabah dan Sarawak) pada Hari Merdeka dan berumur lapan belas tahun atau lebih. Orang-orang ini

adalah berhak juga didaftarkan sebagai warganegara jika ia membuktikan bahawa ia telah bermastautin di Persekutuan atau Negeri-negeri Borneo dalam tempoh tertentu mempunyai niat hendak tetap bermastautin, ia adalah berkelakuan baik dan ia mempunyai pengetahuan mudah dalam bahasa Melayu (bagi Persekutuan) atau bahasa Inggeris (bagi Sabah dan Sarawak). Kewarganegaraan dengan cara masukan pula boleh secara permohonan oleh orang bukar warganegara yang berumur dua puluh satu tahun atau lebih dan ia harus memenuhi syarat-syarat tertentu seperti telah pun bermastautin di Persekutuan bagi tempoh-tempoh yang dikehendaki, berniat hendak bermastautin tetap di Persekutuan jika perakuan diberi, ia berkelakuan baik dan ia mempunyai pengetahuan yang memadai dalam bahasa Melayu atau bahasa Malaysia.

3. *Kerajaan Persekutuan* Bahagian 4, Perlembagaan negara menyatakan berbagai-bagai hal mengenai sistem pemerintahan dan badan perundangan Persekutuan. Antaranya ialah mengenai keutamaan, kedudukan dan kuasa Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Kepala Utama Negara dan Raja Permaisuri Agong, Timbalan Yang di-Pertuan Agong sebagai Timbalan Kepala Utama Persekutuan seperti yang dinyatakan dalam Bab 1. Manakala Bab 2 pula menyatakan tugas-tugas, kedudukan, dan budi bicara Majlis Raja-raja. Bab 3 member peruntukan tentang kuasa pemerintah Persekutuan di tangan Yang di-Pertuan Agong yang bertindak mengikut nasihat Jemaah Menteri dan mengikut budi bicara baginda dalam hal-hal tertentu, sebagai Pemerintahan Tertinggi Angkatan Tentera, mempunyai kuasa pengampunan, dan lain-lain. Bab ini juga menjelaskan kedudukan dan tugas-tugas Jemaah Menteri serta Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen dan Setiausaha-setiausaha Politik dalam pemerintahan Persekutuan. Bab 4 adalah mengenai kedudukan, tugas, dan kuasa badan Perundangan Persekutuan.

yang terdiri daripada Yang di-Pertuan Agong, Dewan Negara, dan Dewan Rakyat serta diikuti oleh Bab 5 mengenai kuasa perundangan dan persetujuan terhadap rang undang-undang oleh Parlimen. Hal ini akan dibincangkan dengan lebih mendalam dalam Bab 4 mengenai Badan Perundangan Kerajaan Persekutuan.

4. *Kerajaan Negeri-negeri* Sistem pemerintahan dan pentadbiran yang bercorak Persekutuan masih tetap memberi kedudukan dan kuasa kepada negeri-negeri yang bergabung. Raja dan Yang Dipertua Negeri, Perlembagaan Negeri-negeri tetap utuh, dan Dewan Perundangan Negeri-negeri mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Semua hal mengenai negeri-negeri ini ada dinyatakan dalam Bahagian 5, Perlembagaan Persekutuan. Selain itu terdapat juga saling hubungan dan pertalian yang erat antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri-negeri mengenai pelbagai hal yang meliputi pembahagian kuasa-kuasa perundangan dan pemerintah, pembahagian beban kewangan serta hal-hal yang berhubung dengan pemilikan, pengurusan, dan undang-undang mengenai tanah serta kedudukan tanah rezab orang-orang Melayu, dan lain-lain.

5. *Peruntukan-peruntukan kewangan* Semua hal penting yang berkaitan dengan kewangan kerajaan dinyatakan dalam Bahagian 7, Perlembagaan Persekutuan. Antara-hal-hal yang dinyatakan ialah mengenai Kumpulan Wang Disatukan, perbelanjaan, penyata kewangan tahunan, rang undang-undang perbekalan, perbelanjaan tambahan dan perbelanjaan lebihan, Juru Odit Negara, Majlis Kewangan Negara, pemberian wang, penyerahan cukai, dan bayaran kepada negeri-negeri dan sekatan pinjaman.

6. *Perbakiman* Hal-hal yang berkaitan dengan kuasa kehakiman bagi Persekutuan, Mahkamah Agung dan Mahkamah Tinggi, perlantikan, kelayakan dan perjawatan hakim-hakim Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Agung,

sumpah jawatan hakim dan bidang kuasa Mahkamah Agung ada dinyatakan dalam Bahagian 9, Perlembagaan Persekutuan mengenai perhakiman. Perbincangan lanjut mengenai sistem perhakiman ini terdapat dalam Bab 7.

7. *Perkhidmatan Awam* Bahagian 10, Perlembagaan Persekutuan menyatakan berbagai-bagai hal yang menyentuh bidang perkhidmatan awam, Persekutuan, perkhidmatan bersama bagi Persekutuan dengan negeri-negeri pinjaman pegawai-pegawai, sekatan mengenai pembuangan kerja dan penurunan pangkat kakitangan awam, dan suruhanjaya-suruhanjaya dalam perkhidmatan awam.

8. *Kuasa-kuasa khas dan kuasa-kuasa darurat* Bahagian 11, Perlembagaan Persekutuan adalah mengenai undang-undang menentang perbuatan subversif, tindakan yang memudaratkan ketenteraman awam, hal-hal mengenai perisytiharan darurat dan sekatan-sekatan terhadap tahanan pencegahan. Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan memberikan kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong mengeluarkan satu Perisytiharan Darurat jika baginda berpuas hati bahawa satu darurat besar yang sedang berlaku dan keselamatan atau kehidupan ekonomi atau ketenteraman awam dalam persekutuan atau mana-mana bahagiannya adalah terancam oleh kerana darurat tersebut.

Semasa Perisytiharan Darurat berkuatkuasa Yang di-Pertuan Agong boleh mengisytiharkan apa-apa ordinan jika baginda berpuas hati bahawa ada hal-hal keadaan tertentu yang menyebabkan perlu bagi baginda mengambil tindakan segera dan baginda berpendapat bahawa ordinan-ordinan itu dikehendaki oleh hal-hal keadaan. Tindakan ini boleh dilakukan apabila kedua-dua Majlis Parlimen tidak dapat bersidang serentak. Selain Yang di-Pertuan Agong, Parlimen juga boleh membuat undang-undang semasa Perisytiharan Darurat berkuatkuasa jika Parlimen berpendapat bahawa undang-undang itu dikehendaki oleh sebab darurat tersebut.

Undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen semasa Perisytiharan Darurat itu juga tidak boleh terbatal atas alasan bahawa undang-undang tersebut adalah berlawanan dengan mana-mana peruntukan Perlembagaan Persekutuan itu sendiri.

Fasal 8 (b) di bawah Perkara 150, Perisytiharan Darurat dalam Perlembagaan menyebut juga bahawa tiada satu mahkamah pun boleh mempunyai bidang kuasa untuk melayan atau memutuskan apa-apa permohonan, persoalan atau perbicaraan, dalam apa jua bentuk, atas apa-apa alasan mengenai sahnyanya:-

- (i) Perisytiharan di bawah Fasal (1) atau pengumuman yang dibuat dalam Perisytiharan itu yang bermaksud sebagaimana dinyatakan dalam Fasal (1);
- (ii) Kuatkuasa berterusan Perisytiharan itu;
- (iii) Apa-apa ordinan yang diisytiharkan di bawah Fasal (2B);
- (iv) Penerusan kuatkuasa mana-mana ordinan itu.

PERLEMBAGAAN NEGERI-NEGERI

Hak Negeri-negeri Semua negeri yang bergabung dalam Persekutuan Malaysia (13 buah negeri) mempunyai hak, kuasa, dan tanggungjawab tersendiri mengikut Perlembagaan negeri-negeri tersebut. Semua hal mengenai hak dan kuasa negeri-negeri ini dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan seperti yang dinyatakan dalam Perkara 71 Fasal (1), yang berbunyi 'Persekutuan adalah menjamin hak Raja sesebuah negeri untuk mewarisi dan memegang, menikmati, dan menjalankan hak-hak perlembagaan atau keistimewaan-keistimewaan Raja negeri itu mengikut Perlembagaan Negeri itu, akan tetapi apa-apa pertikaian tentang hak untuk mewarisi sebagai Raja mana-mana pihak berkuasa dan hanya mengikut apa-apa cara sebagaimana yang diper-

untukkan oleh Perlembagaan Negeri itu'. Perlembagaan Persekutuan menyatakan juga dengan jelas akan keutamaan Raja dan Yang Dipertua Negeri, Keistimewaan Dewan Negeri, dan lain-lain perkara mengenai perkhidmatan awam negeri, hak ke atas tanah dan kewangan negeri.

Raja dan Yang Dipertua Negeri mengambil keutamaan mengatasi segala orang lain dan menjadi ketua negen masing-masing. Di Johor, Perak, Pahang, Terengganu, Kedah, dan Kelantan, ketua negeri adalah Raja Melayu yang bersifat turun-temurun yang digelar sebagai Sultan. Manakala ketua negeri di Perlis digelar sebagai Raja dan di Negeri Sembilan sebagai Yang di-Pertuan Besar. Pulau Pinang, Melaka, Sabah, dan Sarawak mempunyai ketua negeri yang digelar Yang Dipertua Negeri dan mereka dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Semua ketua negen ini mempunyai kuasa-kuasa tertentu dalam bidang perundangan, pemerintahan, dan kehakiman mengikut Perlembagaan negeri masing-masing.

Dewan Perundangan Negeri-negeri Kuasa Perundangan negeri-negeri terletak pada Dewan-dewan Undangar Negeri yang mengandungi Raja atau Sultan atau Yang Dipertua Negeri masing-masing dengan sejumlah ahli Dewan Undangan Negeri yang dipilih secara langsung oleh rakyat negeri berkenaan menerusi pilihanraya negeri. Kuasa pemerintahan (eksekutif) terletak pada Raja atau Sultan dan Yang Dipertua Negeri berkenaan dan kuasa ini dijalankan atas nasihat Majlis Mesyuarat Kerajaan (Exco) Negeri yang diketuai oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri (bagi Pulau Pinang, Melaka, Sabah, dan Sarawak). Di Sabah, Majlis Mesyuarat Kerajaan dikenali sebagai Kabinet Negeri dan di Sarawak pula dikenali sebagai Majlis Tertinggi.

Selain itu negeri-negeri mempunyai hak dan kuasa juga atas beberapa perkara lain seperti pembahagian peringkat-peringkat pentadbiran, tanah negeri, perkhidmatan awam

negeri, kewangan negeri, dan lain-lain mengikut Perlembagaan masing-masing. Suatu perkara penting mengenai Perlembagaan Negeri-negeri ialah Perlembagaan tersebut tidak boleh bercangah dan bertentangan dengan peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan.


SOALAN-SOALAN SUBJEKTIF

1. Apakah hak dan kebebasan individu sebagaimana yang telah dicatatkan dalam Perlembagaan Negara?
2. Mengapakah Perlembagaan Negara menjadi Undang-undang Tertinggi negara ini?
3. Apakah yang dimaksudkan sebagai Keluhuran Perlembagaan?
4. Huraikan dan jelaskan perkara-perkara berikut:
 - a) Majlis Raja-raja
 - b) Perolehan kewarganegaraan
 - c) Kuasa-kuasa darurat
5. Bincangkan perkara-perkara penting Perlembagaan yang telah menjadi asas kepada tolak ansur dan persefahaman antara kaum di negara ini.

SOALAN-SOALAN OBJEKTIF

1. Di antara berikut, yang manakah telah dijadikan asas kepada Pembentukan Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1963?
 - A. Perlembagaan Inggeris.
 - B. Perlembagaan Persekutuan 1948.
 - C. Perlembagaan Tanah Melayu 1957.
 - D. Perlembagaan Amerika Syarikat.
 - E. Perlembagaan Negara-negara Komanwel.

2.



Rajah di atas menunjukkan beberapa aspek kebebasan bagi setiap rakyat di negara ini sebagaimana yang dinyatakan dalam Perlembagaan negara. Semua kebebasan ini dinyatakan sebagai X yang dimaksudkan sebagai

- A. kebebasan individu.
 - B. kebebasan asasi.
 - C. kebebasan sejagat.
 - D. kebebasan hidup.
 - E. kebebasan mutlak.
3. Semua jenis dan bentuk kebebasan yang diberi dan dijamin untuk setiap orang seperti yang disebut dalam Perlembagaan negara adalah merupakan
 - A. kebebasan mutlak.
 - B. kebebasan sementara.
 - C. kebebasan mutlak sementara.
 - D. kebebasan yang tidak boleh diubah.
 - E. kebebasan yang sentiasa boleh diubah.
 4. Tugas-tugas Yang di-Pertuan Agong mengikut Perlembagaan Persekutuan ialah

- I. memanggil dan membubarkan Parlimen.
 - II. menjadi Pemerintahan Tertinggi Angkatan Tentera.
 - III. menjadi Ketua Agama bagi semua negeri di Malaysia.
 - IV. melantik Perdana Menteri dan Menteri-menteri Kabinet.
- A. I dan II
B. I dan III
C. II, III, dan IV
D. I, II, dan III
E. I, II, III, dan IV
5. Sebuah badan yang telah dibentuk dan diberi tugas bagi merangka Perlembagaan Persekutuan Malaysia ialah
- A. Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia.
 - B. Jawatankuasa Perpaduan Negara.
 - C. Jawatankuasa Antara Kerajaan.
 - D. Suruhanjaya Cobbold.
 - E. Suruhanjaya Reid.

- a) bahawa ia telah bermastautin di Persekutuan sepanjang tempoh dua puluh tahun sebelum daripada tarikh permohonan itu dan ia berminat hendak bermastautin tetap di Persekutuan dan
- b) bahawa ia adalah berkelakuan baik

6. Kenyataan di atas merupakan syarat kepada perolehan kewarganegaraan dengan cara pendaftaran bagi
- A. warganegara asing yang beristeri dengan rakyat Malaysia.
 - B. warganegara asing yang bersuami dengan rakyat Malaysia.
 - C. warganegara asing yang bekerja di Malaysia.

- D. anak warganegara Malaysia yang lahir di luar negeri.
- E. warganegara asing yang mempunyai pertalian keluarga dengan rakyat Malaysia.

7. Hak istimewa orang Melayu, kedudukan bahasa Malaysia (bahasa Melayu) dan kewarganegaraan adalah antara perkara-perkara penting yang telah dicatatkan dalam Perlembagaan negara'. Semua perkara tersebut adalah hasil daripada
- A. perjanjian antara kaum.
 - B. gabungan parti-parti politik pelbagai kaum.
 - C. tolak ansur antara kaum.
 - D. ideologi kebangsaan.
 - E. persefahaman pemimpin-pemimpin pelbagai kaum.
8. Perlembagaan Persekutuan Malaysia boleh dipinda dari semasa ke semasa mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Pindaan Perlembagaan itu hanya boleh diluluskan dengan syarat mendapat persetujuan daripada
- A. Jemaah Menteri.
 - B. Perdana Menteri.
 - C. semua ahli Dewan Rakyat.
 - D. semua ahli Dewan Negara.
 - E. dua pertiga jumlah ahli Parlimen.
9. Yang di-Pertuan Agong adalah dilantik oleh
- A. Majlis Raja-raja.
 - B. Majlis Hal-ehwal Agama.
 - C. Majlis Parlimen.
 - D. Dewan Rakyat.
 - E. Dewan Negara.

10. Bagaimanakah Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 diterima oleh orang-orang Melayu dan bukan Melayu?
- A. Dengan cara menandatangani perjanjian antara orang-orang Melayu dan bukan Melayu.
 - B. Dengan cara menubuhkan Parti Perikatan yang menggabungkan UMNO, MCA, dan MIC.
 - C. Dengan cara tolak ansur antara orang-orang Melayu dan bukan Melayu.
 - D. Dengan cara menetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi.
 - E. Dengan cara memberi peluang-peluang pelajaran yang sama kepada semua kaum.

BADAN PERUNDANGAN PERSEKUTUAN

PARLIMEN MALAYSIA

Perkara 44 Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa kuasa Perundangan Persekutuan adalah terletak pada Parlimen yang mengandungi Yang di-Pertuan Agong dan dua Majlis yang dinamakan Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Parlimen mempunyai kuasa membuat undang-undang mengenai berbagai-bagai perkara seperti yang tercatat dalam jadual ke-9 (Senarai Perundangan) Perlembagaan Persekutuan. Senarai ini meliputi 27 perkara dan antaranya ialah mengenai hal-ehwal luar negeri, pertahanan bagi Persekutuan atau bagi mana-mana bahagiannya, keselamatan dalam negeri, undang-undang dan acara sivil, jenayah dan pentadbiran keadilan, kewarganegaraan Persekutuan dan kemasukan orang-orang asing, jentera kerajaan, kewangan, perdagangan dan perusahaan, perkapalan, pelayaran dan perikanan, perhubungan dan pengangkutan, kerja-kerja Persekutuan, pelajaran, buruh, keselamatan sosial, dan lain-lain.

YANG DI-PERTUAN AGONG

Perlembagaan Persekutuan memberi kedudukan dan taraf tertinggi kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Baginda berkuasa memanggil, memberhenti, dan membubarkan Parlimen sebagaimana yang dinyatakan dalam Perkara 55, Perlembagaan Persekutuan. Semasa menjalankan kuasa-kuasa perundangan

(legislatif) ini, baginda bertindak mengikut nasihat Jemaah Menteri atau nasihat seorang menteri yang bertindak di bawah kuasa am Jemaah Menteri kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya oleh Perlembagaan. Rang undang-undang yang telah diluluskan oleh kedua-dua Majlis Parlimen (Dewan Rakyat dan Dewan Negara) perlu mendapat persetujuan baginda juga untuk menjadi undang-undang yang sah dan dapat dikuatkuasakan.

DEWAN NEGARA

Dewan Negara ialah Majlis Tinggi atau Senat yang mengandungi seramai 69 orang ahli yang dipanggil senator. Perkara 45 dalam Perlembagaan menyebut bahawa Dewan Negara hendaklah mengandungi ahli-ahli yang dipilih dan dilantik seperti berikut: (a) dua orang ahli bagi tiap-tiap sebuah negeri, (b) dua orang ahli bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan seorang ahli bagi Wilayah Persekutuan Labuan yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, dan (c) empat puluh orang ahli yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Ahli-ahli yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong biasanya ialah orang-orang yang pada pendapat baginda telah berbuat jasa cemerlang atau telah mencapai kepujian dalam perkhidmatan awam atau telah mencapai kepujian dalam lapangan profesion, perdagangan, perusahaan, pertanian, kegiatan kebudayaan atau perkhidmatan masyarakat atau yang mewakili kaum-kaum yang kecil bilangannya atau yang mempunyai kebolehan mewakili kepentingan orang-orang asli (Perkara 45 fasal 2, Perlembagaan Persekutuan).

Seorang Ahli Dewan Negara mempunyai tempoh perkhidmatan selama tiga tahun dan tidak boleh memegang jawatan tersebut lebih daripada enam tahun atau dua tempoh perkhidmatan sama ada secara terus-menerus atau berasingan. Setiap orang yang hendak dilantik sebagai senator mestilah berumur sekurang-kurangnya 30 tahun. Parlimen

dengan kuasa undang-undang dibolehkan menambah bilangan ahli-ahli yang akan dipilih bagi setiap sebuah negeri sehingga tiga orang, membuat peruntukan supaya ahli-ahli yang akan dipilih bagi setiap buah negeri dipilih dengan undi terus oleh pemilik-pemilik negeri itu dan mengurangkan bilangan ahli-ahli yang dilantik atau menghapuskan ahli-ahli yang dilantik.

Tugas utama Dewan Negara ialah mengkaji dan meluluskan rang undang-undang yang dikemukakan oleh Dewan Rakyat. Tugas ini penting kerana Dewan Negara boleh menjadi badan penting dalam proses perundangan dengan mengkaji bagi kali kedua sesuatu rang undang-undang untuk memelihara kepentingan negara dan masyarakat. Di Dewan Negara sesuatu rang undang-undang dibaca untuk kali pertama, kedua, dan ketiga sebelum rang undang-undang tersebut diluluskan. Dewan Negara tidak mempunyai kuasa menolak sesuatu rang undang-undang, tetapi boleh menangguhkannya selama ^{sebulan} sahaja. Dewan Negara boleh juga menangguhkan rang undang-undang lain sehingga tempoh setahun. Seorang Yang Dipertua dan Timbalan Yang Dipertua boleh dipilih daripada ahli-ahli bagi membolehkan Dewan Negara menjalankan urusan mesyuarat atau persidangan. Dewan Negara mempunyai juga seorang setiausaha yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.

DEWAN RAKYAT

Dewan Rakyat ialah satu Majlis yang mengandungi anggota-anggota yang dipilih oleh rakyat menerusi pilihanraya. Pada masa ini Dewan Rakyat mengandungi seramai 177 orang anggota. Daripada jumlah tersebut seramai 125 orang anggota adalah dari negeri-negeri Semenanjung Malaysia, tujuh orang anggota dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, seorang anggota dari Wilayah Persekutuan Labuan, 20 orang anggota dari Sabah, dan 24 orang anggota dari Sarawak. Pembahagian

keanggotaan Dewan Rakyat sebagaimana yang diperuntukan oleh Perkara 46, Perlembagaan Persekutuan adalah seperti berikut:

Negeri	Bilangan anggota
Johor	18
Kedah	14
Kelantan	13
Melaka	5
Negeri Sembilan	7
Pahang	10
Perak	23
Perlis	2
Pulau Pinang	11
Sabah	20
Sarawak	24
Selangor	14
Terengganu	8
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	7
Wilayah Persekutuan Labuan	1
Jumlah	= 177 orang

Dalam pilihanraya umum tahun 1986 sebanyak 177 kerusi Dewan Rakyat (Parlimen) telah dipertandingkan. Jumlah bilangan keanggotaan ini boleh diubah melalui undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen Persekutuan dan kedudukannya dari semasa ke semasa dikaji oleh Suruhanjaya Pilihanraya.

KEISTIMEWAAN-KEISTIMEWAAN PARLIMEN

Parlimen merupakan satu badan perundangan yang mempunyai keistimewaan-keistimewaan tertentu sebagaimana yang

dinyatakan dalam Perkara 63, Perlembagaan Persekutuan. Antara keistimewaan-keistimewaan tersebut ialah: (1) sahnya apa-apa perjalanan dalam mana-mana Majlis Parlimen atau jawatankuasanya tidak boleh dipersoal dalam mana-mana mahkamah, (2) seseorang boleh didakwa dalam apa-apa juga pembicaraan dalam mana-mana mahkamah mengenai apa juga yang dikata atau apa-apa undi yang diberi olehnya apabila mengambil bahagian dalam apa-apa perjalanan mana-mana Majlis Parlimen atau mana-mana jawatankuasanya, (3) tiada seorang pun boleh didakwa dalam apa-apa pembicaraan dalam mana-mana mahkamah mengenai apa-apa pembicaraan dalam mana-mana mahkamah mengenai apa-apa jua yang disiarkan dengan atau di bawah kuasa mana-mana Majlis Parlimen, (4) Fasal (2) tidak boleh dipakai bagi seseorang yang dipertuduh di bawah undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen di bawah Perkara 10 fasal (4) atau atas sesuatu kesalahan di bawah Akta Hasutan, 1948 dan mengikut sebagaimana yang dipinda oleh Ordinan No. 45 (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat, 1970 (ditambah oleh Akta 30, mulai daripada 10 Mac 1971). Ini bermakna seseorang ahli Majlis Parlimen bebas bercakap, mengkritik, mengeluarkan pendapat, dan memberi undi selagi ia tidak melanggar undang-undang yang telah ditetapkan.

CARA PARLIMEN MEMBUAT UNDANG-UNDANG

Parlimen membuat undang-undang mengikut cara dan peraturan tertentu sebagaimana yang ditetapkan dalam Bab 5 Acara Perundangan, Perlembagaan Persekutuan. Berikut ini dijelaskan cara Parlimen membuat undang-undang mengikut prosedur dan peraturan biasa yang diamalkan. Pada peringkat awal, menteri atau sesuatu kementerian berkenaan perlu merangka dasar-dasar yang berkaitan dengan sesuatu rang undang-undang yang hendak dibentangkan di Parlimen (Dewan Rakyat dan Dewan Negara). Dalam membuat rangka

dasar rang undang-undang, menteri atau pihak kementerian berkenaan perlu berunding dengan Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perbendaharaan atau kementerian-kementerian lain yang ada kaitan dengan rang undang-undang berkenaan.

Proses kedua setelah mendapat persetujuan daripada semua pihak yang berkaitan ialah menyediakan draf rang undang-undang yang biasanya dibuat oleh Jabatan Peguam Negara. Draft rang undang-undang ini perlu dikemukakan kepada Jemaah Menteri untuk mendapatkan kelulusan badan tersebut. Setelah diluluskan oleh Jemaah Menteri, notis pemberitahuan akan dihantar oleh menteri berkenaan kepada Setiausaha bagi kedua-dua Majlis Parlimen. Rang undang-undang itu kemudian dicetak oleh Jabatan Cetak Negara untuk diedarkan kepada semua Ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

Peringkat yang berikut ialah membentangkan rang undang-undang kepada Dewan Rakyat dan Dewan Negara untuk mendapat kelulusan kedua-dua Majlis Parlimen tersebut. Di Dewan Rakyat dan Dewan Negara rang undang-undang itu dibaca untuk kali pertama di Dewan Rakyat, menteri berkenaan akan mengemukakan rang undang-undang kepada semua Ahli Dewan. Setiausaha Dewan akan membacakan tajuk ringkas rang undang-undang berkenaan.

Dalam bacaan kali kedua, rang undang-undang tersebut akan dibincang dan dibahaskan secara mendalam oleh Ahli-ahli Dewan dengan menimbang semua aspek kebaikan, keburukan, kesan dan pengaruhnya terhadap negara, dan rakyat. Menteri berkenaan bertanggungjawab untuk memberi jawapan dan penjelasan kepada sebarang soalan dan kemusykilan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Dewan. Selepas itu rang undang-undang tersebut akan dibincangkan dengan teliti di peringkat jawatankuasa yang mengandungi semua Ahli Dewan dan mereka berhak meminda rang undang-undang tersebut apabila difikirkan perlu.

Dalam bacaan kali ketiga, rang undang-undang tersebut

akan dikemukakan semula oleh menteri berkenaan kepada Dewan Rakyat untuk mendapatkan kelulusan. Setelah mendapat kelulusan di Dewan Rakyat, rang undang-undang itu dibawa ke Dewan Negara untuk dibentang, dibahas, dan diluluskan. Di Dewan Negara, rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat akan dibacakan juga untuk kali pertama, kedua, ketiga, dan kemudian diluluskan.

Setelah mendapat kelulusan daripada kedua-dua Majlis Parlimen, rang undang-undang itu dipersembahkan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk persetujuan baginda dan diperkenankan menjadi undang-undang. Yang di-Pertuan Agong hendaklah memperkenankan sesuatu rang undang-undang dalam tempoh 30 hari setelah dipersembahkan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong:

- (a) memperkenankan rang undang-undang itu dengan menyebabkan rang undang-undang itu dicap dengan Mohor Besar atau
- (b) jika rang undang-undang itu bukan rang undang-undang kepada Majlis Parlimen di mana rang undang-undang itu dikemukakan pada asalnya, bersama-sama dengan sesuatu pernyataan mengenai sebab-sebab bantahan baginda terhadap rang undang-undang itu atau mana-mana peruntukannya.

Jika sesuatu rang undang-undang yang telah dipersembahkan itu dikembalikan semula oleh Yang di-Pertuan Agong kepada Majlis Parlimen, maka Majlis Parlimen hendaklah dengan seberapa segera yang boleh menimbangkan semula rang undang-undang itu. Dalam proses pertimbangan semula, rang undang-undang itu diluluskan dengan kiraan undi majoriti tidak kurang daripada dua pertiga jumlah ahli Majlis Parlimen. Rang undang-undang yang dipertimbangkan se-

mula, setelah diluluskan oleh kedua-dua Majlis Parlimen sekali lagi dipersembahkan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk diperkenankan dalam tempoh 30 hari selepas rang undang-undang itu dipersembahkan. Jika rang undang-undang itu tidak diperkenankan oleh baginda dalam tempoh tersebut, rang undang-undang itu menjadi undang-undang selepas tempoh tersebut, mengikut cara yang sama seolah-olah baginda telah memperkenankannya.

PERSIDANGAN PARLIMEN

Ada dua mesyuarat atau persidangan Parlimen yang sangat penting iaitu pembukaan rasmi Persidangan Parlimen dan Mesyuarat Belanjawan. Pembukaan rasmi persidangan Parlimen dilakukan oleh ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan baginda akan menyampaikan titah ucapan mengenai dasar-dasar kerajaan dalam tahun berkenaan. Ucapan dasar ini menyentuh pelbagai perkara yang meliputi soal-soal pembangunan ekonomi, sosial, pelajaran, keselamatan dalam negeri, dasar-dasar utama kerajaan, dan hubungan antarabangsa. Ahli-ahli Majlis Parlimen akan membahaskan ucapan tersebut dengan panjang lebar serta mengemukakan usul menjunjung kasih di atas titah ucapan baginda. Pembukaan rasmi persidangan Parlimen ini dilakukan dengan penuh adat istiadat dan kebesaran Diraja.

Mesyuarat Belanjawan pula diadakan setiap tahun, biasanya pada bulan Oktober. Mesyuarat ini mengambil masa yang panjang iaitu lima atau enam minggu kerana banyak perkara yang dibincang dan dibahaskan. Rang undang-undang Perbekalan dan Anggaran Perbelanjaan dibentangkan oleh Menteri Kewangan untuk mendapat kelulusan Dewan. Ucapan ketika membentuk rang undang-undang ini penting kerana mengandungi berbagai-bagai aspek ekonomi, me-

liputi strategi dan langkah belanjawan, pembahagian belanjawan mengikut sektor-sektor pembangunan, sistem cukai, dan galakan-galakan ekonomi. Cadangan dan pengumuman mengenai perubahan berbagai-bagai bentuk cukai, duti, dan subsidi seringkali mendapat perhatian daripada pelbagai golongan dalam masyarakat kerana perkara-perkara ini memberi kesan langsung terhadap ekonomi dan kehidupan seharian mereka. Rang undang-undang ini dibincang dan dibahaskan oleh Ahli-ahli Dewan dalam masa yang agak panjang sebelum dilulus dan kemudian menjadi sah di sisi undang-undang setelah diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong.

Persidangan atau mesyuarat Parlimen mesti mengikut peraturan-peraturan tertentu seperti yang dinyatakan dalam Peraturan Mesyuarat dan semua anggota Dewan mesti menghormati dan mematuhiinya. Mesyuarat bagi kedua-dua Dewan dipengerusikan oleh Yang Dipertua masing-masing dan dibantu oleh Timbalan-timbalan Yang Dipertua. Jika Yang Dipertua tidak hadir atau jawatan itu masih kosong, Timbalan Yang Dipertua boleh mengambil alih tugas Yang Dipertua. Jika kedua-dua jawatan mereka itu masih kosong, seorang ahli lain sebagaimana yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah Acara Dewan itu boleh dipilih menjalankan tugas sebagai Yang Dipertua.

Semua mesyuarat Parlimen disusun dalam kalendar yang dipanggil Takwim Parlimen. Suatu tempoh Parlimen (5 tahun) dibahagikan kepada lima penggal dan tiap-tiap penggal adalah selama hampir setahun. Parlimen mengadakan mesyuaratnya tiga atau empat kali sepenggal. Tempoh satu mesyuarat ialah dua minggu bagi Dewan Rakyat dan seminggu bagi Dewan Negara.

Tempoh Parlimen ialah kira-kira lima tahun dan Parlimen akan terbubar dengan sendiri setelah cukup tempoh tersebut. Parlimen yang belum cukup tempoh boleh dibubarkan oleh Yang di-Pertuan Agong. Pilihanraya umum mesti diadakan

dalam tempoh 60 hari daripada tarikh pembubaran Parlimen bagi negeri-negeri Semenanjung dan 90 hari bagi Sabah dan Sarawak. Suruhanjaya Pilihanraya diberi kuasa bagi mengadakan pilihanraya dan menguruskan segala persiapan seperti menetapkan tarikh-tarikh penamaan calon, hari pembuangan undi, membilang undi, dan mengumumkan keputusan pilihanraya.

PILIHANRAYA

Pilihanraya merupakan satu perkara yang sangat penting di negara ini kerana menjamin prinsip demokrasi berparlimen yang diamalkan. Menerusi pilihanraya, rakyat dapat menggunakan hak mereka untuk memilih kerajaan dengan cara memilih orang-orang yang difikirkan berkelayakan dan berupaya menjalankan tugas-tugas kerajaan.

Pilihanraya diadakan sekali dalam tempoh lima tahun atau kurang setelah Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri-negeri dibubarkan. Segala urusan pilihanraya di-kendalikan oleh Suruhanjaya Pilihanraya yang merupakan satu badan bebas. Pengerusi dan ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong selepas berunding dengan Majlis Raja-raja. Antara tugas-tugas utama Suruhanjaya Pilihanraya ialah:

- (a) menjalankan pilihanraya bagi Dewan Rakyat dan Dewan Negeri-negeri,
- (b) menyiapkan dan menyemak daftar pengundi bagi semua kawasan pilihanraya,
- (c) menyemak dan mengubah kawasan-kawasan pilihanraya mengikut kuasa-kuasa yang telah ditetapkan,
- (d) membuat peraturan-peraturan tertentu bagi menjalankan segala tugas dan tanggungjawabnya.

Pilihanraya memberi hak dan kebebasan kepada rakyat

memilih parti-parti politik dan wakil-wakil mereka tanpa sebarang paksaan. Namun begitu, tidak semua warganegara atau rakyat layak menjadi pemilih. Perkara 119, Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa warganegara yang layak menjadi pemilih ialah: (a) telah mencapai umur 21 tahun pada tarikh kelayakan, (b) bermastautin dalam sesebuah kawasan pilihanraya pada tarikh kelayakan itu atau jika tidak bermastautin sedemikian, adalah seorang pengundi tidak hadir, dan tidak seorang pun boleh mengundi dalam pilihanraya lebih daripada satu kawasan pilihanraya. Se-seorang warganegara akan kehilangan kelayakan untuk menjadi pemilih dalam pilihanraya bagi Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri-negeri jika,

- (a) pada tarikh kelayakan ia ditahan sebagai seorang yang tidak sempurna akal atau menjalani hukuman penjara atau
- (b) sebelum tarikh kelayakan ia telah disabitkan dengan satu kesalahan dalam mana-mana bahagian Komanwel dan dijatuhkan hukuman bunuh atau hukuman penjara selama tempoh lebih daripada dua belas bulan dan pada tarikh kelayakan ia masih tertanggung menjalani apa-apa hukuman bagi kesalahan itu.

Bagi menjamin pemerintahan demokrasi berparlimen, undang-undang membenarkan penubuhan parti-parti politik dan sesiapa sahaja warganegara layak menjadi calon untuk bertanding dalam pilihanraya bagi Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri. Calon-calon yang tidak mewakili mana-mana parti politik pula boleh bertanding sebagai calon bebas. Calon-calon dan parti-parti politik yang bertanding dalam pilihanraya dibenarkan juga mengadakan kegiatan-kegiatan kempen pilihanraya bagi mendapatkan sokongan rakyat, tetapi mesti mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan dalam Ordinan Kesalahan Pilihanraya 1954. Langkah-

langkah keselamatan juga diperkemaskan untuk menjamin pilihanraya berjalan lancar dan pemilih-pemilih dapat membuang undi tanpa sebarang paksaan. Suruhanjaya Pilihanraya juga membentuk jentera pilihanraya di semua peringkat untuk menjalankan urusan-urusan sebelum pilihanraya, pengundian, membilang kertas-kertas undi, dan mengemukakan keputusan-keputusan pilihanraya dalam masa yang singkat.

SOALAN-SOALAN SUBJEKTIF

1. Jelaskan tugas dan tanggungjawab Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara.
2. Bagaimanakah cara Parlimen membuat undang-undang?
3. Huraikan tugas dan tanggungjawab Dewan Rakyat dan Dewan Negara.
4. Apakah fungsi-fungsi Suruhanjaya Pilihanraya dan bagaimanakah fungsi-fungsi tersebut dilaksanakan?
5. Tuliskan rencana ringkas mengenai perkara-perkara berikut:
 - (a) Keistimewaan-keistimewaan Parlimen
 - (b) Pilihanraya Umum
 - (c) Persidangan Parlimen

SOALAN-SOALAN OBJEKTIF

1. Mengikut Perlembagaan Persekutuan, Parlimen terdiri daripada
 - I. DYMM Yang di-Pertuan Agong.
 - II. Dewan Negara.
 - III. Dewan Rakyat.
 - IV. Majlis Raja-raja.
 - A. I dan II
 - B. I dan III

- C. I, II, dan III
 - D. II, III, dan IV
 - E. I, II, III, dan IV
2. Fungsi dan tugas utama Parlimen ialah
- A. membuat undang-undang.
 - B. menguatkuasa undang-undang.
 - C. menggubal draf undang-undang.
 - D. membincangkan rang undang-undang.
 - E. meluluskan undang-undang.
3. Yang di-Pertuan Agong ialah Ketua Negara Malaysia. Baginda dilantik oleh
- A. Majlis Parlimen.
 - B. Majlis Agama.
 - C. Majlis Raja-raja.
 - D. Jemaah Menteri.
 - E. Mahkamah Agung.
4. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa-kuasa
- I. memanggil dan membubarkan Parlimen.
 - II. Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera.
 - III. melantik Yang Dipertua negeri Pulau Pinang, Melaka, Sabah, dan Sarawak.
 - IV. mentadbir hal-ehwal agama Islam negeri-negeri Persekutuan Malaysia.
- A. I dan II
 - B. I dan III
 - C. I, II, dan III
 - D. II, III, dan IV
 - E. I, II, III, dan IV
5. Antara berikut, yang manakah dapat menerangkan Yang di-Pertuan Agong sebagai lambang perpaduan negara?

- A. Baginda melantik ahli-ahli Jemaah Menteri (Kabinet).
- B. Baginda berkuasa membubarkan Parlimen.
- C. Baginda bertindak sebagai Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera.
- D. Baginda berkuasa mengampunkan orang-orang salah.
- E. Baginda adalah tumpuan taat setia seluruh rakyat.
6. Dewan Negara ialah Majlis Tinggi atau Senat yang mengandungi seramai 69 orang ahli yang dipanggil Senator. Seseorang yang hendak dilantik menjadi senator mestilah berumur tidak kurang daripada
- A. 21 tahun.
- B. 30 tahun.
- C. 35 tahun.
- D. 40 tahun.
- E. 45 tahun.
7. Antara berikut, yang manakah merupakan keistimewaan-keistimewaan Parlimen?
- I. Mana-mana Mahkamah tidak boleh mempertikaikan sahnya apa-apa perjalanan dalam mana-mana Majlis Parlimen atau Jawatankuasanya.
- II. Ahli-ahli Majlis Parlimen adalah bebas mengeluarkan kenyataan di akhbar dan lain-lain media massa.
- III. Ahli-ahli Majlis Parlimen bebas bercakap, mengeluarkan pendapat, mengkritik, dan memberi undi selagi mereka tidak melanggar undang-undang yang ditetapkan.
- IV. Ahli-ahli Parlimen tidak boleh didakwa oleh mana-mana mahkamah.
- A. I dan II
- B. II dan IV

- C. I dan III
- D. II dan III
- E. III dan IV

8. Apakah badan yang bertanggungjawab meluluskan sesuatu rang undang-undang sebelum dibentangkan kepada Dewan Rakyat?
- A. Jabatan Peguam Negara.
 - B. Jabatan Perdana Menteri.
 - C. Jemaah Menteri atau Kabinet.
 - D. Majlis Raja-raja.
 - E. Mahkamah Agung.
9. Dua mesyuarat atau acara persidangan Parlimen yang penting ialah
- I. membahas dan meluluskan rang undang-undang.
 - II. pembukaan rasmi Persidangan Parlimen.
 - III. mengangkat sumpah Ahli-ahli Dewan.
 - IV. Mesyuarat Belanjawan.
- A. I dan II
 - B. II dan IV
 - C. III dan IV
 - D. I dan IV
 - E. II dan III
10. Suruhanjaya Pilihanraya ialah satu badan bebas yang sangat penting dalam memelihara dan menjamin prinsip demokrasi berparlimen di negara ini. Antara berikut, yang manakah merupakan tugas-tugas utama Suruhanjaya tersebut?
- I. Menjalankan pilihanraya bagi Dewan Rakyat dan Dewan Negeri-negeri.
 - II. Menyemak dan mengubah kawasan-kawasan pilihanraya mengikut bidangkuasa yang sudah ditetapkan.

- III. Menyiap dan menyemak daftar pengundi bagi semua kawasan pilihanraya.
- IV. Menjaga ketenteraman dan keselamatan orang ramai pada hari pembuangan undi.
- A. I dan II
- B. I dan III
- C. I, II, dan III
- D. II, III, dan IV
- E. I, II, III, dan IV

BAB 5

SISTEM PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan sistem kerajaan berparlimen dan pentadbiran kerajaan dijalankan di dua peringkat utama iaitu peringkat persekutuan dan negeri-negeri. Kerajaan Persekutuan menjalankan kuasa-kuasa pemerintahan (eksekutif) menerusi satu sistem dan organisasi pentadbiran yang dapat ditunjukkan secara ringkas seperti dalam Rajah 3. Dalam bab ini kita akan cuba memahami dan meneliti sistem pentadbiran kerajaan peringkat persekutuan dengan meneliti beberapa bahagian atau komponen utama pentadbiran kerajaan meliputi Yang di-Pertuan Agong, Majlis Raja-raja, Jemaah Menteri, kementerian-kementerian (termasuk jabatan-jabatan Persekutuan), agensi-agensi pusat, dan badan-badan awam.

YANG DI-PERTUAN AGONG

Malaysia ialah sebuah negara yang mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen dan mempunyai seorang Raja Berperlembagaan. Perlembagaan Persekutuan memberikan kedudukan dan taraf yang paling tinggi kepada Yang di-Pertuan Agong yang dipilih oleh Majlis Raja-raja secara undi sulit untuk memegang jawatan dalam tempoh lima tahun. Namun begitu, baginda boleh meletakkan jawatan tersebut pada bila-bila masa dengan mengutus surat perletakan jawatan kepada Majlis Raja-raja atau dipecat oleh Majlis Raja-raja mengikut Perkara 32 (3) dan (4), Perlem-



Petunjuk: ————— Menunjukkan kawalan
 - - - - - Menunjukkan perkaitan

Rajah 3
Jentera Pentadbiran Kerajaan Peringkat Persekutuan

bagaan Persekutuan. Selain itu Majlis Raja-raja mempunyai juga kuasa memilih dan memecat Timbalan Ketua Utama Negara. Tugas utama Timbalan Yang di-Pertuan Agong ialah menjalankan tugas-tugas bagi menggantikan Yang di-Pertuan Agong jika baginda uzur, tiada di dalam negara atau atas sebab-sebab lain.

Sebagai Ketua Utama Negara, Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa-kuasa perundangan (legislatif), eksekutif, dan kehakiman sebagaimana yang dinyatakan dalam Perlembagaan Persekutuan. Dalam banyak perkara hampir semua keputusan kerajaan yang dibuat oleh baginda adalah atas nasihat Perdana Menteri atau Jemaah Menteri. Namun begitu, baginda boleh bertindak menurut budi bicara bagi melaksanakan tugas-tugas berikut:

- (a) melantik seorang Perdana Menteri,
- (b) tidak mempersetujui permintaan membubarkan Parlimen,
- (c) meminta supaya diadakan satu Mesyuarat Raja-raja yang semata-mata mengenai keistimewaan, kedudukan, kemuliaan dan kebesaran Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja dan mengambil apa-apa tindakan dalam mesyuarat itu, dan dalam apa-apa hal lain yang tersebut dalam Perlembagaan Persekutuan.

Terdapat beberapa tugas rasmi yang hanya boleh dilakukan oleh Yang di-Pertuan Agong. Baginda mempunyai kuasa memanggil, memberhenti, dan membubarkan Parlimen. Baginda mempunyai kuasa dan budi bicara melantik seorang Perdana Menteri dan atas nasihat Perdana Menteri melantik pula Menteri-menteri lain sebagai anggota Jemaah Menteri dan Timbalan-timbalan Menteri. Baginda ialah Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Persekutuan dan sebagai punca penghormatan, baginda mengurniakan bintang-bintang kebesaran dan pingat-pingat kepada rakyat di semua

peringkat. Baginda menjadi Ketua Agama Islam bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai raja seperti Melaka, Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan, Sabah, dan Sarawak dan samping negeri baginda sendiri. Sebagai punca keadilan, baginda berkuasa melantik hakim-hakim, mengampun, dan menanggukkan hukuman mengenai segala kesalahan yang dibicarakan oleh Mahkamah Tentera dan segala kesalahan yang dilakukan dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan.

MAJLIS RAJA-RAJA

Majlis Raja-raja terdiri daripada Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-Raja sembilan buah negeri Semenanjung Malaysia dan Yang Dipertua Negeri bagi negeri-negeri Melaka, Pulau Pinang, Sarawak, dan Sabah. Tugas-tugas Majlis Raja-raja sebagaimana yang dinyatakan dalam Perkara 38 (2), Perlembagaan Persekutuan ialah:

- (a) memilih Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong mengikut peruntukan-peruntukan Jadual Ketiga,
- (b) mempersetujui atau tidak mempersetujui apa-apa perbuatan, amalan atau upacara agama meliputi seluruh Persekutuan,
- (c) mempersetujui atau tidak mempersetujui apa-apa undang-undang dan membuat atau memberi nasihat mengenai apa-apa perlantikan yang menurut Perlembagaan Persekutuan, memerlukan persetujuan Majlis Raja-raja atau yang dikehendaki dibuat oleh atau selepas berunding dengan Majlis Raja-raja.

Majlis Raja-raja boleh juga menimbang soal-soal mengenai dasar negara, misalnya perubahan dasar imigresen atau perkara-perkara lain juga yang difikirkan patut. Apabila Majlis

Raja-raja menimbang perkara-perkara mengenai dasar negara, Yang di-Pertuan Agong disertai oleh Perdana Menteri, Raja-raja, dan Yang Dipertua Negeri disertai oleh Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri masing-masing. Majlis Raja-raja mempunyai taraf dan kedudukan istimewa kerana tidak ada sebarang undang-undang yang menyentuh secara langsung keistimewaan, kedudukan, kemuliaan, dan kebesaran Raja-raja yang boleh diluluskan dengan tiada persetujuan Majlis Raja-raja. Majlis Raja-raja boleh bertindak mengikut budi bicara dalam sebarang urusan yang berhubung dengan tugas-tugas berikut:

- (a) memilih dan memecat Yang di-Pertuan Agong daripada jawatannya atau memilih Timbalan Yang di-Pertuan Agong bagi Persekutuan,
- (b) memberi nasihat atas apa-apa perlantikan,
- (c) mempersetujui atau tidak mempersetujui apa-apa undang-undang yang mengubah sempadan sesebuah negeri atau yang menyentuh keistimewaan, kedudukan, kemuliaan atau kebesaran Raja-raja atau
- (d) mempersetujui atau tidak mempersetujui supaya apa-apa perbuatan, amalan atau upacara agama meliputi seluruh Persekutuan.

Majlis Raja-raja pada umumnya bersidang tiga atau empat kali setahun dan setiausaha persidangan ialah Penyimpan Mohor Besar Raja-raja yang dilantik oleh Majlis itu sendiri. Dalam tugas memilih dan memecat Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong hanya Raja-raja sahaja yang berhak membuat keputusan dan mengundi. Perlantikan Yang di-Pertuan Agong oleh Majlis Raja-raja adalah mengikut senarai pemilihan yang mengandungi Raja-raja semua negeri dan disusun mengikut susunan Duli-duli Yang Maha Mulia Raja mengiktiraf keutamaan antara sesama baginda. Senarai pemilihan ini memberi peluang kepada semua raja dari

sembilan buah negeri di Semenanjung dilantik menjadi Yang di-Pertuan Agong sehingga selesai satu pusingan. Jika raja-raja dari semua negeri tersebut telah memegang jawatan Yang di-Pertuan Agong, satu senarai pemilihan yang baru disusun semula. Majlis Raja-raja perlu juga diminta fikirannya sebelum dibuat apa-apa perubahan tentang dasar mengenai tindakan pentadbiran di bawah Perkara 153, Perlembagaan Persekutuan iaitu mengenai Kedudukan dan Hak Istimewa orang Melayu dan Bumiputera lain.

JEMAAH MENTERI

Jemaah Menteri atau Kabinet adalah sebuah badan yang bertanggungjawab menjalankan kuasa eksekutif yang dipegang oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Jemaah Menteri dianggotai oleh Perdana Menteri sebagai Ketua Jemaah Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri-menteri lain. Semua ahli Jemaah Menteri adalah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong untuk menasihati Baginda dalam hal menjalankan tugas-tugas baginda sebagai Ketua Utama Negara. Perkara (43) (2), Perlembagaan Persekutuan memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong melantik Jemaah Menteri dengan terlebih dahulu melantik seorang Ahli Dewan Rakyat yang pada pendapat baginda akan mendapat kepercayaan sebilangan besar ahli-ahli Dewan tersebut sebagai Perdana Menteri. Atas nasihat Perdana Menteri, baginda selepas itu akan melantik Timbalan Perdana Menteri dan Menteri-menteri lain daripada ahli-ahli mana-mana Majlis Parlimen iaitu Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Selain itu seseorang Ahli Dewan Negeri boleh jugalah dilantik menjadi Menteri dalam Jemaah Menteri dengan syarat beliau terlebih dahulu berhenti menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri sebelum menjalankan tugas-tugas jawatannya sebagai Menteri.

Kabinet pada dasarnya bukan satu badan dalam jentera

pentadbiran, tetapi merupakan sebuah badan pemerintahan. Kabinet mempunyai tugas dan tanggungjawab dalam membuat semua dasar kerajaan dan memberi arahan-arahan bagi pelaksanaan dasar-dasar tersebut. Kabinet pada amnya mengadakan mesyuarat sekali seminggu untuk membincangkan berbagai-bagai perkara yang berkaitan dengan pelaksanaan dasar-dasar kerajaan di samping isu-isu dan masalah-masalah semasa yang dihadapi oleh kerajaan dan negara. Sebelum sesuatu mesyuarat Kabinet diadakan, Perdana Menteri akan mengadap Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk menyembahkan perkara-perkara yang akan dibincangkan oleh Kabinet.

Mesyuarat Kabinet boleh membangkitkan berbagai-bagai perkara dan membuat keputusan, walaupun perkara-perkara tersebut tidak ada dalam agenda mesyuarat. Seseorang menteri akan mengemukakan Kertas Kabinet kepada mesyuarat ini jika beliau berkehendakkan pandangan dan keputusan Kabinet mengenai sesuatu perkara yang menyentuh dasar dan dianggap sangat penting oleh menteri berkenaan. Jawatankuasa Khas Kabinet boleh dibentuk sekiranya Kabinet berpendapat, sesuatu isu atau masalah itu perlu dikaji dengan mendalam sebelum sesuatu keputusan atau tindakan dapat diambil oleh pihak kerajaan. Jawatankuasa khas ini biasanya terdiri daripada beberapa orang menteri yang dilantik oleh Kabinet. Selain itu terdapat beberapa jawatankuasa tetap Kabinet yang dibentuk untuk menimbangkan semua aspek mengenai sesuatu perkara penting.

Oleh sebab Kabinet bersesama bertanggungjawab kepada Parlimen, maka sebarang keputusan Kabinet mesti disokong oleh semua menteri dan mereka bertanggungjawab mempertahankan tindakan-tindakan yang diambil oleh kerajaan di Parlimen. Dengan ini Kabinet bekerja sebagai satu pasukan yang bertanggungjawab secara kolektif. Perkara-perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat Kabinet adalah rahsia

dan sebab-sebab bagi sesuatu keputusan tidak dicatatkan dalam minit-minit mesyuarat tersebut. Setiausaha Kabinet ialah Ketua Setiausaha Negara yang menjadi juga Ketua Perkhidmatan Awam dan penasihat utama kepada Kabinet dalam perkara-perkara perkhidmatan kerajaan.

KEMENTERIAN DAN JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Pusat menjalankan tugas dan tanggungjawabnya menerusi kementerian-kementerian, jabatan-jabatan, agensi-agensi dan badan-badan Persekutuan. Selepas mencapai kemerdekaan terutama sekali dalam tempoh lebih dua dekad kebelakangan ini timbul keperluan yang lebih besar untuk mewujudkan sistem pentadbiran kerajaan yang lebih cekap dan berkesan bagi mencapai matlamat-matlamat pembangunan negara. Kerajaan merancang, melaksana, mengawal, dan menilai segala dasar dan rancangan-rancangan kerajaan menjadi semakin mendesak dan bertambah kompleks. Pada awal kemerdekaan dalam tahun 1957, terdapat hanya tujuh buah kementerian berbanding dengan 23 buah kementerian yang diwujudkan pada masa ini. Selain itu bilangan jabatan, agensi, dan badan kerajaan Persekutuan telah ditambah dari semasa ke semasa bagi memenuhi keperluan pentadbiran dan pengurusan yang meningkat, terutama sekali bagi menjayakan rancangan-rancangan pembangunan ekonomi dan sosial yang begitu pesat sejak tahun 1970-an.

Kementerian-kementerian merupakan agensi tertinggi dalam jentera pentadbiran Persekutuan. Setiap kementerian diketuai oleh seorang menteri dan sesetengah kementerian yang penting, mempunyai beban tugas yang berat dengan skop yang luas dibantu oleh seorang atau dua orang timbalan menteri di samping jawatan politik yang lain iaitu setiausaha-parlimen dan setiausaha politik. Ketua Setiausaha merupakan

pegawai pentadbir utama di setiap kementerian dan beliau juga menjadi penasihat pentadbir utama kepada menteri, terutama sekali dalam hak-hak yang berkaitan dengan dasar-dasar kerajaan. Ketua Setiausaha bertanggungjawab menjalankan segala dasar kementerian dan arahan-arahan menteri berkenaan bukan sahaja di peringkat Persekutuan, tetapi juga di peringkat negeri-negeri dan daerah di mana kementerian-kementerian berkenaan mempunyai pejabat-pejabat cawangannya.

Pada umumnya, terdapat dua jenis kementerian iaitu: (a) kementerian-kementerian (termasuk jabatan-jabatan) yang hanya beroperasi atau menjalankan kerja-kerja di peringkat Persekutuan. Antaranya ialah seperti Kementerian Pertahanan, Kementerian Kewangan, Kementerian Perusahaan Awam, Kementerian Luar Negeri, dan Kementerian Wilayah Persekutuan dan (b) kementerian-kementerian yang beroperasi atau menjalankan kerja-kerja bukan sahaja di peringkat Persekutuan, tetapi mempunyai juga jabatan atau pejabat cawangannya di peringkat negeri dan daerah. Antaranya ialah Kementerian Kesihatan, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Pelajaran, Kementerian Kebudayaan, Belia, dan Sukan, Kementerian Pertanian, Kementerian Kebajikan, dan lain-lain.

Sesebuah kementerian mempunyai tugas, tanggungjawab dan peranan tertentu yang telah ditetapkan. Pada umumnya tugas, tanggungjawab, dan peranan tersebut meliputi semua urusan dan kerja yang berkaitan dengan pelaksanaan dasar-dasar kerajaan yang telah tentukan, mewujudkan dasar-dasar baru selaras dengan matlamat-matlamat pembangunan negara, merancang, melaksana, mengawal, serta menyelaraskan rancangan-rancangan atau projek-projek yang telah diluluskan dan mewujudkan suatu sistem pentadbiran yang cekap dan berkesan. Setiap kementerian mempunyai ibu pejabat kementerian yang dipecahkan kepada beberapa bahagian tertentu mengikut keperluan dan kepentingan bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing. Tiap-

tiap bahagian di kementerian itu pula diketuai oleh Timbalan Ketua Setiausaha atau Pengarah Bahagian atau Ketua Penolong Setiausaha berdasarkan kepada saiz, tugas, dan beban kerja tiap-tiap bahagian tersebut. Tiap-tiap bahagian mempunyai tugas dan tanggungjawab yang khusus.

Kementerian Pendidikan ialah satu contoh kementerian yang menjalankan kerja atau operasinya bukan sahaja di peringkat Persekutuan, tetapi juga mempunyai cawangan-cawangan iaitu Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah. Dari segi struktur organisasinya, kementerian ini mempunyai 19 bahagian yang berasingan iaitu:

- (1) Bahagian Kewangan dan Akaun
- (2) Bahagian Pembangunan dan Bekalan
- (3) Bahagian Pentadbiran
- (4) Bahagian Biasiswa dan Latihan
- (5) Bahagian Hal-ehwal Luar Negeri
- (6) Bahagian Pendidikan Guru
- (7) Bahagian Perkhidmatan Sebaran Pendidikan
- (8) Bahagian Pelajaran Tinggi
- (9) Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran
- (10) Bahagian Sekolah-sekolah
- (11) Bahagian Pendidikan Agama Islam
- (12) Bahagian Pelajaran Teknik dan Vokasional
- (13) Bahagian Lembaga Peperiksaan
- (14) Pusat Perkembangan Kurikulum
- (15) Jemaah Nazir Persekutuan
- (16) Bahagian Perjawatan dan Perkhidmatan
- (17) Bahagian Pendaftaran Sekolah-sekolah dan Guru-guru
- (18) Institut Pengurusan Pendidikan Negara
- (19) Biro Buku Teks

Sementara itu, di peringkat negeri pula terdapat Jabatan Pendidikan Negeri yang diketuai oleh Pengarah Pendidikan Negeri. Pentadbiran di Jabatan Pendidikan Negeri dibahagi-bahagikan juga kepada beberapa unit kecil seperti perkhidmatan tadbiran, pendaftaran dan perhubungan, teknologi pendidikan, pembangunan dan bekalan, kurikulum, kokurikulum, agama dan dakwah, peperiksaan dan penilaian, hal-ehwal murid, penyeliaan sekolah rendah, dan penyeliaan sekolah menengah. Tugas utama Jabatan Pendidikan Negeri ialah melaksanakan segala dasar dan rancangan pelajaran yang ditetapkan oleh pihak Kementerian. Di daerah-daerah terdapat pula Pejabat Pendidikan Daerah yang diketuai oleh Pegawai Pendidikan Daerah. Tugas utama Pejabat Pendidikan Daerah ialah memastikan semua dasar dan rancangan pendidikan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan oleh semua sekolah menengah dan rendah yang berada di daerah-daerah.

Jabatan Perdana Menteri merupakan satu daripada jabatan kerajaan yang menjalankan kerja-kerja di peringkat Persekutuan dan tidak mempunyai pejabat cawangan secara langsung di peringkat negeri ataupun daerah. Jabatan Perdana Menteri merupakan satu jabatan yang sangat penting kerana tugas dan peranannya yang besar dalam membentuk dasar-dasar kerajaan, mengarah, menyelaras, dan mengawal semua kementerian, jabatan dan badan-badan Persekutuan, menguruskan kerja-kerja majlis tertinggi seperti Majlis Tindakan Negara, Majlis Ekonomi Negara, dan Majlis Keselamatan Negara. Jabatan Perdana Menteri diketuai oleh Perdana Menteri dan dibantu oleh Timbalan Perdana Menteri, Menteri-menteri, dan Timbalan-timbalan Menteri. Pegawai pentadbir utama di Jabatan Perdana Menteri ialah Ketua Setiausaha Negara yang bertugas sebagai penasihat dan pentadbir utama kepada Perdana Menteri, Setiausaha kepada Jemaah Menteri, dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam. Bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya, Jabatan

Perdana Menteri mempunyai beberapa bahagian atau unit yang penting seperti Unit Perancangan Ekonomi (UPE), Unit Penyelarasan Pelaksanaan (UPP), dan Jabatan Perkhidmatan Awam. Peranan, tugas, dan tanggungjawab UPE, UPP, dan Jabatan Perkhidmatan Awam akan diteliti dengan lebih lanjut di bawah tajuk agensi-agensi pusat dalam bahagian berikut ini.

AGENSI-AGENSI PUSAT

Agensi-agensi pusat memainkan peranan yang sangat mustahak dalam struktur dan organisasi kerajaan Persekutuan. Tujuan utama penubuhan agensi-agensi tersebut adalah untuk memastikan segala dasar dan rancangan kerajaan dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan di samping mewujudkan penyelarasan dan kerjasama antara semua kementerian dan jabatan-jabatan Persekutuan serta antara kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri-negeri. Penyelarasan dari aspek-aspek perancangan, pelaksanaan, dan kawalan di semua peringkat adalah amat mustahak bagi menjamin pencapaian matlamat-matlamat pembangunan negara yang sudah ditetapkan, meningkatkan produktiviti dan mutu perkhidmatan, di samping mengurangkan pembaziran dari segi masa, tenaga, dan kewangan. Kementerian, jabatan dan badan berkanun banyak ditubuhkan oleh kerajaan pusat dan kerajaan-kerajaan negeri bagi mengambil tugas dan menyertai pelbagai aspek pembangunan negara. Hal ini menyebabkan bertambahnya kepentingan dan keperluan terhadap agensi-agensi pusat yang utama iaitu:

- (a) Unit Perancangan Ekonomi,
- (b) Unit Penyelarasan Pelaksanaan,
- (c) Jabatan Perkhidmatan Awam, dan
- (d) Perbendaharaan

Unit Perancangan Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri merupakan sebuah agensi pusat yang pada amnya bertugas bagi merancang, menyelaras, membuat kajian, dan memberi cadangan kepada kerajaan mengenai pembangunan ekonomi seluruh negara. Unit ini menjadi urusetia juga kepada tiga badan yang penting iaitu Majlis Ekonomi Negara (MEN), Jawatankuasa Perancangan Pembangunan Negara (JPPN), Jawatankuasa Pelaburan Asing, dan Panel Ekonomi. Majlis Ekonomi Negara bertugas dalam memberi nasihat kepada kerajaan mengenai perkara-perkara am dalam ekonomi negara. Jawatankuasa Perancangan Pembangunan Negara pula mempunyai tugas yang lebih khusus dan mendalam mengenai perancangan, penilaian, dan kajian semula rancangan-rancangan pembangunan negara.

Unit Perancangan Ekonomi mempunyai beberapa tugas penting iaitu: (1) merancang dan membuat cadangan mengenai ekonomi negara kepada Kabinet, (2) mengusaha dan menyelaras kerja-kerja berkaitan dengan penyediaan belanjawan perbelanjaan modal tahunan untuk dilaksanakan oleh beberapa bahagian dalam rancangan pembangunan negara, (3) menjalankan penyelidikan-penyelidikan untuk berbagai-bagai bidang ekonomi dengan kerjasama Jabatan Perangkaan, (4) merancang untuk meminjam modal bagi pembangunan ekonomi negara dalam jangka masa pendek dan jangka masa panjang, (5) menilai kemajuan dan hasil rancangan-rancangan pembangunan ekonomi dan sosial, (6) memberi nasihat kepada kerajaan mengenai masalah-masalah am ekonomi negara. Untuk menjalankan tugas-tugas ini, Unit Perancangan Ekonomi dibantu oleh jentera pentadbiran negara di semua peringkat meliputi Bank Negara, Perbendaharaan, kementerian-kementerian, jabatan-jabatan persekutuan, badan-badan berkanun, dan kerajaan-kerajaan negeri.

Unit Penyelarasan Pelaksanaan merupakan sebuah agensi pusat di Jabatan Perdana Menteri yang telah ditubuhkan pada tahun 1972. Unit ini secara umumnya bertugas dan bertang-

gungjawab memastikan semua dasar kerajaan dapat dise-laraskan dan dijalankan oleh semua kementerian, jabatan, dan badan-badan kerajaan. Unit ini lebih banyak berfungsi sebagai badan penyelarasan dan pengawas kepada kerajaan dalam memastikan pencapaian matlamat-matlamat mem-basmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat di bawah Dasar Ekonomi Baru yang dilaksanakan dalam rancangan-rancangan Malaysia Kedua, Ketiga, Keempat, dan Kelima (1970-1990).

Antara tugas dan matlamat Unit Penyelarasan Pe-laksanaan ialah: (1) menyelaraskan dasar-dasar kerajaan di kementerian-kementerian dan jabatan serta mewujudkan dasar-dasar baru bagi mencapai matlamat-matlamat DEB, (2) membantu dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti yang dijalan-kan oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri, (3) mengawasi agensi dan perbadanan awam seperti PETRONAS, MISC, HICOM, dan lain-lain, (4) membantu menyelesaikan masalah-masalah kontraktor bumiputera dan meningkatkan penyertaan bumiputera dalam bidang perda-gangan dan perindustrian yang menjadi tujuan DEB, (5) me-rancang, melaksana, dan menilai program atau projek khas kerajaan (6) membaiki sistem, pentadbiran, dan pengurusan awam untuk menambah kecekapan dan keberkesanan. Unit Penyelarasan Pelaksanaan menjadi urusetia juga kepada Majlis Tindakan Negara yang bertugas untuk memastikan semua projek dalam rancangan pembangunan negara berjalan lancar serta menyelaraskan rancangan-rancangan menentang dan menghapuskan kegiatan komunis.

Perbendaharaan merupakan sebuah agensi pusat yang terletak di bawah Kementerian Kewangan dan pada umumnya bertanggungjawab merancang dan melaksanakan dasar-dasar mengenai kewangan, belanjawan, cukai, dan lain-lain. Pengurusan di bawah bidang ekonomi dan fiskal meliputi berbagai-bagai perkara yang berkaitan dengan kewangan, cukai, insurans, dan kontrak. Perbelanjaan pula meliputi

belanjawan, pentadbiran, perakaunan, pinjaman perumahan, dan penilaian. Pada masa ini Perbendaharaan mempunyai 10 bahagian yang bertugas untuk merancang dan melaksanakan kerja-kerjanya dan bahagian-bahagian tersebut ialah Bahagian Pentadbiran, Bahagian Pengurusan Belanjawan, Bahagian Analisis Ekonomi dan Antarabangsa, Bahagian Analisis Cukai, Bahagian Pentadbiran Insurans, Bahagian Perakaunan, Bahagian Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Bahagian Pengurusan Kewangan, Hutang dan Pelaburan serta Bahagian Pengurusan Kontrak dan Bekalan.

Selain itu Perbendaharaan berfungsi juga dalam menentukan pengagihan sumber-sumber kewangan, sistem perolehan, penggunaan, pengurusan dan pelupusan harta benda kerajaan, mendapatkan wang menerusi cukai, pinjaman dari dalam dan luar negeri, memajukan sistem pengurusan awam yang cekap, mengawal pertumbuhan industri insurans, memberi pelbagai perkhidmatan seperti kontrak pusat, penilaian bangunan, pinjaman perumahan, pinjaman kepada agensi-agensi kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri. Oleh itu, Perbendaharaan merupakan sebuah agensi yang sangat penting dalam merancang, melaksana, dan mengawal semua aspek kewangan negara.

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) merupakan agensi pusat yang bertanggungjawab merancang dan melaksanakan segala dasar yang berkaitan dengan perkhidmatan awam. JPA diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan bertugas melaksana dan mengawasi semua perkara yang berkaitan dengan perjawatan, gaji, latihan, kemajuan kerjaya, dan pencen semua pegawai dan kakitangan kerajaan. Perkhidmatan Awam meliputi semua perkhidmatan berikut:

- (a) angkatan tentera,
- (b) perkhidmatan kehakiman dan undang-undang
- (c) perkhidmatan awam am Persekutuan,
- (d) pasukan polis,

- (e) perkhidmatan keretapi,
- (f) perkhidmatan awam bersama antara kerajaan Persekutuan dan negeri-negeri,
- (g) perkhidmatan awam tiap-tiap satu negeri, dan
- (h) perkhidmatan pelajaran,

Jabatan Perkhidmatan Awam diketuai oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam yang juga menjadi Ketua Setiausaha Negeri bagi mewujudkan perkhidmatan awam yang produktif, berdisiplin, cekap, dan berkesan. JPA mempunyai lapan bahagian iaitu Bahagian Perjawatan, Bahagian Perkhidmatan, Bahagian Latihan dan Kemajuan Kerjaya, Bahagian Gaji dan Elaun, Bahagian Pencen, Bahagian Perundangan, Institut Tadbiran Awam Negara, dan Bahagian Pentadbiran. Antara tugas dan fungsi utama jabatan ini ialah: (1) melaksana dasar-dasar perkhidmatan awam seperti perlantikan dan kenaikan pangkat, (2) menyedia dan menyelaras skim gaji, elaun, dan pencen bagi pegawai dan kakitangan awam, (3) mengkaji semula struktur organisasi jabatan-jabatan kerajaan dan mewujudkan jawatan-jawatan dalam perkhidmatan awam, (4) mengisi jawatan-jawatan kosong dalam perkhidmatan awam, (5) menyelesaikan berbagai-bagai masalah perkhidmatan dengan kesatuan-kesatuan sekerja awam, (6) menyediakan kemudahan latihan untuk kakitangan awam bagi meningkatkan mutu dan produktiviti seperti menerusi Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), dan lain-lain.

PERBADANAN AWAM

Selain penubuhan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan Persekutuan, termasuk agensi-agensi pusat, satu lagi ciri penting dalam struktur pentadbiran kerajaan ialah penubuhan perbadanan-perbadanan awam oleh kerajaan Persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri. Ada dua jenis

perbadanan awam di negara ini iaitu: (a) Badan-badan Berkanun dan Badan-badan Tidak Berkanun.

Badan-badan berkanun ditubuhkan oleh kerajaan Persekutuan di bawah undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen dan oleh kerajaan-kerajaan negeri-negeri di bawah enakmen yang diluluskan Dewan Undangan Negeri-negeri. Penubuhan badan-badan berkanun pada umumnya bertujuan untuk membolehkan penglibatan kerajaan secara terus dan lebih berkesan dalam bidang-bidang perkhidmatan awam dan pembangunan sosioekonomi yang memerlukan modal yang banyak dan kurang mendapat sambutan daripada sektor swasta. Badan-badan berkanun dijangka dapat memainkan peranan yang lebih aktif dan bebas kerana badan-badan tersebut tidak perlu mengikut peraturan-peraturan biasa yang diamalkan dalam pentadbiran kerajaan, walaupun badan-badan itu diletakkan di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri.

Proses pembangunan ekonomi dan sosial yang pesat telah menyebabkan kerajaan menubuhkan banyak badan berkanun dengan matlamat-matlamat dan fungsi-fungsi tertentu. Antara badan-badan berkanun yang telah ditubuhkan ialah:

- (a) Badan-badan berkanun yang berkaitan dengan pembangunan tanah dan wilayah seperti Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (FELCRA), Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA), Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA), dan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH).
- (b) Badan-badan berkanun yang berkaitan dengan pembangunan negara dan luar bandar seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (MAJU IKAN), Lembaga Padi dan Beras

Negara (LPN) serta Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

- (c) badan-badan berkanun yang berkaitan dengan pembangunan industri, perdagangan, dan penyertaan bumiputera di bawah Dasar Ekonomi Baru seperti Majlis Amanah Rakyat Bumiputera (MARA), Lembaga Pembangunan Bandar (UDA), Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan (FIDA), Lembaga Kemajuan Pelancongan (TDC), Pusat Daya Pengeluaran Negara (PDPN), Perbadanan Petroleum Nasional (PETRONAS), Institut Piawai Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM), dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri (PKEN).
- (d) Badan-badan berkanun yang berkaitan dengan perkhidmatan pengangkutan dan kemudahan-kemudahan awam seperti Penerbangan Malaysia (MAS), Keretapi Tanah Melayu (KTM), Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC), Tenaga Nasional (TEN), dan Pusat Penyelidikan Atom Tun Dr. Ismail (PUSPATI).
- (e) Badan-badan berkanun yang berkaitan dengan urusan kewangan, saham, dan pelaburan seperti Bank Simpanan Nasional, Bank Pembangunan Malaysia, Bank Rakyat, dan Pemodalan Nasional Berhad (PNB).
- (f) Badan-badan berkanun yang berkaitan dengan pendidikan dan pelajaran tinggi seperti Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Pertanian Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Utara Malaysia, dan Institut Teknologi Mara.
- (g) Badan-badan berkanun yang ditubuhkan oleh kerajaan-kerajaan negeri dengan tujuan memberi perkhidmatan dan mengambil bahagian dalam pelbagai kegiatan ekonomi dan sosial meliputi bidang-bidang

pertanian, perlombongan, pemiagaan, perkhidmatan, pelajaran, dan lain-lain.

Dari segi pentadbiran, badan-badan berkanun yang ditubuhkan oleh kerajaan Persekutuan ditadbir oleh lembaga pengarah yang dilantik oleh menteri atau kementerian yang berkenaan. Manakala badan-badan berkanun yang ditubuhkan oleh kerajaan-kerajaan negeri pula mempunyai lembaga pengarah yang dilantik oleh negeri-negeri berkenaan. Lembaga pengarah setiap badan berkanun bertanggungjawab membentuk dasar dan mengawal perjalanan badan berkanun berkenaan, tetapi mesti mematuhi dasar-dasar utama yang telah ditetapkan oleh kementerian-kementerian atau kerajaan-kerajaan negeri yang berkaitan. Pentadbiran utama sesebuah badan berkanun ialah pengurus besar atau pengarah yang bertugas untuk mengetuai kerja-kerja pentadbiran dan mengawal badan tersebut. Semua pegawai dan kakitangan badan-badan berkanun dilantik oleh badan-badan berkanun itu sendiri dengan meminta persetujuan dan kelulusan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam dan Perbendaharaan.

Badan-badan tidak berkanun ditubuhkan pula di bawah Akta Syarikat-syarikat sebagaimana penubuhan syarikat-syarikat milik swasta dan badan-badan ini adalah milik kerajaan sama ada kerajaan Persekutuan ataupun kerajaan-kerajaan negeri. Antara badan-badan tidak berkanun milik kerajaan ialah Perbadanan Nasional (PERNAS), anak-anak syarikat milik MARA dan anak-anak syarikat milik Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri. Badan-badan tidak berkanun ini mempunyai kebebasan yang agak luas, tetapi segala aktivitinya mesti mematuhi akta dan peraturan-peraturan yang disebut dalam penubuhan dan kelulusan pendaftarannya.

SOALAN-SOALAN SUBJEKTIF

1. Huraikan tugas dan tanggungjawab Jemaah Menteri atau Kabinet.
2. Bagaimanakah kerajaan menyelaraskan sistem pentadbiran di peringkat Persekutuan?
3. Pilih **dua** buah kementerian dan huraikan tentang tugas dan peranan kementerian-kementerian tersebut.
4. Apakah yang dimaksudkan sebagai agensi pusat? Dengan merujuk kepada dua buah agensi pusat, huraikan tugas dan peranan yang dimainkan oleh agensi berkenaan.
5. Tuliskan rencana ringkas mengenai perkara-perkara berikut.
 - (a) Jabatan Perkhidmatan Awam
 - (b) Perbendaharaan
 - (c) Badan Berkanun

SOALAN-SOALAN OBJEKTIF

1. Dalam banyak perkara, hampir semua keputusan yang dibuat oleh Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah atas nasihat Perdana Menteri atau Jemaah Menteri. Dalam perkara apakah baginda boleh bertindak mengikut budi-bicara?

- I. Melantik Perdana Menteri.
 - II. Melantik Menteri-menteri.
 - III. Tidak mempersetujui permintaan membubarkan Parlimen.
 - IV. Meminta supaya diadakan mesyuarat Raja-raja bagi membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan keistimewaan, kedudukan, kemuliaan dan kebesaran Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja.
- A. I dan II
 - B. I, II, dan III
 - C. I, III, dan IV
 - D. II, III, dan IV
 - E. I, II, III, dan IV
2. Antara berikut, yang manakah merupakan fungsi Majlis Raja-raja?
- I. Memilih dan memecat Yang di-Pertuan Agong.
 - II. Melantik menteri-menteri besar dan ketua-ketua menteri.
 - III. Mengisytiharkan darurat.
 - IV. Mempersetujui atau tidak mempersetujui perluasan sebarang perbuatan atau amalan agama meliputi seluruh Persekutuan.
- A. I dan II
 - B. I dan III
 - C. I dan IV
 - D. II dan III
 - E. III dan IV
3. Antara berikut, yang manakah **tidak** benar mengenai Majlis Raja-raja?
- A. Majlis Raja-raja bersidang tiga atau empat kali setahun.
 - B. Majlis Raja-raja boleh memberi nasihat atas apa-apa perlantikan.

- C. Memilih Timbalan Yang di-Pertuan Agong.
 - D. Melantik Hakim-hakim Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Agung.
 - E. Menimbang perkara-perkara mengenai dasar-dasar negara.
4. Semua kenyataan berikut adalah benar mengenai Jemaah Menteri atau Kabinet melainkan
- A. Kabinet diketuai oleh Perdana Menteri.
 - B. Setiausaha Kabinet ialah Ketua Setiausaha Negara.
 - C. Kabinet bertanggungjawab membuat dan mengarahkan dasar-dasar kerajaan.
 - D. Kabinet ialah sebuah badan dalam jentera pentadbiran Persekutuan.
 - E. Semua ahli Kabinet dilantik oleh DYMM Yang di-Pertuan Agong.
5. Menteri-menteri boleh membincang dan membahaskan berbagai-bagai perkara yang berkaitan dengan dasar kerajaan dan pelaksanaannya menerusi Mesyuarat Kabinet yang diadakan pada
- A. setiap minggu.
 - B. setiap dua minggu.
 - C. setiap tiga minggu.
 - D. setiap empat minggu.
 - E. setiap enam minggu.
6. Seseorang menteri akan mengemukakan Kertas Kabinet dalam Mesyuarat Kabinet jika beliau ingin
- A. mengemukakan idea-idea baru.
 - B. mendapatkan kerjasama daripada menteri-menteri lain.
 - C. membuat keputusan dan mendapat pandangan mengenai sesuatu perkara dasar yang dianggap penting.

- D. mendapatkan kelulusan bagi peruntukan-peruntukan baru.
 - E. mengubah strategi pelaksanaan program-program di bawah kementeriannya.
7. Tugas dan tanggungjawab utama Jabatan Perdana Menteri ialah
- A. meluluskan peruntukan-peruntukan bagi semua kementerian dan jabatan kerajaan.
 - B. mengawal perbelanjaan bagi semua kementerian dan jabatan kerajaan.
 - C. mengkaji prestasi semua kementerian dan jabatan kerajaan.
 - D. mengarah dan mengawal semua kementerian dan jabatan kerajaan.
 - E. merancang program-program bagi semua kementerian dan jabatan kerajaan.
8. Antara berikut, yang manakah merupakan agensi pusat yang tidak terletak di bawah Jabatan Perdana Menteri?
- A. Perbendaharaan.
 - B. Unit Perancangan Ekonomi.
 - C. Unit Penyelarasan Pelaksanaan.
 - D. Jabatan Perkhidmatan Awam.
 - E. Unit Pemodenan Tadbiran dan Tenaga Manusia (MAMPU).
9. Apakah nama agensi pusat yang bertanggungjawab merancang dan melaksanakan segala dasar yang berkaitan dengan perkhidmatan awam?
- A. Jabatan Perdana Menteri.
 - B. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.
 - C. Jabatan Perkhidmatan Awam.
 - D. Perbadanan Awam.
 - E. Perbendaharaan Negara.

10. Antara berikut, yang manakah **bukan** merupakan badan berkanun?

- I. Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN).
 - II. Syarikat Telekom Malaysia (STM).
 - III. Perbadanan Nasional (PERNAS).
 - IV. Keretapi Tanah Melayu (KTM).
- A. I dan II
 - B. I dan III
 - C. II dan III
 - D. I, III, dan IV
 - E. II, III, dan IV

DEWAN PERUNDANGAN DAN KERAJAAN NEGERI

DEWAN PERUNDANGAN NEGERI

Tiap-tiap negeri dalam Persekutuan Malaysia mempunyai dewan perundangan masing-masing yang dikenali sebagai Dewan Perundangan Negeri ataupun Dewan Perhimpunan Negeri. Bidang tugas, kuasa, dan keanggotaan Dewan ini adalah ditentukan oleh perlembagaan negeri masing-masing. Secara umumnya dapat dikatakan bahawa Dewan Perundangan Negeri terdiri daripada Raja atau Yang Dipertua Negeri dan sejumlah ahli-ahli yang dipilih oleh rakyat secara langsung menerusi pilihanraya. Dewan Perundangan Negeri mengandungi juga tiga orang ahli yang dilantik oleh kerajaan negeri iaitu Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-undang Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri. Ketiga-tiga ahli yang dilantik ini tidak membahas rang undang-undang dan tidak mengundi.

Raja atau Yang Dipertua Negeri mempunyai kuasa dan bertindak mengikut peruntukan-peruntukan yang dinyatakan dalam perlembagaan negeri. Tugas utama Raja atau Yang Dipertua Negeri ialah memanggil, menangguh, dan membubarkan Dewan Perundangan Negeri. Raja atau Yang Dipertua Negeri hendaklah memperkenalkan juga negeri sebelum dikuatkuasakan sebagai undang-undang negeri. Namun begitu Raja atau Yang Dipertua Negeri mempunyai kuasa budi bicara dalam beberapa perkara berikut:

- (a) melantik seorang Menteri Besar.

- (b) Tidak memersetujui permintaan membubar Dewan Perundangan Negeri.
- (c) Melantik waris atau waris-waris, Raja Perempuan, Pemangku Raja atau Jemaah Pemangku Raja.
- (d) Meminta supaya diadakan satu mesyuarat Majlis Raja-raja yang semata-mata mengenai keistimewaan, kedudukan, kemuliaan, dan kebesaran Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja atau perbuatan, amalan atau upacara agama.
- (e) Menjalankan apa-apa tugas sebagai Ketua Agama Islam atau yang berkaitan dengan adat istiadat Melayu.
- (f) Melantik orang memegang pangkat, gelaran, kemuliaan, dan kebesaran di sisi adat Melayu serta menetapkan tugas-tugas berkenaan dengannya, dan
- (g) Membuat peraturan mengenai balai-balai diraja dan istana-istana.

Pada amnya Dewan Perundangan Negeri mempunyai tugas utama mengatur dan mengawal hal-ehwal negeri dengan berpandu kepada perlembagaan negeri masing-masing supaya tidak berlaku pertelingkahan dalam membuat undang-undang di antara kerajaan Persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri. Perlembagaan Persekutuan telah menentukan perkara-perkara yang dapat dijadikan undang-undang oleh kerajaan Persekutuan seperti yang disebutkan dalam Jadual Kesembilan, Senarai 1 – Senarai Persekutuan.

Negeri-negeri pula menerusi Dewan Perundangan Negeri berkuasa membuat dan meluluskan undang-undang seperti yang disebutkan dalam Senarai Perundangan, Senarai 2 – Senarai Negeri. Antara perkara-perkara yang termasuk dalam senarai tersebut ialah:

- (a) Hal-ehwal mengenai Hukum Syarak, undang-undang diri dan keluarga orang Islam, wakaf, zakat fitrah, Baitulmal, dan lain-lain yang berkaitan dengan Islam.
- (b) Hal-ehwal mengenai tanah meliputi hak milik, sewa tanah, tanah simpanan Melayu dan bumiputera lain di Sabah dan Sarawak, permit dan lesen tanah lombong, pindah-milik tanah, pajakan, gadaian, dan pengembalian harta kepada kerajaan.
- (c) Hal-ehwal mengenai pertanian, pinjaman pertanian, dan perhutanan.
- (d) Hal-ehwal mengenai Kerajaan Tempatan meliputi perbadanan perbandaran, lembaga-lembaga tempatan dan bandaran, pihak berkuasa tempatan, cukai kerajaan tempatan, dan perumahan.
- (e) Hal-ehwal mengenai perkhidmatan tempatan seperti rumah penginapan, rumah loging, tanah kubur, tempat bakar mayat, paun, pencerobohan kerbau-lembu, pasar dan pasar berkala, lesen-lesen panggung wayang, dan tempat-tempat hiburan awam.
- (f) Hal-ehwal mengenai kerja raya negeri dan kerja-kerja air.
- (g) Hal-ehwal mengenai jentera kerajaan negeri (tertakluk kepada Senarai Persekutuan) tetapi termasuk peruntukan diraja dan pencen negeri, perkhidmatan-perkhidmatan negeri sendiri, pinjaman atas jaminan Kumpulan Wang Negeri Disatukan, pinjaman bagi maksud-maksud negeri, hutang awam negeri dan bayaran mengenai apa-apa perkara yang termasuk dalam Senarai Negeri atau yang selenggara di bawah undang-undang negeri.
- (h) Hal-hal lain seperti Hari Kelepasan Negeri, siasatan bagi maksud-maksud negeri dan Suruhanjaya-Suruhanjaya Siasatan dan pengumpulan perangkaan

mengenai mana-mana perkara yang termasuk dalam Senarai Negeri atau yang selenggara di bawah undang-undang negeri, penyu, dan menangkap ikan di sungai.

Selain Senarai Negeri dan Senarai Persekutuan terdapat satu lagi senarai perundangan yang membenarkan kedua-dua kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan membuat undang-undang, dikenali sebagai Senarai Bersama. Senarai Bersama ini meliputi hal-hal yang berkaitan dengan kebajikan masyarakat, biasiswa, perlindungan bagi binatang-binatang liar dan burung-burung liar, Taman Negara, temakan binatang, perancangan bandar dan kampung, kesihatan awam, kutu rayau dan penjaja-penjaja beredar, perparitan dan pengairan, pemulihan tanah lombong dan tanah yang telah dibinasakan oleh hakisan tanah dan langkah-langkah keselamatan kebakaran.

Bagi negeri Sabah dan Sarawak terdapat pula tambahan kepada Senarai Bersama yang meliputi undang-undang diri dan keluarga, harta, pencemuhan barang-barang makanan, perkapalan yang beratnya kurang daripada lima belas tan, menangkap ikan di laut dan di muara, bekalan kuasa air dan elektrik yang dijanakan oleh kuasa air, penyelidikan pertanian dan perhutanan, khairat, amanah dan yayasan khairat dalam negeri, panggung wayang dan tempat hiburan awam, dan pilihanraya bagi Dewan Negeri yang diadakan dalam tempoh pilihanraya secara tidak langsung.

PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI

Tugas utama setiap kerajaan negeri ialah mengatur, mengurus, mentadbir, dan mengawal hal-ehwal negeri masing-masing. Dengan ini setiap negeri mempunyai suatu jentera pentadbiran atau jentera pemerintahan yang tersendiri bagi memastikan supaya undang-undang negeri dapat dijalankan.

dan segala rancangan negeri dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Di peringkat negeri, kuasa eksekutif (pemerintahan) terletak pada Raja-raja atau Yang Dipertua Negeri masing-masing. Raja-raja atau Yang Dipertua Negeri menjalankan kuasa ini atas nasihat Majlis Mesyuarat Kerajaan (Exco) atau oleh seorang ahlinya yang ditauliahkan oleh Majlis tersebut. Di negeri Sabah, Majlis ini lebih menyerupai Sistem Kabinet Persekutuan dan dikenali sebagai Jemaah Menteri. Manakala di Sarawak pula Majlis ini dikenali sebagai Majlis Tertinggi.

Majlis Mesyuarat Kerajaan di setiap negeri mengandungi antara empat hingga lapan orang anggota ahli Dewan Perundangan Negeri yang dilantik mengikut perlembagaan negeri masing-masing dan diketuai oleh menteri besar atau ketua menteri sebagai ketua kerajaan negeri. Majlis ini dianggotai juga oleh tiga orang ahli pegawai (ex-officio) yang terdiri daripada setiausaha kerajaan negeri, pegawai kewangan negeri dan penasihat undang-undang negeri. Ahli-ahli Yang Berhormat yang dilantik menganggotai Majlis ini diberi tugas dan tanggungjawab mengetuai bidang-bidang tertentu dalam pentadbiran negeri seperti pertanian dan perikanan, pelajaran dan kebajikan, kemudahan awam, pelaburan dan perindustrian, perumahan, agama Islam, dan lain-lain mengikut keperluan dan peruntukan negeri masing-masing. Kebanyakan negeri memakai sistem jawatankuasa dengan setiap ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan mengetuai jawatankuasa tertentu. Berbeza daripada negeri-negeri lain, Sabah mempunyai Majlis Mesyuarat Kerajaan yang menggunakan Sistem Menteri sebagaimana Kabinet Persekutuan.


Jentera pentadbiran atau kerajaan negeri secara umumnya terdiri daripada jabatan-jabatan, pejabat-pejabat daerah, majlis-majlis tempatan, badan-badan berkanun, dan agensi-agensis lain yang ditubuhkan oleh kerajaan negeri. Antara jabatan-jabatan yang dikuasai sepenuhnya oleh kerajaan

negeri dan bertanggungjawab menjalankan pentadbiran negeri-negeri ialah: (a) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, (b) Pejabat Kewangan Negeri, (c) Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri dan (d) Unit Perancang Ekonomi Negeri.

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri merupakan jabatan negeri yang utama dan diketuai oleh seorang Setiausaha Kerajaan Negeri selaku Pegawai Pentadbir Utama Negeri, Ketua Perkhidmatan Awam Negeri dan menjadi Penasihat Pentadbir Utama kepada Menteri Besar atau Ketua Menteri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan. Tugas utama Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri ialah membuat arahan dan menyelaras semua jabatan yang terletak di bawah kerajaan negeri termasuk Pejabat-pejabat Daerah.

Pejabat Kewangan Negeri pula mengurus dan mentadbir segala hal kewangan negeri sebagaimana Perbendaharaan menguruskan segala hal kewangan Persekutuan dan Jabatan ini diketuai oleh Pegawai Kewangan Negeri. Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri diketuai oleh Penasihat Undang-undang Negeri, dan bertanggungjawab memberi nasihat mengenai pelbagai perkara yang berkaitan dengan undang-undang kepada menteri besar atau ketua menteri dan Majlis Mesyuarat Negeri serta mentadbirkan hal-hal perundangan. Unit Perancangan Ekonomi Negeri pula pada amnya bertanggungjawab merancang, menyelaras, menjalankan penyelidikan, dan memberi cadangan kepada kerajaan negeri mengenai pembangunan ekonomi sebagaimana peranan Unit Perancangan Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri bertanggungjawab kepada kerajaan Persekutuan.

Di negeri-negeri terdapat juga Jabatan Hal-ehwal Agama Islam Negeri yang bertanggungjawab mengurus dan mentadbir semua hal yang berkaitan dengan undang-undang syariah, mengurus hal-hal zakat, mengelola kegiatan-kegiatan agama dan dakwah Islamiah di peringkat negeri dan daerah-daerah. Di kebanyakan negeri, ketua jabatan



Petunjuk:



Menunjukkan bahawa tidak semua negeri mempunyainya.

Rajah 4
Jentera Pentadbiran Kerajaan Negeri Bagi
Semenanjung Malaysia

hal-ehwal agama Islam ialah mufti. Manakala di setengah-setengah negeri, jabatan tersebut diketuai oleh pegawai pentadbir negeri yang digelar Yang Dipertua atau Pesuruhjaya Hal-ehwal Agama Islam Negeri. Selain itu di negeri-negeri juga terdapat jabatan-jabatan yang bertanggungjawab kepada kedua-dua kerajaan negeri dan Persekutuan seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Haiwan, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Parit dan Taliair. Semua jabatan seumpama ini bertanggungjawab bagi perkara-perkara yang termasuk dalam Senarai Bersama bagi Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri mengikut Perlembagaan Persekutuan.

Negeri-negeri mempunyai juga suruhanjaya-suruhanjaya dan perbadanan awam yang ditubuhkan oleh kerajaan negeri itu sendiri bagi tujuan-tujuan pentadbiran dan penyertaan dalam kegiatan-kegiatan pembangunan. Kebanyakan negeri mempunyai Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri yang dilantik oleh Raja atau Yang Dipertua Negeri dan mempunyai tugas melantik kakitangan perkhidmatan awam negeri masing-masing seperti yang terdapat di Johor, Kedah, Kelantan, dan Terengganu. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri ini bertanggungjawab mengisi semua kumpulan jawatan dalam negeri-negeri berkenaan dan dikenali sebagai Perkhidmatan Tadbir Negeri. Sebaliknya beberapa buah negeri seperti Melaka, Pulau Pinang, Perlis, Negeri Sembilan, Sabah, dan Sarawak mempunyai kakitangan awam negeri yang dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan atau cawangannya di negeri-negeri berkenaan.

Kerajaan negeri menubuhkan juga perbadanan awam yang meliputi badan-badan berkanun dan tidak berkanun bagi menjalankan tugas dan tanggungjawab tertentu terutama sekali yang berkaitan dengan pembangunan ekonomi, sosial, pelajaran, dan kebajikan. Antara badan-badan awam yang ditubuhkan oleh kerajaan negeri ialah seperti

Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan anak-anak syarikatnya, yayasan-yayasan pelajaran, dan kebajikan.

PENTADBIRAN DAERAH, MUKIM, DAN KAMPUNG

Selain mempunyai jabatan, suruhanjaya, dan perbadanan awam pentadbiran peringkat negeri di negeri-negeri Semenanjung Malaysia melibatkan juga pentadbiran di peringkat-peringkat daerah, mukim, kampung, dan kerajaan tempatan. Pentadbiran peringkat daerah (dikenali sebagai jajahan di Kelantan) dijalankan oleh Pejabat Daerah dan Tanah yang diketuai oleh Pegawai Daerah. Pejabat Daerah dan Tanah ini bertanggungjawab menguruskan hal-hal tanah dan pembangunan di setiap daerah di samping menyelaraskan kegiatan semua cawangan agensi kerajaan Persekutuan dan negeri di pembangunan setiap daerah. Peranan Pejabat Daerah dalam proses pembangunan setiap daerah adalah sangat mustahak kerana jabatan ini mempunyai tugas dan tanggungjawab dalam merancang, melaksana, dan mengawal rancangan-rancangan pembangunan daerah dengan kerjasama jabatan dan agensi kerajaan yang lain yang ada di daerah-daerah.

Bagi melicinkan pentadbiran peringkat daerah, sesuatu daerah itu biasanya dipecahkan kepada beberapa mukim dan setiap mukim diketuai oleh seorang penjawat awam yang dikenali sebagai penghulu (penggawa di Kelantan). Pada masa dahulu seorang penghulu dilantik oleh penduduk tempatan atau jawatannya diisi secara keturunan. Tetapi pada masa ini jawatan tersebut dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri dan penghulu adalah menjadi kakitangan awam. Tugas utama penghulu ialah membantu Pejabat Daerah dan Tanah dan lain-lain agensi kerajaan melaksanakan kegiatan-kegiatannya di kampung-kampung yang terletak dalam mukim di bawah pengawasannya.

Setiap mukim pula mempunyai sejumlah bilangan kampung yang merupakan unit kawasan pentadbiran yang paling rendah dan paling kecil. Setiap kampung mempunyai seorang ketua kampung (disebut sebagai penghulu di Kelantan). Ketua kampung bukan merupakan kakitangan awam dan mereka hanya diberi elaun oleh kerajaan. Seorang ketua kampung menjadi Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung dan bertanggungjawab menolong Pejabat Daerah dan lain-lain agensi kerajaan menjalankan rancangan-rancangan pembangunan kampung seperti dalam pemilihan tapak-tapak projek pembangunan, pembinaan jalan raya, jambatan kecil, bekalan air, elektrik, surau, klinik kecil, dan lain-lain di kampung tersebut.

KERAJAAN TEMPATAN

Kerajaan negeri diberi kuasa bagi membentuk kerajaan tempatan dengan tujuan untuk memerintah dan mentadbirkan bandaraya, bandar, pekan, dan kampung di negeri masing-masing. Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan enakmen-enakmen negeri-negeri memperuntukkan kuasa-kuasa tertentu kepada pihak berkuasa tempatan. Antara kuasa-kuasa sesuatu pihak berkuasa tempatan atau kerajaan tempatan ialah: (a) kuasa untuk mengadakan undang-undang kecil, (b) kuasa untuk mengutip cukai, kadar, sewa, dan lain-lain, dan (c) kuasa untuk mengadakan kumpulan wang pihak berkuasa tempatan yang terletak di bawah arahan dan kawalannya sendiri. Dengan ini sesuatu pihak berkuasa tempatan adalah mempunyai autonomi kewangan.

Tujuan utama pembentukan kerajaan tempatan ialah untuk membolehkan orang ramai untuk penduduk tempatan mengambil bahagian dalam menguruskan kawasan-kawasan yang mereka duduki dan menjamin penyediaan berbagai-

bagai jenis kemudahan dan keperluan penduduk tempatan dengan lebih baik dan berkesan. Dengan ini, sesuatu pihak berkuasa tempatan mempunyai tugas dan tanggungjawab dalam mengelolakan pelbagai perkara seperti kesihatan, kerja raya, bekalan air, elektrik, perancangan bandar atau pekan, dan kemudahan-kemudahan lain awam. Ada empat jenis pihak berkuasa tempatan iaitu:

- (a) Majlis Bandaraya bagi bandar-bandar besar,
- (b) Majlis Bandaran bagi bandar-bandar sederhana,
- (c) Majlis Tempatan bagi pekan-pekan dan kampung-kampung baru,
- (d) Majlis Daerah untuk kawasan-kawasan luar bandar.

Penubuhan terlalu banyak pihak berkuasa tempatan di seluruh Semenanjung semenjak tahun 1950-an telah menimbulkan masalah dari segi kekurangan kakitangan yang cekap, pengurusan, dan kurang kemampuan dari segi ekonomi, terutama sekali bagi Majlis-majlis yang terlalu kecil. Masalah ini menyebabkan kerajaan mengadakan Suruhanjaya Diraja Bagi Mengkaji Perjalanan Pihak Berkuasa Tempatan di Semenanjung Malaysia dan menghasilkan satu laporan dalam tahun 1968. Bagi tujuan penyusunan semula semua pihak berkuasa tempatan iaitu: (a) Majlis Perbandaran bagi kawasan-kawasan bandar dan (b) Majlis Daerah bagi kawasan-kawasan luar bandar.

Sesebuah Majlis Perbandaran diketuai oleh Datuk Bandar atau Yang Dipertua dengan jumlah bilangan Ahli Majlis seramai lapan hingga 24 orang. Manakala sesebuah Majlis Daerah pula terdiri daripada yang dipertua dengan jumlah bilangan Ahli Majlis seramai lapan hingga dua belas orang. Ahli-ahli Majlis Daerah dan Majlis Perbandaran adalah dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri bagi suatu tempoh yang ditetapkan. Bagi kebanyakan negeri, jawatan Yang Dipertua Daerah adalah diisi oleh Pegawai Daerah, tetapi ada juga

negeri yang melantik Ahli Yang Berhormat sebagai Yang Dipertua Majlis Daerah. Bagi Majlis Perbandaran Kuala Lumpur ahli-ahlinya dilantik oleh Menteri Wilayah Persekutuan dan Datuk Bandar sebagai Ketua Pentadbir Dewan Bandaraya adalah tertakluk kepada arahan Kementerian Wilayah Persekutuan.

Sabah dan Sarawak mempunyai struktur dan organisasi pentadbiran kerajaan negeri yang agak berbeza daripada negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia. Pentadbiran di Sarawak dibahagikan kepada empat peringkat iaitu: (a) bahagian, (b) daerah, (c) daerah kecil, dan (d) kampung. Ketua pentadbir di tiap-tiap bahagian dalam negeri Sarawak ialah Residen. Di setiap bahagian terdapat satu atau lebih jawatan *temenggong* yang merupakan ketua masyarakat yang dilantik oleh kerajaan mewakili golongan suku kaum tertentu. Tugas temenggong ialah membantu residen dalam soal-soal pentadbiran.

Setiap Bahagian dalam negeri Sarawak mengandungi beberapa buah daerah dan pentadbiran di daerah-daerah diketuai oleh Pegawai Daerah. Di daerah-daerah terdapat ketua masyarakat yang digelar *pemanca* dan mereka bertanggungjawab kepada pegawai daerah dan temenggong di peringkat bahagian. Suatu daerah dibahagikan kepada daerah-daerah kecil yang pentadbirannya diketuai oleh Pegawai-pegawai Perkhidmatan Tadbir Sarawak. Manakala kampung-kampung yang terdapat dalam setiap daerah kecil adalah diketuai oleh penghulu. Di negeri Sabah pula terdapat dua peringkat pentadbiran iaitu daerah dan kampung. Setiap daerah diketuai oleh Ketua Daerah yang bertanggungjawab mentadbirkan segala hal pentadbiran yang berkaitan dengan hal-ehwal suku-suku kaum yang terdapat di setiap daerah berkenaan. Setiap suku kaum di sesuatu daerah mempunyai seorang ketua yang dipanggil Ketua Anak Negeri yang merupakan kakitangan kerajaan

dan bertanggungjawab kepada ketua daerah. Di peringkat kampung pula terdapat ketua-ketua kampung sebagaimana yang diamalkan di negeri-negeri Semenanjung Malaysia.

SOALAN-SOALAN SUBJEKTIF

1. Jelaskan tugas dan tanggungjawab Dewan Undangan Negeri.
2. Berikan satu hujah yang membuktikan kedudukan yang lebih penting daripada kerajaan persekutuan kepada kerajaan negeri.
3. Pejabat Kerajaan Negeri Negeri Sembilan dan Pejabat Kerajaan Negeri Johor dibuktikan mempunyai tugas dan peranan yang sama. Berikan alasan yang membuktikan sebaliknya.
4. Bagaimanakah Pejabat Daerah dapat melaksanakan perannya dalam negeri? Berikan tiga contoh pelaksanaan yang berkaitan dengan ekonomi di setiap daerah dalam negeri tersebut.
5. Apakah kuasa dan peranan kerajaan tempatan?

SOALAN-SOALAN OBJEKTIF

- I. Dewan Perundangan Negeri yang bertanggungjawab adalah yang dibenarkan oleh undang-undang dan berkuasa dalam negeri yang dibenarkan oleh undang-undang persekutuan.
- II. Yang dibenarkan Dewan Perundangan Negeri adalah:
 - A. I dan II
 - B. I dan III
- III. Peranan utama kerajaan negeri adalah:
 - A. I dan II
 - B. I dan III
- IV. Peranan kerajaan negeri adalah:
 - A. I dan II
 - B. I dan III

SOALAN-SOALAN SUBJEKTIF

1. Jelaskan tugas dan tanggungjawab Dewan Undangan Negeri.
2. Berikan satu huraikan yang menyeluruh mengenai struktur pentadbiran kerajaan di peringkat negeri.
3. 'Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pejabat Kewangan Negeri dikatakan mempunyai fungsi dan peranan yang sangat penting dalam pentadbiran peringkat negeri'. Bincangkan kenyataan ini.
4. Bagaimanakah Pejabat Daerah dapat memainkan peranannya dalam usaha memajukan pembangunan sosio-ekonomi di setiap daerah dalam negara ini?
5. Apakah kuasa dan peranan kerajaan tempatan?

SOALAN-SOALAN OBJEKTIF

1. Dewan Perundangan Negeri mengandungi ahli-ahli yang dipilih oleh rakyat menerusi pilihanraya dan beberapa orang ahli yang dilantik. Antara berikut, siapakah yang merupakan ahli-ahli yang dilantik?
 - I. Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri.
 - II. Setiausaha Kerajaan Negeri.
 - III. Penasihat Undang-undang Negeri.
 - IV. Pegawai Kewangan Negeri.
 - A. I dan II
 - B. I dan III

- C. I, II, dan III
 D. I, II, dan IV
 E. II, III, dan IV
2. Antara berikut, siapakah yang bertanggungjawab melantik Yang Dipertua Negeri bagi negeri-negeri yang tidak akan mempunyai raja atau sultan?
- A. Yang di-Pertuan Agong.
 B. Majlis Raja-raja.
 C. Perdana Menteri.
 D. Majlis Pangkuan Negeri.
 E. Menteri Besar.
3. Apakah tugas utama Raja atau Yang Dipertua Negeri?
- A. Merasmikan Sidang Dewan Undangan Negeri.
 B. Melantik Menteri Besar atau Ketua Menteri.
 C. Memanggil, menangguh, dan membubarkan Dewan Undangan Negeri.
 D. Mengetuai hal-hal agama Islam dan adat resam Melayu.
 E. Meluluskan semua enakmen yang dikemukakan oleh Dewan Undangan Negeri.
- Melantik Menteri Besar
 Melantik Jemaah Pemangku Raja
 Melantik orang memegang pangkat, gelaran, kemuliaan, dan kebesaran di sisi adat Melayu
4. Semua perkara yang dinyatakan di atas adalah merupakan
- A. tugas rasmi Raja atau Sultan.
 B. bidang kuasa Raja atau Sultan.
 C. kuasa budi bicara Raja atau Sultan.
 D. fungsi Raja atau Sultan.

- E. kuasa perlindungan Raja atau Sultan.
5. Mengikut Perlembagaan Persekutuan, Dewan Undangan Negeri mempunyai kuasa membuat dan meluluskan undang-undang bagi semua perkara berikut melainkan mengenai
- hal-ehwal agama.
 - tanah.
 - kerajaan tempatan.
 - pertanian.
 - pelajaran.
6. Apakah nama Badan yang bertanggungjawab memberi nasihat kepada Raja atau Yang Dipertua Negeri bagi menjalankan kuasa-kuasa pemerintahan?
- Majlis Pangkuan Negeri.
 - Majlis Mesyuarat Negeri.
 - Majlis Keselamatan Negeri.
 - Majlis Agama Negeri.
 - Majlis Pemerintahan Tertinggi.



7. Orang yang memegang jawatan A mempunyai tugas dan tanggungjawab seperti yang dirumuskan dalam rajah di atas. Jawatan A ialah

- A. Menteri Besar.
 - B. Setiausaha Kerajaan Negeri.
 - C. Penasihat Undang-undang Negeri.
 - D. Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri.
 - E. Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri.
8. Semua Jabatan yang terletak di bawah pentadbiran kerajaan negeri diarah dan diselaraskan oleh
- A. Pejabat Menteri Besar.
 - B. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.
 - C. Pejabat Kewangan Negeri.
 - D. Jabatan Perdana Menteri.
 - E. Jabatan Perkhidmatan Awam.
9. Sesetengah negeri mempunyai pegawai dan kakitangan kerajaan yang dilantik oleh negeri itu sendiri. Apakah nama Badan yang melaksanakan tugas tersebut?
- A. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.
 - B. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri.
 - C. Suruhanjaya Hal-ehwal Agama Negeri.
 - D. Jabatan Perpaduan Negeri.
 - E. Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri.
10. Apakah tugas utama pejabat daerah?
- A. Menyatukan penduduk yang tinggal di dalam sesebuah daerah.
 - B. Memajukan pembangunan bandar dan pekan yang terdapat di dalam sesebuah daerah.
 - C. Menyediakan kemudahan-kemudahan awam bagi seluruh daerah.
 - D. Memajukan pembangunan pertanian peringkat daerah.
 - E. Menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan tanah pembangunan sosioekonomi peringkat daerah.

A. Medical Society of the State of New York
B. American Medical Association
C. American Medical Association
D. American Medical Association
E. American Medical Association

1. American Medical Association
2. American Medical Association
3. American Medical Association
4. American Medical Association
5. American Medical Association

6. American Medical Association
7. American Medical Association
8. American Medical Association
9. American Medical Association
10. American Medical Association

11. American Medical Association
12. American Medical Association
13. American Medical Association
14. American Medical Association
15. American Medical Association
16. American Medical Association
17. American Medical Association
18. American Medical Association
19. American Medical Association
20. American Medical Association

BAB 7**PERKHIDMATAN AWAM DI MALAYSIA****PERUBAHAN FUNGSI DAN PERANAN**

Perkhidmatan awam mempunyai fungsi dan peranan yang amat penting dalam proses pembangunan negara. Seluruh bahagian perkhidmatan awam merupakan jentera kerajaan yang bertugas dan bertanggungjawab melaksanakan semua dasar dan rancangan (projek dan program) pembangunan negara mengikut matlamat, fungsi, dan peranan yang telah ditetapkan. Namun begitu, kejayaan dan pencapaian pembangunan negara bergantung juga kepada peranan pihak lain seperti sektor swasta dan penglibatan rakyat.

Semenjak negara mencapai kemerdekaan kerajaan telah melaksanakan pelbagai dasar dan rancangan pembangunan negara terutama sekali di bawah bidang ekonomi dan sosial. Perkembangan ini menyebabkan perkhidmatan awam sebagai jentera pelaksanaan turut sama mengalami perubahan fungsi dan cara operasinya. Semasa zaman penjajahan tugas utama perkhidmatan awam ialah menjaga keamanan, mengutip cukai, dan menjalankan kerja kebajikan masyarakat dalam batasan yang terhad. Manakala selepas mencapai kemerdekaan dan dalam dekad 1960-an perkhidmatan awam pula bukan sahaja menjalankan tugas yang telah sedia ada tetapi turut sama terlibat dalam mentadbir dan mengurus bidang pembangunan negara terutama sekali projek dan program pembangunan infrastruktur, pertanian, luar bandar, dan pendidikan.

Pembangunan sosioekonomi yang pesat dalam dekad 70-an dan pelaksanaan DEB menyebabkan perkhidmatan awam

memainkan peranan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang lebih luas dan kompleks. Matlamat membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat telah mengakibatkan perubahan-perubahan besar dalam dasar, strategi, dan rancangan pembangunan sosial dan ekonomi. Kerajaan telah menubuhkan juga berbagai-bagai jenis agensi dan perbadanan awam bagi mencapai matlamat-matlamat pembangunan di bawah DEB dan Rancangan Pembangunan Lima Tahun negara.

Dalam dekad 80-an kerajaan memperkenalkan pula pelbagai dasar baru yang bertujuan mempertingkatkan lagi taraf pembangunan sosial dan ekonomi negara dengan penekanan-penekanan tertentu dari segi peningkatan produktiviti, penglibatan yang lebih besar daripada sektor swasta, perindustrian, penerapan nilai-nilai Islam, persyarikatan Malaysia, pandang ke Timur, dan lain-lain.

Semua perubahan ini telah menyebabkan perubahan langsung bukan sahaja terhadap fungsi dan peranan perkhidmatan awam dalam konteks pembangunan negara, malah dalam soal-soal perkhidmatan awam itu sendiri, misalnya dari segi peningkatan produktiviti kakitangan awam, modenisasi pengurusan, dan lain-lain.

KECEKAPAN DAN MUTU PERKHIDMATAN AWAM

Istilah "kecekapan" dan "mutu" perkhidmatan mempunyai pengertian yang begitu luas dan agak kompleks kerana boleh dilihat daripada pelbagai sudut sains pengurusan. Alat dan kriteria yang digunakan untuk mengukur kecekapan dan mutu kerja (perkhidmatan) adalah berbeza-beza juga antara sektor awam dan sektor swasta atau antara organisasi-organisasi yang berlainan. Namun begitu, satu perkara yang agak jelas ialah kedua-dua perkara ini (kecekapan dan mutu perkhidmatan) berkait secara langsung dengan dua unsur iaitu proses dan hasil kerja.

Dalam perkhidmatan awam kecekapan dan mutu perkhidmatan pada asasnya boleh dilihat dalam tiga peringkat iaitu:

- (a) individu atau kelompok individu pegawai awam,
- (b) organisasi, jabatan atau sektor,
- (c) kerajaan dan negara.

Di peringkat individu dan kumpulan, kecekapan dan mutu perkhidmatan pada umumnya dipengaruhi oleh pelbagai faktor diri individu, suasana kerja, dan keadaan persekitaran. Antaranya ialah seperti kefahaman terhadap dasar dan matlamat kerajaan dalam hubungan dengan jenis perkerjaan atau jawatan yang disandang, kemampuan individu dari segi pengetahuan, kemahiran, personaliti, komunikasi, sikap, minat, disiplin bekerja, dan kepimpinan. Suasana kerja dan persekitaran banyak juga menentukan dorongan atau galakan kepada individu atau kumpulan yang akhirnya mempengaruhi kecekapan dan mutu perkhidmatan mereka. Oleh itu, perkara-perkara yang berkaitan seperti ganjaran, status, polisi dan prosedur kerja, penyeliaan, suasana tempat kerja dan jaminan masa hadapan, penghargaan, sifat sesuatu pekerjaan, dan lain-lain merupakan unsur-unsur penting yang mempengaruhi kecekapan dan mutu perkhidmatan individu atau kumpulan pegawai dan kakitangan awam.

Di peringkat organisasi, jabatan atau sektor pula kecekapan dan mutu perkhidmatan awam mungkin dapat dilihat daripada beberapa kriteria seperti kemampuan untuk merancang dan melaksanakan segala tugas dan tanggungjawab dengan baik, kejayaan untuk mencapai matlamat-matlamat yang telah ditetapkan, bekerjasama dengan organisasi, jabatan atau sektor lain yang ada hubungan secara langsung ataupun tidak langsung, mengawal kecekapan dan mutu perkhidmatan semua pegawai dan kakitangannya, dan menggunakan segala sumber dengan berkesan serta mengadakan

hubungan baik dengan semua pihak terutama sekali orang awam. Kecekapan dan mutu perkhidmatan sesuatu organisasi, jabatan atau sektor awam dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti kepimpinan, sistem pengurusan, taraf kepakaran, teknologi, kewangan, dan lain-lain kemudahan yang terdapat dalam organisasi, jabatan atau sektor berkenaan.

ETIKA PERKHIDMATAN AWAM

Etika Perkhidmatan Awam adalah suatu perkara penting dalam usaha mempertingkatkan lagi kecekapan dan mutu perkhidmatan pada semua peringkat dalam perkhidmatan awam. Oleh itu pada 1 Januari 1979, kerajaan telah melancarkan buku *Panduan Perkhidmatan Cemerlang* yang terkandung di dalamnya tujuh teras perkhidmatan yang perlu dijadikan prinsip dan pegangan oleh semua pegawai dan kakitangan awam. Tujuan kerajaan mewujudkan satu etika bagi perkhidmatan awam ialah:

1. Menyerapkan semangat bekerja dengan penuh dedikasi di kalangan semua kakitangan awam supaya mutu prestasi perkhidmatan mereka dapat dipertingkatkan.
2. Mewujudkan perhubungan yang mesra antara semua kakitangan perkhidmatan awam bagi mencapai matlamat perpaduan negara yang berdasarkan Rukunegara dan Dasar Ekonomi Baru.
3. Menimbulkan kesedaran di kalangan semua kakitangan perkhidmatan awam terhadap tanggungjawab mereka untuk membolehkan tercapainya fungsi-fungsi kerajaan kepada rakyat.

Terdapat tujuh teras perkhidmatan awam sebagaimana yang dinyatakan di dalam buku *Panduan Perkhidmatan*

Cemerlang dan dapat diringkaskan seperti berikut:

Teras Pertama : *Berazam meninggikan mutu perkhidmatan*

Keazaman untuk meninggikan mutu perkhidmatan adalah penting kerana perkhidmatan akan melibatkan usaha-usaha yang lebih cekap, gigih, dan ber-sungguh-sungguh di kalangan kakitangan awam bagi memperolehi mutu dan hasil kerja yang lebih tinggi dan memuaskan dari semasa ke semasa.

Teras Kedua : *Bekerjasama dengan penuh tanggungjawab*

Perkara ini adalah penting kerana boleh membawa kesan positif dari segi sifat dedikasi terhadap kerja serta mematuhi disiplin dan peraturan dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab.

Teras Ketiga : *Berusaha mengikis sikap mementingkan diri*

Sikap seumpama ini adalah sangat penting di kalangan semua kakitangan awam bagi mengelakkan pembaziran, salah guna kuasa, penyelewengan, rasuah, sikap negatif terhadap kerja, dan mengabaikan kepentingan rakyat dan negara.

Teras Keempat : *Berkhidmat dengan penuh mubibab dan kemesraan*

Sifat perkhidmatan seperti ini memainkan peranan penting dalam masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa dan kebudayaan serta dapat pula memupuk perasaan sabar, bertimbang rasa, sim-

pati, cekal menghadapi cabaran, dan melayani orang ramai dengan mesra.

Teras Kelima : *Bekerja ke arah memajukan pemikiran rakyat dan pembangunan negara*

Perkara ini menjadi tugas dan tanggungjawab semua pihak bukan sahaja di kalangan pegawai dan kakitangan kerajaan malah seluruh lapisan masyarakat termasuk pertubuhan-pertubuhan dan pihak swasta. Misalnya dalam usaha membasmi kemiskinan, keruntuhan akhlak, ancaman terhadap keselamatan, jenayah, komunisme, dan lain-lain.

Teras Ketujuh : *Berpegang teguh kepada ajaran agama*

Prinsip ini sangat penting kerana ajaran agama dapat menanam dan memupuk nilai-nilai kemanusiaan, kemasyarakatan, kehidupan sejagat, dan selaras dengan prinsip pertama Rukunegara iaitu kepercayaan kepada Tuhan.

Selain ketujuh-tujuh teras di atas, Etika Perkhidmatan Awam yang diperkenalkan itu mempunyai juga satu tema yang digambarkan dengan cogan kata "Berkhidmat Untuk Negara". Tema ini pada umumnya membawa pengertian bahawa sesiapa sahaja yang diamanahkan untuk memikul tugas dan tanggungjawab tertentu dalam semua peringkat perkhidmatan awam mesti memahami dan menghayati dengan jelas akan segala hasrat, dasar, dan matlamat kerajaan. Apalagi dalam konteks kerajaan demokratik yang dipilih oleh rakyat sendiri. Jika pengertian negara itu meliputi tanahair, rakyat, dan segala khazanahnya, maka cogan kata "Berkhidmat Untuk Negara" itu begitu tepat kerana cogan kata tersebut memegang prinsip memelihara, mempertahankan,

dan mengukuhkan kedudukan negara Malaysia yang mempunyai penduduk pelbagai bangsa, agama, dan kebudayaan. Cogankata ini memberi juga pengertian bahawa setiap individu dalam perkhidmatan awam perlu mempunyai perasaan dan semangat keikhlasan, kerelaan, dan kesetiaan yang tidak berbelah bagi kepada negara.

CARA-CARA MENINGGIKAN KECEKAPAN DAN MUTU PERKHIDMATAN AWAM

Kerajaan menerusi agensi-agensinya sentiasa memberi perhatian terhadap usaha-usaha mempertingkatkan kecekapan dan mutu perkhidmatan awam. Oleh itu, berbagai-bagai strategi dan langkah sentiasa diteliti dan dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi mencapai matlamat ini. Segala usaha yang telah dan sedang diambil pada umumnya meliputi pelbagai aspek perkhidmatan awam seperti personel, kualiti pengurusan, kepimpinan, kawalan mutu, struktur organisasi, teknologi, kewangan, dan lain-lain.

Aspek personel Personel (pegawai dan kakitangan) awam merupakan faktor utama yang menentukan kecekapan dan mutu perkhidmatan kerana golongan ini merupakan pekerja yang melaksanakan segala dasar dan rancangan kerajaan bagi mencapai matlamat-matlamat yang ditetapkan. Oleh itu, pelbagai langkah telah dilaksanakan bagi memastikan setiap pegawai dan kakitangan awam menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan cekap dan berkesan. Antara langkah-langkah tersebut ialah:

1. Pemilihan dan perlantikan personel awam mengikut syarat-syarat dan kelayakan tertentu sesuai dengan jenis dan taraf jawatan yang disandang.
2. Memberi latihan kepada pegawai dan kakitangan awam untuk mempertingkatkan pengetahuan, kemahiran, dan prestasi kerja yang berupa latihan-

- latihan praperkhidmatan, dalam perkhidmatan, dan latihan lanjutan sama ada di dalam negeri ataupun luar negeri.
3. Memberi gaji dan imbuhan-imbuhan lain yang sesuai dengan keperluan asas kehidupan semasa dan setimpal dengan tugas dan tanggungjawab mereka serta kemampuan negara.
 4. Memberi status, penghargaan, dan jaminan kerja kepada pegawai dan kakitangan awam meliputi kemudahan-kemudahan untuk kemajuan kerjaya, mendapatkan pinjaman perumahan, kenderaan, dan lain-lain selaras dengan taraf jawatan mereka.
 5. Mewujudkan suasana kerja yang sesuai bagi membolehkan pegawai dan kakitangan awam menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan cekap dan berkesan meliputi kemudahan-kemudahan pejabat, peralatan, dan lain-lain.

ASPEK PENGURUSAN

Di bawah aspek pengurusan terdapat berbagai-bagai langkah yang telah dan sedang dilaksanakan dengan tujuan mempertingkatkan lagi kecekapan dan mutu perkhidmatan awam. Tumpuan diberikan kepada beberapa unsur atau fungsi pengurusan seperti perancangan, struktur organisasi, kepimpinan, pelaksanaan, kawalan, dan penilaian terutama sekali di peringkat organisasi atau jabatan kerajaan.

Bagi memperbaiki kecekapan dan mutu pengurusan ini, pihak kerajaan telah menubuhkan beberapa agensi atau unit tertentu seperti Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia (MAMPU) pada tahun 1977. Tujuannya ialah untuk membantu organisasi atau jabatan kerajaan dalam memodenkan sistem pentadbiran, menyusun semula organisasi atau jabatan kerajaan, mengkaji sistem dan prosedur

kerja, sistem pemerosesan data dan maklumat, dan perancangan sumber tenaga manusia.

Kerajaan menubuhkan juga unit perkhidmatan pengurusan di beberapa buah kementerian yang penting bagi mengkaji masalah pentadbiran dan mengemukakan syor-syor untuk mengatasi masalah tersebut. Selain itu organisasi atau jabatan kerajaan digalakkan juga menggunakan teknik-teknik pengurusan tertentu seperti Sistem Belanjawan (PPBS), Pengurusan Melalui Objektif (MBO), Penyelidikan Operasi, Kawalan Mutu Kerja (QCC), dan lain-lain bagi mempertingkatkan kecekapan dan mutu perkhidmatan masing-masing.

Konsep desentralisasi yang melibatkan penurunan kuasa daripada peringkat pusat kepada peringkat-peringkat yang lebih rendah seperti negeri dan daerah diamalkan juga dalam sistem pentadbiran awam bagi mengatasi kelemahan dan masalah birokrasi seperti terlalu banyak sekatan, pembaziran, dan lain-lain. Sesetengah jabatan atau agensi kerajaan memperkenalkan juga sistem komputer, perkhidmatan kaunter yang lebih teratur dan prosedur kerja yang lebih kemas bagi mempertingkatkan kecekapan dan mutu perkhidmatan yang diberikan kepada orang awam.

ASPEK TEKNOLOGI, KEWANGAN, DAN SUMBER

Teknologi, kewangan, dan pelbagai sumber lain merupakan sebahagian daripada input yang penting dalam proses pengurusan atau pentadbiran. Sesebuah organisasi awam di semua peringkat (kementerian, jabatan, negeri, dan daerah) memerlukan peruntukan kewangan yang mencukupi bagi menyempurnakan tugas dan tanggungjawabnya. Kewangan diperlukan untuk tujuan perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan. Oleh itu, kebanyakan organisasi awam dikehendaki mengemukakan anggaran perbelanjaan tahunan sama ada kepada Perbendaharaan (Kerajaan Persekutuan) ataupun kerajaan negeri (yang berkaitan) bagi mendapatkan peruntukan perbelanjaan masing-masing.

Perbelanjaan mengurus melibatkan kewangan bagi membiayai pelbagai keperluan seperti pembayaran gaji, elaun, alat-alat keperluan pejabat, dan lain-lain. Manakala, perbelanjaan pembangunan melibatkan pula kewangan bagi membiayai pelbagai projek atau kegiatan tertentu yang dikelola oleh kementerian, jabatan atau agensi kerajaan. Cara-cara perbelanjaan kewangan ini perlu mematuhi arahan-arahan Perbendaharaan atau arahan-arahan lain yang telah ditetapkan kepada jabatan atau agensi berkenaan.

Teknologi pula melibatkan dua perkara iaitu: (a) alat-alat untuk melaksanakan pengurusan atau pentadbiran seperti komputer, mesin taip, mesin cetak, mesin penyalin, alat pandang dengar, dan peralatan-peralatan lain pejabat, (b) pengetahuan dan kemahiran untuk mengguna dan menyelenggara alat-alat berkenaan. Keperluan teknologi dalam perkhidmatan awam boleh dilihat daripada pelbagai sudut seperti untuk kegunaan pentadbiran biasa atau harian, pengurusan data dan maklumat, penyelidikan, dan lain-lain. Keperluan teknologi bergantung juga kepada beberapa faktor seperti saiz organisasi, jenis tugas atau kerja yang perlu dilakukan dan perkembangan semasa dalam bidang-bidang tertentu. Semenjak beberapa tahun kebelakangan ini timbul keperluan yang lebih besar dan mendesak untuk melengkapi organisasi atau jabatan kerajaan yang tertentu dengan pelbagai peralatan elektrik dan elektronik yang lebih canggih seperti sistem komputer.

ASPEK ARAHAN DAN KAWALAN

Arahan dan kawalan merupakan satu bidang penting bagi memastikan segala tugas dan tanggungjawab dilaksanakan dengan lincin dan teratur di samping mengelakkan perkara-perkara yang boleh menjejaskan kecekapan dan mutu perkhidmatan seperti pembaziran, penyelewengan, salah guna kuasa, dan lain-lain. Antara arahan dan peraturan yang

telah dan sedang berkuatkuasa dalam perkhidmatan awam ialah:

- (a) Perintah-Perintah Am mengandungi tujuh bab meliputi arahan dan peraturan mengenai lantikan dan kenaikan pangkat (Bab A), elaun-elaun dalam perkhidmatan (Bab B), cuti (Bab C), kelakuan dan tatatertib (Bab D), rumah dan bangunan kerajaan (Bab E), perubatan (Bab F), dan waktu bekerja dan lebih masa (Bab G).
- (b) Arahan Perkhidmatan mengandungi lapan bab iaitu arahan dan peraturan perkhidmatan mengenai jabatan dan orang ramai (Bab 1), perkara-perkara perkhidmatan seperti prestasi dan laporan penilaian kerja, kenyataan perkhidmatan, sijil perkhidmatan dan surat takzim, mewartakan perlantikan, kenaikan pangkat dan pengosongan jawatan (Bab 2), perkara-perkara yang berkaitan dengan surat menyurat (Bab 3), memelihara dan menyimpan rekod-rekod kerajaan (Bab 5), kemudahan-kemudahan perhubungan seperti perkhidmatan pos, telegram, dan telefon (Bab 6), kelengkapan pejabat (Bab 7), dan perkara-perkara lain jabatan (Bab 8).
- (c) Arahan Perbendaharaan mengandungi segala arahan dan peraturan tentang pengurusan kewangan dan akaun meliputi tiga bab iaitu: Acara kewangan meliputi hal-hal pembesaran dan pengawalan perbelanjaan, kumpulan wang disatukan, anggaran hasil dan perbelanjaan, anggaran perbelanjaan bagi projek modal atau projek pembangunan, virement dan anggaran tambahan (Bab A). Acara Pengakaunan yang meliputi hal-hal mengawal terimaan, bayaran, dan menyimpan wang awam, pengakaunan, acara mengenai barang-barang, dan kerja-kerja (Bab B), dan Audit kehilangan, dan Acara Hapuskira (Bab C).

Selain arahan-arahan utama seperti yang dinyatakan di atas, terdapat juga arahan dan peraturan, surat pekeliling dan siaran yang diterbitkan oleh agensi pusat, kementerian-kementerian, jabatan-jabatan, dan badan-badan kerajaan dari semasa ke semasa dengan tujuan memberi penjelasan, garis panduan, dan peraturan-peraturan dalam perkara-perkara tertentu mengikut keadaan dan keperluan semasa. Pada tahun 1991 misalnya Jabatan Perdana Menteri telah mengeluarkan beberapa Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam berikut:

- (a) Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 1991 iaitu mengenai Panduan Pengurusan Masyarakat dan Urusan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan. Pekeliling ini bertujuan untuk menyampaikan panduan bagi membantu pihak pengurusan dan jawatankuasa-jawatankuasa kerajaan menjalankan tanggungjawab mereka dengan lebih cekap dan berkesan. Kandungan pekeliling ini menyentuh tentang tanggungjawab urusetia iaitu mengenai tindakan-tindakan pramesyuarat, tindakan-tindakan semasa mesyuarat dan tindakan-tindakan selepas mesyuarat.
- (b) Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 3 Tahun 1991 iaitu mengenai Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam. Tujuan pekeliling ini ialah untuk memaklumkan kepada agensi-agensi kerajaan mengenai sistem pemberian Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam kepada agensi-agensi dan anggota perkhidmatan awam yang telah berjaya memperkenalkan sesuatu inovasi dalam sistem Perkhidmatan Awam. Ia menyentuh tentang definisi inovasi, kategori pemenang anugerah inovasi, bentuk anugerah, kriteria-kriteria penilaian dan cara pelaksanaan anugerah tersebut.
- (c) Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 4

Tahun 1991 iaitu Garis Panduan Mengenai Strategi-strategi Peningkatan Kualiti dalam Perkhidmatan Awam. Pekeliling ini mengandungi dua perkara utama iaitu:

- (i) Arahan Budaya Kerja Cemerlang dan Aktiviti-aktiviti Peningkatan Kualiti, dan
- (ii) Tujuh Program Tambahan bagi peningkatan kualiti. Program-program tersebut dikenali sebagai Sistem Cadangan Q, Sistem Proses Q, Sistem Pemeriksaan Q, Slogan Q, Hari Q, Sistem Maklum Balas Q, dan Sistem Maklumat Q.

PENGENALAN KONSEP DAN DASAR BARU

Perubahan dalam pucuk pimpinan negara dan perkembangan yang berlaku dalam dekad 80-an menyebabkan kerajaan memperkenalkan beberapa konsep dan dasar baru dalam pelbagai bidang termasuk pentadbiran dan perkhidmatan awam. Antara konsep dan dasar baru yang diperkenalkan dengan tujuan meninggikan lagi kecekapan dan mutu perkhidmatan awam ialah: (a) Dasar Bersih, Cekap, dan Amanah, (b) Kepimpinan Melalui Teladan, (c) Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam Dalam Pentadbiran, (d) Dasar Produktiviti, dan (e) Dasar Pengurangan Beban Perbelanjaan Awam.

Dasar Bersih, Cekap, dan Amanah bertujuan untuk mewujudkan satu etika kerja dan sikap berkhidmat yang baru bagi rakyat Malaysia dengan mengutamakan peningkatan hasil dan mutu kerja. Dasar ini juga bertujuan meningkatkan semangat atau motivasi pekerja seiring dengan Penerapan Nilai-nilai Islam dan Kepimpinan Melalui Teladan.

Pelaksanaan dasar ini dalam konteks perkhidmatan awam melibatkan beberapa langkah tertentu seperti mengadakan Manual Prosedur Kerja (MPK), dan Fail Meja (FM),

membaiki pengurusan melalui teknik-teknik baru seperti Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK), perluasan khidmat pusat-pusat pembayaran bil setempat, pejabat plan terbuka, kadar perakam waktu, pengisytiharan harta oleh pegawai dan kakitangan awam, pemakaian tag nama, penegeasan dan pengukuhan peranan Badan Pencegah Rasuah (BPR), penyiaran laporan Juruaudit Negara, skim perkhidmatan cemerlang, dan penghantaran pegawai-pegawai melanjutkan pelajaran.

Kepimpinan Melalui Teladan pula merupakan satu kempen kerajaan untuk meningkatkan daya pengeluaran dan mengamalkan perkhidmatan yang bersih, cekap, dan amanah. Pelaksanaan konsep ini oleh urusetia kempen, kementerian, jabatan, dan agensi kerajaan di seluruh negara melibatkan aktiviti-aktiviti seperti sesi-sesi ceramah, forum, seminar, bengkel, dan perbincangan untuk mencetuskan kesedaran terhadap kepentingan sifat-sifat kepimpinan yang bernilai tinggi diamalkan oleh semua anggota kerajaan supaya menjadi teladan kepada orang ramai. Kempen ini melibatkan juga beberapa kegiatan lain seperti program sebaran am, pameran kepimpinan, penerbitan buku panduan dan risalah mengenai Kepimpinan Melalui Teladan.

Penerapan Nilai-nilai Islam bertujuan untuk meningkatkan daya pengeluaran negara melalui amalan nilai-nilai murni yang bersifat sejagat seperti kerjasama, tolak ansur, rajin, tekun, bersih, cekap, dan amanah dalam pentadbiran negara. Bagi melaksanakan dasar ini beberapa strategi telah digunakan seperti memperkemaskan sistem komunikasi kerajaan untuk memberi penjelasan yang cukup mengenai Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam, membuka institusi-institusi bercorak Islam secara beransur-ansur, dan memupuk nilai-nilai murni di kalangan rakyat menerusi kempen serta amalan di kalangan pegawai dan kakitangan kerajaan.

Peningkatan daya pengeluaran atau produktiviti merupakan satu dasar penting yang bertujuan untuk me-

ninggikan kadar pertumbuhan ekonomi, penggunaan sumber-sumber negara dengan optimum sambil mengelak pembaziran dan memperkukuhkan asas perindustrian supaya dapat bersaing di pasaran bebas antarabangsa. Bagi mencapai matlamat ini terdapat beberapa strategi yang secara langsung menyentuh isu peningkatan produktiviti di kalangan sektor perkhidmatan awam. Antaranya ialah pembaikan kepada sistem dan organisasi yang meliputi objektif, strategi dan tatacara kerja, sistem maklumat, sistem fail, dan lain-lain. Strategi ini diharap akan dapat juga menghapuskan kelembapan kerja, pembaziran masa, peranan yang bertindan-lapis, penyelarasan yang kurang memuaskan, kekurangan perancangan, dan lain-lain.

Dasar peningkatan produktiviti negara mempunyai kaitan juga dengan beberapa dasar baru yang diperkenalkan seperti Dasar Pandang ke Timur, Dasar Perindustrian Berat, Dasar Penswastaan, dan Dasar Persyarikatan Malaysia. Antara isu atau masalah yang dihadapi dalam melaksanakan dasar peningkatan produktiviti ialah kekurangan prasarana teknologi, pergantungan kepada jentera yang diimport, orientasi pasaran dalam negeri, dan sikap masyarakat Malaysia pada umumnya terhadap pengurusan, tatacara, etika, dan budaya kerja.

Satu lagi dasar penting berhubung dengan usaha meningkatkan mutu dan kecekapan perkhidmatan awam ialah Dasar Pengurangan Beban Perbelanjaan Awam. Dasar ini menjadi begitu mustahak berikutan dengan masalah dan kesan yang timbul akibat kemelesetan ekonomi terutama sekali dalam tahun 1980-an. Dasar ini bertujuan untuk mengurangkan perbelanjaan awam dengan tujuan-tujuan berikut: (a) mengukuhkan kedudukan kewangan kerajaan dengan sumber-sumber yang ada, (b) mengurangkan defisit belanjawan kerajaan ke tahap yang selaras dengan pengurusan ekonomi yang berhati-hati, dan (c) mengawal pertumbuhan hutang awam supaya tidak menjejaskan ke-

dudukan imbangan pembayaran negara dengan kadar pertukaran asing.

Bagi melaksanakan dasar ini, pihak kerajaan telah mengkaji semula skop, keberkesanan dan faedah-faedah perbelanjaan sektor awam kerajaan Persekutuan, badan-badan berkanun, dan perbadanan-perbadanan awam yang dikawal oleh kerajaan Persekutuan dan negeri-negeri. Kerajaan mengambil juga tindakan membekukan pengisian jawatan dan pengambilan kakitangan awam yang baru di samping memperkemaskan lagi operasi pentadbiran awam dengan penekanan kepada soal-soal kawalan kewangan, prestasi, langkah-langkah penjimatan perbelanjaan awam, dan lain-lain.

SOALAN-SOALAN SUBJEKTIF

1. Pada pendapat anda, apakah fungsi dan peranan perkhidmatan awam dalam pembangunan negara?
2. Bincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi kecekapan dan mutu perkhidmatan awam.
3. Cogankata bagi perkhidmatan awam di Malaysia ialah "Berkhidmat Untuk Negara". Bincangkan sejauh manakah cogankata tersebut selaras dengan teras perkhidmatan awam sebagaimana yang dinyatakan dalam buku Panduan Perkhidmatan Cemerlang yang dilancarkan oleh kerajaan pada 1 Januari 1979.
4. Bincangkan langkah-langkah yang patut diambil bagi meninggikan lagi mutu perkhidmatan awam di negara ini.
5. Pada pendapat anda, apakah isu dan cabaran yang mungkin dihadapi oleh perkhidmatan awam di negara ini pada abad ke-21 dan apakah langkah-langkah perediaan yang diperlukan bagi menghadapinya?

SOALAN-SOALAN OBJEKTIF

1. Takrif Perkhidmatan Awam mengikut Perlembagaan Persekutuan adalah meliputi semua jenis perkhidmatan berikut **melainkan**
 - A. Perkhidmatan Awam Persekutuan.
 - B. Perkhidmatan Angkatan Tentera dan Polis.

- C. Perkhidmatan Badan-badan Berkanun.
 - D. Perkhidmatan Awam Negeri-negeri.
 - E. Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang.
2. Agensi Pusat yang bertanggungjawab terhadap semua hal yang berkaitan dengan perkhidmatan awam ialah
- A. Perbendaharaan Negara.
 - B. Jabatan Perkhidmatan Awam.
 - C. Jabatan Perdana Menteri.
 - D. Jabatan Audit Negara.
 - E. Suruhanjaya Perkhidmatan.
3. Apakah tujuan utama kerajaan mewujudkan Etika Perkhidmatan Awam?
- A. Menambahkan hasil kerajaan menerusi kutipan cukai-cukai.
 - B. Mengelakkan sebarang kegiatan penyelewengan dan salah guna kuasa
 - C. Meninggikan mutu dan kecekapan kakitangan awam.
 - D. Mengelakkan pembaziran tenaga dan sumber kewangan.
 - E. Mewujudkan perkhidmatan awam yang bersih, cekap, dan amanah.
4. Semua dasar kerajaan yang berikut mempunyai hubungan langsung dengan usaha mempertingkatkan mutu dan kecekapan perkhidmatan awam **kecuali**
- A. Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam.
 - B. Dasar Penswastaan.
 - C. Dasar Kepimpinan Melalui Teladan.
 - D. Dasar Produktiviti.
 - E. Dasar Pandang ke Timur.
5. Agensi utama yang bertanggungjawab memberi latihan dalam perkhidmatan kepada pegawai dan kakitangan awam ialah

- A. Institut Aminuddin Baki.
 B. Pusat Daya Pengeluaran Negara.
 C. universiti-universiti tempatan.
 D. Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri.
 E. Institut Tadbiran Awam Negara.
6. Apakah agensi utama yang bertanggungjawab memajukan sistem pentadbiran awam di negara ini?
 A. Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).
 B. Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia (MAMPU).
 C. Pusat Daya Pengeluaran Negara (PDPN).
 D. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).
 E. Institut Piawai Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM).
7. Semua daripada berikut merupakan aspek personel yang penting dalam usaha meninggikan kecekapan dan mutu perkhidmatan awam **kecuali**
 A. melantik pegawai dan kakitangan yang berkelayakan.
 B. memberi latihan dalam perkhidmatan kepada pegawai dan kakitangan awam.
 C. mengenakan tindakan tatatertib atas pegawai dan kakitangan yang melanggar Perintah-Perintah Am.
 D. memberi gaji dan imbuhan-imbuhan lain perkhidmatan yang setimpal.
 E. mewujudkan suasana dan kemudahan bekerja yang sesuai dengan taraf jawatan pegawai dan kakitangan awam.
8. Apakah yang dimaksudkan dengan konsep desentralisasi dalam pengurusan awam?
 A. Menubuhkan pejabat atau cawangan di peringkat negeri dan daerah.

- B. Menurunkan kuasa peringkat pusat kepada peringkat negeri dan daerah atau kawasan.
 - C. Mengagihkan peruntukan kewangan daripada peringkat pusat ke peringkat negeri dan daerah.
 - D. Mengeluarkan arahan-arahan kepada jabatan-jabatan peringkat negeri dan daerah.
 - E. Menyelaras bidang tugas antara sesuatu kementerian dengan bahagian dan jabatan di bawahnya.
9. Apakah satu dasar yang telah diperkenalkan oleh kerajaan dengan tujuan untuk mengurangkan kos perbelanjaan dalam pengurusan awam?
- A. Dasar Pengurangan Bebanan Perbelanjaan Awam.
 - B. Dasar Peningkatan Produktiviti Negara.
 - C. Dasar Persyarikatan Malaysia.
 - D. Dasar Pandang ke Timur.
 - E. Dasar Penswastaaan.
10. Semua dasar berikut mempunyai kaitan secara langsung dengan usaha kerajaan meninggikan mutu dan kecakapan perkhidmatan awam **kecuali**
- A. Dasar Kepimpinan Melalui Teladan.
 - B. Dasar Belilah Barangan Buatan Malaysia.
 - C. Dasar Peningkatan Produktiviti Negara.
 - D. Dasar Bersih, Cekap, dan Amanah.
 - E. Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam Dalam Pentadbiran.

BAB 8

KELAKUAN DAN TATATERTIB DALAM PERKHIDMATAN AWAM

PENDAHULUAN

Tatasusila untuk semua pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam dinyatakan dalam Perintah-Perintah Am Bab D 1980 di bawah tajuk Kelakuan dan Tatatertib. Arahan-arahan dan peraturan-peraturan mengenai kelakuan dan tatatertib ini amat penting bagi menjamin kecekapan dan mutu perkhidmatan awam. Perkara ini boleh menjadi garis panduan kepada semua pegawai dan kakitangan awam dalam menjalankan tugas-tugas yang telah ditetapkan.

Perintah-Perintah Am Bab D 1980 ini mengandungi enam bahagian iaitu:

- (a) Bahagian I – Permulaan kepada aspek-aspek tatakelakuan dalam perkhidmatan.
- (b) Bahagian II – Tatacara tatatertib.
- (c) Bahagian III – Peruntukan-peruntukan khas.
- (d) Bahagian IV – Hukuman.
- (e) Bahagian V – Penamatan perkhidmatan dari kepentingan awam.
- (f) Bahagian VI – Pelbagai.

TATAKELAKUAN DALAM PERKHIDMATAN

Semua perkara yang berhubung dengan tatakelakuan pegawai dan kakitangan dalam perkhidmatan awam dinyatakan dalam Bahagian I Perintah-Perintah Am Bab D 1980. Ba-

hagian I ini mengandungi Perintah Am 1 sehingga Perintah Am 22 yang menyentuh tentang nama, pemakaian, tafsiran, tatakelakuan, dan semua perkara yang ditegah dan dilarang bagi seseorang pegawai dan kakitangan awam.

PERINTAH AM 4 – Tatakelakuan

Perintah Am 4 memberi peruntukan bahawa tindakan tatatertib boleh diambil di bawah Perintah-Perintah Am terhadap mana-mana pegawai yang melanggar mana-mana daripada peruntukan-peruntukan tatakelakuan:

1. Seseorang pegawai hendaklah pada setiap masa dan waktu menumpukan taat setianya yang tidak berbehal bagi kepada Yang di-Pertuan Agong, negara dan kerajaan,
2. Seseorang pegawai tidak boleh:
 - (a) membelakangkan kewajipan awamnya kerana kepentingan persendiriannya,
 - (b) berkelakuan dengan sedemikian cara yang mungkin menyebabkan kepentingan persendiriannya bercanggah dengan kewajipan awamnya,
 - (c) berkelakuan dengan apa-apa cara yang mungkin menyebabkan syak yang munasabah bahawa:
 - (i) ia telah membiarkan kepentingan persendiriannya bercanggah dengan kewajipan-kewajipan awamnya hingga menjejaskan kegunaannya sebagai seorang pegawai awam,
 - (ii) ia telah menggunakan kedudukan awamnya untuk faedah persendiriannya,
 - (d) berkelakuan dengan sedemikian cara hingga menjatuhkan reputasi perkhidmatan awam atau menghilangkan kepercayaan terhadap perkhidmatan awamnya,

- (e) kurang kecekapan atau keusahaan,
- (f) tidak jujur,
- (g) tidak bertanggungjawab,
- (h) membawa atau cuba membawa apa-apa bentuk pengaruh atau tekanan luar untuk menyokong atau memajukan sesuatu tuntutan berhubung dengan perkhidmatan awam sama ada tuntutan itu adalah tuntutan secara perseorangan atau tuntutan lain-lain anggota perkhidmatan awam, dan
- (i) ingkar perintah atau berkelakuan dengan apa-apa cara yang boleh ditafsirkan dengan munasabah sebagai ingkar perintah.

PERINTAH AM 5 – Pekerjaan Luar

Seseorang pegawai ditegah daripada membuat sebarang pekerjaan luar kecuali pekerjaan tersebut dikehendaki dalam menjalankan tugasnya atau diberi kuasa dengan nyata untuk berbuat demikian oleh ketua jabatannya. Oleh itu seseorang pegawai tidak boleh:

- (a) mengambil bahagian secara langsung atau secara tak langsung dalam pengurusan atau perjalanan apa-apa pengusahaan perdagangan, pertanian atau perindustrian,
- (b) menjalankan apa-apa kerja bagi mana-mana institusi, syarikat, firma atau orang perseorangan persendirian untuk mendapatkan upah,
- (c) sebagai seorang pakar, memberi apa-apa laporan atau keterangan pakar sama ada dengan percuma atau untuk mendapatkan upah atau
- (d) bertugas sebagai seorang wasi, pentadbir atau penerima.

Walaupun demikian, seseorang pegawai boleh memohon kebenaran untuk menjalankan perkhidmatan-perkhidmatan tertentu daripada jenis yang disebutkan di atas bagi faedah dirinya atau faedah saudara mara yang dekat atau bagi mana-mana badan yang bukan mencari keuntungan yang ia adalah pemegang jawatannya. Ketua jabatan boleh menimbangkan sama ada kebenaran patut diberi atau tidak kepada seseorang pegawai yang memohon untuk membuat pekerjaan luar dengan memastikan bahawa dengan kebenaran itu:

- (a) pekerjaan luar hendaklah jangan dilakukan dalam waktu bekerja pejabat dan semasa pegawai itu dikehendaki menjalankan tugas-tugas rasminya,
- (b) aktiviti itu tidak diberi dengan apa-apa cara menjejaskan kegunaan pegawai itu sebagai seorang pegawai awam dan
- (c) pekerjaan atau pengusahaan itu tidak akan dengan apa-apa cara bercanggah dengan kepentingan jabatan atau menjadi tak sejajar dengan kedudukan pegawai itu sebagai pegawai awam.

PERINTAH AM 6 – Hadiah-hadiah dan Sebagainya

Peruntukan ini mengandungi beberapa perkara penting berkaitan dengan pemberian dan penerimaan sebarang hadiah kepada atau daripada seseorang pegawai atau orang lain bagi pihak pegawai berkenaan. Antara perkara penting yang disebutkan ialah:

Seseorang pegawai tidak boleh menerima atau memberi atau membuatkan isteri, anak-anak (jika ada, anak angkat), ibu bapa, saudara maranya atau mana-mana orang untuk menerima atau memberi bagi pihaknya, secara langsung atau secara tak langsung apa-apa hadiah kepada mana-mana orang.

Dalam hal ini "hadiah" yang dimaksudkan adalah me-

liputi pelbagai bentuk berupa wang, barang-barang, benda-benda, tambang percuma, kemudahan perjalanan, perkhidmatan, hiburan atau apa-apa jua faedah lain sama ada zahir atau sebaliknya.

Seseorang pegawai tidak boleh juga menerima daripada mana-mana persatuan, badan atau kumpulan orang atau daripada mana-mana pegawai lain apa-apa tanda mata berharga tetapi ketua jabatan boleh membenarkan pegawai itu menerima surat pujian daripada salah satu daripada mereka itu sempena persaraan atau pertukaran pegawai itu dengan syarat bahawa surat pujian itu tidak terkandung dalam bekas-bekas yang berharga. Ketua jabatan boleh juga membenarkan pungutan yuran-yuran secara spontan dibuat oleh pegawai-pegawai di bawahnya atau mengadakan pungutan persendirian yang tidak dirayu-rayu dibuat bagi maksud memberi sesuatu hadiah kepada seseorang kakitangan jabatannya sempena pertukaran atau perkahwinan kakitangan tersebut atau perkahwinan anak kakitangan berkenaan.

Seseorang pegawai yang menerima hadiah atau tanda mata yang berharga yang dilarang diterima oleh Perintah Am ini disebabkan oleh hal keadaan yang memaksa dikehendaki juga dengan seberapa segera menghantar penjelasan penuh dan anggaran nilai itu diterima dan ketua jabatan pula hendaklah mengemukakan laporan tersebut bersama-sama dengan ulasannya kepada pihak berkuasa tatatertib. Pihak berkuasa tatatertib perlu memutuskan sama ada:

- (a) membenarkan pegawai itu menyimpan hadiah itu, atau
- (b) mengarahkan supaya hadiah itu dikembalikan kepada pemberinya melalui ketua jabatan.

PERINTAH AM 7 – Keraian

Seseorang pegawai tidak boleh memberi atau menerima apa-

apa jenis keraian kepada atau daripada mana-mana orang, pertubuhan atau kumpulan orang sekiranya keraian itu dapat dengan apa-apa cara mempengaruhi pelaksanaan tugas rasminya sebagai seorang pegawai awam bagi faedah kepentingan mana-mana orang pertubuhan atau kumpulan atau dengan apa-apa cara dikira tidak sejajar dengan peruntukan tatakelakuan yang tersebut dalam Perintah Am.

PERINTAH AM 8 – Memiliki Harta Alih Atau Tak Alih

Peruntukan ini meletakkan beberapa peraturan penting tentang pemilikan harta alih atau tak alih yang dapat diringkaskan seperti berikut:

- (a) Seseorang pegawai hendaklah melaporkan kepada Pihak Berkuasa Tatatertib Yang Berkenaan melalui Ketua Jabatan semua harta, sama ada alih atau tak alih pada tarikh ia lantik ke dalam perkhidmatan awam dan selepas itu pada bila-bila masa sebagaimana yang dikehendaki oleh Kerajaan.
- (b) Semua perolehan harta dalam tempoh perkhidmatan yang dimiliki oleh seseorang pegawai atau isteri atau anak-anaknya sama ada alih atau tak alih, sama ada secara langsung atau tak langsung yang tidak termasuk harta alih yang dengan munasabah diperlukan bagi kegunaannya sendiri, isteri atau anak-anaknya hendaklah dilaporkan kepada Pihak Berkuasa Tata-tertib Yang Berkenaan melalui Ketua Jabatan.
- (c) Jika seseorang pegawai atau isterinya atau anaknya bercadang memperolehi apa-apa harta sama ada secara langsung atau secara tidak langsung, sama ada alih atau tak alih dan perolehan yang dicadang itu adalah tidak sejajar dengan peruntukan-peruntukan Perintah Am 4, perolehan itu tidak boleh dilakukan tanpa pegawai itu terlebih dahulu mendapat ke-

benaran secara bertulis daripada Pihak Berkuasa Tatatertib Yang Berkenaan.

- (d) Pihak Berkuasa Tatatertib Yang Berkenaan boleh memberi kebenaran atau tidak kepada pegawai yang memohon kebenaran memperolehi apa-apa harta dengan mengambil perhatian kepada dua perkara iaitu: (1) besarnya, banyaknya atau nilai pegangan, pelaburan, rumah, tanah atau harta itu berbanding dengan emolumen rasmi pegawai itu dan apa-apa pendapatan persendirian yang sah (2) sama ada perolehan atau pegangan itu akan atau mungkin bercanggah dengan kepentingan-kepentingan perkhidmatan awam, atau menjadi tidak sejajar dengan kedudukannya pegawai itu sebagai seorang penjawat awam atau dengan apa-apa cara tidak sejajar dengan tatakelakuan yang ditetapkan dalam Perintah Am 4.

PERINTAH AM 9 – Menyenggara Taraf Hidup Melebihi Emolumen Rasmi dan Pendapatan Persendirian Yang Sah

Peruntukan ini membenarkan Ketua Jabatan melalui surat meminta penjelasan secara bertulis daripada seseorang pegawai jika pada pendapatnya pegawai berkenaan adalah sebenarnya atau pada zahirnya:

- (a) menyenggara suatu taraf hidup yang lebih daripada emolumen rasminya dan lain-lain pendapatan persendirian yang sah jika ada, atau
- (b) menguasai atau memiliki sumber-sumber kewangan atau harta alih atau tak alih yang dinilainya tidak seimbang dengan emolumen rasminya dan apa-apa pendapatan persendiriannya yang sah atau yang tidak munasabah dijangka boleh diperolehi oleh pegawai

itu dengan emolumen rasminya dan apa-apa pendapatan persendirian yang sah.

Pegawai berkenaan dalam masa 30 hari daripada tarikh surat diterima, perlu memberi penjelasan bertulis menerangkan bagaimana ia boleh menyenggara taraf hidup tersebut atau bagaimana ia telah mendapat sumber-sumber kewangan atau harta itu. Ketua Jabatan hendaklah melaporkan hal ini kepada Pihak Berkuasa Tatatertib Yang Berkenaan dengan menyertakan penjelasan pegawai itu, jika ada. Pihak Berkuasa Tatatertib boleh mengambil tindakan tata-tertib terhadap pegawai berkenaan dengan tujuan buang kerja mengikut Perintah Am 26 atau mengambil apa-apa langkah sebagaimana yang difikirkan patut.

PERINTAH AM 10 – Meminjam Wang

Perintah Am 10 menyatakan bahawa tiada seorang pegawai pun boleh meminjam daripada seseorang atau menjadi penjamin atau penggrenti kepada seseorang peminjam, atau dengan apa-apa cara menyebabkan dirinya berhutang wang kepada mana-mana orang (termasuk kumpulan yang diperbadankan atau tidak diperbadankan):

- (a) yang secara langsung atau secara tidak langsung tertakluk kepada kuasa rasminya;
- (b) yang dengannya pegawai itu ada atau mungkin ada urusan rasmi;
- (c) yang tinggal atau memiliki tanah atau menjalankan perniagaan di dalam kawasan kuasa rasminya;
- (d) yang menjalankan perniagaan memberi pinjam wang.

Seseorang pegawai bagaimanapun boleh meminjam daripada bank, syarikat insurans, syarikat kerjasama atau syarikat meminjam yang dilesen di bawah Akta Syarikat

Meminjam 1969 atau berhutang dengan cara memperolehi barang-barang melalui perjanjian dengan syarat bahawa:

- (a) bank, syarikat insuran, syarikat kerjasama atau syarikat meminjam dari mana pegawai itu meminjam tidaklah secara langsung tertakluk kepada kuasa rasminya;
- (b) pinjaman itu hendaklah jangan membawa skandal awam atau tidak boleh ditafsirkan bahawa pegawai itu telah menyalahgunakan kedudukan awamnya untuk faedah persendiriannya; atau
- (c) agregat hutangnya tidak menyebabkan atau tidak mungkin menyebabkan ia berhutang wang yang berat sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Perintah Am II.

Seseorang pegawai juga boleh menanggung hutang-hutang (tertakluk kepada syarat-syarat di atas) berikut:

- (a) jumlah wang yang dipinjam atas cagaran tanah yang digadai atau digadaijanjikan, jika jumlah wang tersebut tidak lebih daripada nilai tanah tersebut;
- (b) overdraf yang dibenarkan oleh bank;
- (c) jumlah wang yang dipinjam daripada syarikat insurans atas cagaran polisi;
- (d) jumlah wang yang dipinjam daripada kerajaan atau syarikat kerjasama;
- (e) jumlah wang yang kena dibayar atas barang-barang yang diperolehi melalui perjanjian sewa beli.

PERINTAH AM 11 – Kesusahan Berat Kerana Hutang

Kesusahan berat kerana hutang bagi maksud Perintah Am ini ertinya keadaan berhutang seseorang pegawai yang memandangkan banyaknya hutang yang ditanggung olehnya, telah sebenarnya menyebabkan kesulitan wang yang

berat terhadap dirinya; dan tanpa menyentuh pengertian am akan perbahasan itu, seseorang pegawai hendaklah di-sifatkan sebagai berada dalam kesusahan berat kerana hutang:-

- (a) di mana agregat hutang dan tanggungannya yang tak bercagar seseorang pegawai pada satu masa tertentu adalah lebih daripada tiga kali emolumen bulannya.
- (b) Jika pegawai itu seorang si berhutang hukuman dan hutang hukuman itu belum lagi dijelaskan dalam tempoh satu bulan daripada tarikh hukuman itu, atau
- (c) Jika pegawai itu seorang bankrap atau seseorang pemakan gaji tak berkemampuan, mengikut mana berkenaan, selagi apa-apa hukuman terhadapnya untuk faedah Pegawai Pemegang Harta masih belum ditunaikan.

Dalam keadaan kesusahan berat kerana hutang ini tidak kira apa juga sebabnya hendaklah dianggap sebagai menjatuhkan reputasi perkhidmatan awam dan menyebabkan seseorang pegawai boleh dikenakan tindakan tatatertib. Seseorang pegawai yang mendapati bahawa hutangnya adalah menyebabkan atau mungkin menyebabkan kesusahan berat kerana hutang hendaklah dengan segera melaporkan halnya kepada ketua jabatannya. Kegagalan membuat laporan, melengah-lengahkan laporan atau membuat laporan yang palsu atau yang mengelirukan adalah bersalah dan boleh menyebabkan pegawai berkenaan dikenakan tindakan tatatertib. Seseorang pegawai yang berada dalam kesusahan berat kerana hutang juga mungkin hilang kelayakan untuk naik pangkat atau memangku sesuatu jawatan yang lebih tinggi atau menanggung kerja sesuatu jawatan lain di samping tugas-tugas sendiri. Ketua jabatan perlu juga mengulang kaji setiap tahun kes seseorang pegawai yang menanggung kesusahan berat kerana hutang tetapi ia belum menjadi seseorang bankrap atau seseorang pemakan gaji yang tidak berkemampuan.

PERINTAH AM 13 – Meminjam Wang

Seseorang pegawai tidak boleh meminjamkan wang dengan bunga sama ada dengan atau tanpa cagaran, dengan syarat bahawa menyimpan wang secara simpanan tetap dalam mana-mana bank atau dalam akaun mana-mana bank atau dalam mana-mana syarikat meminjam yang dilesen di bawah Akta Syarikat Meminjam 1969 atau dalam mana-mana cagaran atau saham yang dikeluarkan oleh kerajaan atau mana-mana badan berkanun tidaklah dianggap sebagai meminjam dengan bunga.

PERINTAH AM 14 – Spekulasi Ditegah

Seseorang pegawai tidak boleh menspekulasi tentang turun naiknya harga komoditi sama ada setempat atau luar negeri, atau membeli atau menjual sekuriti-sekuriti dengan harga yang tinggi sekali.

PERINTAH AM 15 – Refel dan Loteri

Seseorang pegawai tidak boleh mengadakan refel atau loteri akan harta persendirianya.

PERINTAH AM 16 – Penerbitan Buku

Seseorang pegawai tidak boleh menerbitkan atau menulis apa-apa buku, makalah atau lain-lain karya yang berdasarkan maklumat rasmi terperingkat.

PERINTAH AM 17 – Pernyataan Awam Dilarang

Seseorang pegawai tidak boleh, sama ada secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain, membuat apa-apa pernyataan awam berhubungan dengan apa-apa dasar, program atau keputusan kerajaan dan dia tidak juga boleh

menyebarkan apa-apa pernyataan sedemikian sama ada dibuat olehnya atau oleh mana-mana orang lain kecuali dengan kebenaran bertulis terlebih dahulu, sama ada secara am atau khusus, daripada Menteri yang bertanggungjawab kepada kementerian atau jabatan di mana ia berkhidmat.

Namun begitu Ketua Jabatan atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Menteri yang bertanggungjawab, sama ada secara am atau khusus, boleh membuat pernyataan awam sama ada secara lisan atau dengan apa-apa cara lain dengan tujuan:

- (a) memberi apa-apa maklumat sebenar berhubungan dengan Jabatannya, atau
- (b) memberi apa-apa penjelasan mengenai apa-apa kejadian atau laporan berhubungan dengan Jabatannya, atau menyebabkan apa-apa pernyataan sedemikian, sama ada dibuat olehnya atau mana-mana orang lain. Bagi maksud Perintah Am ini, "pernyataan awam" termasuk membuat apa-apa pernyataan atau ulasan kepada akhbar atau kepada awam atau semasa memberi syarahan atau ucapan awam atau dalam mana-mana penyiaran melalui bunyi atau penglihatan.

PERINTAH AM 18 – Dilarang Bertindak Sebagai Penyunting Suratkhbar dan Sebagainya

Peruntukan ini menyebutkan bahawa seseorang pegawai tidak boleh bertindak sebagai penyunting atau mengambil bahagian secara langsung atau tidak langsung dalam pengurusan, atau dengan apa-apa cara memberi sumbangan, wang kepada mana-mana penerbitan termasuk suratkhbar, majalah atau jurnal kecuali yang berikut:

- (a) penerbitan-penerbitan jabatan atau kakitangan,

- (b) penerbitan-penerbitan profesional dan
- (c) penerbitan-penerbitan pertubuhan sukarela yang tidak bercorak politik.

PERINTAH AM 19 – Aktiviti-aktiviti Politik

Seseorang pegawai dalam kumpulan A dilarang mengambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan politik atau memakai mana-mana lambang sesuatu parti politik. Pegawai itu hendaklah mengecualikan dirinya dalam hal-hal politik dan khususnya ia tidak boleh:

- (a) membuat pernyataan kepada orang ramai sama ada secara lisan atau secara bertulis yang menyebelahi mana-mana parti politik mengenai sebarang perkara yang menjadi pertikaian di antara parti-parti politik.
- (b) menerbit atau mengedarkan buku, artikel atau risalah yang mengandungi pandangannya jika pandangan itu menyebelahi mana-mana parti politik.
- (c) mengambil bahagian dalam menyeru undi bagi menyokong mana-mana calon bagi sesuatu pilihan bagi apa-apa jawatan dalam sesuatu parti politik, atau
- (d) bertindak sebagai agen pilihanraya atau tempat mengundi atau bertindak dalam apa-apa peranan untuk atau bagi pihak seseorang calon dalam sesuatu pilihanraya bagi Dewan Rakyat atau bagi Dewan Negeri.

Seseorang pegawai dalam kumpulan B boleh dilantik sebagai ahli jawatankuasa sesuatu parti politik setelah terlebih dahulu memperolehi kebenaran bertulis daripada Kerajaan.

Seseorang pegawai yang bercuti sebelum bersara boleh mengambil bahagian yang aktif dalam aktiviti-aktiviti politik dengan syarat:

- (a) ia telah terlebih dahulu mendapat kelulusan kerajaan untuk mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti tersebut dan
- (b) dengan mengambil bahagian sedemikian ia tidak melanggar Peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972.

Permohonan untuk mendapatkan kebenaran untuk aktif dalam politik boleh dibuat pada bila-bila masa sebelum pegawai itu bercuti sebelum bersara.

Bagi maksud mengambil bahagian dalam politik pegawai-pegawai adalah dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu:

- Kumpulan A – Terdiri daripada pegawai-pegawai di dalam jawatan-jawatan yang berkehendakkan Ijazah Universiti atau kelayakan ikhtisas sebagai kelayakan masuk kerja.
- Kumpulan B – Terdiri daripada semua pegawai yang bukan dalam Kumpulan A.

PERINTAH AM 20 – Membawa Pembicaraan Undang-undang dan Bantuan Guaman

Perintah Am ini berkaitan dengan pembicaraan undang-undang dan bantuan guaman bagi pegawai awam dan antara perkara-perkara yang perlu dipatuhi ialah:

1. Jika seseorang pegawai berkehendakkan bantuan guaman sebagaimana diperuntukkan di bawah perenggan (3) Perintah Am ini, ia tidak boleh membawa pembicaraan undang-undang bagi kepentingan peribadinya berhubung dengan perkara-perkara yang berbangkit daripada tugas-tugas awamnya tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

2. Seseorang pegawai yang menerima notis mengenai pembicaraan undang-undang yang dicadangkan hendak dibawa terhadapnya berhubung yang menerima apa-apa proses mahkamah berhubung dengan pembicaraan Ketua Jabatan untuk mendapat arahan sama ada dan bagaimana notis atau mengikut mana berkenaan, proses mahkamah itu hendak diakui terima, dijawab atau dibela.
3. Seseorang pegawai yang berkehendakkan bantuan guaman untuk menempah dan mengarahkan seseorang peguambela dan peguamcara bagi maksud pembicaraan undang-undang berhubung dengan perkara-perkara kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam. Permohonan tersebut hendaklah mengandungi segala nyataan dan hal keadaan kes itu serta pendapat Ketua Jabatan yang telah dipertimbangkan tentang bagaimana penglibatan pegawai itu, dan hendaklah dialamat dan dikemukakan kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam melalui Peguam Negara.
4. Apabila diterima kelak, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam boleh menolak permohonan tersebut atau meluluskannya tertakluk kepada nasihat Peguam Negara tentang:
 - (a) banyaknya bantuan guaman yang akan diluluskan;
 - (b) peguambela dan peguamcara yang hendak ditempah dan diarahkan oleh pegawai itu; atau
 - (c) apa-apa syarat lain yang difikirkan baik oleh Peguam Negara;

dan lagi kepada syarat termaklum bahawa sekiranya pegawai itu diberikan kos oleh mahkamah di pembicaraan undang-undang tersebut, maka kerajaan tidak akan membuat

apa-apa bayaran mengenai bantuan guaman yang diluluskan sedemikian melainkan jika amaun kos yang diberikan sedemikian kepada pegawai itu tidak mencukupi untuk membayar caj-caj menempah dan mengarahkan seseorang peguambela dan peguamcara.

5. Caj untuk mengambil khidmat seseorang peguambela dan peguamcara yang ditempah dan diarah oleh atau bagi pihak seseorang pegawai dalam pembicaraan undang-undang berhubung dengan perkara-perkara yang berbangkit daripada tugas awamnya kecuali dengan kelulusan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam tidak akan dibayar daripada wang awam.

PERINTAH AM 21 – Tidak Hadir Bertugas Tanpa Cuti

Bahagian ini memberi peruntukan bahawa seseorang pegawai itu boleh dikenakan tindakan tatatertib sekiranya ia tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu atau tanpa sebab yang munasabah. Ada beberapa jenis atau peringkat berhubung dengan masalah ketidakhadiran ini sebagaimana berikut:

- (a) Seseorang pegawai yang tidak hadir bekerja selama tempoh tidak lebih daripada tujuh hari dalam satu bulan kalendar boleh dibicarakan mengikut Perintah Am 25 (Tatacara bagi kes-kes yang patut dikenakan hukuman yang lebih ringan daripada buang kerja atau turun pangkat) oleh Pihak Berkuasa Tatatertib Yang Berkenaan atau laporan Ketua Jabatan.
- (b) Seseorang pegawai yang tidak hadir bekerja selama tempoh lebih daripada tujuh hari kerja dalam satu bulan kalendar, atau lebih tujuh hari kerja yang berturut-turut boleh diambil tindakan tatatertib mengikut Perintah Am 26 dengan tujuan membuang kerja atau menurunkan pangkat oleh Pihak Berkuasa

Tata tertib Yang Berkenaan setelah dilaporkan oleh Ketua Jabatan.

- (c) Seseorang pegawai yang tidak hadir bekerja dan tidak dapat dikesan boleh diambil tindakan tata tertib oleh Pihak Berkuasa Tata tertib Yang Berkenaan mengikut peraturan (a) atau (b) di atas setelah pegawai berkenaan hadir melaporkan diri untuk bekerja dalam tempoh tujuh hari setelah menerima surat arahan daripada Ketua Jabatannya. Jika pegawai itu masih tidak hadir bekerja atau tiada apa-apa perkhidmatan didapati mengenainya atau daripadanya, Ketua Jabatan dikehendaki menghantar satu laporan kepada Pihak Berkuasa Tata tertib Yang Berkenaan. Pihak Berkuasa Tata tertib hendaklah mengambil langkah untuk memberitahu dalam *Warta* akan hal yang pegawai itu tidak hadir dan tidak dapat dikesan.
- (d) Jika, walaupun pemberitahu telah disiarkan dalam *Warta* pegawai itu masih tidak kembali bekerja dalam tempoh tujuh hari dari tarikh penyiaran *warta* itu, pegawai itu hendaklah disifatkan sebagai telah di buang kerja mulai dari tarikh ia tidak hadir bertugas. Jika dalam tempoh tujuh hari selepas penyiaran *warta* itu pegawai berkenaan melaporkan diri untuk bekerja, Pihak Berkuasa Tata tertib Yang Berkenaan hendaklah mengambil tindakan tata tertib sama ada mengenakan hukuman yang lebih ringan daripada membuang kerja atau menurunkan pangkat atau mengenakan hukuman membuang kerja atau menurunkan pangkat, (Perintah Am 25 atau 26).

PERINTAH AM 22 – Melaporkan Kelakuan Atau Kerja Yang Tidak Memuaskan

Adalah menjadi kewajipan tiap-tiap pegawai untuk menja-

lankan kawalan dan penyeliaan tatatertib ke atas pegawai-pegawai bawahannya dan mengambil tindakan yang sesuai dalam tiap-tiap kes kerana melanggar mana-mana peruntukan Perintah-Perintah Am ini termasuk kelakuan atau kerja yang tidak memuaskan.

Jika pegawai itu tidak melaporkan hal itu, maka ia hendaklah disifatkan sebagai telah melakukan kesalahan kerana tidak cekap dan dengan demikian ia boleh dikenakan tindakan tatatertib.

TATACARA TATATERTIB

Bahagian II Perintah Am Bab D ini mengandungi 10 peruntukan iaitu Perintah Am 23 hingga Perintah Am 32 mengenai pelbagai perkara yang berhubung dengan tatacara tatatertib dalam perkhidmatan awam. Antara perkara-perkara penting yang terkandung dalam Tatacara Tatatertib dapatlah diringkaskan seperti berikut:

PERINTAH AM 23 – Syarat-syarat Bagi Membuang Kerja Atau Menurunkan Pangkat

Satu perkara penting yang ditegaskan ialah bahawa tiada seorang pegawai boleh dibuang kerja atau diturunkan pangkat melainkan jika ia telah diberitahu secara bertulis mengenai alasan-alasan atas mana tindakan dicadangkan hendak diambil terhadapnya dan ia diberi peluang yang munasabah untuk didengar.

Perintah Am ini tidak boleh juga dipakai bagi kes-kes berikut:

- (a) jika Pihak Berkuasa Tatatertib Yang Berkenaan berpuas hati bahawa kerana sesuatu sebab, yang akan direkodkan olehnya secara bertulis, tidak dapat dengan munasabahnya untuk melaksanakan kehendak-kehendak Perintah Am ini; atau

- (b) jika yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya adalah tidak bermanfaat untuk melaksanakan kehendak-kehendak Perintah Am ini.

PERINTAH AM 24 – Pihak Berkuasa Tata tertib Menentukan Jenis Kesalahan

Peruntukan ini bermaksud bahawa adalah menjadi tugas Pihak Berkuasa Tata tertib untuk membuat pertimbangan sama ada pelanggaran tata tertib yang diadukan itu adalah daripada jenis yang patut dikenakan hukuman buang kerja atau turun pangkat atau hukuman yang lebih ringan daripada dibuang kerja atau turun pangkat.

PERINTAH AM 25 – Tatacara Bagi Kes-kes Yang Patut Dikenakan Hukuman Yang Lebih Ringan Daripada Buang kerja Atau Turun Pangkat

Ada dua perkara penting yang disebutkan di bawah Perintah Am ini iaitu:

- (a) Seseorang pegawai hendaklah diberitahu secara bertulis mengenai fakta-fakta pelanggaran tata tertib yang dikatakan terhadapnya itu dan diberi peluang membuat representasi secara bertulis terhadap tomahan itu jika Pengerusi Pihak Berkuasa Tata tertib Yang Berkenaan memutuskan bahawa pelanggaran tata tertib dikenakan hukuman yang lebih ringan daripada buang kerja atau turun pangkat.
- (b) Pihak Berkuasa Tata tertib Yang Berkenaan hendaklah menentukan sama ada pegawai itu bersalah atau tidak atas pelanggaran tata tertib yang dikatakan itu setelah menimbang representasi daripada pegawai berkenaan. Pihak Berkuasa itu hendaklah mengenakan

mana-mana satu atau lebih daripada hukuman-hukuman yang dinyatakan dalam Perintah Am 26 jika Pihak Berkuasa itu mendapati pegawai itu adalah bersalah.

PERINTAH AM 26 – Tatacara Bagi Kes-kes Yang Patut Dikenakan Hukuman Buang Kerja Atau Turun Pangkat

Dalam kes-kes seumpama ini pihak Berkuasa Tata tertib Yang Berkenaan perlu memutuskan seseorang pegawai itu bersalah kerana kerja yang tidak memuaskan dan kerja atau salah laku yang pada pendapat Pihak Berkuasa Tata tertib itu patut dikenakan hukuman buang kerja atau turun pangkat.

Bagi melaksanakan hukuman ini Pihak Berkuasa Tata tertib Yang Berkenaan perlu memakai beberapa peruntukan yang antara lain ialah menimbang maklumat yang ada untuk membuktikan ada kes *prima-facie* untuk membuang kerja atau menurunkan pangkat, menghantar pernyataan bertulis kepada pegawai berkenaan, menimbang representasi yang dikemukakan oleh pegawai berkenaan, melantik satu jawatankuasa siasatan, menimbang laporan jawatankuasa siasatan, memberi peluang kepada pegawai berkenaan hadir membela diri dan membuat keputusan mengenai hukuman yang patut dikenakan.

Jika setelah menimbang laporan jawatankuasa siasatan, pihak jawatankuasa tata tertib yang berkenaan berpendapat:

- (a) bahawa pegawai itu patut dibuang kerja atau diturunkan pangkat, maka Pihak Berkuasa Tata tertib itu hendaklah serta merta mengarahkan sewajarnya;
- (b) bahawa pegawai itu tidak patut dibuang kerja atau diturunkan pangkat, tetapi patut menerima hukuman yang lebih ringan. Pihak Berkuasa Tata tertib itu boleh

mengenakan ke atas pegawai itu apa-apa hukuman yang lebih ringan sebagaimana yang difikirkan patut; atau

- (c) bahawa pembicaraan itu menzahirkan alasan-alasan untuk menghendaki supaya pegawai itu bersara demi kepentingan awam. Pihak Berkuasa Tatatertib itu hendaklah mengesyorkan kepada Kerajaan dengan sewajarnya. Soal pencen hendaklah diuruskan di bawah Undang-undang Pencen.

PERINTAH AM 27 – Perbicaraan Jenayah Terhadap Seseorang Pegawai

Perintah Am ini menetapkan tatacara bagi pembicaraan jenayah terhadap seseorang pegawai. Dalam hal ini Pendaftar atau Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah di mana pembicaraan tersebut dibawa hendaklah menghantar kepada Ketua Jabatan satu laporan mengandungi maklumat berikut:

- (a) pada permulaan pembicaraan tersebut, maklumat-maklumat berikut iaitu bertuduhan atau pertuduhan terhadap pegawai itu; jika ditangkap, tarikh dan waktu pegawai itu ditangkap; sama ada pegawai itu dalam jaminan atau tidak; apa-apa maklumat lain yang berkaitan,
- (b) pada peringkat akhir pembicaraan tersebut; keputusan mahkamah.

Ketua Jabatan perlu mendapatkan satu laporan daripada Pendaftar atau Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah berkenaan mengenai pembicaraan tersebut dan menghantarkannya kepada Pihak Berkuasa Tatatertib Yang Berkenaan bersama-sama dengan syornya sama ada pegawai itu patut ditahan kerja atau tidak. Setelah menimbangkan laporan tersebut dan syor Ketua Jabatan, Pihak Berkuasa Tatatertib

Yang Berkenaan boleh menahan pegawai itu daripada menjalankan tugasnya, tertakluk kepada Perintah Am 30 - Tahan Kerja.

Jika pembicaraan jenayah terhadap pegawai itu berkeputusan dengan ia disabitkan, Pihak Berkuasa Tatatertib Yang Berkenaan hendaklah menggantung pegawai itu daripada menjalankan tugasnya dari tarikh sabitnya sementara menanti keputusan pihak berkuasa tatatertib itu di bawah Perintah Am 33.

Sebaliknya jika pembicaraan jenayah pegawai itu berkeputusan dengan ia dibebaskan dan tiada rayuan dibuat terhadap pembebasan tersebut oleh atau bagi pihak pendakwa raya, maka pegawai itu boleh menjalankan tugas-tugasnya semula. Pegawai berkenaan hendaklah juga dibenarkan menerima bahagian emolumennya yang belum dibayar yang ditahan semasa ia ditahan kerja. Tetapi jika rayuan dibuat terhadap pembebasan tersebut, Pihak Jawatankuasa Tatatertib Yang Berkenaan hendaklah memutuskan sama ada atau tidak pegawai itu patut terus ditahan kerja sehingga rayuan tersebut diselesaikan.

PERINTAH AM 28 – Langkah-langkah Tatatertib Tidak Boleh Diambil Sementara Menanti Selesainya Pembicaraan Jenayah

Perintah Am ini memberi peruntukan bahawa tiada apa-apa langkah pembicaraan untuk membuang kerja pegawai itu atas apa-apa alasan yang dimasukkan dalam pertuduhan jenayah itu boleh diambil terhadap seseorang pegawai yang sedang menjalankan pembicaraan jenayah sehingga pembicaraan jenayah itu selesai.

PERINTAH AM 29 – Akibat Pembebasan

Perintah Am ini bermaksud bahawa seseorang pegawai yang

dibebaskan tidak boleh dibuang kerja atas pertuduhan yang ia telah dibebaskan tetapi tindakan tata tertib boleh diambil terhadap pegawai berkenaan atas apa-apa alasan lain yang berbangkit dari kelakuannya dalam perkara itu sama ada berhubungan atau tidak dengan pelaksanaan tugas-tugasnya dengan syarat bahawa alasan-alasan tersebut tidak memhangkitkan pada sebahagian besarnya soal-soal yang sama seperti soal-soal atas mana ia telah dibebaskan.

PERINTAH AM 30 – Tahan Kerja

Perintah Am ini memberikan kuasa kepada Pihak Berkuasa Tata tertib Yang Berkenaan untuk menahan daripada menjalankan kerja: (a) seorang pegawai yang pembicaraan kenayah sedang dibawa terhadapnya sebagaimana diperuntukkan di bawah Perintah Am 27 dan tahan kerja itu boleh dikuatkuasakan mulai tarikh ia ditangkap atau dari tarikh saman disampaikan terhadapnya dan (b) seseorang pegawai yang langkah tata tertib dengan tujuan hendak membuang kerja pegawai itu sedang atau akan diambil terhadapnya dan tahan kerja itu boleh dikuatkuasakan mulai dari tarikh sebagaimana ditentukan dalam perintah tahan kerja.

Pihak berkuasa tata tertib yang berkenaan boleh menahan kerja seseorang pegawai dalam hal-hal berikut:

- (a) apabila sifat kesalahan yang ia dipertuduhkan itu ada kaitan secara langsung dengan tugasnya,
- (b) apabila kehadirannya di pejabat akan menghalang penyiasatan, atau
- (c) apabila ia boleh mendatangkan keadaan serba salah kepada jabatannya jika ia dibenar menjalankan tugas-tugasnya dan tanggungjawab-tanggungjawabnya yang biasa.

Perintah Am ini memperuntukkan juga bahawa sese-

orang pegawai yang telah ditahan kerja hendaklah dibenarkan menerima emolumen jawatannya yang mana tidak boleh kurang daripada satu perdua banyaknya sebagaimana yang difikirkan patut oleh Pihak Berkuasa Tatatertib Yang Berkenaan, melainkan dan sehingga ia digantung atau dibuang kerja. Pegawai berkenaan juga jika dibenarkan menjalankan tugasnya semula oleh Pihak Berkuasa Tatatertib Yang Berkenaan hendaklah dibenarkan menerima bahagian emolumennya yang belum dibayar yang ditahan semasa ia ditahan kerja.

PERINTAH AM 31 – Gantung Kerja

Seseorang pegawai yang digantung daripada menjalankan tugas-tugasnya di bawah Perintah Am 33 dan 34 tidak boleh dibenarkan menerima apa-apa bahagian emolumennya yang belum dibayar yang ditahan darinya semasa ia ditahan kerja dan tidak dibenarkan menerima apa-apa emolumen mulai dari tarikh ia digantung kerja.

Jika pembicaraan tatatertib berkeputusan dengan ia dibuang kerja, maka ia tidaklah berhak menerima apa-apa bahagian emolumen yang belum dibayar. Tetapi jika hukuman itu adalah lain daripada buang kerja, maka bolehlah dipulangkan balik kepadanya bahagian emolumen yang ditahan darinya itu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Pihak Berkuasa Tatatertib Yang Berkenaan.

PERINTAH 32 – Meninggalkan Negeri Semasa Ditahan Kerja Atau Digantung Kerja

Seseorang pegawai yang sedang ditahan kerja atau digantung kerja tidak boleh meninggalkan Malaysia tanpa kebenaran daripada Pihak Berkuasa Tatatertib Yang Berkenaan. Jika pegawai tersebut berkhidmat di perwakilan Malaysia seberang laut, pegawai berkenaan boleh di panggil balik ke

Malaysia dengan serta merta. Ia tidak boleh meninggalkan Malaysia tanpa kebenaran daripada Pihak Berkuasa Tatatertib Berkenaan sebelum diputuskan ia diberi semula jawatannya atau dibuang kerja.

Sebaliknya jika pembicaraan jenayah sedang diambil terhadap seseorang pegawai di negara asing, pegawai itu hendaklah ditahan kerja mengikut Perintah Am 30 dan hendaklah ditempatkan di dalam jagaan perwakilan Malaysia di negara itu dan tidak dibenarkan meninggalkan negara tersebut.

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KHAS

Bahagian III Perintah Am Bab D ini mengandungi beberapa peruntukan khas iaitu tatacara mengenai sabitan, tatacara bagi kes tahanan, buang negeri dan sebagainya, serta kuasa pihak berkuasa tatatertib mengenai sabitan, tahanan dan sebagainya.

PERINTAH AM 33 – Tatacara Mengenai Sabitan

Peruntukan ini adalah menghendaki Ketua Jabatan yang berkenaan memohon satu salinan keputusan mahkamah kepada Pendaftar atau Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah sekiranya pembicaraan jenayah terhadap seseorang pegawai berkeputusan dengan ia disabitkan atau jika rayuan terhadap sabitnya itu ditolak. Setelah menerima keputusan tersebut, Ketua Jabatan hendaklah menghantarkannya kepada Pihak Berkuasa Tatatertib Yang Berkenaan bersama-sama dengan butir-butir penuh mengenai rekod perkhidmatan pegawai itu yang lalu dan syor Ketua Jabatan sama ada pegawai itu patut dibuang kerja atau diuruskan halnya dengan cara lain bergantung kepada jenis dan beratnya kesalahan yang dilakukan berbanding dengan setakat manakah ia telah menjatuhkan reputasi perkhidmatan.

PERINTAH AM 34 – Tatacara Mengenai Kes Tahanan Buang Negeri dsb.

Perintah Am ini bermaksud bahawa Ketua Jabatan hendaklah memohon satu salinan perintah daripada Pihak Berkuasa Yang Berkenaan jika telah dibuat suatu perintah tahanan, pengawasan, kediaman tersekat, buang negeri atau deportasi terhadap seseorang pegawai atau jika telah ada suatu perintah yang mengenakan ke atas pegawai itu apa-apa bentuk sekatan atau pengawasan sama ada dengan bon atau sebaliknya di bawah mana-mana undang-undang berhubung dengan keselamatan Persekutuan atau mana-mana baha-giannya.

Setelah menerima perintah tersebut, Ketua Jabatan dikehendaki mengemukakan satu laporan yang berkenaan bersama-sama dengan butir-butir penuh mengenai rekod perkhidmatan pegawai itu yang lalu kepada Pihak Berkuasa Tatatertib sama ada pegawai itu patut dibuang kerja, diturunkan pangkat atau diuruskan halnya dengan cara lain bergantung kepada setakat manakah ia telah menjatuhkan reputasi perkhidmatan.

Setelah menerima laporan daripada Ketua Jabatan, Pihak Berkuasa Tatatertib Yang Berkenaan hendaklah serta merta menggantung pegawai itu daripada menjalankan tugas-tugasnya.

PERINTAH AM 35 – Kuasa Pihak Berkuasa Tatatertib Mengenai Sabitan, Tahanan dsb.

Peruntukan ini memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Tata-tertib Yang Berkenaan menimbang laporan dan dokumen-dokumen yang dikemukakan oleh Ketua Jabatan mengikut Perintah Am 33 dan 34 (1) dan memutuskan sama ada seseorang pegawai itu patut dibuang kerja atau diturunkan pangkat atau patut dikenakan hukuman yang lebih ringan

atau diuruskan halnya dengan cara yang lain, Pihak Berkuasa Tatatertib boleh dengan serta merta mengarahkan sewajarnya sebagaimana yang difikirkan patut. Jika disebabkan oleh hukuman yang lebih ringan pegawai itu tidak dibuang kerja, maka emolumennya sepanjang tempoh ia digantung kerja itu hendaklah terpulang kepada budi bicara Ketua Pengarah.

HUKUMAN

Bahagian IV Perintah Am adalah mengenai hukuman-hukuman tatatertib yang boleh dikenakan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib ke atas seseorang pegawai yang dikenakan tindakan tatatertib. Bahagian ini meliputi hukuman-hukuman amaran, celaan, denda, lucut hak gaji, hentikan kenaikan gaji, tangguhkan kenaikan gaji, turunkan gaji, turun pangkat, dan buang kerja.

PERINTAH AM 36 – Hukuman Tatatertib

Mengikut peruntukan ini Pihak Berkuasa Tatatertib boleh mengenakan ke atas seseorang pegawai mana-mana satu atau apa-apa kombinasi dari dua atau lebih daripada dua hukuman-hukuman berikut:

- (a) amaran,
- (b) celaan,
- (c) denda,
- (d) lucut hak gaji,
- (e) hentikan kenaikan gaji,
- (f) tangguhkan kenaikan gaji,
- (g) turun gaji,
- (h) turun pangkat,
- (i) buang kerja.

PERINTAH AM 37 – Denda Atau Lucut Hak Gaji

Pihak Berkuasa Tata tertib Yang Berkenaan boleh menetapkan hukuman denda atau lucut hak gaji terhadap seseorang pegawai mengikut peruntukan-peruntukan berikut:

- (a) apa-apa denda yang dikenakan pada sesuatu masa tidak boleh lebih daripada suatu amaun yang sama banyaknya dengan tiga hari gaji pokok pegawai yang berkenaan itu, dan jika pegawai itu didenda lebih daripada sekali dalam mana-mana satu bulan, agregat denda yang dikenakan ke atasnya dalam bulan itu tidak boleh lebih daripada satu amaun yang banyaknya sama dengan lima belas peratus daripada gaji pokok bulannya.
- (b) lucut hak gaji yang dikenakan ke atas seseorang pegawai kerana tidak hadir bekerja tanpa cuti atau apa-apa sebab yang munasabah atau yang berlaku di bawah Perintah Am 21 (3) dan 31 (2) tidak boleh dikira sebagai dengan di bawah Perintah Am ini dan tidak tertakluk kepada perenggan (a) di atas. Amaun gaji yang dilucut hak kerana tidak hadir bekerja tanpa cuti atau tanpa sebab yang munasabah melainkan jika selainnya diputuskan oleh Pihak Berkuasa Tata tertib, hendaklah dihitung dengan mengambil kira tempoh sebenarnya pegawai itu tidak hadir bekerja.
- (c) Segala denda atau dilucut hak hendaklah dipotong daripada emolumen bulanan pegawai itu dan hendaklah dibayar dan dipindahkan kepada Akauntan Negara untuk dikreditkan dalam satu kumpulan wang yang dinamakan Kumpulan Wang Denda yang akan ditadbirkan dan dibelanjakan sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri Kewangan.

PERINTAH AM 38 – Tahan Kenaikan Gaji

Ketua Jabatan boleh pertama kali menahan kenaikan gaji seseorang pegawai selama tidak lebih daripada tiga bulan kenaikan gaji tanpa memberi amaran terlebih dahulu, atas alasan kerja tidak cekap, tetapi amaran mesti diberi secara bertulis pada masa kenaikan gaji itu ditahan dengan menyatakan bahawa kenaikan gaji akan diberhentikan atau ditangguh jika kerja pegawai itu tidak bertambah baik dalam tempoh kenaikan gajinya itu ditahan. Pegawai berkenaan tidak berhak mendapat sebarang kenaikan gaji semasa hukuman itu berkuatkuasa. Tetapi ia berhak mendapat kenaikan gaji yang telah ditahan darinya itu setelah berakhir tempoh tersebut melainkan jika kenaikan gaji itu diberhentikan atau ditangguhkan atas arahan Pihak Berkuasa Yang Berkenaan.

PERINTAH AM 39 – Hentikan Kenaikan Gaji

Hukuman ini boleh dikenakan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib Yang Berkenaan bagi suatu tempoh dan pegawai itu tidak berhak mendapat apa-apa kenaikan gaji bagi tempoh dan sepanjang tempoh hukuman itu berkuatkuasa. Bagaimanapun, pegawai itu akan mendapat gaji mengikut kadar yang sepatutnya kena dibayar kepadanya sekiranya gajinya itu telah tidak dihentikan, pada akhir tempoh tersebut. Hukuman ini tidak mengubah tarikh kenaikan gaji dan kehilangan kekananan pegawai berkenaan.

PERINTAH AM 40 – Tangguhkan Kenaikan Gaji

Pihak Berkuasa Tatatertib Yang Berkenaan boleh mengenakan hukuman menangguhkan kenaikan gaji bagi suatu tempoh tidak kurang daripada tiga bulan dan pegawai berkenaan tidak berhak mendapat apa-apa kenaikan gaji bagi tempoh dan sepanjang tempoh hukuman itu berkuatkuasa.

Hukuman ini juga mendatangkan akibat-akibat berikut ke atas pegawai-pegawai yang terlibat; (a) tarikh kenaikan gajinya hendaklah diubah kepada tarikh bila hukuman itu habis tempohnya, (b) tarikh kenaikan gajinya hendaklah tetap seperti tarikh yang telah diubah di bawah perenggan (a) sehingga ia mencapai tangga gaji maksimumnya, dan (c) pegawai itu hendaklah menanggung kehilangan kekananan selama tempoh yang sama dengan tempoh hukuman itu.

PERINTAH AM 41 – Remisyen Mengenai Penangguhan Kenaikan Gaji

Peruntukan ini membenarkan seseorang pegawai yang dikenakan hukuman penangguhan kenaikan gaji memohon kepada Pihak Berkuasa Tatatertib Yang Berkenaan untuk mendapat remisyen atas hukuman tersebut. Permohonan tersebut boleh dibuat pada bila-bila masa tidak lebih awal daripada tiga tahun daripada tarikh hukuman itu habis tempoh. Pegawai itu juga dikehendaki menunjukkan kerja dan ketekunan yang bertambah baik supaya Ketua Jabatan dapat memberi sokongan yang positif kepada Pihak Berkuasa Tatatertib Yang Berkenaan supaya remisyen yang diminta itu diluluskan. Apa-apa remisyen atas hukuman itu tidak boleh sama sekali memulihkan apa-apa jua kehilangan kekananan pegawai itu.

PERINTAH AM 42 – Turun Gaji

Jika seseorang pegawai telah mencapai tanggagaji maksimum dalam tingkatannya, Pihak Berkuasa Tatatertib Yang Berkenaan boleh mengenakan ke atas pegawai itu hukuman turun gaji selama satu tempoh yang difikirkan patut dengan syarat bahawa hukuman itu tidak boleh lebih daripada tiga kenaikan gaji dalam segmen gaji di mana ia berada pada masa hukuman ini dikenakan.

PERINTAH AM 43 – Hukuman Dikehendaki Dicatatkan Ke Dalam Buku Perkhidmatan Pegawai

Ketua Jabatan hendaklah mengarahkan supaya tiap-tiap hukuman yang dikenakan ke atas seseorang pegawai di bawah Perintah-Perintah Am ini dicatatkan dalam Buku Rekod Perkhidmatan pegawai itu dengan menyatakan butir-butir hukuman.

PENAMATAN PERKHIDMATAN DEMI KEPENTINGAN AWAM

Bahagian V Perintah-Perintah Am adalah mengenai hal penamatan perkhidmatan seseorang pegawai demi kepentingan awam oleh Kerajaan. Perintah Am 44 memberi peruntukan bagi pihak Kerajaan mengambil tindakan menamatkan perkhidmatan seseorang pegawai daripada perkhidmatan awam demi kepentingan awam atau atas alasan-alasan yang tidak boleh diuruskan dengan sesuai menurut tatacara yang ditetapkan dalam Perintah-Perintah Am.

Bagi melaksanakan perkara ini kerajaan boleh meminta satu laporan penuh daripada Ketua Jabatan di mana pegawai itu berkhidmat, mengandungi butir-butir mengenai kerja dan kelakuan pegawai itu dan ulasan-ulasan (jika ada) daripada Ketua Jabatan berkenaan.

Kerajaan boleh menamatkan perkhidmatan pegawai itu mulai dari tarikh sebagaimana yang dinyatakan oleh kerajaan setelah menimbang laporan itu dan kerajaan berpuas hati berdasarkan kepada syarat-syarat perkhidmatan, kegunaan pegawai itu kepada perkhidmatan, kerja dan kelakuan pegawai itu, dan segala hal keadaan lain mengenai kes itu, adalah perlu demi kepentingan awam untuk berbuat demikian.

Dalam kes seumpama ini seseorang pegawai itu mungkin tidak diberi apa-apa peluang untuk didengar dan seseorang pegawai yang perkhidmatannya telah ditamatkan demi ke-

pentingan awam di bawah Perintah Am ini tidak boleh, bagi maksud 135 (2) Perlembagaan Persekutuan dianggapkan sebagai telah dibuang kerja.

SOALAN-SOALAN SUBJEKTIF

1. Jelaskan sifat-sifat tatakelakuan bagi pegawai-pegawai dalam perkhidmatan awam sebagaimana yang dimaksudkan dalam Perintah Am 4 – Tatakelakuan.
2. Huraikan peruntukan-peruntukan penting yang terkandung dalam Perintah-Perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Bab D) 1980 mengenai **tiga** perkara berikut:
 - (a) Pekerjaan luar (Perintah Am 5)
 - (b) Hadiah-hadiah (Perintah Am 6)
 - (c) Meminjam wang (Perintah Am 10)
 - (d) Kesusahan berat kerana hutang (Perintah Am 11)
 - (e) Aktiviti-aktiviti politik (Perintah Am 19)
3. Terangkan bagaimanakah Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan boleh melaksanakan hukuman-hukuman berikut:
 - (a) tahan kerja
 - (b) gantung kerja
 - (c) buang kerja atau turun pangkat
4. Apakah yang dimaksudkan dalam Perintah-Perintah Am mengenai perkara-perkara berikut:
 - (a) Pihak Berkuasa Tatatertib menentukan jenis kesalahan.

- (b) Pembicaraan jenayah terhadap seseorang pegawai
 - (c) Pernyataan awam dilarang
 - (d) Hukuman tatatertib
5. Pada pendapat anda, mengapakah Perintah-Perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Bab D) 1980 perlu dikuatkuasakan dalam perkhidmatan awam di negara ini?

SOALAN-SOALAN OBJEKTIF

1. Seseorang pegawai awam perlu mempunyai sifat-sifat dan tatakelakuan berikut **melainkan**
 - A. Menumpukan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada Yang di-Pertuan Agong.
 - B. Mengutamakan kepentingan negara dan kewajipan tugasnya.
 - C. Sentiasa menjaga reputasi perkhidmatannya.
 - D. Bekerja mengikut kemampuan dan situasi tertentu.
 - E. Jujur dan mengikut perintah.
2. Seseorang pegawai awam dikehendaki melaporkan pemilikan hartanya kepada
 - A. Ketua Jabatan.
 - B. Pihak Berkuasa Tatatertib.
 - C. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.
 - D. Jabatan Hasil Dalam Negeri.
 - E. Badan Pencegah Rasuah.
3. Perintah Am 11 dalam Bahagian I Bab D (Perintah-perintah Am 1980) melarang seseorang pegawai awam daripada
 - A. menjalankan sebarang pekerjaan luar secara lang-

sung atau tidak langsung tanpa kebenaran daripada pihak kerajaan.

- B. menerima atau memberi sebarang hadiah untuk dirinya atau menerusi orang lain bagi pihak dirinya.
 - C. memiliki harta yang berlebihan atau tidak munasabah berbanding dengan pendapatannya.
 - D. Menyenggara taraf hidup melebihi emolumen rasmi dan pendapatan persendirian yang sah.
 - E. menanggung kesusahan berat kerana hutang.
4. Semua kenyataan berikut adalah benar mengenai arahan tata tertib dan kelakuan pegawai perkhidmatan awam **melainkan**
- A. Seseorang pegawai tidak boleh menulis apa-apa buku atau makalah.
 - B. Seseorang pegawai tidak boleh menspekulasi tentang turun naiknya harga komoditi dalam atau luar negeri.
 - C. Seseorang pegawai tidak boleh tidak hadir bertugas tanpa cuti.
 - D. Seseorang pegawai tidak boleh menjalankan refel atau loteri akan harta persendiriannya.
 - E. Seseorang pegawai tidak dibenarkan membuat sebarang pekerjaan luar yang menjejaskan tugas dan tanggungjawab perkhidmatannya.
5. Seseorang pegawai awam adalah ditegah daripada membuat sebarang pekerjaan luar **kecuali** dengan kebenaran
- A. Ketua Jabatan.
 - B. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.
 - C. Pihak Berkuasa Tata tertib.
 - D. Jabatan Hasil Dalam Negeri.
 - E. Jabatan Perkhidmatan Awam.

6. Perkara penting yang dinyatakan oleh Perintah Am 6 dalam Perintah-Perintah Am Bab D 1980 ialah bahawa seseorang pegawai itu
 - A. tidak dibenarkan membuat sebarang pekerjaan luar yang menjejaskan tugas dan tanggungjawab perkhidmatannya.
 - B. tidak boleh memberi atau menerima apa-apa jenis keraian kepada atau daripada pihak lain yang dapat mempengaruhi pelaksanaan tugas-tugas rasminya sebagai pegawai awam.
 - C. tidak boleh menanggung kesusahan berat kerana hutang.
 - D. tidak boleh mengadakan refel atau loteri akan harta persendirianya.
 - E. tidak boleh memberi dan menerima sebarang hadiah bagi dirinya, keluarga atau orang lain bagi pihak dirinya.

7. Seseorang pegawai awam yang menyenggara taraf hidup melebihi emolumen rasmi dan pendapatan persendirian yang sah setelah diminta oleh ketua jabatan perlu memberi penjelasan bertulis dalam tempoh
 - A. 7 hari.
 - B. 14 hari.
 - C. 30 hari.
 - D. 45 hari.
 - E. 60 hari.

8. Sesuatu keputusan untuk membuang kerja atau menurunkan pangkat bagi seseorang pegawai awam adalah dilakukan oleh
 - A. Ketua Jabatan.
 - B. Pihak Berkuasa Tatatertib.
 - C. Jabatan Perkhidmatan Awam.

- D. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.
 E. Jawatankuasa Siasatan.
9. Jika pembicaraan jenayah terhadap seseorang pegawai itu berkeputusan dengan ia disabitkan, apakah tindakan yang perlu diambil oleh Pihak Berkuasa Tata tertib terhadap pegawai berkenaan?
- A. Membuang kerja.
 B. Menahan kerja.
 C. Mengantung kerja.
 D. Menurunkan pangkat.
 E. Melucut hak gaji.
10. Semua perkara berikut merupakan hukuman-hukuman yang boleh dikenakan oleh Pihak Berkuasa Tata tertib ke atas seseorang pegawai yang telah dikenakan tindakan tata tertib **kecuali**
- A. amaran dan celaan.
 B. denda dan lucut hak gaji.
 C. hentikan, tangguhkan dan turunkan kenaikan gaji.
 D. turun pangkat dan buang kerja.
 E. buang daerah dan dibersarakan.

BAB 9

BADAN KEHAKIMAN DAN PENTADBIRAN KEADILAN

KEPERLUAN UNDANG-UNDANG

Di negara kita terdapat badan-badan yang berasingan yang menjalankan kuasa-kuasa perundangan, pemerintahan, dan kehakiman sebagaimana yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri-negeri. Dalam bab-bab yang lalu kita telah mengkaji cara-cara bagaimana badan-badan perundangan dan pemerintahan menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing di peringkat-peringkat Persekutuan dan Negeri-negeri. Segala undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen dan enakmen-enakmen yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri bukan sahaja perlu dikuatkuasakan, tetapi ditadbirkan juga dengan adil dan betul bagi menjamin kepentingan awam, kesejahteraan masyarakat atau setiap rakyat bagi mengelakkan huru-hara dan kucar-kacir. Tegasnya, undang-undang yang menetapkan bagaimana kita harus bertindak dan bertingklaku sebagai anggota masyarakat dan warganegara.

KUATKUASA UNDANG-UNDANG

Undang-undang perlu ditadbirkan dan dikuatkuasakan bagi memastikan semua lapisan masyarakat di negara ini mendapat perlindungan, keadilan, dan mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Segala tugas dan tanggungjawab mengawal, mengatur, mentadbir, dan memastikan orang ramai mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan

oleh undang-undang negara dijalankan oleh berbagai-bagai institusi penguatkuasaan seperti pasukan Polis Diraja, Jabatan Kastam dan Eksais, Badan Pencegah Rasuah (Biro Siasatan Negara), dan pasukan-pasukan lain yang diberi tugas dan tanggungjawab menguatkuasakan peraturan-peraturan tertentu. Segala langkah dan tindakan penguatkuasaan undang-undang menjadi sangat mustahak bagi membanteras sebarang perbuatan atau kegiatan yang melanggar undang-undang sivil dan jenayah.

Pasukan Polis Diraja memainkan peranan yang sangat penting bagi menjaga keselamatan jiwa dan harta benda orang ramai. Oleh itu, tugas pasukan polis bukan sahaja menangkap orang-orang yang melakukan kesalahan-kesalahan sivil dan jenayah, tetapi mencegah berlakunya pelbagai jenis jenayah dalam masyarakat seperti membunuh, merompak, mencuri, mengugut, mencolek, mengedar dadah, dan lain-lain. Selain itu pihak polis juga mempunyai tugas menangkap orang-orang yang melanggar kesalahan-kesalahan lalu lintas di jalan raya seperti tiada lesen memandu, cukai jalan, melebihi had laju, dan peraturan-peraturan lalu lintas lain yang telah ditetapkan. Pasukan Kastam dan Eksais pula selain bertugas untuk memungut cukai, bertanggungjawab mengawal dan mencegah penyeludupan menerusi lalu lintas darat, udara dan laut, terutama sekali di kawasan sempadan negara, lapangan terbang, dan pelabuhan antarabangsa yang merupakan pintu masuk utama ke negara ini. Selain itu terdapat juga berbagai-bagai institusi dan agensi penguatkuasaan undang-undang dan peraturan-peraturan tertentu seperti Badan Pencegah Rasuah yang bertugas mencegah dan menangkap kegiatan-kegiatan rasuah dan pasukan-pasukan penguatkuasaan di kementerian, jabatan dan agensi kerajaan.

KEDAULATAN UNDANG-UNDANG

Kedaulatan undang-undang mesti diterima dan dihormati

oleh semua rakyat di negara ini kerana kedaulatan undang-undang menjadi asas kepada keadilan. Perlembagaan Persekutuan sebagai Undang-undang Tertinggi Negara bukan sahaja memberi kebebasan asasi yang sama kepada setiap rakyat, malah semua orang adalah sama rata di sini undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang. Setiap rakyat diberi juga kebebasan beragama, bercakap, berhimpun, memiliki harta dan tidak boleh dibuang negeri atau dilarang masuk ke dalam Persekutuan. Semua hak yang disebutkan ini boleh dinikmati dan digunakan dengan bebas selagi setiap orang tidak melanggar sekatan-sekatan yang dikenakan oleh undang-undang, tidak mengancam keselamatan negara dan orang awam. Secara umumnya undang-undang diadakan bagi menetapkan peraturan-peraturan hidup dalam masyarakat agar keamanan dan keselamatan dalam negeri dapat dipelihara dan dikekalkan. Tegasnya undang-undang berhasrat untuk memberi keadilan kepada setiap orang. Dengan itu undang-undang dan peraturan-peraturan yang ditetapkan mesti ditadbirkan dengan bebas dan adil. Semua tugas dan tanggungjawab mengurus undang-undang dan membuat pengadilan dijalankan oleh badan kehakiman yang mengandungi mahkamah-mahkamah dan hakim-hakim. Perlembagaan Persekutuan telah menetapkan peraturan bagi membentuk sistem kehakiman yang bebas di negara ini. Hakim-hakim dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong apabila bertindak atas nasihat Perdana Menteri dan setelah berunding dengan Majlis Raja-raja. Mereka juga hanya boleh dilucutkan jawatan atas dua sebab iaitu apabila mereka berkelakuan tidak baik atau tidak berupaya melaksanakan tugas jawatan mereka. Para hakim melaksanakan tugas mengikut peruntukan perlembagaan dan kebijaksanaan mereka tentang undang-undang. Kuasa kehakiman yang diberikan adalah luas meliputi hal mentafsirkan perlembagaan dan segala undang-undang. Sistem kehakiman di Malaysia terdiri dari-

pada Mahkamah Agung, Mahkamah-mahkamah Tinggi, dan Mahkamah-mahkamah Rendah yang setiap satunya mempunyai bidangkuasa dan tugas yang telah ditetapkan.

MAHKAMAH-MAHKAMAH RENDAH

Di negara kita terdapat Mahkamah-mahkamah Rendah yang terdiri daripada Mahkamah Penghulu, Mahkamah Majistret, dan Mahkamah Seksyen. *Mahkamah Penghulu* merupakan mahkamah yang berada pada peringkat yang paling rendah dalam sistem kehakiman di negara ini. Mahkamah ini mempunyai kuasa membicarakan kes-kes sivil yang berkaitan dengan hutang piutang yang jumlahnya tidak melebihi \$50.00. Selain itu Mahkamah Penghulu boleh juga membicarakan kesalahan-kesalahan jenayah kecil dengan hanya mengenakan hukuman merupakan denda yang tidak melebihi \$25.00. Pihak-pihak yang terlibat dalam perbicaraan di Mahkamah Penghulu juga mestilah fasih bertutur dan memahami bahasa Malaysia. Namun begitu, seseorang yang didakwa di Mahkamah Penghulu boleh memilih untuk dibicarakan oleh Mahkamah Majistret.

Mahkamah Majistret berkuasa membicarakan dan memutuskan kes-kes sivil dan jenayah kecil yang berlaku di tempat-tempat tertentu. Majistret dilantik oleh Raja atau Yang Dipertua Negeri dengan nasihat Ketua Hakim. Ada dua jenis Mahkamah Majistret iaitu Mahkamah Majistret Kelas Satu dan Mahkamah Majistret Kelas Dua. Akta Mahkamah-mahkamah Rendah 1948 membolehkan Majistret Kelas Dua membicarakan kesalahan-kesalahan jenayah yang hukuman maksimumnya tidak melebihi 12 bulan penjara. Sekiranya Majistret Kelas Dua membicarakan kes-kes sedemikian, ia boleh mengenakan hukuman tidak melebihi daripada tiga bulan penjara atau denda tidak lebih daripada \$250.00 atau kedua-duanya sekali. Mengenai perkara-perkara sivil pula, bidangkuasa Majistret Kelas Dua adalah terhad kepada

tuntutan atau tindakan apabila pihak menuntut membuat tuntutan hutang atau lain-lain tuntutan yang nilainya tidak lebih daripada \$250.00.

Majistret Kelas Pertama mempunyai bidangkuasa yang lebih luas dan berkuasa membicarakan semua perkara kesalahan jenayah yang boleh dihukum penjara maksimum tidak lebih daripada 10 tahun atau yang hanya dapat dihukum dengan denda sahaja dan kesalahan di bawah Seksyen-seksyen 392 dan 457 Kanun Keseksaan. Apabila seseorang itu didapati bersalah, Majistret boleh membuat apa-apa hukuman yang dibolehkan menurut undang-undang tetapi tidak lebih daripada:

- (a) penjara selama lima tahun,
- (b) denda sebanyak sepuluh ribu ringgit,
- (c) disebat sebanyak dua belas kali dengan rotan, dan
- (d) mana-mana gabungan hukuman tersebut di atas.

Hukuman sebat biasanya tidak diperintahkan melainkan seseorang pesalah itu didapati sabit kesalahannya bagi suatu jenayah yang besar. Majistret Kelas Pertama berkuasa juga untuk membicarakan semua tindakan sivil apabila perkara yang dituntut atau nilai perkara yang berkenaan tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit. Sebagai tambahan ia boleh juga menjalankan perbicaraan di dalam tindakan untuk mengambil milik harta dan perolehi sewa atau faedah dan gantirugi apabila sewa yang hendak dituntut tentang sesuatu kediaman tidak melebihi dua belas ribu ringgit setahun. Majistret Kelas Pertama berkuasa juga memindahkan sesuatu perkara tertentu ke mahkamah yang lebih tinggi sekiranya dia yakin bahawa kuasanya mengenakan hukuman tidak mencukupi. Ia juga berkuasa melakukan pemeriksaan awal tentang kesalahan-kesalahan tertentu yang kelak dibawa ke Mahkamah Tinggi untuk dibicarakan.

Mahkamah Seksyen merupakan Mahkamah Rendah yang

paling tinggi di bawah jagaan Yang di-Pertuan Agong. Baginda boleh membentuk seberapa banyak Mahkamah Seksyen yang difikirkan perlu dan menghadkan kuasa-kuasanya. Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Ketua Hakim Negara berkuasa melantik seorang pengerusi daripada kalangan Yang Dipertua Kanan Mahkamah atau Yang Dipertua Mahkamah Seksyen untuk mempengerusikan sesuatu persidangan Mahkamah Seksyen. Mahkamah Seksyen mempunyai bidangkuasa dalam semua kesalahan jenayah melainkan kesalahan yang melibatkan hukum bunuh. Dalam kesalahan sivil pula mahkamah ini berkuasa membicarakan dan memutuskan sesuatu kes yang melibatkan jumlah nilai yang dituntut tidak melebihi \$25 ribu. Selain itu Mahkamah Seksyen boleh juga melaksanakan bidangkuasa membicarakan dan memutuskan apa-apa tindakan bagi mendapatkan milik harta tak alih dan bagi juga mendapatkan sewa atau faedah sementara atau gantirugi apabila wang yang dituntut tidak melebihi \$24 ribu.

Sejak Julai 1978, Mahkamah Seksyen telah mengambilalih beberapa fungsi yang sebelumnya dilaksanakan oleh Mahkamah Tinggi. Dengan ini bidangkuasa Mahkamah Seksyen telah bertambah dan diharapkan agar perbicaraan kes-kes dapat diselesaikan dengan lebih cepat, terutama sekali kes-kes sivil. Selaras dengan itu beberapa fungsi Mahkamah Seksyen telah juga diserahkan kepada Mahkamah Majistret Kelas Satu.

Di Sabah dan Sarawak, Mahkamah Rendah terdiri daripada *Mahkamah Anak Negeri* dan *Mahkamah Majistret*. Ada empat kelas majistret yang melaksanakan fungsi kehakiman di Sabah dan Sarawak iaitu: (a) Majistret Stipendiari, (b) Majistret Kelas Satu (c) Majistret Kelas Dua, dan (d) Majistret Kelas Tiga. Mahkamah Anak Negeri di Sabah dan Sarawak melaksanakan bidangkuasa mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan "adat-adat anak negeri" dan pihak-pihaknya adalah anak negeri. Pada masa dahulu Mah-

kamah Anak Negeri berkuasa juga tentang perkara-perkara berhubung dengan Undang-undang Islam tetapi pada masa sekarang perkara-perkara sedemikian ditadbirkan oleh Mahkamah Syariah yang berasingan.

Di Sabah, bidangkuasa Mahkamah Anak Negeri dilaksanakan dengan pegawai daerah bertindak dalam bidangkuasa penyeliaan dan rayuan. Pegawai daerah mempunyai kuasa meneliti, membatalkan atau mengubah keputusan perbicaraan dan mengarahkan perbicaraan semula sekiranya ia berpendapat bahawa sesuatu perbicaraan yang telah dijalankan itu tidak teratur, tidak betul, dan tidak munasabah. Apa-apa hukuman itu tidak dapat juga dikuatkuasakan selagi tidak disahkan oleh pegawai daerah. Di dalam bidangkuasanya sebagai badan rayuan, pegawai daerah membicarakan rayuan-rayuan daripada mana-mana perintah Mahkamah Anak Negeri. Rayuan daripada mana-mana perintah Pegawai Daerah boleh diperbuat kepada Mahkamah Rayuan Anak Negeri yang diketuai oleh seorang Hakim Mahkamah Tinggi serta residen dari residensi perbicaraan asal itu diadakan dan seorang penghulu anak negeri yang dilantik secara khusus.

Di Sarawak pula terdapat tiga Mahkamah Anak Negeri iaitu: (a) Mahkamah Anak Negeri Daerah, (b) Mahkamah Pegawai Anak Negeri atau Mahkamah Penghulu, dan (c) Mahkamah Ketua Kampung. Mahkamah-mahkamah Anak Negeri ini berkuasa membicarakan berbagai-bagai perkara sivil dan jenayah seperti kes-kes yang timbul akibat menyalahi undang-undang atau adat anak negeri, agama, perkahwinan atau perkara seks apabila salah seorang daripada yang terlibat dalam kes ini ialah anak negeri, kes-kes (tidak termasuk tanah) apabila nilai perkara berkenaan tidak melebihi \$50.00 dan kes-kes yang berkaitan dengan tanah, tetapi tidak ada surat hakmilik dikeluarkan oleh Pejabat Tanah. Semua pihak tertakluk kepada undang-undang diri sistem anak negeri yang sama. Mahkamah Pegawai Anak Negeri atau Penghulu

mengandungi seorang pegawai anak negeri atau penghulu serta dua orang pentaksir. Mahkamah ini berkuasa menjatuhkan hukuman tidak lebih daripada enam bulan penjara dan denda tidak lebih daripada \$100. Mahkamah ketua kampung pula mengandungi seorang ketua kampung dengan dua orang pentaksir dan berkuasa mengenakan denda tidak lebih daripada \$50.00. Mana-mana pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan mana-mana Mahkamah Anak Negeri boleh membuat rayuan kepada mahkamah yang lebih tinggi iaitu:

- (a) Dari Mahkamah Ketua Kampung ke Mahkamah Pegawai Anak Negeri atau Penghulu.
- (b) Dari Mahkamah Pegawai Anak Negeri atau Penghulu ke Mahkamah Anak Negeri Daerah.
- (c) Dari Mahkamah Anak Negeri Daerah ke Mahkamah Anak Negeri Residen.
- (d) Dari Mahkamah Anak Negeri Residen ke Mahkamah Rayuan Anak Negeri.

MAHKAMAH BUDAK-BUDAK DAN MAHKAMAH PERUSAHAAN

Selain Mahkamah-mahkamah Rendah yang dinyatakan di atas terdapat juga beberapa jenis mahkamah lain di negara ini, iaitu Mahkamah Budak-Budak, Mahkamah Perusahan, dan Mahkamah Syariah. *Mahkamah Budak-budak* diberi kuasa membicarakan semua kesalahan, melainkan kesalahan yang boleh dijatuhkan hukum bunuh bagi setiap orang yang berumur tidak lebih daripada 18 tahun. Persidangan mahkamah ini boleh dijalankan oleh seorang Majistret Kelas Satu dengan bantuan dua orang penasihat awam. Perbicaraan dalam mahkamah ini diadakan secara tertutup bagi melindungi pesalah-pesalah muda daripada publisiti, menjamin kehi-

dupan masa hadapan mereka, dan bukan tujuan mahkamah ini untuk menentukan kesalahan dan menjatuhkan hukuman. Tetapi sebaliknya untuk memahami sebab-sebab dan membantu mereka yang memerlukan pertolongan. Dengan ini mahkamah dikehendaki memeriksa kelakuan. Pada umumnya, keadaan sekitar rumahtangga, rekod persekolahan, dan perubatan supaya dapat bertindak bagi menjaga kepentingan budak-budak atau kanak-kanak berkenaan.

Dalam percicaraan tersebut hanya orang-orang tertentu seperti ibu bapa, penjaga, peguam, saksi-saksi, ahli-ahli, dan pegawai-pegawai mahkamah dan orang-orang tertentu sahaja dibenarkan hadir. Jika sabit kesalahan dan tidak melibatkan hukuman bunuh, mahkamah boleh membebaskannya dengan syarat mengikat jamin, dengan atau dengan tidak payah penjamin-penjamin supaya berkelakuan baik, dan bersedia menghadapi hukuman apabila dipanggil. Bagi kesalahan-kesalahan tertentu mahkamah boleh memerintahkan pesalah-pesalah berkenaan dihantar ke satu institusi atau pusat pemulihan akhlak dalam suatu tempoh yang ditetapkan. Jika pesalah yang berkenaan tidak berpuas hati ia boleh membuat rayuan ke Mahkamah Tinggi.

Mahkamah Perusahaan dibentuk mengikut Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dengan tujuan untuk menyelesaikan pertikaian dan pertelingkahan yang melibatkan majikan, pekerja, dan kesatuan sekerja secara khusus. Penubuhan Mahkamah Perusahaan ini telah dapat melaksanakan fungsi separa kehakiman dan meringankan beban tugas mahkamah-mahkamah biasa dalam menyelesaikan berbagai pertikaian perusahaan. Bidangkuasa mahkamah Perusahaan adalah seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 26 Akta Perhubungan Perusahaan 1967 iaitu:

- (1) Apabila suatu pertikaian pekerja wujud atau dijangka wujud, Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat boleh, jika pertikaian ini tidak diselesaikan sebaliknya, meru-

jukkan perkara ini kepada mahkamah berdasarkan kepada permohonan bersejema oleh kesatuan sekerja dan majikan yang menjadi pihak-pihak yang berkenaan dalam pertikaian itu.

- (2) Menteri boleh juga mengikut budibicaranya merujuk apa-apa pertikaian pekerja kepada mahkamah jika ia berpuas hati bahawa ia bermanfaat berbuat demikian. Sekiranya ada sesuatu pertikaian yang melibatkan mana-mana perkhidmatan kerajaan atau badan berkanun, rujukan kepada mahkamah itu tidak dapat diperbuat, melainkan setelah diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong atau pihak berkuasa negeri mengikut keadaannya.

Dalam dua keadaan di atas, kuasa menteri untuk merujuk perkara itu ke mahkamah tertakluk kepada dua syarat. Pertama, kes mesti melibatkan pertikaian pekerja yang sedang berlaku atau dijangka berlaku. Pertikaian pekerja yang dimaksudkan ialah "apa-apa pertikaian antara majikan dengan pekerja-pekerjanya, yang berkaitan dengan pekerjaan atau bukan pekerjaan atau syarat-syarat pekerjaan atau keadaan pekerjaan pekerja tersebut." Takrif ini adalah tidak termasuk pertikaian antara pekerja dengan pekerja atau antara majikan dengan majikan. Kedua, budibicara menteri untuk merujuk sesuatu pertikaian kepada mahkamah tidak dapat dilaksanakan sekiranya wujud suatu persetujuan menyelesaikan pertikaian itu mengikut suatu perjanjian antara seorang majikan atau sesuatu persatuan majikan dengan suatu kesatuan pekerja-pekerja. Tetapi menteri boleh juga merujuk perkara itu kepada mahkamah sekiranya gagal menyelesaikannya melalui persetujuan atau cara-cara lain. Mahkamah Perusahaan apabila menerima rujukan itu daripada Menteri, berkuasa membicarakan dan memutuskan kes tersebut. Manakala Kesatuan Sekerja atau majikan tidak berkuasa menyekat Menteri membuat keputusan merujuk

sesuatu perkara itu kepada Mahkamah Perusahaan.

Selepas membicarakan sesuatu pertikaian itu, mahkamah diberi kuasa untuk membuat keputusan, termasuk keputusan-keputusan sementara. Mahkamah Perusahaan diberi kuasa juga untuk mempertimbangkan kepentingan awam, implikasi kewangan dan kesan keputusan itu ke atas ekonomi negara dan terhadap industri yang berkenaan, dan kemungkinan kesannya kepada industri-industri yang berkaitan atau yang sama. Sebarang keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Perusahaan adalah muktamad dan terakhir. Apa-apa keputusannya tidak boleh dicabar, dirayu terhadapnya, disemak, dimansuh atau dikemukakan ke mana-mana mahkamah undang-undang. Namun demikian, rayuan masih boleh dibuat kepada Mahkamah Tinggi berdasarkan kepada perkara bahawa telah berlaku keingkaran keadilan asasi atau Mahkamah Perusahaan tidak mempunyai bidangkuasa, seperti perkara yang dihadapkan ke mahkamah tersebut bukanlah suatu pertikaian pekerja menurut takrif yang diberikan dalam Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Mahkamah Perusahaan diketuai oleh seorang Yang Dipertua yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dan suatu panel yang dilantik oleh Menteri.

MAHKAMAH TINGGI

Mengikut Perkara 121, Perlembagaan Persekutuan, kuasa kehakiman bagi Persekutuan terletak pada dua Mahkamah Tinggi iaitu Mahkamah Tinggi di Malaya yang mempunyai ibu pejabat pendaftarannya di Kuala Lumpur dan Mahkamah Tinggi di Borneo yang mempunyai ibu pejabat di mana-mana tempat di Negeri-negeri Borneo (Sabah dan Sarawak) sebagaimana yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong dan juga pada mana-mana mahkamah bawahan sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang Persekutuan. Setiap Mahkamah Tinggi tersebut mengandungi seorang hakim besar dan tidak kurang daripada empat orang hakim yang

lain. Bilangan hakim-hakim di Mahkamah Tinggi ini tidak boleh lebih daripada 27 orang di Mahkamah Tinggi di Malaya dan lapan orang di Mahkamah Tinggi di Borneo. Tetapi bilangan ini boleh diubah dengan perintah Yang di-Pertuan Agong. Mahkamah Tinggi yang mempunyai kuasa mengawal mahkamah-mahkamah yang lebih rendah di bahagiannya seperti Mahkamah Tengah dan Mahkamah Rendah, tetapi tidak meliputi Mahkamah Syariah. Kesalahan-kesalahan besar terhadap undang-undang jenayah dan sivil biasanya dibicarakan di Mahkamah Tinggi. Mahkamah Tinggi mempunyai juga kuasa memeriksa kembali pada pembicaraan yang diadakan di Mahkamah Rendah tentang kesalahan jenayah, menerima dan membicarakan rayuan daripada keputusan mahkamah-mahkamah yang lebih rendah seperti Mahkamah Tengah dan Mahkamah Rendah. Bagi perbicaraan yang melibatkan hukuman bunuh, sidang juri adalah diperlukan di Mahkamah Tinggi. Juri ialah sekumpulan orang awam yang diundang oleh mahkamah untuk turut memberikan pertimbangan dan menentukan sah atau tidak sahnya kesalahan yang dilakukan oleh orang yang didakwa.

MAHKAMAH AGUNG

Mahkamah Agung ialah Mahkamah Rayuan Muktamad dalam negara ini dan bagi negara ini. Mahkamah Agung ditubuhkan pada 1.1.1985 bagi mengambil alih, mengganti, dan menamatkan bidangkuasa Majlis Privy (London) berhubung dengan rayuan-rayuan dari negara ini. Segala rayuan diputuskan secara muktamad oleh Mahkamah Agung. Mahkamah Agung mengandungi seorang Yang Dipertua Mahkamah (digelarkan Ketua Hakim Negara Mahkamah Agung), Hakim-hakim Besar Mahkamah-mahkamah Tinggi dan empat orang hakim lain dengan beberapa orang hakim tambahan yang dilantik menurut peruntukan tertentu. Ketua Hakim Negara dan hakim-hakim lain Mahkamah Agung dilantik

oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri dan setelah berunding dengan Majlis Raja-raja.

Mahkamah Agung yang ibu pejabat pendaftarannya di Kuala Lumpur mempunyai bidangkuasa berikut:

- (a) Bidangkuasa tersendiri bagi memutuskan rayuan-rayuan terhadap keputusan-keputusan Mahkamah Tinggi atau keputusan-keputusan seorang hakimnya (kecuali keputusan-keputusan Mahkamah Tinggi yang diberi oleh keputusan-keputusan Mahkamah Tinggi yang diberi oleh pendaftar atau lain-lain pegawai mahkamah itu dan yang boleh dirayukan kepada hakim Mahkamah itu di bawah undang-undang Persekutuan).
- (b) Bidangkuasa memutuskan mengenai sama ada sesuatu undang-undang yang dibuat oleh Parlimen atau sesuatu badan perundangan negeri adalah terbatal oleh kerana undang-undang itu membuat peruntukan yang ia tidak berkuasa membuatnya.
- (c) Bidangkuasa memutuskan pertikaian apa-apa soal lain di antara negeri-negeri atau di antara Persekutuan dengan mana-mana negeri.
- (d) Bidangkuasa untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong apa-apa soal tentang kuatkuasa mana-mana peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang telah timbul atau yang pada pendapat baginda mungkin timbul.
- (e) Apa-apa bidangkuasa lain sebagaimana yang diberikan oleh atau di bawah Undang-undang Persekutuan.

Penubuhan Mahkamah Agung memberi erti yang sangat besar dalam sejarah kehakiman di negara ini kerana kita tidak perlu lagi bergantung kepada Majlis Privy di London untuk memutuskan kes-kes rayuan, tetapi berdikari dalam sistem kehakiman dan telah memberi kepercayaan kepada

hakim-hakim Mahkamah Agung kita sendiri. Penubuhan Mahkamah Agung membolehkan juga sesuatu kes rayuan diselesaikan dengan lebih cepat, mengurangkan kos perbicaraan, dan memberi peluang yang lebih luas kepada orang ramai untuk merayukan sesuatu kes di dalam negeri.

SOALAN-SOALAN SUBJEKTIF

1. "Kedaulatan undang-undang mestilah dihormati dan diterima oleh semua lapisan rakyat di negara ini." Bincang kenyataan ini dengan merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai.
2. Mengapakah kuatkuasa undang-undang diperlukan dan bagaimanakah cara kuatkuasa ini dilaksanakan?
3. Huraikan tentang bidangkuasa mahkamah-mahkamah berikut:
 - (a) Mahkamah Penghulu
 - (b) Mahkamah Majistret
 - (c) Mahkamah Seksyen
4. Mengapakah Mahkamah Perusahaan dibentuk dan bagaimanakah mahkamah ini menyelesaikan pertikaian dan pertelingkahan perusahaan?
5. Jelaskan mengenai kedudukan dan bidangkuasa Mahkamah Agung sebagai Mahkamah Rayuan Muktamad.

SOALAN-SOALAN OBJEKTIF

1. Antara berikut, yang manakah tidak termasuk dalam kategori mahkamah-mahkamah rendah?
 - A. Mahkamah Penghulu.
 - B. Mahkamah Majistret.

- C. Mahkamah Seksyen.
- D. Mahkamah Anak Negeri.
- E. Mahkamah Budak-budak.

Mahkamah ini mempunyai kuasa membicarakan kes-kes sivil yang berkaitan dengan hutang piutang yang jumlahnya tidak melebihi \$50 dan boleh membicarakan kesalahan-kesalahan jenayah kecil dengan hanya mengenakan hukuman denda tidak lebih daripada \$25.

2. Pernyataan di atas secara ringkasnya menerangkan bidangkuasa bagi
 - A. Mahkamah Penghulu.
 - B. Mahkamah Syariah.
 - C. Mahkamah Anak Negeri.
 - D. Mahkamah Seksyen.
 - E. Mahkamah Majistret.
3. Antara berikut, yang manakah merupakan Mahkamah Rendah yang paling tinggi kedudukannya di bawah jajaan Yang di-Pertuan Agong?
 - A. Mahkamah Penghulu.
 - B. Mahkamah Majistret.
 - C. Mahkamah Seksyen.
 - D. Mahkamah Anak Negeri.
 - E. Mahkamah Budak-budak.
4. Di negeri-negeri manakah dalam Persekutuan Malaysia ini terdapat mahkamah-mahkamah rendah yang dikenali sebagai Mahkamah Anak Negeri.
 - A. Melaka dan Pulau Pinang.
 - B. Sabah dan Sarawak.
 - C. Kedah dan Terengganu.

- D. Perak dan Kelantan.
- E. Johor dan Selangor.

Apabila seseorang itu didapati bersalah, Majistret boleh membuat apa-apa hukuman yang dibolehkan menurut undang-undang, tetapi tidak lebih daripada

- (a) penjara selama lima tahun,
- (b) denda sebanyak sepuluh ribu ringgit,
- (c) disebat sebanyak dua belas kali dengan rotan, dan
- (d) mana-mana gabungan hukuman tersebut di atas.

5. Perkara yang disebut di atas merupakan bidangkuasa bagi
- A. Majistret Kelas Satu.
 - B. Majistret Kelas Dua.
 - C. Yang Dipertua Mahkamah Seksyen.
 - D. Hakim Mahkamah Tinggi.
 - E. Hakim Besar Mahkamah Tinggi.
6. "Perbicaraan dalam mahkamah ini diadakan secara tertutup bagi melindungi pesalah-pesalah muda daripada publisiti, menjamin kehidupan masa hadapan mereka, dan bukan tujuan mahkamah ini untuk menentukan kesalahan dan menjatuhkan hukuman." Kenyataan di atas adalah merujuk kepada tugas dan tanggungjawab
- A. Mahkamah Syariah.
 - B. Mahkamah Penghulu.
 - C. Mahkamah Perusahaan.
 - D. Mahkamah Budak-budak.
 - E. Mahkamah Anak Negeri.
7. Tugas utama Mahkamah Perusahaan yang dibentuk di

- bawah Akta Perhubungan Perusahaan tahun 1967 ialah untuk menyelesaikan pertikaian dan pertelingkahan
- A. antara pekerja dengan pekerja.
 - B. antara pekerja dengan majikan.
 - C. antara majikan dengan kerajaan.
 - D. antara majikan dengan majikan.
 - E. antara pekerja dengan kerajaan.
8. Perbicaraan di Mahkamah Tinggi adalah diketuai oleh
- A. Hakim Besar.
 - B. Ketua Hakim.
 - C. Ketua Hakim Negara.
 - D. Yang Dipertua Mahkamah.
 - E. Presiden Mahkamah.
9. Mahkamah yang mempunyai kuasa tertinggi dan muktamad di negara ini ialah
- A. Mahkamah Syariah.
 - B. Mahkamah Seksyen.
 - C. Mahkamah Anak Negeri.
 - D. Mahkamah Tinggi.
 - E. Mahkamah Agung.
10. Antara berikut, yang manakah merupakan mahkamah yang mempunyai bidangkuasa untuk membuat keputusan mengenai sebarang pertikaian antara Kerajaan Persekutuan dan negeri-negeri?
- A. Mahkamah Agung.
 - B. Mahkamah Tinggi.
 - C. Mahkamah Seksyen.
 - D. Mahkamah Anak Negeri.
 - E. Mahkamah Majistret.

BAB 10

DASAR DAN RANCANGAN PEMBANGUNAN NEGARA

DASAR PEMBANGUNAN DI ZAMAN PENJAJAHAN

Penjajahan Inggeris di negara ini telah meninggalkan pelbagai kesan dan pengaruh yang besar terhadap perkembangan politik, pentadbiran, ekonomi, sosial, dan kebudayaan. Pihak Inggeris pada dasarnya telah memperkenalkan dan mengembangkan sistem ekonomi yang liberal dan menjalankan dasar pecah dan perintah bagi mencapai cita-cita penjajahan. Segala dasar dan rancangan ekonomi ditumpukan kepada usaha-usaha mengeksploitasi sumber-sumber galian dan pengeluaran bahan-bahan mentah pertanian bagi memenuhi permintaan yang tinggi di England dan negara-negara Eropah lain berikutan dengan merebaknya Revolusi Perindustrian. Dalam konteks ini hubungan ekonomi yang wujud lebih bersifat tradisional. Negara berfungsi sebagai pengeluar, pengumpul, dan pembekal bahan-bahan mentah serta menjadi pusat pasaran bagi barang-barang perkilangan yang dibawa masuk dari England dan negara-negara Eropah.

Dasar ekonomi ekstraktif yang diamalkan oleh penjajah Inggeris menyebabkan mereka memberi keutamaan kepada perlombongan hasil-hasil galian terutama bijih timah dan pembukaan ladang-ladang getah seperti yang berlaku secara besar-besaran di Selangor, Perak, dan Negeri Sembilan. Bagi mencapai matlamat dasar ekonomi ekstraktif ini pihak Inggeris memberi galakan dan perhatian terhadap kemasukan modal, institusi, teknologi, dan kepakaran dari Eropah di samping kemasukan buruh-buruh Cina dan India secara

besar-besaran ke negara ini. Kerajaan Inggeris juga memberi perhatian kepada pembinaan infrastruktur seperti jalan raya, keretapi, bandar-bandar baru, dan pelabuhan-pelabuhan bagi melicinkan proses eksploitasi ekonomi dan seterusnya mengukuhkan lagi kuasa penjajahan mereka.

Dasar dan amalan Inggeris ini menyebabkan kaum bumiputera yang kebanyakannya tinggal di kawasan-kawasan luar bandar terus tersisih dan mundur berbanding dengan kaum-kaum imigran yang kebanyakannya tinggal di bandar-bandar dan terlibat dalam sektor ekonomi moden. Kaum bumiputera tetap berada dalam sektor pertanian dan perikanan tradisional dengan daya pengeluaran yang rendah. Penjajahan Inggeris telah mengakibatkan perubahan sistem ekonomi feodal kepada sistem ekonomi semi feodal dan semi kapitalis. Tanah sebagai sumber pengeluaran ekonomi terpenting telah ditadbir oleh Inggeris dan menjadi harta yang boleh diniagakan. Golongan pemerintah tradisional bumiputera telah juga kehilangan kekuasaan ekonomi berikutan dengan kehilangan kekuasaan politik mereka di tangan pihak Inggeris. Pemerintahan negara telah diterajui dan dikuasai oleh pegawai-pegawai Inggeris dengan penglibatan minimum anak Melayu bangsawan sebagai pegawai-pegawai rendah di samping golongan kaum imigran yang berpendidikan Inggeris.

RANCANGAN MALAYA PERTAMA (1956 – 1960)

Selepas mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, rancangan-rancangan pembangunan lima tahun telah menjadi strategi utama pembangunan negara untuk dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Usaha-usaha pembangunan negara secara terancang ini sangat perlu bagi memastikan seluruh rakyat menikmati kesejahteraan dan kemakmuran yang menjadi matlamat dan cita-cita kemerdekaan.

Rancangan Malaya Pertama (1956 – 1960) telah di-

laksanakan dengan memberi tumpuan kepada rancangan-rancangan pembangunan ekonomi terutama sekali pembangunan pertanian dan luar bandar, penyediaan kemudahan-kemudahan pengangkutan, tenaga, dan kemudahan awam. Rancangan Malaya Pertama melibatkan perbelanjaan lebih \$1,000 juta dan hampir 75 peratus daripada jumlah tersebut digunakan untuk pembangunan ekonomi dan 25 peratus lagi diperuntukkan kepada rancangan-rancangan pembangunan sosial, keselamatan, dan pentadbiran.

RANCANGAN MALAYA KEDUA (1961 – 1965)

Rancangan Malaya Kedua (1961 – 1965) pula memberi peruntukan yang lebih banyak iaitu lebih daripada \$3,100 juta. Rancangan ini memberi tumpuan utama kepada usaha-usaha meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar, pembentukan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan, pelbagaian pertanian, bagi mengurangkan pergantungan kepada eksport getah, dan bijih timah sebagai barangan utama. Rancangan ini menyediakan juga lebih banyak kemudahan sosial seperti pelajaran, kesihatan, dan perumahan. Pelaksanaan program-program di bawah Rancangan Malaya Pertama dan Kedua pada umumnya menghadapi pelbagai masalah terutama sekali kekurangan modal dan kepakaran di dalam negeri, pergantungan kepada modal, pinjaman, teknologi dan kepakaran asing, penguasaan orang-orang asing terhadap harta kekayaan negara, kadar buta huruf yang masih tinggi, dan sumber-sumber ekonomi yang belum dapat dimaju dan diusahakan dengan lebih cekap dan produktif.

RANCANGAN MALAYSIA PERTAMA (1966 – 1970)

Rancangan Malaysia Pertama (1966 – 1970) merupakan satu rancangan pembangunan negara yang dianggap menyeluruh,

lengkap, dan bersepadu kerana meliputi semua negeri di Malaysia dan hampir seluruh aspek perancangan ekonomi dan sosial. Masalah-masalah pembangunan ekonomi dan sosial utama yang dihadapi oleh negara dalam tempoh tersebut ialah pergantungan berterusan kepada eksport barangan utama getah dan bijih timah, kadar pertumbuhan penduduk pada paras yang tinggi, jurang perbezaan ekonomi dan taraf hidup yang ketara antara penduduk bandar dan luar bandar dan antara negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, Sabah, dan Sarawak. Juga masalah kekurangan modal, tenaga, kepakaran, dan teknologi di dalam negeri.

Program-program pembangunan negara di bawah Rancangan Malaysia Pertama melibatkan peruntukan lebih kurang \$4,242 juta dan tumpuan adalah kepada pembangunan pertanian dan luar bandar, penyediaan kemudahan-kemudahan pengangkutan dan perhubungan, pelajaran, latihan dan kemudahan-kemudahan awam di samping perkhidmatan sosial dan masyarakat, pertahanan, dan keselamatan dalam negeri. Namun begitu, sektor perindustrian atau industri perkilangan masih kurang mendapat perhatian jika dibandingkan dengan sektor-sektor ekonomi lain. Jadual 4 menunjukkan perbandingan peruntukan bagi pelbagai sektor pembangunan di bawah rancangan-rancangan pembangunan lima tahun negara.

Rancangan Malaysia Pertama telah mencapai banyak kejayaan terutama sekali dari segi pendapatan eksport, penambahan pelaburan dengan kadar purata 6.4 peratus setahun, pembukaan tanah dan petempatan oleh FELDA, dan usaha-usaha mempelbagaikan eksport negara. Namun begitu, negara masih lagi menghadapi masalah-masalah pembangunan sosioekonomi yang tidak seimbang antara kaum, antara negeri-negeri, dan antara kawasan-kawasan bandar dan luar bandar, pembahagian harta kekayaan negara yang sangat tidak seimbang antara kaum, antara negeri-negeri dan antara kawasan-kawasan bandar dan luar bandar, pem-

**Rancangan Lima Tahun: Peruntukan Mengikut
Sektor (\$ Juta)**

RANCANGAN LIMA TAHUN MALAYSIA							
SEKTOR	RTM I (1956-1960)	RTM II (1961-1965)	RM I (1966-1970)	RM II (1971-1975)	RM III (1976-1980)	RM IV (1981-1985)	RM V (1986-1990)
EKONOMI	741.2	1,985.6	2,634.4	6,077.37	18,480.55	22,764.50	23,548.40
Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar	227.5	475.6	1,114.1	2,278.82	6,464.31	8,359.10	10,560.62
Pembangunan Sumber-sumber Galian	-	0.9	0.7	0.69	21.29	48.00	48.55
Perdagangan dan Perindustrian	12.1	69.2	141.2	1,658.62	4,255.98	5,433.05	3,238.69
Pengangkutan	230.1	747.0	544.9	1,562.06	4,462.99	4,116.07	4,521.99
Perhubungan	48.9	102.7	152.0	155.42	1,252.71	1,523.52	133.66
Tenaga dan Kemudahan Awam	222.6	590.2	681.4	378.07	1,931.69	3,248.76	3,591.24
Kajian Kemungkinan dan Penyelidikan	-	-	-	43.69	91.58	36.00	453.65
SOSIAL	171.7	631.6	803.1	1,551.49	5,494.63	6,388.14	9,034.77
Pelajaran dan Latihan	60.9	277.4	329.4	681.43	2,152.79	2,992.83	5,582.78
Kesihatan dan Kependudukan	12.7	117.1	140.6	218.82	529.42	588.44	714.98
Penerangan dan Penyiaran	2.7	27.1	51.0	102.20	110.20	142.62	51.98
Perumahan	65.2	86.7	197.2	173.06	1,705.53	1,458.00	1,978.84
Pembudayaan Hajis	16.0	8.0	9.6	12.60	170.88	200.00	-
Ketukayaan Bala dan Sukan							218.82

RANCANGAN LIMA TAHUN MALAYSIA							
SEKTOR	RTM I (1956-1960)	RTM II (1961-1965)	RM I (1966-1970)	RM II (1971-1975)	RM III (1976-1980)	RM IV (1981-1985)	RM V (1986-1990)
Majlis-Majlis Tempatan, Perkhidmatan Kebajikan dan Masyarakat	14.2	115.3	64.7	30.04	225.87	347.63	237.00
Pembangunan Kampung dan Masyarakat	-	-	-	30.34	172.00	202.14	251.76
Pembelian Tanah	-	-	-	84.02	334.21	215.00	-
III. KESELAMATAN	43.0	311.4	666.8	1,131.33	6,309.41	9,371.55	4,704.44
Pertahanan	35.0	244.7	532.4	810.00	4,969.43	7,190.00	2,803.65
Keselamatan Dalam Negeri	8.0	66.7	134.4	321.33	1,339.98	2,181.55	1,900.79
IV. PENTABDIRAN	50.8	180.2	138.1	190.24	862.42	805.31	2,787.80
Perkhidmatan-perkhidmatan Am	50.8	180.2	138.1	173.93	808.28	725.31	787.80
Kementerian Luar Negeri	-	-	-	16.31	54.14	80.00	-
JUMLAH PERUNTUKAN PERSEKUTUAN	1,006.7	3,108.8	4,242.4	8,950.43	31,147.01	39,329.50	40,075.41

bahagian harta kekayaan negara yang sangat tidak seimbang antara penduduk tempatan dengan orang-orang asing serta antara kaum bumiputera dan bukan bumiputera. Masalah gunatenaga yang tidak seimbang antara penduduk berbilang kaum, kurangan dalam imbalan pembayaran di sepanjang tempoh rancangan pergantungan kepada eksport barangan utama, kadar kemiskinan yang tinggi di kawasan-kawasan luar bandar, dan negeri-negeri tertentu.

Peristiwa 13 Mei 1969, merupakan satu peristiwa hitam dalam sejarah negara kerana melibatkan pertelingkahan dan rusuhan antara kaum. Peristiwa ini memberi begitu banyak pengajaran kepada semua pihak sama ada kerajaan, parti-parti politik, dan masyarakat berbilang kaum di negara ini. Berikutan dengan rusuhan perkauman ini, kerajaan telah mengambil tindakan tegas bagi melaksanakan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang merupakan satu dasar serampang dua mata, bertujuan untuk menyusun semula masyarakat dan membasmikan kemiskinan tanpa mengira kaum. Dalam tempoh dua puluh tahun (1971 - 1990) diharapkan kaum bumiputera akan menguasai dan memiliki 30 peratus modal saham, aktiviti-aktiviti perindustrian, pemiagaan, dan perkhidmatan dalam negara ini.

RANCANGAN MALAYSIA KEDUA (1971 - 1975)

Rancangan Malaysia Kedua (1971 - 1975) merupakan satu rancangan pembangunan lima tahun negara yang ditujukan bagi mencapai matlamat-matlamat DEB. Strategi-strategi utama yang digunakan bagi mencapai matlamat menyusun semula masyarakat dan membasmikan kemiskinan tanpa mengira kaum dalam tempoh rancangan ini adalah memegang falsafah penyertaan aktif semua pihak dan bukan berdasarkan falsafah pembahagian semula harta kekayaan negara yang boleh merugikan mana-mana pihak. Hakikat ini perlu difahami dan dihormati oleh semua golongan kerana

DEB itu boleh disalah tafsirkan dengan motif-motif tertentu yang bertujuan menyemarakkan api perkauman dan seterusnya mengancam perpaduan negara.

Strategi-strategi utama yang digunakan ialah memodenkan sektor luar bandar dengan cara menggalakkan pembukaan tanah baru secara besar-besaran, memajukan sektor pertanian yang sedia ada dengan menyediakan lebih banyak infrastruktur di kawasan luar bandar. Strategi pembangunan ekonomi yang seimbang antara kawasan-kawasan dan negeri-negeri diberi perhatian juga menerusi projek-projek pembangunan wilayah seperti DARA, KEJORA dan KETENGAH, rancangan-rancangan pengairan besar-besaran, pembukaan bandar-bandar baru, dan penyerlerakan estet-estet perindustrian ke kawasan atau negeri yang mundur. Proses pembandaran terancang yang melibatkan pembukaan bandar-bandar baru, pusat-pusat perindustrian dan pembangunan semula bandar-bandar lama merupakan juga salah satu strategi penting bagi mencapai matlamat penyertaan lebih ramai kaum bumiputera dalam sektor-sektor perkilangan, perniagaan, dan perkhidmatan. Selain itu bidang pelajaran dijadikan juga satu strategi bagi membolehkan penyertaan aktif kaum bumiputera dan kaum-kaum lain dalam kegiatan-kegiatan ekonomi moden yang sedang berkembang pesat.

Program-program pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kedua melibatkan peruntukan perbelanjaan kira-kira \$8,950 juta dan telah dibahagi-bahagikan kepada sektor-sektor ekonomi, sosial, keselamatan, dan pentadbiran. Matlamat membasmi kemiskinan telah dapat dicapai secara beransur-ansur menerusi program-program pembangunan tanah pertanian yang telah berjaya memajukan lebih 400,000 hektar tanah dan menempatkan semula lebih 20,000 keluarga bersama dengan usaha memajukan sektor pertanian sawah, kebun kecil perladangan, perikanan, dan kawasan-kawasan setinggan.

Matlamat penyusunan semula masyarakat dilakukan dengan menggalakkan penyertaan lebih aktif kaum bumiputera dalam bidang-bidang perdagangan dan perindustrian menerusi program-program pelajaran tinggi dan rancangan-rancangan pembangunan usahawan yang dikendalikan oleh Pusat Daya Pengeluaran Negara, Lembaga Pembangunan Bandar (UDA), Majlis Amanah Rakyat, Perbadanan Kemaajuan Ekonomi Negeri-negeri, dan Bank Pembangunan. Dengan ini jumlah guna tenga orang-orang Melayu dalam bidang industri pembuatan telah meningkat daripada 29 peratus dalam tahun 1970 kepada 33 peratus dalam tahun 1975. Penyertaan orang-orang Melayu dalam bidang pentadbiran telah juga bertambah daripada 22.4 peratus kepada 32 peratus dalam tempoh yang sama. Pemilikan modal saham orang-orang Melayu telah meningkat daripada 2.4 peratus kepada 7.8 peratus. Peningkatan ini masih kecil jika dibandingkan dengan matlamat 30 peratus dalam DEB. Sebaliknya, pemilikan modal saham di kalangan orang bukan Melayu telah meningkat daripada 34.4 peratus kepada 47.3 peratus di antara tahun 1970 hingga 1975.

RANCANGAN MALAYSIA KETIGA (1976 - 1980)

Rancangan Malaysia Ketiga (1976 - 1980) memberi perhatian yang lebih serius terhadap usaha-usaha menyusun semula masyarakat dan membasmi kemiskinan di bawah rancangan jangka panjang DEB. Matlamat-matlamat Rancangan Malaysia Ketiga bagi melaksanakan DEB antara lain ialah untuk mengurangkan kadar kemiskinan di kawasan-kawasan bandar dan luar bandar mengikut golongan penduduk miskin, meninggikan taraf hidup semua rakyat menerusi penyediaan kemudahan-kemudahan pelajaran, kesihatan, perancangan keluarga dan perumahan yang lebih baik, meningkatkan penyertaan dan hak milik orang-orang Melayu dan bumiputera lain dalam kegiatan perniagaan, perindustrian, dan

modal saham, memberi lebih galakan kepada pelaburan swasta dari dalam dan luar negeri, menggalakkan lebih banyak penggunaan tenaga manusia dan sumber-sumber asli negara serta memaju dan membangunkan infrastruktur sosial dan fizikal. Bagi mencapai matlamat-matlamat di atas, kerajaan telah memperuntukkan perbelanjaan kira-kira \$31,147 juta bagi melaksanakan berbagai-bagai program pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT (1981 – 1985)

Rancangan Malaysia Keempat tetap memberi keutamaan kepada usaha-usaha yang giat bagi membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat di bawah DEB. Usaha-usaha membasmi kemiskinan yang lebih berkesan melibatkan dua strategi utama iaitu menyerapkan sektor luar bandar yang miskin ke dalam sektor moden bukan pertanian terutama sekali pembangunan industri dan meningkatkan daya pengeluaran pertanian menerusi pembukaan tanah baru dan pembangunan setempat yang melibatkan penyediaan lebih banyak kemudahan pengairan, program pengembangan, dan penanaman semula baka-baka yang bermutu tinggi. Penyediaan perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan, pendidikan, perumahan, dan lain-lain kemudahan awam menjadi juga sebahagian daripada strategi yang disebutkan di atas.

Bagi mencapai matlamat pembasmian kemiskinan ini, kumpulan-kumpulan utama penduduk miskin di luar bandar seperti pekebun-pekebun kecil getah, kelapa sawit, kelapa, padi sawah, nelayan, dan pekerja-pekerja ladang tetap diberi bantuan, kemudahan, dan galakan bagi meningkatkan daya pengeluaran dan meninggikan taraf hidup. Usaha-usaha dilakukan juga bagi mengatasi kemiskinan di kalangan penduduk bandar melalui pembentukan lebih banyak peluang pekerja dalam sektor-sektor perindustrian, perniagaan, dan perkhidmatan.

Usaha-usaha menyusun semula masyarakat pula melibatkan beberapa strategi utama seperti: (a) mengurangkan jurang perbezaan pendapatan antara kaum menerusi pembentukan peluang-peluang yang lebih produktif dalam pelbagai sektor ekonomi kepada kumpulan-kumpulan yang masih ketinggalan, (b) meningkatkan produktiviti dan taraf hidup menerusi pemodenan kawasan-kawasan luar bandar, (c) Menyusun semula pola guna tenaga di semua peringkat dalam semua kategori agar memberi gambaran sebenar komposisi penduduk berbilang kaum di negara ini, (d) membaiki keadaan pemilikan sektor korporat supaya rakyat Malaysia memiliki dan menguasai sekurang-kurangnya 70 peratus daripada jumlah modal saham dengan pemilikan dan penguasaan bumiputera sekurang-kurangnya 30 peratus menjelang tahun 1990, (e) mewujudkan sebuah masyarakat perniagaan dan perindustrian bumiputera menerusi penyertaan yang lebih aktif dalam sektor-sektor berkenaan.

Bagi mencapai matlamat-matlamat yang disebutkan di atas, sejumlah \$39,329.5 juta telah diperuntukkan di bawah rancangan ini. Daripada jumlah tersebut sebanyak \$22,764.5 juta diperuntukkan kepada pembangunan berbagai-bagai sektor ekonomi, \$6,373.4 juta untuk sektor sosial, \$9,386.33 juta untuk keselamatan negara, dan \$805,31 juta untuk pentadbiran.

Pencapaian matlamat-matlamat pembangunan dan pelaksanaan program-program pembangunan negara di bawah rancangan ini terpaksa menghadapi berbagai-bagai kesulitan kerana kemerosotan permintaan dan harga barangan eksport di pasaran antarabangsa, tekanan kemelesetan ekonomi, kadar inflasi pada paras yang tinggi serta kekurangan pelaburan daripada sumber-sumber dalam dan luar negeri. Dengan ini, kerajaan terpaksa membuat penyesuaian dan memperkenalkan pendekatan-pendekatan baru selaras dengan perubahan dan masalah semasa yang dihadapi. Antara pendekatan-pendekatan tersebut ialah Dasar Produktiviti,

Dasar Pertanian Negara, Dasar Penswastaan, Dasar Per-syarikatan Malaysia, dan Dasar Belilah Barangan Buatan Malaysia sebagai usaha meningkatkan produktiviti, melibatkan lebih banyak penyertaan rakyat dan swasta, menjimatkan perbelanjaan kerajaan serta mengurus dengan lebih cekap dan berkesan.

RANCANGAN MALAYSIA KELIMA (1986 – 1990)

Rancangan Malaysia Kelima (1986 – 1990) merupakan lanjutan daripada perancangan jangka panjang di bawah tempoh DEB (1971 – 1990). Tempoh lima tahun ini dianggap sebagai satu tempoh yang penuh dengan liku dan cabaran dalam usaha mencapai matlamat membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat kerana kejatuhan harga komodi di pasaran antarabangsa dan prospek-prospek ekonomi dunia yang tidak menentu. Kelembapan ekonomi negara disebabkan juga oleh orientasi dan sifat ekonomi negara yang sangat bergantung kepada eksport barangan utama seperti getah, bijih timah, kelapa sawit, kayu balak, dan petroleum. Eksport hasil-hasil perindustrian negara menghadapi juga saingan hebat dari negara-negara perindustrian yang lebih maju serta sangat bergantung kepada barangan elektronik dan elektrik. Sektor swasta juga tidak memberi sumbangan yang dinamis terhadap pertumbuhan ekonomi negara sebagaimana yang dijangkakan. Tambahan pula negara mengalami kurangan yang besar dalam imbalan dagangan dan beban hutang yang banyak.

Sumber perkembangan yang disebut di atas bersama-sama dengan masalah-masalah yang sedia wujud dalam negara menyebabkan kerajaan perlu memberi penekanan terhadap beberapa perkara penting yang dikira akan dapat menjamin pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan. Oleh itu, Rancangan Malaysia Kelima memberi tumpuan kepada usaha-usaha mengatasi kemelesetan ekonomi dunia, meng-

gunakan sepenuhnya sumber-sumber yang ada, menambah simpanan dalam negeri, menarik pelaburan asing, mengemblengkan sektor awam, mengatasi kadar pengangguran yang semakin meningkat, memberi peluang yang lebih besar kepada sektor swasta, dan meningkatkan keyakinan kita sendiri dalam ekonomi.

Matlamat utama Rancangan Malaysia Kelima ialah mengurangkan kemiskinan ke tahap 16.7 peratus dalam tahun 1990 berbanding dengan 18.4 peratus dalam tahun 1984. Dengan ini penekanan terus diberikan kepada usaha-usaha memajukan kawasan-kawasan luar bandar dan pertanian berkelompok yang meliputi tanaman padi, koko, kelapa, dan lain-lain. Program pembukaan tanah baru dan pemulihan tanah terbiar tetap diberi keutamaan. Sejumlah 110,000 hektar tanah terbiar akan dibuka oleh FELCRA, 43,500 hektar akan dimajukan oleh RISDA sebagai mini estet, 175,000 hektar tanah akan dimajukan oleh FELDA dan lebih 100,000 hektar akan diusahakan oleh agensi-agensi kerajaan negeri dan lembaga-lembaga pembangunan wilayah. Program-program pembangunan pertanian ditumpukan pula kepada peningkatan produktiviti, tanaman semula getah dan kelapa sawit, pengeluaran padi, buah-buahan, sayur-sayuran, penternakan ayam itik, dan ternakan ikan air tawar.

Matlamat penyusunan semula masyarakat dijangka akan memberi perhatian kepada peningkatan hak milik bumiputera kepada 22 peratus dan hak milik rakyat Malaysia diramalkan meningkat kepada 53 peratus. Pemilikan ini diharap dapat dicapai menerusi Pemodalan Nasional Berhad (PNB). Amanah Saham Nasional (ASN) yang telah berjaya menarik seramai dua juta pelabur Bumiputera dengan jumlah pelaburan bersih sebanyak \$1,900 juta dijangka akan dapat memberi kejayaan yang lebih besar pada masa akan datang.

Pembangunan perindustrian mendapat perhatian yang kedua selepas pertanian dan satu sistem baru bagi mempercepatkan proses perindustrian yang dikenali sebagai

Pelan Induk Perindustrian diperkenalkan. Pelan ini mengenalpasti 12 jenis industri yang berpotensi untuk dimajukan meliputi industri-industri barangan getah, kelapa sawit, pemerosesan makanan, keluaran berasaskan kayu, kimia dan petrokimia, barangan logam bukan besi, elektronik dan elektrik, alatan pengangkutan, kejuruteraan dan mesin serta keluaran berasaskan logam, besi dan keluli, tekstil dan pakaian. Strategi-strategi bagi menjayakan Pelan Induk Perindustrian meliputi penyusunan semula galakan perindustrian, mempelbagaikan eksport dan menggalakkan penggunaan lebih banyak barangan buatan Malaysia di kalangan rakyat, menggalakkan sektor gantian import dan memperluaskan kawasan pasaran di negara-negara asing.

Sebagaimana rancangan-rancangan pembangunan lima tahun sebelumnya, perhatian diberikan juga kepada usaha-usaha mengatasi masalah pengangguran dengan pembentukan lebih banyak peluang pekerjaan baru, mempergiatkan program-program perumahan, pelajaran, kesihatan, bekalan air, elektrik, dan lain-lain kemudahan awam bagi mempercepatkan pertumbuhan ekonomi dan meninggikan taraf hidup rakyat.

RANCANGAN MALAYSIA KEENAM (1991 – 1995)

Rancangan Malaysia Keenam (1991 – 1995) merupakan fasa pertama pembangunan di bawah Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua bagi tempoh antara tahun 1991 – 2000. Ekonomi negara dijangka akan terus menghadapi cabaran dan ketidaktentuan. Namun demikian, kestabilan politik dan sosial serta kesediaannya untuk pelaksanaan dasar-dasar mengikut peredaran masa dan ketika telah membolehkan negara mengurangkan kesan buruk daripada perkembangan luar terhadap prospek pertumbuhan ekonominya.

Teras utama Rancangan Malaysia Keenam ialah untuk menোকalkan pertumbuhan ekonomi di tahap yang tinggi

dan menguruskannya dengan berkesan bagi mencapai pembangunan ekonomi yang lebih seimbang. Penekanan kepada 'Pembangunan seimbang' adalah berdasarkan kepada kesedaran bahawa sungguhpun terdapat kemajuan dalam pertumbuhan ekonomi dan pengagihan, pertumbuhan yang mantap memerlukan asas ekonomi yang lebih luas. Oleh yang demikian, strategi pembangunan seimbang akan merangkumi dasar-dasar untuk mempelbagaikan asas perindustrian, meningkatkan pembangunan sumber manusia, menggalakkan peningkatan teknologi dan mengurangkan ketidakseimbangan struktur di antara sektor dan antara wilayah di negara ini. Strategi-strategi tersebut akan mengukuhkan rantai dalam ekonomi serta membawa kepada proses pertumbuhan dan pembangunan yang lebih bersepadu yang mampu menyumbang dengan lebih berkesan ke arah pencapaian objektif DPN.

Pelaksanaan Rancangan Malaysia Keenam meliputi pelbagai strategi seperti strategi-strategi ekonomi mikro, sektor-sektor, pengagihan, pembangunan wilayah, pembangunan sumber manusia dan strategi memperluaskan asas sains dan teknologi, strategi ekonomi mikro bertujuan memperbaiki prospek pertumbuhan ekonomi negara dalam suasana ekonomi dunia yang sentiasa berubah dan mencapai pertumbuhan yang pesat. Dalam mencapai matlamat ini lima strategi yang akan digunakan iaitu:

- (a) Meningkatkan kecekapan dan daya saing ekonomi di samping menggalakkan sektor swasta memainkan peranan utama dalam perkembangan ekonomi negara.
- (b) Memperkukuhkan kedudukan kewangan sektor awam dengan memperteguhkan lagi hasil Kerajaan Persekutuan, mengurangkan perbelanjaan yang tidak produktif dan menyegerakan program-program penswastaan.

- (c) Mengekalkan dasar liberalisasi dan pelonggaran peraturan dan undang-undang untuk memperbaiki iklim pelaburan. Ini termasuklah langkah memudahkannya prosedur dan peraturan pentadbiran di peringkat persekutuan, negeri dan kerajaan tempatan dan menyegerakan pelaksanaan projek-projek sektor swasta.
- (d) Meneruskan usaha-usaha bagi memesatkan proses pembangunan perindustrian. Ini meliputi usaha-usaha mengubah struktur industri, penggunaan teknologi yang lebih canggih, meninggikan mutu keluaran, memodenkan industri kecil dan sederhana, memajukan bidang sains dan teknologi, penyelidikan dan pembangunan sumber manusia.
- (e) Memperkukuhkan perkembangan pasaran kewangan dan modal supaya tabungan dalam negeri dapat ditingkatkan dan disalurkan secara cekap kepada sektor-sektor ekonomi, terutamanya sektor pembuatan.

Strategi sektor-sektor pula ditujukan kepada usaha mempelbagaikan lagi asas ekonomi, menggalakkan dan mencari punca-punca pertumbuhan yang baru. Tumpuan utama ialah kepada sektor pembuatan, pengeluaran petroleum dan gas dan sektor perkhidmatan. Usaha memajukan sektor pertanian pula lebih ditumpukan kepada langkah-langkah memperbaiki daya pengeluaran melalui penyatuan tanah, penggunaan teknologi moden, penyelidikan, khidmat sokongan dan pemasaran.

Satu strategi penting yang ditegaskan di bawah Rancangan Malaysia Keenam ialah strategi pengagihan. Program dan aktiviti pembangunan ditumpukan kepada golongan termiskin, kemiskinan relatif, pembentukan masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera, penyusunan semula

guna tenaga dan pengurusan, hakmilik, penguasaan dan penyertaan dalam sektor syarikat.

Strategi pembangunan wilayah diteruskan dengan tujuan mengurangkan ketidakseimbangan pembangunan sosial dan ekonomi antara wilayah dan negeri di Malaysia. Ia meliputi usaha-usaha memperluaskan infrastruktur fizikal, ekonomi dan sosial untuk meningkatkan tahap pembangunan dan daya tarikan negeri-negeri atau wilayah yang kurang maju kepada pelabur-pelabur swasta. Kerajaan juga sedang menggubal Dasar Perbandaran Negara untuk menyediakan rangka kerja asas bagi menentukan proses perbandaran yang lebih tersusun di samping mewujudkan rantaian pembangunan antara bandar dan luar bandar secara bersepadu.

Strategi pembangunan sumber manusia mempunyai beberapa matlamat penting iaitu untuk mempertingkatkan produktiviti buruh atau pekerja, kecekapan pasaran dan mobiliti buruh, mutu pendidikan dan latihan serta sistem penyelarasan upah yang lebih baik. Semua perkara ini akan dilaksanakan menerusi pelbagai agensi kerajaan di samping penglibatan yang lebih luas daripada pihak swasta. Strategi pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Keenam ini juga akan memperluaskan asas sains dan teknologi serta penyelidikan dan pembangunan bagi menjamin mutu yang tinggi serta mengukuhkan daya saing negara di peringkat antarabangsa.

Bagi melaksanakan semua projek dan program pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Keenam ini kerajaan telah memberi peruntukan perbelanjaan sebanyak \$55,000 juta. Daripada jumlah ini sejumlah \$31,236 juta (56.8%) adalah untuk sektor ekonomi, \$13,468 juta (24.5%) untuk sektor sosial, \$8,408 juta untuk sektor keselamatan dan \$1,888 juta untuk sektor pentadbiran. Peruntukan perbelanjaan mengikut pecahan bagi setiap sektor adalah seperti dalam jadual 5 berikut:

Jadual 5
Peruntukan Perbelanjaan Mengikut Sektor di
bawah Rancangan Malaysia Keenam 1991 – 1995

SEKTOR	PERUNTUKAN PERBELANJAAN	
	Jumlah \$ juta	Peratus (%)
1. EKONOMI	31,236	56.8
Pertanian dan pembangunan luar bandar	9,019	16.4
Pembangunan sumber-sumber galian	53	0.1
Perdagangan dan perindustrian	5,752	10.5
Pengangkutan	10,758	19.6
Perhubungan/komunikasi	73	0.1
Tenaga	979	1.8
Sumber-sumber air	3,773	6.9
Kajian Kemungkinan	228	0.4
Penyelidikan dan pengembangan	600	1.1
2. SOSIAL	13,468	24.5
Pendidikan dan latihan	8,501	15.5
Kesihatan dan penduduk	2,253	4.1
Penerangan dan penyiaran	128	0.2
Perumahan	803	1.5
Kebudayaan, belia dan sukan	341	0.6
Majlis tempatan dan perkhidmatan kebajikan	798	1.5
Pembangunan kampung dan masyarakat	441	0.8
Pembelian Tanah	203	0.4
3. KESELAMATAN	8,408	15.3
Perkhidmatan pertahanan	6,000	10.9
Keselamatan dalam negeri	2,408	4.4
4. PENTADBIRAN	1,888	3.4
Perkhidmatan-perkhidmatan Am	1,657	3.0
Peningkatan dan pembaikan	231	0.4
JUMLAH BESAR	55,000	100.0

Jumlah peruntukan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Keenam ini adalah jauh lebih besar berbanding dengan peruntukan bagi Rancangan Malaysia Kelima (1986 - 1990) sebanyak \$39,329 juta. Hal ini sudah tentu dapat membuktikan kesungguhan dan prihatin pihak kerajaan dalam mencapai matlamat-matlamat pembangunan negara yang lebih luas dan menyeluruh selaras dengan hasrat dan cita-cita Dasar Pembangunan Negara.

DASAR PEMBANGUNAN NASIONAL 1991 - 2000

Rancangan pembangunan jangka panjang negara yang pertama telah dilaksanakan di bawah Dasar Ekonomi Baru (DEB), melibatkan berbagai program dan projek pembangunan dalam tempoh 20 tahun iaitu antara tahun 1971 hingga 1990. Semua program dan projek pembangunan ini telah dilaksanakan di bawah Rancangan Lima Tahun negara iaitu RM 2 (1971 - 1975), RM 3 (1976 - 1980), RM 4 (1981 - 1985), dan RM 5 (1986 - 1990). Setelah berakhirnya rancangan pembangunan di bawah Dasar Ekonomi Baru, Kerajaan memperkenalkan pula Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua bagi tempoh antara tahun 1991 - 2000 yang merangkumi Dasar Pembangunan Nasional (DPN). Penggubalan dan pelaksanaan DPN ini telah mengambil kira berbagai saranan dan pandangan daripada segenap lapisan masyarakat Malaysia di samping pemahaman yang lebih mendalam di bidang ekonomi, politik, dan sosial serta aspirasi dan kehendak masyarakat berbilang kaum di negara ini. Fasa pertama pelaksanaan Rangka Rancangan Jangka Panjang kedua ialah pelaksanaan Rancangan Malaysia Keenam 1991 - 1995.

Matlamat DPN adalah untuk mencapai *pembangunan seimbang* bagi mewujudkan masyarakat yang bersatupadu dan adil. DPN yang menekankan kepada *pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama* akan membolehkan

semua rakyat Malaysia menyertai bidang-bidang utama aktiviti ekonomi dan dengan ini dapat memastikan kewujudan kestabilan politik dan perpaduan negara. Berasaskan matlamat DEB untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, DPN digubal untuk merangkumi beberapa aspek penting seperti berikut:

- *mewujudkan keseimbangan yang optimum di antara matlamat pertumbuhan ekonomi dan pengagihan yang saksama;*
- *memastikan pembangunan yang seimbang bagi sektor-sektor utama ekonomi untuk meningkatkan daya saling melengkapi antara sektor bagi mengoptimumkan pertumbuhan;*
- *mengurang dan akbirnya menghapuskan keadaan ketidaksamaan dan ketidakseimbangan sosial dan ekonomi dalam negara untuk menggalakkan perkongsian secara lebih adil dan saksama faedab yang diperolehi daripada pembangunan ekonomi untuk semua rakyat Malaysia;*
- *menggalak dan memperkukuhkan integrasi nasional dengan mengurangkan jurang ketidakseimbangan yang luas dalam pembangunan ekonomi di kalangan negeri-negeri dan di antara kawasan bandar dan luar bandar;*
- *membangunkan sebuah masyarakat yang progresif di mana semua rakyat menikmati kesejabteraan hidup yang tinggi, di samping mempunyai nilai-nilai sosial dan kerobanian yang positif serta menghayati perasaan bangga dan cintakan negara;*
- *memajukan pembangunan sumber manusia termasuk mewujudkan tenaga kerja yang berdisiplin dan produktif serta meningkatkan kemahiran-kemahiran perlu bagi menghadapi cabaran dalam*

*pembangunan industri melalui satu budaya kece-
merlangan tanpa menjejaskan matlamat penyus-
naan semula masyarakat;*

- *menjadikan sains dan teknologi sebagai satu teras penting dalam perancangan dan pembangunan sosioekonomi yang memerlukan usaha membangunkan keupayaan dan kebolehan dalam teknologi strategik dan berasaskan ilmu serta memajukan budaya sains dan teknologi dalam proses membangunkan satu ekonomi perindustrian yang moden; dan*
- *memastikan bahawa dalam usaha mencapai pembangunan ekonomi, perhatian yang sewajarnya perlu diberikan kepada perlindungan alam sekitar dan ekologi dalam jangka panjang bagi memastikan pembangunan negara dapat dikekalkan secara berterusan.*

Matlamat pembangunan seimbang yang digariskan di atas adalah berdasarkan kepada pertimbangan berikut. *Pertama*, prinsip pertumbuhan dengan pengagihan adalah penting bagi memastikan pencapaian agihan kekayaan negara secara yang adil dan saksama. *Kedua*, pembangunan masyarakat yang seimbang adalah perlu bagi menjamin kestabilan politik dan sosial. *Ketiga*, pembentukan sebuah masyarakat Malaysia yang mempunyai nilai moral dan etika yang tinggi di samping mempunyai sikap yang positif adalah penting bagi mewujudkan masyarakat yang bertanggungjawab, teguh, progresif, dan penyayang. *Keempat*, pengurusan cermat sumber-sumber semula jadi dan ekologi serta pemeliharaan keindahan alam serta persekitaran yang bersih adalah penting untuk meningkatkan kualiti hidup generasi masakini dan akan datang. Pembangunan ekonomi yang seimbang adalah perlu bagi memastikan pertumbuhan yang stabil, mengurangkan konflik sosial, menggalakkan keharmonian

di antara kaum dan memperkukuhkan perpaduan negara.

DPN akan lebih mengharapkan sektor swasta untuk lebih bersedia dan mengambil daya usaha untuk mencapai objektif-objektif sosioekonomi negara. Peranan yang diharapkan dari sektor swasta memerlukan perkongsian tanggungjawab sosial yang lebih bermakna dalam menguruskan pertumbuhan ekonomi yang boleh mewujudkan peluang yang mencukupi bagi mencapai pengagihan yang saksama untuk semua rakyat Malaysia. Sektor awam akan menyokong usaha ini dengan cara menumpukan perhatian kepada usaha-usaha untuk memperbaiki lagi suasana pertumbuhan di samping menyediakan infrastruktur fizikal dan sosial yang mencukupi.

SOALAN-SOALAN SUBJEKTIF

1. Bagaimanakah dasar dan rancangan-rancangan pembangunan di zaman penjajahan telah menimbulkan masalah dalam usaha mengukuhkan perpaduan di negara ini?
2. Mengapakah kerajaan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan sejauh manakah dasar ini telah mencapai matlamatnya?
3. Bincangkan langkah-langkah yang telah diambil bagi mengurangkan kadar kemiskinan di kawasan-kawasan luar bandar.
4. Apakah masalah-masalah yang dihadapi dalam usaha membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat di negara ini?
5. Hurai dan jelaskan usaha-usaha yang telah dilakukan bagi memajukan industri perkilangan di negara ini semenjak tahun 1976.

SOALAN-SOALAN OBJEKTIF

1. Apakah sektor ekonomi utama yang diberi tumpuan dalam tempoh Rancangan Malaya Pertama (1956-1960)?
 - A. Perikanan.
 - B. Pertanian.
 - C. Perlombongan.

- D. Perindustrian.
 - E. Pelancongan.
2. Semua kenyataan berikut adalah benar mengenai Rancangan Malaya Pertama dan Kedua melainkan
- A. Rancangan-rancangan pembangunan pertanian luar bandar dan pertanian telah mendapat perhatian utama.
 - B. Jumlah peruntukan pembangunan bagi kedua-dua tempoh rancangan itu adalah melebihi 4,000 juta ringgit.
 - C. Kira-kira 15 peratus daripada jumlah perbelanjaan digunakan untuk pertahanan dan keselamatan dalam negeri.
 - D. Jumlah peruntukan bagi pembangunan sosial telah meningkat lebih lima kali ganda.
 - E. Perdagangan dan perindustrian merupakan sektor yang sangat kurang diberi perhatian jika dibandingkan dengan pengangkutan dan perhubungan.
3. Apakah matlamat utama Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang mula dilancarkan di bawah Rancangan Malaysia Kedua?
- I. Membasmi buta huruf di kalangan masyarakat bandar dan luar bandar.
 - II. Menyusun semula masyarakat berbilang kaum.
 - III. Membasmi kemiskinan di kalangan masyarakat tanpa mengira bangsa, agama, dan keturunan.
 - IV. Menggalakkan pertumbuhan industri menerusi kemasukan modal asing.
- A. I dan II
 - B. I dan III
 - C. II dan III
 - D. I, II, dan III
 - E. I, II, III, dan IV

4. Di bawah Dasar Ekonomi Baru (DEB) antara tahun 1971 hingga 1990, matlamat penyertaan dan penguasaan kaum bumiputera dalam bidang perniagaan, perdagangan, perindustrian, dan perkhidmatan adalah sebanyak
 - A. 20 peratus.
 - B. 30 peratus.
 - C. 40 peratus.
 - D. 50 peratus.
 - E. 60 peratus.

5. Sebahagian besar daripada masalah kemiskinan di negara ini wujud di kawasan-kawasan luar bandar. Jumlah dan kadar kemiskinan adalah paling tinggi di kalangan
 - A. pekebun-pekebun kecil getah.
 - B. petani-petani sawah.
 - C. nelayan.
 - D. buruh-buruh ladang.
 - E. pekebun-pekebun kecil kelapa.

6. Apakah rancangan pembangunan yang dianggap paling berjaya bagi mengatasi masalah kemiskinan dan kemunduran masyarakat luar bandar di negara ini?
 - A. Rancangan-rancangan penanaman semula.
 - B. Rancangan-rancangan pembangunan estet mini.
 - C. Rancangan-rancangan pembangunan tanah baru.
 - D. Rancangan-rancangan perindustrian desa.
 - E. Rancangan-rancangan pertanian berkelompok.

7. Apakah strategi utama yang digunakan dalam usaha-usaha menyusun semula masyarakat di negara ini di bawah Rancangan Malaysia Ketiga?
 - A. Membentuk peluang-peluang pekerjaan yang lebih produktif.
 - B. Memodenkan kawasan-kawasan luar bandar.

- III. Menyusun semula struktur guna tenaga.
 - IV. Memberikan peluang pendidikan rendah dan menengah rendah yang percuma kepada semua lapisan masyarakat.
 - A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. I, II, dan III
 - D. II, III, dan IV
 - E. I, II, III, dan IV
8. Semua perkara berikut merupakan bentuk-bentuk insentif daripada pihak kerajaan bagi menggalakkan pelaburan modal asing ke negara ini melainkan
- A. taraf perintis.
 - B. elaun tambahan modal.
 - C. kredit cukai pelaburan.
 - D. galakan eksport.
 - E. Amanah Saham Nasional.
9. Di bawah Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990), kerajaan memberi perhatian berat terhadap usaha-usaha memajukan perindustrian di negara ini. Apakah dasar-dasar utama yang telah diperkenalkan bagi mencapai matlamat pembangunan perindustrian ini?
- I. Dasar Perindustrian Berat.
 - II. Pemberian Taraf Perintis.
 - III. Pelan Induk Perindustrian.
 - IV. Perindustrian berasaskan bahan-bahan mentah pertanian.
 - A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. I, II, dan IV
 - D. I dan III
 - E. II, III, dan IV

10. Semua di antara berikut merupakan usaha-usaha yang telah dilakukan bagi mewujudkan keseimbangan pembangunan antara kawasan-kawasan maju dengan kawasan-kawasan mundur di negara ini melainkan
- A. memindahkan penduduk dari kawasan luar bandar ke bandar.
 - B. mewujudkan bandar-bandar baru.
 - C. memajukan pembangunan wilayah.
 - D. menggalakkan pembukaan tanah dan petempatan baru.
 - E. memajukan perindustrian di kawasan-kawasan luar bandar.

BAB 11

DASAR-DASAR BARU KERAJAAN

PENDAHULUAN

Bahawasanya negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakat, memelihara satu cara hidup demokratik, mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama. Menjamin satu cara hidup yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaan yang kaya dan berbagai-bagai corak serta membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

Segala cita-cita murni dan mulia yang tersurat dalam Rukunegara ini tentu akan menjadi impian jika kerajaan dan seluruh rakyat berbilang kaum di negara ini cukup bersedia dan bekerja kuat bagi mencapai cita-cita tersebut. Dasar-dasar negara yang sudah lama wujud dan dilaksanakan seperti Dasar Pelajaran Kebangsaan, Dasar Ekonomi Baru, dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan ternyata telah banyak meninggalkan kesan-kesan positif terhadap masyarakat dan negara, walaupun masih ada segelintir golongan yang kurang berpuas hati dan kadangkala menentangnya dengan berbagai-bagai cara.

Kerajaan di bawah pucuk pimpinan baru sentiasa memberi perhatian dan keutamaan bagi mencapai cita-cita mewujudkan sebuah negara dan masyarakat Malaysia yang bersatu padu, demokratik, adil, liberal, dan progresif. Malah ingin menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang stabil, kukuh, aman, makmur, dan bermaruah setanding dengan

negara-negara lain. Dalam mencapai hasrat dan cita-cita ini kerajaan telah melancar dan melaksanakan beberapa dasar baru yang memberi keutamaan kepada pelbagai aspek yang menyentuh pembangunan ekonomi dan pentadbiran dengan satu cara pendekatan dan sikap yang baru pula.

Dalam bahagian yang berikut ini, perbincangan akan ditumpukan kepada beberapa dasar baru kerajaan yang begitu popular dan diberi penekanan semenjak beberapa tahun kebelakangan ini agar dapat menjadi latar belakang, menambah pengetahuan, dan kefahaman para pelajar semua mengenai dasar-dasar utama yang sedang dilaksanakan dalam proses pembangunan negara pada hari ini.

DASAR PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM DALAM PENTADBIRAN NEGARA

Penerapan Nilai-nilai Islam sebagai satu dasar baru kerajaan mempunyai maksud yang murni dan mulia. Tujuannya ialah untuk meningkatkan daya pengeluaran negara melalui amalan nilai-nilai Islam yang sejagat seperti rajin, tekun, bersih, cekap, dan amanah dalam urusan pentadbiran negara. Pembentukan satu budaya kerja yang berasaskan nilai-nilai tersebut sebenarnya bukan sahaja sesuai dan dapat diterima oleh masyarakat Islam di negara ini, malah di kalangan masyarakat bukan Islam juga. Ini disebabkan oleh nilai-nilai yang hendak diterapkan itu sama sekali tidak bercanggah dengan nilai budaya masyarakat bukan Islam.

Dasar ini tidak sesekali bermaksud mengislamkan orang-orang bukan Islam dan perkara ini tidak harus menimbulkan salah anggap dan salah faham di kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Perlembagaan Persekutuan sendiri menjamin hak dan kebebasan setiap kaum menganut dan mengamalkan agama masing-masing. Tiap-tiap kumpulan agama berhak menguruskan hal-ehwal agama masing-masing, menubuh dan menyelenggara yayasan-yayasan bagi

maksud-maksud agama atau khairat, dan memperolehi, mempunyai, memegang, dan mentadbir harta mengikut undang-undang. Dasar ini bukan juga bertujuan untuk mengenakan paksaan terhadap peraturan dan undang-undang Islam kepada masyarakat bukan Islam di negara ini. Hakikat ini perlu difahami oleh setiap orang agar penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara dapat mencapai matlamat dan tujuannya.

DASAR BERSIH, CEKAP, DAN AMANAH

Kerajaan berhasrat mewujudkan sebuah pentadbiran yang bersih, cekap, dan amanah bagi membolehkan negara mencapai kemajuan yang pesat, meninggikan daya pengeluaran, dan menjamin kebahagiaan rakyat. Akhirnya kerajaan berharap menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang lebih stabil, kukuh, dan kuat. Aspek kebersihan yang ditekankan adalah meliputi semua segi, sama ada kebersihan fizikal ataupun moral. Kakitangan kerajaan pada setiap peringkat dan lapisan diharap sentiasa berfikiran bersih dalam semua tugas dan tanggungjawab yang dilakukan. Mereka perlu melakukan kerja dengan niat yang baik dan murni, bekerjasama, muhibah, dan dedikasi.

Penekanan diberikan juga terhadap aspek-aspek kecekapan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab kerana kecekapan dapat meninggikan daya pengeluaran serta menjimatkan tenaga masa dan wang. Oleh itu, setiap jabatan dan kakitangan kerajaan diseru meningkatkan taraf kecekapan sepanjang masa melalui rancangan-rancangan latihan, penyelidikan, pendidikan lanjutan, dan amalan-amalan tertentu yang boleh meningkatkan taraf kecekapan masing-masing. Selain dari itu nilai dan sikap amanah perlu juga dimiliki oleh setiap orang. Nilai dan sikap amanah ini sangat penting kepada semua kakitangan kerajaan kerana berkaitan secara langsung dengan soal tanggungjawab dalam

menguruskan kerja, kewangan, dan harta-harta kerajaan serta kepentingan masyarakat dan negara. Sebarang perbuatan yang tidak amanah akan membawa kesan buruk dan malapetaka kepada kerajaan, masyarakat, dan negara melalui tindakan-tindakan penyelewengan, salah guna kuasa, dan rasuah. Oleh itu, dasar Bersih, Cekap, dan Amanah sangat penting diamalkan dalam sistem pemerintahan dan pentadbiran negara.

KEPIMPINAN MELALUI TELADAN

Kepimpinan Melalui Teladan ialah satu dasar baru kerajaan yang lebih merupakan satu kempen yang bertujuan untuk menanam dan memupuk ciri-ciri kepimpinan yang berkesan agar dapat dijadikan teladan dan ikutan oleh orang-orang bawahan, khususnya di kalangan kakitangan kerajaan. Kempen ini telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 19 Mac 1983 dengan hasrat untuk membentuk keperibadian pemimpin yang selaras dengan matlamat untuk meningkatkan daya pengeluaran dan mewujudkan perkhidmatan kerajaan yang bersih, cekap, dan amanah.

Kempen Kepimpinan Melalui Teladan mengandungi berbagai-bagai aspek yang menyentuh ideologi, etika perkhidmatan, dan tanggungjawab kepada bangsa dan negara sebagaimana yang terkandung dalam ikrar-ikrar berikut:

- (a) Menyedari tanggungjawab kepada negara, bangsa, dan agama.
- (b) Menjunjung cita-cita Rukunegara.
- (c) Berpegang teguh kepada teras perkhidmatan cemerlang.
- (d) Menghayati nilai-nilai murni kepimpinan.
- (e) Mengamalkan perilaku mulia kepimpinan.

- (f) Menyemarakkan contoh-contoh unggul kepimpinan yang bersih, cekap, dan amanah.

Semua perkara yang terkandung dalam ikrar Kepimpinan Melalui Teladan ini merupakan satu dasar yang bertujuan mengubah sikap demi mencapai dan memperkukuhkan nilai-nilai baik bagi meninggikan etika kerja dan daya pengeluaran negara selaras dengan dasar-dasar atau kempen-kempen lain seperti Bersih, Cekap, dan Amanah, Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dan dasar produktiviti. Untuk mencapai tujuan ini, para pemimpin di semua peringkat dan lapisan mesti mengutamakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan, tidak mementingkan diri sendiri, dan tidak melakukan sebarang tindakan yang bertentangan dengan cita-cita masyarakat dan negara seperti kegiatan-kegiatan penyelewengan, rasuah, salah guna kuasa, dan sebagainya. Kepimpinan Melalui Teladan merupakan satu perkara penting kerana para pemimpin diberi kuasa, tugas, dan tanggungjawab dalam menentukan matlamat serta pelaksanaan sesebuah organisasi atau jabatan kerajaan atau negara seluruhnya.

DASAR KEPENDUDUKAN

Dasar Kependudukan ialah satu dasar baru kerajaan yang menekankan peri mustahaknya penduduk atau manusia sebagai satu sumber dalam proses pembangunan negara selain daripada sumber-sumber semula jadi seperti tanah, galian, hasil-hasil perhutanan, perikanan, dan lain-lain. Dalam hal ini kerajaan mengambil sikap positif terhadap fenomena pertumbuhan penduduk dan rakyat yang ramai perlu bagi membina sebuah negara yang kuat lagi berdaulat. Dengan ini kerajaan mengambil langkah mewujudkan polisi 70 juta penduduk di negara ini dalam tempoh 115 hingga 120 tahun akan datang.

Dalam dasar ini proses pertumbuhan penduduk yang positif tidak dianggap sebagai beban atau kesulitan kerana negara ini masih mempunyai kemampuan untuk menampung pertumbuhan tersebut. Ditinjau daripada sudut yang positif, pertumbuhan penduduk dalam jangka masa panjang dapat memberi banyak keuntungan dari segi bekalan tenaga buruh, perluasan pasaran dan permintaan dalam negeri, peningkatan produktiviti dan pendapatan serta eksploitasi sumber-sumber alam dengan lebih menguntungkan. Apa yang diperlukan ialah mewujudkan suatu keadaan yang seimbang antara kadar pertumbuhan penduduk dengan kadar pembangunan sosioekonomi agar taraf hidup yang tinggi dapat dicapai dan dipertingkatkan.

Dengan ini Dasar Kependudukan bukan sahaja perlu mengawal pertumbuhan penduduk selaras dengan pembangunan negara, tetapi pertumbuhan penduduk perlu dirancang sejajar dengan nilai-nilai dan semangat rajin bekerja, amanah, dan disiplin yang kuat. Antara perkara-perkara yang diberi perhatian dalam Dasar Kependudukan negara ialah:

- (a) Menyediakan tenaga kerja yang mencukupi untuk pembangunan negara.
- (b) Meningkatkan daya pengeluaran dan daya pembelian nasional, meluaskan pasaran dalam negeri, dan dengan ini membantu negara dalam menggalakkan pertumbuhan industri.
- (c) Menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang kuat dari segi politik dan keselamatan.

DASAR PRODUKTIVITI

Dasar Produktiviti ialah satu dasar yang pada umum bertujuan untuk meningkatkan kemampuan bekerja secara teratur dan bermutu tinggi. Kita disarankan bekerja dengan

tekun, rajin, berdisiplin, dan bertanggungjawab. Adalah dipercayai bahawa setiap orang daripada kita semua mempunyai kebolehan yang tersendiri dan jika diberi galakan, panduan, dan mendapat pimpinan yang sempurna, kita boleh mencapai suatu tahap keupayaan kerja yang tinggi dan menghasilkan barangan yang bermutu. Kerja yang hendak dibuat perlu juga dirancang agar kita mendapat hasil yang baik, bermutu, dan menjimatkan perbelanjaan serta mengelakkan pembaziran masa, wang, dan tenaga.

Dasar ini menekankan juga hakikat, daya pengeluaran bukan semata-mata menambahkan pengeluaran atau produktiviti, tetapi merangkumi juga aspek kerjasama antara pihak kerajaan dan swasta serta peranan pihak majikan dan pekerja yang berganding bahu dalam mengatasi masalah bersama seperti soal kemelesetan ekonomi dan mengurangkan kadar inflasi. Setiap pihak dan golongan tersebut dikatakan juga mempunyai tugas dan peranan masing-masing terhadap negara. Pendekatan yang digunakan dalam dasar ini meliputi usaha-usaha perbaikan sistem organisasi, penggunaan teknologi yang sesuai dan nilai-nilai baru seperti kempen Kepimpinan Melalui Teladan, Bersih, Cekap, dan Amanah, Penerapan Nilai-nilai Islam dan dasar-dasar baru lain kerajaan. Akhirnya, setiap orang daripada kita diharap akan bersatu menyumbangkan tenaga ke arah membina sebuah negara Malaysia yang progresif, aman, dan sejahtera.

DASAR PERTANIAN NEGARA

Dasar Pertanian Negara (DPN) merupakan satu dasar jangka panjang kerajaan yang mengandungi garis panduan untuk pembangunan pertanian sehingga tahun 2000. Dasar ini bertujuan untuk meningkatkan pendapatan petani melalui peningkatan hasil atau daya pengeluaran pertanian yang melibatkan sama ada tanaman untuk dieksport ataupun

tanaman makanan untuk diproseskan. Melalui dasar ini sektor pertanian diharap dapat memenuhi keperluan hasil masa kini, masa akan datang, dan mengikut aliran pasaran antarabangsa.

Dasar Pertanian Negara menggunakan beberapa strategi bagi mencapai matlamat-matlamatnya iaitu: (a) menggalakkan pembukaan tanah baru sebagai satu usaha penting bagi mewujudkan peluang-peluang pekerjaan yang baru, memodenkan sektor pertanian, dan mengurangkan aliran perpindahan belia dari luar bandar ke bandar-bandar, (b) mewujudkan pembangunan setempat (in-situ) dengan cara membaiki kemudahan-kemudahan infrastruktur, program tanaman semula, menyatu dan memajukan tanah secara berkelompok dengan menggunakan input modal, teknologi moden, dan cara-cara pengurusan tani yang lebih saintifik dan cekap, (c) memberikan perkhidmatan sokongan pertanian yang meliputi aspek-aspek penyelidikan, pengembangan, pemasaran, dan galakan pertanian agar petani-petani dapat memodenkan kegiatan pertanian, meningkatkan daya pengeluaran, dan meninggikan taraf pendapatan, (d) mewujudkan pembangunan sosial dan institusi dengan tujuan untuk memupuk sikap positif serta dorongan dan semangat berdikari di kalangan petani-petani agar mereka lebih mudah menerima proses pemodenan dan melibatkan diri dengan lebih aktif.

Di bawah Dasar Pertanian Negara ini kerajaan juga menggalakkan petani-petani menambah pendapatan menerusi usaha-usaha mempelbagaikan kegiatan penanaman dan penternakan selaras dengan matlamat menambahkan bekalan bahan makanan dalam negara dan mengurangkan import bahan-bahan makanan. Tumpuan diberikan juga bagi meninggikan daya pengeluaran tanaman untuk jualan seperti getah, kelapa sawit, koko, kelapa, dan tembakau menerusi penggunaan kaedah-kaedah pertanian moden.

PELAN INDUK PERINDUSTRIAN

Pelan Induk Perindustrian merupakan satu dasar baru kerajaan yang digubal untuk mengatasi beberapa kelemahan dalam strategi perindustrian tahun 1970-an. Pelan ini menggariskan sektor-sektor khusus yang akan diberi keutamaan untuk dimaju dan diperluaskan sehingga tahun 1995 dan satu sistem baru bagi mempercepatkan proses perindustrian.

Antara industri-industri yang telah dikenalpasti mempunyai potensi yang luas dan patut diberi galakan ialah barangan getah, barangan kelapa sawit, pemerosesan makanan, keluaran berasaskan kayu balak, kimia dan petrokimia, barangan keluaran logam bukan besi, keluaran bukan logam, elektronik dan elektrik, peralatan pengangkutan, keluaran kejuruteraan dan mesin, keluaran berasaskan logam, besi dan keluli serta tekstil dan pakaian.

Matlamat-matlamat utama Pelan Induk Perindustrian meliputi:

- (a) Merangka secara terperinci kegiatan sektor perindustrian dan sektor industri kecil untuk menghasilkan penggunaan sumber secara optimum.
- (b) Menyediakan profil industri yang sesuai seperti keluasan pasaran dan keupayaan yang sedia ada seperti kedudukan permintaan dan penawaran berbagai jenis barangan.
- (c) Menyatukan industri yang sedia ada dengan kegiatan mengeluarkan bahan mentah dan kegiatan memproses bahan mentah.
- (d) Merangka keperluan teknologi sektor dengan melengkapkan program menyeluruh.

Bagi mencapai matlamat-matlamat ini, beberapa strategi yang telah dirangka dan akan dilaksanakan meliputi usaha-usaha menyusun semula struktur galakan perindustrian yang

sedia ada, mempelbagaikan eksport dan menggalakkan sektor gantian import, mempelbagaikan pasaran eksport termasuk mencari pasaran baru di negara-negara sosialis dan negara sedang membangun yang lain, memperluaskan kegiatan industri ke kawasan-kawasan kurang maju, menggalakkan pertumbuhan industri berat, industri kecil, dan penggunaan lebih banyak barang buatan Malaysia di dalam negeri.

DASAR PERINDUSTRIAN BERAT

Dasar Perindustrian Berat ialah satu dasar kerajaan yang bertujuan memaju dan mengembangkan kegiatan-kegiatan industri berat dengan harapan dapat membentuk ekonomi negara yang lebih kukuh dalam dekad-dekad akan datang. Dasar ini diharap juga akan dapat mengembangkan industri-industri sokongan dan memberi peluang yang lebih besar kepada sektor swasta melabur modal dan melibatkan diri dalam industri-industri berkenaan. Kerjasama berbagai-bagai pihak seperti kerajaan, swasta, dan pelabur-pelabur asing amat perlu bagi menjayakan rancangan perindustrian berat kerana kegiatan-kegiatan ini memerlukan modal yang banyak, teknologi yang tinggi, dan ramai tenaga buruh mahir.

Bagi tujuan melaksanakan kegiatan-kegiatan industri berat, pihak kerajaan telah menubuhkan Perbadanan Industri Berat Malaysia (HICOM) yang berperanan dan bertanggungjawab mengenalpasti, memulakan, melaksana, dan mengurus projek-projek dalam bidang industri berat. Di bawah dasar ini kerajaan juga telah melaksanakan beberapa projek industri berat secara usahasama dengan pihak pelabur asing seperti loji simen, industri besi dan keluli, kereta nasional, loji enjin kecil, pulpa dan kertas serta kompleks kejuruteraan.

Kegiatan-kegiatan industri berat yang dilaksanakan dijangka dapat memajukan berbagai jenis industri sokongan

kerana semua projek ini memerlukan bahan-bahan atau komponen-komponen tertentu. Dalam hal ini pelabur-pelabur swasta tempatan diharap dapat merebut peluang memajukan industri sokongan atau industri peringkat kedua yang berasaskan teknologi tinggi. Projek-projek industri berat diharap juga dapat menggalakkan pemindahan kemahiran dan teknologi tinggi ke negara ini menerusi usahasama dengan pelabur-pelabur asing. Pada peringkat awal, pergantungan kepada teknologi dan kepakaran asing tidak dapat dielakkan, tetapi menerusi cara pemindahan yang teratur pergantungan ini dijangka akan dikurangkan beransur-ansur sehingga negara dapat mewujudkan teknologinya sendiri. Selain itu penekanan diberikan juga kepada peningkatan kemahiran-kemahiran tertentu dalam bidang sains gunaan dan teknikal menerusi program-program penyelidikan dan latihan lanjutan.

DASAR BELILAH BARANGAN BUATAN MALAYSIA

Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia menyeru seluruh rakyat membeli barangan buatan dalam negara sendiri dan memberhentikan sikap mendewa-dewakan barangan yang diimport dari luar negeri yang biasanya dianggap lebih baik, standard, lebih bermutu, dan mempunyai status yang lebih tinggi. Sikap positif terhadap kemampuan negara sendiri dalam mengeluarkan barangan untuk keperluan dan kegunaan rakyat adalah sangat perlu bagi mencapai matlamat memajukan pelbagai jenis industri dalam negeri, menyelamatkan pertukaran wang dan mengurangkan pergantungan kepada import barangan keperluan dari negara-negara asing. Lebih jauh dari itu, dasar ini berhasrat menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang teguh dan mampu berdikari. Oleh itu, rakyat perlu mengubah sikap, memberi sokongan penuh kepada daya usaha kerajaan dan berhenti mengagungkan-agungkan barangan luar negeri.

Usaha-usaha yang dilakukan semenjak negara mencapai kemerdekaan telah membuktikan kejayaan dan kemampuan Malaysia sebagai pengeluar barang-barang keperluan rakyat sendiri, bahkan untuk dieksport. Barang-barang keluaran dalam negeri pada masa sekarang mempunyai mutu yang tinggi, mampu memenuhi keperluan status sosial, dan bersaing dengan barang-barang yang diimport. Oleh itu, rakyat negara ini perlu mempunyai sikap nasionalis yang kuat dan berbangga membeli barang buatan Malaysia sebagaimana masyarakat Inggeris berbangga dengan barang-barang 'Made in England' atau masyarakat Jepun yang selalu berbangga dengan membeli barang-barang 'Made in Japan' atau orang-orang Amerika yang berbangga dengan barang-barang 'Made in United States of America'.

DASAR PANDANG KE TIMUR

Dasar Pandang Ke Timur diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia dalam tahun 1981 dan mengandungi pengertian mengambil negara-negara Timur yang maju seperti Jepun dan Korea Selatan sebagai contoh dalam usaha membangunkan negara ini. Dasar ini tidak bermakna meminta-minta dari orang Timur atau memindahkan tanggungjawab memajukan Malaysia kepada negara-negara Timur. Apa yang penting dari dasar ini ialah mengambil dan mengubahsuai unsur-unsur yang baik dari orang-orang Timur sesuai dengan matlamat dan cita-cita negara dalam meninggikan daya pengeluaran, memajukan teknologi, dan meningkatkan taraf pembangunan sosioekonomi.

Antara perkara-perkara yang harus diberi perhatian ialah mengukuhkan kesetiaan kepada negara atau perusahaan atau perniagaan, menggalakkan kerajinan dan disiplin bekerja, meningkatkan daya pengeluaran dan mutu yang tinggi, mengutamakan kumpulan dan tidak diri sendiri, merapatkan hubungan baik antara pekerja dan pihak eksekutif serta

menitikberatkan kejayaan jangka masa panjang di kalangan para pekerja.

Bagi masyarakat dan negara ini, semua perkara yang dinyatakan di atas tidak begitu asing kerana kita mempunyai asas dan kesediaan untuk menerimanya. Cuma apa yang diperlukan ialah mengambil langkah-langkah atau mencari jalan bagi menerapkan semua unsur-unsur yang baik selaras dengan matlamat dan cara hidup kita sendiri. Tentu tidak semua perkara yang diamalkan oleh negara-negara Timur itu dapat diterima dan dipraktikkan di negara ini.

DASAR PERSYARIKATAN MALAYSIA

Persyarikatan Malaysia bermakna menganggap Malaysia sebagai sebuah syarikat yang mana kerajaan dan swasta menjadi pemilik bersama. Oleh itu, usaha-usaha membangunkan negara patut menjadi tanggungjawab bersama pihak kerajaan dan swasta. Penduduk negara ini sama ada kakitangan kerajaan ataupun swasta adalah menjadi pemilik dan pekerja dalam 'Syarikat Malaysia'. Negara menjadi maju dan kaya kerana kemajuan perniagaan dan perusahaan yang terdapat di negara itu sendiri. Pihak kerajaan membiayai semua perbelanjaan termasuk gaji kakitangan daripada cukai dan hasil yang dikutip daripada kegiatan dan keuntungan perniagaan dan perusahaan swasta. Lebih maju dan berjaya pihak swasta, maka lebih banyak pula perniagaan serta perusahaan mereka dan lebih banyak hasil dan cukai yang dipungut oleh kerajaan.

Kemajuan dalam bidang perniagaan dan perusahaan sudah tentu memberikan lebih banyak peluang pekerjaan dan perniagaan sampingan. Perkara ini akan meninggikan taraf pendapatan dan seterusnya memajukan lagi kegiatan-kegiatan ekonomi negara. Perkembangan ekonomi seperti ini memberi keuntungan kepada semua pihak sama ada kerajaan, swasta, dan orang ramai.

DASAR PENSWASTAAN

Dasar Penswastaan (privatisation) mempunyai makna yang bertentangan dengan dasar memiliknegerakan (nationalisation). Jika 'nationalisation' bertujuan memiliknegerakan perusahaan-perusahaan swasta, maka 'privatisation' pula bertujuan memindahkan perkhidmatan dan perusahaan kerajaan kepada pihak swasta. Dasar Penswastaan ini sebenarnya sudah lama diamalkan di negara-negara maju iaitu menyerahkan sebahagian daripada perkhidmatan dan perusahaan yang dijalankan oleh kerajaan kepada pihak swasta.

Dasar Penswastaan ini secara umum boleh mendatangkan banyak faedah dan keuntungan jika dilaksanakan dengan cekap dan bertanggungjawab. Kerajaan menguruskan berbagai-bagai perkhidmatan awam seperti pos dan telekom, hospital dan klinik, pelabuhan, pelajaran, jalan raya, bekalan air, elektrik, keretapi, penerbangan, radio dan televisyen, dan kemudahan-kemudahan awam lain. Selain itu Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri-negeri telah juga terlibat secara langsung dalam pelbagai jenis perusahaan dan perniagaan sama ada secara monopoli atau sebagai pemegang saham dan kadangkala terpaksa bersaing dengan pihak swasta. Suatu hal yang begitu ketara ialah perniagaan dan perusahaan kerajaan kerap kali mengalami kerugian yang disebabkan oleh pelbagai faktor seperti kelemahan dalam pengurusan, tidak cekap dan kurang bertanggungjawab. Keadaan ini sudah tentu akan menjadi bertambah buruk sekiranya perniagaan dan perusahaan kerajaan terus-menerus mengalami kerugian.

Oleh itu, lebih baik jika kerajaan melepaskan sebahagian daripada urusan-urusan ini kepada pihak swasta yang dijangka dapat menguruskannya dengan lebih ekonomik, cekap, dan berkesan. Selain dapat mengelakkan kerugian yang berterusan, pihak kerajaan dapat juga mengurangkan perbelanjaan mengurus dan kerajaan tetap mendapat hasil

yang dipungut dengan mengenakan cukai keuntungan antara 40 hingga 50 peratus dan bayaran-bayaran lain ke atas pengusaha-pengusaha swasta.

DASAR URBANISASI NEGARA

Usaha-usaha pembangunan negara berkait rapat dengan proses urbanisasi. Kerajaan percaya bahawa proses urbanisasi yang terancang akan menjadi strategi penting dalam usaha mencapai matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru di samping mewujudkan keseimbangan pembangunan antara kawasan-kawasan bandar dengan luar bandar dan antara negeri-negeri di Malaysia. Dengan ini dasar urbanisasi dijangka akan mewujudkan pembangunan pusat-pusat bandar yang lebih teratur dalam satu rangkaian pusat-pusat bandar yang lebih padat dengan pembentukan bandar-bandar yang berbeza dari segi saiz dan fungsi masing-masing. Pembentukan lebih banyak bandar sebagai kutub pertumbuhan akan memberi banyak kesan dan pengaruh positif terhadap kawasan-kawasan luar bandar terutama dari segi pembangunan ekonomi dan sosial.

Saling hubungan dan rangkaian antara bandar-bandar dengan luar bandar bukan sahaja membolehkan lebih ramai penduduk luar bandar menyertai kegiatan-kegiatan berasaskan bandar yang lebih tinggi daya pengeluarannya, tetapi dapat juga mempercepatkan proses pemodenan kawasan-kawasan luar bandar yang lebih mundur dan miskin. Hasrat kerajaan di bawah dasar ini ialah untuk memastikan supaya proses urbanisasi, corak, dan tahap pembangunan bandar yang akan dicapai kelak dapat membantu pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat dengan lebih berjaya lagi. Dengan tumpuan diberikan kepada pembentukan lebih banyak bandar-bandar baru dan pembaharuan semula bandar-bandar lama di seluruh negara.

DASAR WANITA NEGARA

Peranan dan sumbangan besar kaum wanita terhadap pembangunan negara merupakan suatu perkara yang sudah lama mendapat perhatian dan pengiktirafan semua pihak. Oleh itu kerajaan sentiasa menggalakkan penyertaan mereka dalam pembangunan negara dengan membuka peluang-peluang yang lebih luas bagi menceburi bidang sosial, ekonomi, dan politik. Oleh itu kerajaan telah menggubal Dasar Wanita Negara pada tahun 1989 dengan hasrat untuk mengintegrasikan sumbangan wanita dalam usaha-usaha pembangunan negara yang meliputi semua bidang.

Matlamat atau objektif Dasar Wanita Negara ialah: (a) untuk menjamin perkongsian yang di antara lelaki dan wanita dalam pemilikan sumber dan maklumat, di samping mendapatkan peluang dan faedah daripada pembangunan, dan (b) untuk mengintegrasikan kaum wanita ke dalam semua sektor pembangunan negara selaras dengan kemampuan dan keperluan mereka bagi tujuan meningkatkan mutu kehidupan, membasmi kemiskinan, menghapuskan kejahilan, dan buta huruf serta memastikan negara berada dalam keadaan aman dan makmur.

Bagi mencapai matlamat ini, kerajaan telahpun mengintegrasikan perkara ini dalam Rancangan Malaysia dengan melibatkan beberapa strategi dan program utama dan antaranya ialah:

Pertama, menguatkan lagi jentera Kerajaan iaitu Urusetia Hal-ehwal Wanita (HAWA) di Jabatan Perdana Menteri. Dalam perkara ini HAWA akan menggubal satu Pelan Tindakan untuk melaksanakan pelbagai perakuan yang terkandung dalam Dasar Wanita Negara, termasuklah cadangan-cadangan untuk:

- *Memperkukuhkan jentera negara untuk menyelesaikan isu-isu yang berkaitan dengan wanita.*
- *Mengorientasi semula proses institusi bagi peran-*

cangan, pelaksanaan dan pengawasan dasar-dasar dan program-program kerajaan supaya mengambil kira kepentingan wanita.

- *Meningkatkan kesedaran awam dan kepekaan birokrasi kerajaan terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan wanita.*
- *Menggerakkan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan program-program sosioekonomi dan*
- *Mengatasi masalah diskriminasi dan menggalakkan tindakan yang lebih positif untuk faedah kaum wanita khususnya.*

Kedua, menyamak dan mengemaskinikan berbagai undang-undang yang telah digubal untuk mengekal, memelihara dan melindungi hak-hak wanita selaras dengan Perlembagaan Persekutuan yang menjamin kesamaan hak wanita dan lelaki. Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976 telah dirangka untuk melindungi hak-hak wanita bukan Islam daripada kelemahan-kelemahan yang terdapat seperti menghapuskan poligami, menetapkan had umur minimum berkahwin pada umur 16 tahun dan mewajibkan pendaftaran bagi semua perkahwinan. Enakmen Undang-undang Keluarga Islam yang telah diluluskan memberi hak dan faedah yang lebih saksama untuk melindungi kebajikan wanita dan kanak-kanak Islam sekiranya berlaku penceraian.

Ketiga, meningkatkan penyertaan wanita dalam semua bidang kegiatan ekonomi dengan tumpuan kepada program-program peningkatan kemahiran tenaga manusia supaya status pekerjaan mereka lebih baik. Usaha-usaha ini meliputi program-program latihan dan latihan semula yang lebih luas, pengambilan lebih ramai pelatih wanita di sekolah-sekolah vokasional dan teknikal, program khusus untuk golongan

wanita yang kurang bernasib baik, pembangunan keluarga dan penglibatan wanita dalam bidang keusahawanan dan perniagaan.

Keempat, menggalakkan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan pertubuhan-pertubuhan sukarela yang lebih luas dan aktif dalam program dan aktiviti yang boleh mendorong penyertaan wanita dalam pembangunan negara dan tidak hanya ada kepada aktiviti-aktiviti sosial dan pembangunan masyarakat sahaja. Strategi ini melibatkan beberapa perkara seperti cadangan pembentukan Jawatankuasa Perundangan Peringkat Negeri dan Daerah, perkhidmatan kaunseling dan khidmat sokongan bagi membantu menyelesaikan kes-kes keganasan rumahtangga dan keganasan terhadap wanita, penyampaian maklumat dan pengawasan kebajikan wanita.

Bagi mencapai matlamat-matlamat seperti yang dinyatakan dalam Dasar Wanita Negara ini, Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak \$20 juta di bawah Rancangan Malaysia Keenam untuk membantu program dan projek yang akan dilaksanakan oleh HAWA. Pihak HAWA pula telah ditugaskan mengkaji semula perundangan yang berkaitan di samping membuat perakuan kepada kerajaan bagi memastikan rangka perundangan dan institusi yang ada mengambil kira dan menggalakkan lagi penyertaan wanita di dalam proses pembangunan masyarakat dan negara.

SOALAN-SOALAN SUBJEKTIF

1. Hurai dan jelaskan bagaimanakah Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dan Kempen Bersih, Cekap, dan Amanah dapat mewujudkan pentadbiran yang stabil, cekap, dan produktif di negara ini?
2. Berikan pandangan anda mengenai Dasar Kependudukan Negara?
3. Bagaimanakah Dasar Perindustrian Berat dan Pelan Induk Perindustrian dapat memajukan sektor perindustrian di negara ini?
4. 'Dasar Pandang Ke Timur dan Dasar Penswastaan membawa lebih banyak kebaikan daripada keburukan'. Bahaskan kenyataan ini.
5. Tuliskan rencana ringkas mengenai perkara-perkara berikut:
 - (a) Dasar Produktiviti
 - (b) Dasar Pertanian Negara
 - (c) Dasar Urbanisasi Negara

SOALAN-SOALAN OBJEKTIF

1. Antara berikut, yang manakah merupakan dasar-dasar baru kerajaan?
 - I. Dasar Ekonomi Baru.
 - II. Dasar Pertanian Negara.

- III. Dasar Kependudukan.
 - IV. Dasar Perindustrian Berat.
 - A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. I, II, dan III
 - D. II, III, dan IV
 - E. I, II, III, dan IV
2. Kerajaan mempunyai hasrat bagi mewujudkan pentadbiran negara yang dinamik, cekap, berkesan, dan produktif. Antara berikut, dasar manakah yang mempunyai kaitan rapat dengan matlamat tersebut?
- I. Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam.
 - II. Dasar Persyarikatan Malaysia.
 - III. Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia.
 - IV. Kempen Bersih, Cekap, dan Amanah.
 - A. I dan II
 - B. I dan III
 - C. I dan IV
 - D. I, II, dan III
 - E. II, III, dan IV
3. Kempen Kepimpinan Melalui Teladan telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 19 Mac 1983. Antara berikut, yang manakah merupakan sebahagian daripada ikrar kempen tersebut?
- I. Menghormati pemimpin di setiap lapisan masyarakat.
 - II. Menjunjung cita-cita Rukunegara.
 - III. Menghormati keluhuran Perlembagaan.
 - IV. Berpegang teguh kepada teras perkhidmatan cemerlang.
 - A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. II dan IV

- D. I, II, dan III
- E. II, III, dan IV

4. Tujuan utama Dasar Produktiviti ialah untuk
- A. menggalakkan kerjasama antara kerajaan dan rakyat.
 - B. meningkatkan kemampuan bekerja secara teratur dan bermutu tinggi.
 - C. meninggikan pengetahuan dan kecekapan bekerja
 - D. meningkatkan produktiviti di kalangan kakitangan kerajaan.
 - E. memulihkan ekonomi negara bagi mengatasi masalah kemelesetan.



5. Rajah di atas menunjukkan secara ringkas mengenai beberapa strategi yang hendak dicapai melalui Dasar A yang merupakan salah satu dasar baru kerajaan. Dasar baru yang dimaksudkan itu ialah
- A. Dasar Pengswastaaan.
 - B. Dasar Produktiviti.
 - C. Dasar Pertanian Negara.
 - D. Dasar Pembangunan Wilayah.
 - E. Dasar Perindustrian Berat.

6. Semua kenyataan berikut adalah benar mengenai Dasar Perindustrian Berat yang telah dikemukakan sejak tahun 1980-an **kecuali**
- Dasar ini diharap dapat mengembangkan industri-industri sokongan.
 - Dasar ini dijangka memberi peluang yang lebih besar kepada sektor swasta untuk membuat pelaburan.
 - Dasar ini akan memberi tumpuan kepada kawasan-kawasan industri yang sudah sedia maju.
 - Dasar ini dapat menggalakkan pemindahan modal dan teknologi dari negara-negara asing.
 - Dasar ini mengutamakan kerjasama antara sektor swasta dengan pihak kerajaan.

Pelan Induk Perindustrian

Matlamat 1	- Merangka secara terperinci kegiatan sektor perindustri dan sektor industri kecil.
Matlamat 2	- Menyediakan profil industri yang sesuai terutama dari segi pemasaran.
Matlamat 3	- Menyatukan kegiatan industri mengeluar dengan memproses bahan mentah.
Matlamat 4	- (X)

7. Jadual di atas menunjukkan tiga daripada matlamat dasar Pelan Induk Perindustrian negara. Matlamat keempat dalam dasar tersebut (X) ialah
- menggalakkan penyertaan sektor swasta dalam pembangunan industri.

- B. memberikan pelbagai galakan kepada pelabur-pelabur asing.
 - C. membentuk sebuah Jawatankuasa Pelaburan Asing.
 - D. merangka keperluan teknologi sektor perindustrian dengan melengkapkan program menyeluruh.
 - E. mempergiatkan penubuhan pelbagai jenis industri moden di kawasan-kawasan luar bandar.
8. Apakah perkara utama yang diberi perhatian dalam Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia?
- A. Perubahan sikap di kalangan pengeluar barang-barang.
 - B. Perubahan sikap di kalangan rakyat sebagai pengguna.
 - C. Perubahan sikap di kalangan pengeksport barang-barang.
 - D. Perubahan sikap di kalangan pengimport barang-barang dari luar negeri.
 - E. Perubahan sikap di kalangan pemborong dan peruncit tempatan.
9. Apakah satu unsur yang dianggap penting daripada Dasar Pandang ke Timur?
- A. Meniru cara hidup orang-orang di Timur.
 - B. Menggalakkan kerjasama ekonomi dengan negara-negara Timur.
 - C. Memindahkan pengetahuan dan teknologi dari negara-negara Timur.
 - D. Mengambil dan mengubahsuai unsur-unsur yang baik dari orang-orang Timur yang sesuai dengan matlamat dan cita-cita negara.
 - E. Mengubah sikap dan hubungan dengan negara-negara Barat.

10. 'Usaha-usaha membangunkan negara patut menjadi tanggungjawab bersama pihak kerajaan dan swasta'. Saranan ini adalah teras kepada
- A. Dasar Penswastaan.
 - B. Dasar Pandang ke Timur.
 - C. Dasar Persyarikatan Malaysia.
 - D. Dasar Perindustrian Berat.
 - E. Dasar Produktiviti.

BAB 12

PERPADUAN NEGARA

PENGASINGAN DAN POLARISASI KAUM

Perpaduan dan integrasi nasional merupakan matlamat utama yang hendak dicapai kerana perpaduan itu ialah kunci kepada pembentukan sebuah negara dan masyarakat Malaysia yang bersatu padu, adil, liberal, progresif, kuat, aman, dan makmur. Tanpa perpaduan dan integrasi yang kukuh sudah tentu masyarakat dan negara ini akan mengalami pelbagai masalah dan kesulitan, keadaan yang kucar-kacir, huru-hara, dan porak-peranda yang akhirnya akan memusnahkan kebebasan dan kedaulatannya. Oleh itu hakikat peranan, fungsi, dan kepentingan perpaduan dan integrasi nasional itu mesti difahami, dihormati dan dihayati oleh setiap rakyat dan lapisan masyarakat di negara ini.

Pada umumnya, terdapat pelbagai idea dan konsep mengenai perpaduan dan integrasi nasional sebagaimana yang dikonsepsikan oleh ahli-ahli politik, sains sosial, sejarah, ekonomi, sosiologi dan dapat dianggap sebagai satu proses yang berusaha menyatupadukan semua anggota masyarakat dan negara seluruhnya menerusi satu ideologi negara supaya semua anggota masyarakat dapat menghormati, memahami, menerima, dan mengamalkan satu identiti dan nilai bersama serta memiliki perasaan dan kesedaran kebangsaan bersama di kalangan mereka.

Pada hakikat sebenarnya, perpaduan dan integrasi nasional adalah begitu kompleks daripada apa yang dapat diperhatikan dan cuba dijelaskan kerana perpaduan dan integrasi merangkumi berbagai-bagai unsur seperti sistem

nilai, psikologi, perasaan, sikap, pemikiran, dan tingkahlaku individu dan golongan dalam sesebuah masyarakat dan negara. Dalam hal ini, perpaduan dan integrasi dapat dirumuskan sebagai kesediaan-kesediaan untuk saling faham-memahami, bertolak ansur, bekerjasama, hormat-menghormati, menerima realiti sejarah, jujur ikhlas amanah, dan lain-lain untuk hidup bersama.

Ada beberapa bentuk aspek perpaduan yang kerap kali dibincangkan dalam konteks perpaduan dan integrasi nasional iaitu:

- (a) Perpaduan dan integrasi sosial yang merupakan penyatuan beberapa kumpulan kaum atau komuniti yang berbeza.
- (b) Perpaduan dan integrasi wilayah yang berusaha merapatkan jurang perbezaan dan mewujudkan keseimbangan pembangunan terutama sekali pembangunan ekonomi dan sosial antara kawasan-kawasan yang berbeza, misalnya antara bandar dan luar bandar dan antara kawasan yang maju dengan kawasan yang lebih mundur, atau antara kawasan-kawasan yang dipisahkan oleh jarak dan persekitaran fizikal.
- (c) Perpaduan dan integrasi ekonomi yang berusaha merapatkan jurang atau taraf kemajuan ekonomi antara lapisan-lapisan dalam masyarakat dan antara kaum-kaum yang berbeza terutama sekali dari segi pembahagian dan pemilikan harta kekayaan, pekerjaan, peluang-peluang ekonomi, pelajaran, dan lain-lain.
- (d) Perpaduan dan integrasi politik yang berusaha menyatukan masyarakat dan negara menerusi kerjasama, persefahaman, penglibatan, dan pembahagian kuasa politik.

- (e) Perpaduan dan integrasi budaya yang berdasarkan kepada saling penyesuaian unsur-unsur kebudayaan yang beraneka ragam atau bertentangan sehingga menjadi satu sistem budaya yang diterima umum dan harmonis.

Salah satu daripada persoalan asasi yang dihadapi oleh masyarakat dan negara ini ialah bagaimanakah untuk memupuk dan mengukuhkan perpaduan dan integrasi di kalangan masyarakat majmuk yang berbilang bangsa, kepercayaan, agama, bahasa, adat resam, dan nilai hidup. Persoalan ini menjadi begitu rumit dan kerap kali menghadapi berbagai-bagai masalah dan cabaran kerana polarisasi dan pengasingan (pengelompokan) telah begitu lama wujud dan berakar umbi berikutan dengan dasar dan tindak-tanduk yang diamalkan oleh penjajah Inggeris.

Mereka bukan sahaja telah menyebabkan polarisasi dan pengasingan antara kaum, malah dalam sesuatu kaum itu sendiri. Pihak Inggeris telah mengamalkan dasar pecah dan perintah dengan tujuan untuk menguasai politik dan ekonomi di negeri-negeri Melayu. Mereka mula menguasai Melaka, Pulau Pinang, dan Singapura dengan membentuk Negeri-negeri Selat dan kemudian mengamalkan dasar campur tangan di negeri-negeri Melayu seperti Perak, Selangor, Negeri Sembilan, dan Pahang dengan menubuhkan Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang diketuai oleh seorang Residen General Inggeris. Manakala negeri-negeri Melayu yang lain seperti Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu, dan Johor yang digelar sebagai Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu di bawah perintah Sultan atau Raja masing-masing dengan dinasihati oleh seorang wakil atau pegawai Inggeris.

Pentadbiran Inggeris di Tanah Melayu, Sabah, dan Sarawak bukan sahaja telah mengambil alih kuasa politik dan pentadbiran daripada pemerintah dan pembesar tempatan, malah telah mengamalkan satu dasar ekonomi

ekstraktif yang begitu menguntungkan mereka dan bagi memenuhi keperluan-keperluan baru berikutan dengan Revolusi Perindustrian di Eropah. Tumpuan ekonomi adalah kepada pengeluaran dua bahan mentah utama iaitu getah dan bijih timah yang banyak terdapat di negeri-negeri Melayu sebelah pantai barat, pengeluaran lada hitam, petroleum, dan kayu balak di Sabah dan Sarawak. Perkembangan kegiatan-kegiatan ekonomi ini berlaku dengan pesat mulai awal abad ke-20 sehingga meletus Perang Dunia Kedua.

Perkembangan sektor ekonomi moden yang berorientasikan eksport atau perdagangan ini telah mendatangkan pelbagai kesan pada corak ekonomi, penduduk, dan kemasyarakatan di negara ini. Suatu perkara yang jelas ialah wujud pengasingan dan pengelompokan atau polarisasi kaum yang berdasarkan kepada lokasi fizikal (tempat tinggal) dan fungsi-fungsi ekonomi yang berbeza. Kaum Cina misalnya, lebih ramai menetap di kawasan-kawasan bandar dan pekan dan sebahagian besar daripada mereka terlibat dalam sektor perlombongan, perdagangan, perniagaan, dan perkhidmatan. Di antara tahun 1921 hingga 1957 orang-orang Cina merupakan kira-kira dua pertiga daripada jumlah penduduk bandar di Semenanjung Malaysia berbanding dengan orang-orang Melayu dalam lingkungan 20 peratus dan orang-orang India lebih kurang 10 hingga 17 peratus.

Orang-orang Melayu pula lebih ramai menetap di kawasan-kawasan luar bandar dan terlibat dalam sektor-sektor ekonomi tradisional yang lebih berorientasikan saradiri seperti pertanian sawah, kebun kecil, dan perikanan. Orang-orang Melayu merupakan penduduk majoriti di kawasan luar bandar dan negeri-negeri utama yang menjadi tumpuan orang-orang Melayu ialah Kelantan, Kedah, Terengganu, Perlis, Pahang, dan Johor. Bilangan dan peratus orang-orang Cina dan India yang tinggal di kawasan-kawasan luar bandar adalah sedikit dan mereka lebih bertumpu di Melaka, Pulau Pinang, Perak, Selangor, dan Negeri Sembilan. Orang-orang

India yang menetap di kawasan-kawasan luar bandar, misalnya lebih ramai yang bertumpu di ladang-ladang getah, manakala orang-orang Cina pula melibatkan diri secara aktif di ladang-ladang gambir dan lada serta beberapa petempatan nelayan di sebelah pantai barat.

Masalah pengasingan dan polarisasi antara kaum berpunca juga daripada beberapa keadaan lain seperti perbezaan agama dan kebudayaan yang dianuti oleh kaum-kaum yang berlainan. Orang-orang Melayu adalah beragama Islam, manakala sebahagian besar daripada orang-orang India beragama Hindu. Orang-orang Cina pula menganuti berbagai-bagai agama mengikut ajaran Buddha, Laotze, dan Confucius. Terdapat sebahagian kecil juga orang-orang Cina dan India yang beragama Kristian. Tiap-tiap kaum utama di negara ini mempunyai juga adat resam, kesenian, kesusasteraan, bahasa, dan sistem nilai yang berlainan. Semua keadaan ini bukan sahaja menghadkan pergaulan dan interaksi sosial antara kaum, malah akan menambah perasaan prasangka dan menyulitkan lagi usaha-usaha perpaduan antara kaum. Selain itu, wujud juga persatuan dan pertubuhan ekonomi, politik, sosial, dan kebudayaan yang bertujuan mengukuhkan identiti kaum masing-masing.

(Sistem pendidikan yang wujud semasa zaman penjajahan terdiri daripada empat aliran utama yang begitu berbeza dari segi kurikulum dan bahasa pengantarnya iaitu sekolah-sekolah Inggeris, Melayu, Cina, dan Tamil. Pembentukan sistem pelajaran ini tidak dapat mewujudkan dan memupuk perpaduan masyarakat dan negara kerana tiap-tiap aliran persekolahan ini mempunyai matlamat yang berbeza, menggunakan bahasa pengantar dan kurikulum yang berlainan. Perkara sebenar yang wujud daripada sistem pelajaran seumpama ini ialah pengasingan dan jurang perbezaan yang luas antara kaum. Selain itu, tidak terdapat satu dasar yang jelas tentang penggunaan bahasa pengantar yang sama dan kurikulum yang seragam untuk semua kanak-

kanak di negara ini. Usaha-usaha untuk memupuk dan mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional ini hanya diberi perhatian yang serius selepas negara mencapai kemerdekaan. Antaranya ialah menerusi perpaduan dan kerjasama politik, pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan, Dasar Ekonomi Baru, kebudayaan kebangsaan, dan lain-lain.)

DASAR PELAJARAN KEBANGSAAN

Dalam tahun 1950-an timbul kesedaran untuk mengemas dan menyatukan sistem pendidikan yang berpecah dan berasingan yang diwujudkan oleh pentadbiran Inggeris. Berikutan dengan kemenangan dalam Pilihanraya 1955, Kerajaan Perikatan dengan segera telah menubuhkan satu Jawatankuasa Pelajaran yang dipengerusikan oleh Y.B. Dato' Abdul Razak bin Hussein yang ketika itu menjadi Menteri Pelajaran. Jawatankuasa ini telah diberi dua tugas utama iaitu:

- (a) mengkaji dan menilai dasar sistem pelajaran yang sedia ada dan
- (b) mengemukakan syor-syor yang sesuai bagi mewujudkan satu Dasar Pelajaran Kebangsaan yang boleh diterima oleh semua pihak di negara ini.

Dasar Pelajaran Kebangsaan yang wujud pada hari ini adalah berasaskan Laporan Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960. Kedua-dua dokumen ini menitikberatkan aspek-aspek yang berkaitan dengan perpaduan negara dan penghasilan tenaga rakyat. Laporan Razak dengan jelas mengutamakan perpaduan negara sebagai satu matlamat yang perlu dicapai. Ini bermakna bahawa unsur-unsur dan nilai-nilai perpaduan dijadikan teras Dasar Pelajaran Kebangsaan untuk menjamin kesejahteraan dan kepentingan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Laporan Razak, 1956 antara lain menyebutkan bahawa:

'Tujuan dasar Pelajaran di dalam negeri ini adalah bermaksud hendak menyatukan budak-budak daripada semua bangsa di dalam negeri ini dengan memakai satu peraturan pelajaran yang meliputi semua bangsa dengan menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang besar, walaupun perkara ini tidak dapat dilaksanakan serta-merta melainkan hendaklah diperbuat dengan beransur-ansur.' (Laporan Razak, perenggan 12)

Selain itu, Laporan Razak mencadangkan juga agar penyatuan kaum-kaum di negara ini dibuat menerusi satu sistem pelajaran yang 'bercorak Tanah Melayu' iaitu dengan menyatukan sistem persekolahan dan penggunaan sukatan pelajaran atau kurikulum sekolah yang sama. Dalam hal ini penyata itu menyebut bahawa:

'Satu daripada umbi kemahuan dasar pelajaran Persekutuan Tanah Melayu ini ialah mengubah corak semua sekolah-sekolah rendah dan sekolah menengah supaya bercorak Tanah Melayu. Kami berpendapat bahawa caranya supaya sempurna perkara ini ialah dengan jalan menyamakan sukatan pelajaran semua sekolah-sekolah.' (Laporan Razak, perenggan 115)

Perkara-perkara yang disyorkan oleh Laporan Razak 1956 ini pula diperkukuhkan oleh Laporan Rahman Talib 1960 yang ditugaskan menyemak semula Dasar Pelajaran Kebangsaan dan mengemukakan syor-syor bagi melaksanakan dasar pelajaran tersebut. Tiga perkara utama yang telah menjadi asas kepada matlamat untuk mencapai perpaduan negara menerusi satu Dasar Pelajaran Kebangsaan yang dikemukakan oleh kedua-dua penyata tersebut ialah:

- (a) Sistem persekolahan yang sama bagi semua.
- (b) Penggunaan bahasa kebangsaan (kini bahasa Ma-

aysia) sebagai bahasa pengantar utama di semua peringkat persekolahan.

- (c) Kurikulum dan peperiksaan sekolah yang sama kandungannya dan bercorak kebangsaan.

Sistem persekolahan yang sama bagi semua dilaksanakan menerusi penyediaan kemudahan dan peluang pendidikan rendah selama enam tahun dan pendidikan menengah rendah selama tiga tahun. Ini bermakna, semua kanak-kanak mendapat peluang pendidikan rendah. Terdapat tiga jenis sekolah iaitu sekolah kebangsaan, sekolah rendah kebangsaan, dan sekolah rendah jenis kebangsaan. Semua sekolah kebangsaan dan sekolah rendah kebangsaan menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantarnya. Sebaliknya sekolah rendah jenis kebangsaan (Cina) dan (Tamil) menggunakan bahasa ibunda masing-masing sebagai bahasa pengantar dan bahasa Malaysia diajarkan sebagai satu mata pelajaran. Semua sekolah rendah di negara ini menggunakan satu kurikulum yang sama dikenali sebagai Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan bahasa Inggeris diajarkan sebagai bahasa kedua.

Selepas tamat pendidikan rendah, murid-murid secara automatik diberi peluang mendapat pendidikan di peringkat menengah rendah selama tiga tahun, daripada tingkatan 1 hingga tingkatan 3 (SRP). Pada peringkat ini hanya murid-murid yang berjaya lulus dengan pangkat A (termasuk juga yang mendapat pangkat B) diberi peluang meneruskan pendidikan di peringkat menengah atas (tingkatan 4 dan 5). Di peringkat ini murid-murid akan memasuki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan keputusan peperiksaan ini akan menentukan peluang murid-murid berkenaan untuk meneruskan pendidikan di peringkat yang lebih tinggi atau pos menengah, sama ada di tingkatan enam rendah, maktab-maktab, pusat-pusat pengajian tinggi ataupun universiti-universiti dalam dan luar negeri. Murid-murid yang memasuki

tingkatan enam akan menghadapi satu lagi peperiksaan iaitu Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan selepas itu akan meninggalkan sistem persekolahan.

Penggunaan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan di negara ini dilaksanakan secara berperingkat-peringkat sebagaimana yang telah disyorkan dalam Laporan Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960. Usaha-usaha untuk menegakkan bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi dan bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan negara menghadapi pelbagai masalah dan cabaran. Langkah tegas hanya dapat dilaksanakan mulai tahun 1970 dengan mengubah bahasa pengantar sekolah-sekolah rendah Inggeris dan sekolah menengah jenis kebangsaan Inggeris mengikut satu jadual pelaksanaan yang teratur. Bahasa Malaysia telah mengambil tempat sebagai bahasa pengantar sistem pendidikan negara, menggantikan bahasa Inggeris yang kini menduduki status sebagai satu mata pelajaran dan menjadi bahasa kedua. Berikutan dengan ini, mulai dalam tahun 1983 semua kursus tahun pertama universiti-universiti tempatan diajarkan dalam bahasa Malaysia, meliputi kursus-kursus dalam bidang sastera, sains, kejuruteraan, perubatan, dan lain-lain.

Dasar Pelajaran Kebangsaan memberikan juga perhatian penting terhadap penggunaan kurikulum yang sama dan sistem peperiksaan yang seragam. Penggunaan kurikulum yang sama dalam sistem pendidikan di negara ini bukan sahaja penting bagi memenuhi perkembangan murid yang sempurna dari segi jasmani, rohani, akal, emosi, akhlak, minat, dan bakat tetapi juga bagi menyemai dan memupuk nilai-nilai, sikap, dan tingkahlaku yang selaras dengan cita-cita negara dan masyarakat Malaysia. Perkara ini sentiasa dikaji dari semasa ke semasa agar dapat memenuhi bukan sahaja keperluan dan kehendak individu tetapi juga matlamat dan cita-cita masyarakat dan negara. Dengan itu, maka kurikulum lama sekolah rendah telah digantikan dengan

Kurikulum Baru Sekolah Rendah mulai tahun 1982 dan ini akan diikuti dengan Kurikulum Baru Sekolah Menengah mulai tahun 1988. Perubahan-perubahan kurikulum ini dilaksanakan selaras dengan arahan dasar yang terkandung dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet (1979) yang ditugaskan mengkaji semula pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan. Perhatian ditumpukan kepada konsep pendidikan umum yang diertikan sebagai pendidikan yang memberi tumpuan kepada perkembangan segala potensi diri secara menyeluruh dan seimbang untuk membolehkan seseorang menjadi warganegara yang berdisiplin, berguna, bersemangat patriotik, bertanggungjawab, dan mempunyai keyakinan diri. Proses perkembangan diri dan orientasi kepada masyarakat ini diasaskan kepada Falsafah Pendidikan Negara iaitu:

'Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berkeupayaan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap harmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.'

Pernyataan falsafah ini menegaskan bahawa sistem pendidikan negara memberi penekanan kepada perkembangan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu ke arah melahirkan insan yang baik, berdasarkan kepercayaan, keyakinan serta kepatuhan kepada Tuhan. Ini bermakna Falsafah Pendidikan Negara berhasrat untuk melahirkan insan yang berpegang teguh kepada agama.

Berpandukan kepada Falsafah Pendidikan Negara, matlamat pendidikan ialah ke arah melahirkan insan yang

baik dan sempurna. Insan yang baik ini secara automatis menjadi Warganegara Malaysia yang baik. Mereka ini perlu memiliki serta menghayati ciri-ciri berikut:

- percaya dan patuh kepada Tuhan,
- berilmu pengetahuan,
- berketrampilan,
- berakhlak mulia,
- bertanggungjawab kepada diri, masyarakat, agama, dan negara,
- berbakti dan memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara, dan
- memiliki sahsiah yang seimbang dan bersepadu.

DASAR EKONOMI BARU

Dasar dan rancangan pembangunan yang dilaksanakan di zaman penjajahan telah mewujudkan jurang perbezaan sosioekonomi dan taraf pembangunan yang begitu ketara:

- (a) antara penduduk berbagai kaum terutama sekali kaum bumiputera dan bukan bumiputera,
- (b) antara kawasan bandar dengan kawasan luar bandar dan
- (c) antara negeri-negeri, terutama sekali antara negeri-negeri pantai barat dengan negeri-negeri pantai timur dan lain-lain.

Rancangan-rancangan pembangunan lima tahun yang mula dilaksanakan sejak negara mencapai kemerdekaan ternyata tidak dapat menyelesaikan masalah ketidakseimbangan pembangunan antara kaum dan kawasan dalam masa yang singkat. Negara menghadapi pelbagai masalah dan cabaran dalam usaha mengisi kemerdekaan, mewujudkan

kestabilan politik, memantapkan jentera pentadbiran, memastikan keselamatan, dan kedaulatan serta lain-lain.

Pada umumnya memang terdapat jurang perbezaan sosioekonomi yang begitu ketara antara penduduk bumiputera dan bukan bumiputera bagi pelbagai aspek pembangunan seperti pemilikan harta kekayaan, pelajaran, tenaga dan pekerjaan, pendapatan, pembahagian kuasa politik, dan lain-lain. Orang-orang Melayu pada umumnya memegang kuasa politik atau pemerintahan tetapi mereka begitu lemah dan ketinggalan dalam bidang sosioekonomi jika dibandingkan dengan orang-orang Cina dan India. Dalam tahun 1969, misalnya orang-orang Melayu hanya memiliki 1.5 peratus (bernilai \$49 juta) daripada jumlah modal saham \$4,678 juta di Semenanjung Malaysia berbanding dengan pemilikan oleh orang-orang Cina sebanyak 22.8 peratus (bernilai lebih \$1,065 juta) dan orang-orang India sebanyak 0.9 peratus (bernilai hampir \$41 juta). Manakala, bakinya sebanyak 62.1 peratus dimiliki oleh syarikat-syarikat dan orang-orang asing. Selain itu, orang-orang Melayu juga masih ketinggalan dalam bidang pelajaran tinggi, kumpulan pengurusan dan ikhtisas, perniagaan, perindustrian, dan perkhidmatan moden.

Peristiwa rusuhan kaum yang berlaku pada 13 Mei 1969 mungkin dapat dianggap sebagai suatu manifestasi daripada jurang perbezaan pembangunan sosioekonomi antara kaum dan polarisasi yang wujud sejak zaman penjajahan lagi. Namun begitu, Peristiwa 13 Mei ini didorong oleh beberapa sebab atau keadaan yang begitu tegang berikutan dengan pilihanraya umum tahun 1969. Kempen-kempen pilihanraya tersebut telah berjalan selama enam minggu dan berbagai-bagai perkara dasar yang telah menjadi asas persefahaman dan tolak ansur antara kaum seperti hak istimewa orang-orang Melayu, Dasar Pelajaran Kebangsaan, bahasa Kebangsaan dan kerakyatan telah diungkit dan dijadikan bahan kempen tersebut. Ucapan-ucapan semasa berkempen dan

perarakan-perarakan pilihanraya yang dilakukan tanpa rasa tanggungjawab akhirnya telah menyemarakkan api praisangka dan emosi perkauman sehingga meletusnya rusuhan kaum – Peristiwa 13 Mei yang penuh dengan makna dan pengajaran.

Peristiwa ini menyebabkan kerajaan mengambil langkah-langkah yang lebih tegas dan berani dalam usaha mengeratkan perpaduan rakyat dan merapatkan jurang perbezaan sosioekonomi antara kaum. Langkah-langkah ini termasuk melaksanakan sepenuhnya bahasa Malaysia dalam sistem pendidikan negara, memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru, menubuhkan Kementerian Perpaduan Negara (kini dikenali sebagai Jabatan Perpaduan Negara), membentuk ideologi negara yang dikenali sebagai Rukunegara, dan lain-lain. Kerajaan telah menjalankan juga kajian yang mendalam mengenai dasar-dasar dan keutamaan-keutamaan negara agar semua perkara ini dapat disusun semula selaras dengan matlamat mengukuhkan perpaduan masyarakat dan negara.

Dalam tahun 1970, kerajaan telah memperkenalkan satu pendekatan dan strategi baru dalam rancangan pembangunan negara iaitu Dasar Ekonomi Baru (DEB). DEB ialah program pembangunan dua puluh tahun (1971 hingga 1990) yang dilaksanakan di bawah rancangan pembangunan lima tahun negara dengan dua matlamat utama iaitu:

- (a) membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan
- (b) menyusun semula masyarakat bagi mengurang dan menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi-fungsi ekonomi.

Dengan tercapainya kedua-dua matlamat ini diharapkan akan wujud sebuah negara dan masyarakat Malaysia yang bersatu padu, adil, demokratik liberal, dan progresif sebagaimana yang dinyatakan dalam Rukunegara.

Program-program bagi membasmi kemiskinan sangat penting kerana kemiskinan dialami oleh semua kumpulan

tanpa mengira kaum. Dalam tahun 1970, sebanyak 792,000 daripada 1.6 juta keluarga di Semenanjung Malaysia (49%) menerima pendapatan pada atau di bawah paras kemiskinan. Daripada jumlah keluarga miskin ini sebanyak 74 peratus terdiri daripada orang-orang Melayu, 17 peratus orang-orang Cina, 9 peratus orang-orang India, dan lain-lain. Sebanyak 86.3 peratus daripada jumlah keluarga miskin berada di kawasan luar bandar dan 13.7 peratus lagi tinggal di kawasan bandar. Di kawasan luar bandar terdapat beberapa kumpulan penduduk atau keluarga miskin, terdiri daripada pekebun kecil getah (68.3 peratus), penanam padi (88.1 peratus), petani lain (91.8 peratus), pekebun kecil kelapa (52.8 peratus), nelayan (73.2 peratus), dan pekerja ladang (40.0 peratus). Kumpulan penduduk miskin di kawasan bandar pula terdiri daripada penduduk atau keluarga yang terlibat dalam sektor perlombongan (33.3 peratus), pembinaan, pengangkutan, dan kemudahan awam (30 peratus), pembuatan (23.5 peratus), perdagangan dan perkhidmatan (18.1 peratus).

Usaha-usaha membasmi kemiskinan di bawah Dasar Ekonomi Baru telah bermula dalam Rancangan Malaysia Kedua (1971 - 1975) dan berakhir pada penghujung Rancangan Malaysia Kelima (1986 - 1990). Dalam tempoh 20 tahun ini, program-program pembangunan sosioekonomi negara dapat mengurangkan kadar kemiskinan secara berperingkat-peringkat daripada 49.5 peratus (1970) kepada 43.9 peratus (1975) dan terus kepada 29.2 peratus (1980). Dalam tahun 1984, kadar kemiskinan telah berkurang kepada 18.4 peratus dan dijangka akan sampai ke tahap 16.7 peratus menjelang tahun 1990 nanti.

Antara strategi dan cara utama yang telah dilaksanakan bagi membasmi kemiskinan di kalangan rakyat ialah:

- (a) Meningkatkan daya pengeluaran dan pendapatan golongan miskin terutama sekali di kalangan petani

menerusi pembukaan tanah baru dan pembangunan setempat yang melibatkan penyediaan kemudahan-kemudahan pengairan, penanaman semula, perkhidmatan sokongan, kemudahan-kemudahan awam, kesihatan, pelajaran perumahan, dan lain-lain.

- (b) Menggalakkan penyertaan dan penglibatan tenaga buruh daripada sektor ekonomi yang mundur dan rendah daya pengeluarannya kepada sektor ekonomi yang lebih maju dan produktif, misalnya daripada sektor pertanian kepada sektor-sektor bukan pertanian seperti perniagaan, perindustrian, dan perkhidmatan moden. Langkah utama di bawah strategi ini ialah mewujudkan peluang-peluang yang lebih besar bagi menambah penyertaan golongan miskin dalam kegiatan-kegiatan ekonomi peringkat kedua dan ketiga; khususnya penyertaan dan pemilikan orang-orang Melayu dalam bidang-bidang perdagangan, perindustrian, dan perkhidmatan.

Matlamat penyusunan semula masyarakat sangat penting bagi menghapuskan pengenalan kaum mengikut kegiatan dan fungsi ekonomi. Usaha-usaha dijalankan serentak dengan program-program membasmi kemiskinan terutama sekali di kawasan luar bandar dan bandar. Antara strategi yang digunakan bagi mencapai matlamat penyusunan semula masyarakat di bawah Dasar Ekonomi Baru ialah:

- (a) Memodenkan kawasan-kawasan luar bandar bagi meningkatkan daya pengeluaran dan taraf hidup.
- (b) Menyusun semula struktur gunatenaga dan penglibatan pelbagai kaum dalam sektor-sektor ekonomi negara agar dapat menghapuskan pengenalan kaum mengikut kegiatan dan fungsi ekonomi.
- (c) Menambah penguasaan dan pemilikan modal saham di kalangan rakyat Malaysia termasuk pemilikan

kaum bumiputera dan kaum-kaum lain, juga antara rakyat Malaysia dan orang-orang asing.

- (d) Memastikan pembentukan sebuah masyarakat perdagangan dan perindustrian di kalangan orang Melayu dan kaum bumiputera lain dalam semua lapangan kegiatan ekonomi, supaya dalam tempoh satu generasi mereka akan menjadi rakan sepejuangan dalam penghidupan ekonomi negara.

Kejayaan dan kesan DEB kerap kali dipertikaikan oleh pelbagai pihak dengan motif dan niat yang tertentu. Terdapat golongan yang mengkritik dasar tersebut kerana kurang senang dengan kejayaan-kejayaan yang begitu cepat yang dicapai oleh kaum bumiputera dan mendakwa pihak kerajaan mengabaikan golongan-golongan tertentu. Terdapat juga golongan yang menyatakan rasa tidak puashati terhadap cara-cara pelaksanaan DEB dan menganggap dasar ini sebagai satu program yang lebih menguntungkan pihak-pihak tertentu sahaja. Tetapi suatu hakikat yang patut diterima umum dan disedari ialah DEB sememangnya telah mencapai banyak kejayaan dalam usaha membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat di negara ini. Kejayaan seratus peratus dari segi kuantiti dan kualiti tidak mungkin dicapai dalam tempoh yang agak singkat kerana ada berbagai-bagai faktor yang sukar dikawal, di samping berbagai keadaan, rintangan, dan masalah yang begitu kompleks.

POLITIK DAN PERPADUAN

Sejarah telah membuktikan perpaduan masyarakat dan negara hanya dapat dicapai menerusi persefahaman, kerjasama dan tolak ansur antara kaum dalam berbagai-bagai bidang kehidupan seperti penggunaan bahasa, sistem pendidikan kebangsaan, dasar dan rancangan pembangunan

sosioekonomi, politik, interaksi sosial, dan pembentukan satu kebudayaan yang dapat diterima umum. Kerjasama, persefahaman dan tolak ansur politik antara kaum, khususnya antara penduduk bumiputera dan bukan bumiputera menjadi begitu penting dalam tahun 1950-an ketika negara sedang menuju ambang kemerdekaan. Tambahan pula pihak Inggeris di waktu itu hanya akan memberi kemerdekaan kepada negara ini setelah semua pemimpin dan parti-parti politik utama yang mewakili tiga kaum utama, Melayu, Cina, dan India dapat bersatupadu dan seterusnya menjamin keamanan dan kestabilan negara di masa hadapan.

Kerjasama dan persefahaman politik antara dua kaum terbesar bermula pada bulan Disember 1951 apabila UMNO yang mewakili orang-orang Melayu dan MCA yang mewakili orang-orang Cina telah bersetuju untuk bekerjasama bagi menghadapi pilihanraya perbandaran Kuala Lumpur. Kerjasama UMNO-MCA telah membawa kejayaan besar dan meyakinkan apabila mereka berjaya memenangi 9 daripada 12 kerusi yang dipertandingkan. Perkembangan ini telah menarik minat MIC yang akhirnya bergabung dengan UMNO dan MCA membentuk Parti Perikatan yang mewakili tiga kaum terbesar telah memenangi 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan dan 1 kerusi dimenangi oleh PAS.

Kerjasama dan tolak ansur politik antara kaum-kaum yang wujud pada masa ini telah menjadi asas yang begitu kuat bagi menuntut kemerdekaan dengan cepat daripada pihak Inggeris. Dianggarkan bahawa pada masa itu terdapat seramai 1.6 juta orang layak mengundi dan daripada jumlah tersebut 1.28 juta orang telah mendaftar untuk membuang undi. Komposisi pengundi berdaftar mengikut kaum terdiri daripada 84 peratus orang-orang Melayu, 11 peratus orang-orang Cina, dan 5 peratus orang-orang India termasuk kaum-kaum lain. Pembahagian kerusi yang dipertandingkan dalam Pilihanraya 1955 ini sebenarnya telah membuktikan kesediaan UMNO yang mewakili orang-orang Melayu untuk

memberikan peruntukan kerusi yang lebih kepada MCA dan MIC. Walaupun jumlah pengundi Cina yang berdaftar hanyalah 11 peratus (6 kerusi sahaja daripada jumlah 52 kerusi yang dipertandingkan), UMNO telah bersetuju memberikan 15 kerusi kepada MCA dan 2 kerusi kepada MIC, walaupun pada masa itu tidak ada satu pun kawasan pilihanraya yang mempunyai pengundi India sehingga 50 peratus. Pada masa itu 50 daripada 52 kawasan pilihanraya yang dipertandingkan mempunyai majoriti pengundi Melayu. Ini bermakna UMNO telah berkorban untuk MCA dan MIC dan kemenangan kedua-dua parti gabungan Perikatan itu semata-mata bergantung kepada undi yang diberikan oleh orang-orang Melayu.

Persefahaman, kerjasama, dan tolak ansur antara kaum ini begitu penting dan telah menjadi asas kepada pembentukan Perlembagaan Persekutuan dan kemerdekaan negara pada 31 Ogos 1957. Perkara-perkara dasar yang dipersetujui bersama seperti hak-hak istimewa orang-orang Melayu, kedudukan bahasa Melayu, dan kerakyatan adalah hasil daripada tolak ansur antara kaum, walaupun masih wujud perasaan tidak puas hati di kalangan sesetengah pihak. Malah masih ada golongan tertentu daripada generasi baru yang tidak menghormati dan menerima hakikat sejarah ini. Golongan-golongan ini dengan lantang telah mempersoalkan tentang kedudukan bahasa Melayu dan hak istimewa orang-orang Melayu, walaupun perkara itu telah termaktub dalam Perlembagaan negara dan merupakan hasil kompromi antara kaum yang telah dipersetujui bersama ketika negara hendak mencapai kemerdekaan. Pengiktirafan terhadap bahasa Melayu dan hak istimewa orang-orang Melayu sebenarnya bukan suatu perkara baru kerana hak-hak ini telah sekian lama dimiliki oleh orang Melayu iaitu sebelum penjajahan barat. Sebaliknya golongan bukan Melayu mendapat keuntungan besar kerana dalam tempoh setahun selepas hari merdeka kira-kira 800,000 orang bukan Melayu telah diterima menjadi

warganegara dengan syarat-syarat kewarganegaraan yang agak longgar.

Prinsip-prinsip kerjasama, persefahaman, dan tolak ansur antara kaum juga dipertahankan dan diperbaharui semangatnya apabila Parti Perikatan digantikan oleh Barisan Nasional. Parti ini berjaya menggabungkan parti-parti komponen berbagai kaum dari Semenanjung, Sabah, dan Sarawak serta membentuk sebuah kerajaan yang stabil dan kuat demi memupuk kesejahteraan, kemakmuran, dan perpaduan masyarakat dan negara Malaysia yang merdeka dan berdaulat. Perpaduan politik yang dicapai menerusi Barisan Nasional bukan sahaja dapat menyelesaikan berbagai-bagai masalah masyarakat dan negara menerusi rundingan, persefahaman, kerjasama, dan tolak ansur, tetapi dapat mengelakkan semangat dan sentimen perkauman yang akan memecah-belahkan masyarakat dan meruntuhkan kemerdekaan negara.

PERPADUAN DAN RUKUNEGARA

Matlamat utama setiap negara dan masyarakat ialah perpaduan kerana perpaduan sahaja yang dapat memelihara dan mengukuhkan kedaulatan, keselamatan, kestabilan, dan kesejahteraan seluruh rakyat. Tanpa perpaduan yang kuat dan kukuh tidak mungkin bagi mana-mana negara atau masyarakat dapat mengecapi pembangunan dan kemajuan dalam bidang-bidang ekonomi, sosial, politik, pentadbiran, pemerintahan, pendidikan, teknologi, dan lain-lain. Namun begitu, usaha-usaha untuk membina dan menguatkan perpaduan negara dan masyarakat bukan suatu perkara mudah yang boleh dicapai dalam masa yang singkat. Sesungguhnya, proses mewujudkan perpaduan dalam erti kata yang sebenar memerlukan perancangan dan tindakan jangka panjang yang begitu teliti dan bijaksana. Rancangan dan tindakan dalam mewujudkan perpaduan negara dan

masyarakat kerap kali juga menghadapi pelbagai masalah dan rintangan, sama ada yang berpunca daripada anasir-anasir di dalam masyarakat itu sendiri mahu pun anasir-anasir dari luar.

Sebagai sebuah negara yang mempunyai masyarakat berbilang kaum, maka negara kita menghadapi pelbagai isu, masalah, dan cabaran yang begitu kompleks dalam usaha memupuk dan mengukuhkan perpaduan. Polarisasi dan pengasingan kaum sudah lama wujud di kalangan masyarakat di negara ini akibat perbezaan-perbezaan dari segi asal keturunan, bahasa, adat resam, nilai dan norma hidup, sikap, pemikiran, lokasi fizikal, dan lain-lain ternyata menjadi penghalang utama terhadap perpaduan dan pembentukan negara dan bangsa Malaysia yang bersatu padu. Namun demikian, berbagai-bagai usaha telah dilakukan semenjak negara mencapai kemerdekaan. Antara usaha-usaha yang telah dilaksanakan bagi memupuk dan mengukuhkan perpaduan ialah: (a) memperluaskan asas perpaduan menerusi kerjasama dan persefahaman politik dan pemerintahan antara kaum seperti yang ditunjukkan oleh penubuhan Parti Perikatan dan kemudian menjadi Barisan Nasional, (b) melaksanakan Dasar Pelajaran Kebangsaan untuk rakyat seluruh negara, (c) mengadakan rancangan-rancangan pembangunan sosiekonomi yang bertujuan merapatkan jurang perbezaan taraf pembangunan antara kaum dan antara kawasan-kawasan bandar dengan luar bandar dan antara negeri-negeri, termasuklah rancangan-rancangan di bawah Dasar Ekonomi Baru, (d) membina satu kebudayaan kebangsaan yang boleh diterima oleh semua pihak dan menjadi identiti negara, (e) mengamalkan corak hidup demokratik sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan menghayati prinsip-prinsip Rukunegara.

Masyarakat berbilang kaum di negara ini telah hidup bersama dalam keadaan rukun dan damai sejak mencapai

kemerdekaan dalam tahun 1957 sehingga tercetus satu rusuhan kaum pada 13 Mei 1969. Peristiwa 13 Mei ini telah mencatat titik hitam dalam sejarah negara dan memberikan suatu pengajaran yang begitu bermakna kepada masyarakat dan negara. Peristiwa ini telah membawa beberapa implikasi terhadap masa hadapan negara, khususnya terhadap perubahan dasar-dasar dan rancangan-rancangan kerajaan. Pertama, Peristiwa 13 Mei membuktikan bahawa perbezaan taraf pembangunan sosioekonomi antara kaum merupakan satu faktor utama yang menghalang perpaduan. Oleh itu, proses mewujudkan dan mengukuhkan perpaduan dapat merapatkan jurang perbezaan taraf atau peringkat kemajuan sosioekonomi antara kaum. Kedua, isu sensitif seperti soal-soal kedaulatan Raja-raja Melayu, hak istimewa orang-orang Melayu, kedudukan bahasa Melayu dan hak kerakyatan kepada rakyat bukan bumiputera merupakan hasil tolak ansur dan persetujuan bersama antara kaum yang sudah termaktub dalam Perlembagaan dan tidak boleh dipertikaikan sama sekali, apa lagi untuk diungkit-ungkit sebagai isu politik atau isu yang kononnya dianggap sebagai perjuangan oleh mana-mana pihak sekali pun. Ketiga, peristiwa ini menyedarkan pihak kerajaan bahawa negara ini memerlukan satu dasar perpaduan yang menyeluruh untuk menghadapi masa hadapan. Keempat, peristiwa ini memberi juga keinsafan dan kesedaran kepada setiap lapisan rakyat mengenai pentingnya sikap hormat-menghormati, persefahaman, dan toleransi dalam kehidupan mereka.

Selepas Peristiwa 13 Mei, kerajaan telah memperkenalkan beberapa dasar dan strategi baru yang dianggap mustahak bagi memupuk dan mengukuhkan perpaduan. Rusuhan kaum tersebut ternyata telah mengancam ketenteraman, keamanan, dan keselamatan negara menyebabkan DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri mengisytiharkan darurat di seluruh negara. Dengan perisytiharan darurat ini sistem kerajaan berparlimen

telah digantung; termasuk juga Dewan-dewan Undangan Negeri. Pilihanraya umum di Sabah dan Sarawak yang dijadualkan selepas Pilihanraya di Semenanjung juga telah ditangguhkan. Pentadbiran negara berikutan dengan perisytiharan telah diserahkan kepada Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) yang diketuai oleh YAB Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein sebagai pengarahnya dan dianggotai oleh lapan orang ahli yang lain. Majlis Gerakan Negara mempunyai tiga tugas utama iaitu: (a) untuk mengembalikan keamanan dan undang-undang negara, (b) untuk menentukan pentadbiran negara berjalan licin dan sempurna, dan (c) untuk mengembalikan suasana keharmonian dan kepercayaan antara kaum di seluruh negara.

Tugas untuk mengembalikan suasana keharmonian dan kepercayaan antara kaum merupakan satu tugas penting dalam konteks perpaduan negara dan masyarakat berikutan dengan Peristiwa 13 Mei. Bagi merancang dan melaksanakan tugas ini, MAGERAN dengan kuasa-kuasa yang ada padanya telah bersetuju menubuhkan Majlis Perundangan Negara bagi tujuan untuk membincangkan dan menilai isu-isu perpaduan negara serta mencari jalan penyelesaian kepada masalah-masalah masyarakat. Majlis Perundangan Negara telah ditubuhkan oleh Pengarah MAGERAN di bawah Undang-undang Darurat yang diwartakan pada 29 Januari 1970. Ahli-ahli Majlis ini terdiri daripada tiga orang Menteri Kabinet, tujuh orang wakil kerajaan-kerajaan negeri, lima orang wakil UMNO, tiga orang wakil MCA, seorang wakil daripada setiap buah parti politik lain seperti MIC, Gerakan PPP dan Parti Rakyat serta dua orang wakil PAS. Majlis ini dianggotai juga oleh tiga orang wakil dari Sabah, empat orang wakil dari Sarawak, enam orang wakil agama-agama, tiga belas orang wakil badan-badan profesional, dua orang wakil perkhidmatan awam, dua orang wakil kesatuan sekerja, empat orang wakil wartawan, tiga orang wakil persatuan guru-guru, dan dua orang wakil kumpulan kecil. Bilangan ini menjadikan

jumlah ahli-ahli Majlis Perundingan Negara seramai 65 orang termasuk Pengerusi YAB Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein.

Penubuhan Majlis Perundingan Negara telah menghasilkan beberapa idea dan gagasan dasar berhubung dengan perpaduan masyarakat dan negara. Majlis ini berpendapat, bahawa negara memerlukan pembentukan satu ideologi yang boleh dijadikan panduan hidup masyarakat Malaysia dan mengandungi prinsip-prinsip asas-asas tertentu yang perlu dihormati dan dipatuhi oleh setiap lapisan rakyatnya. Pendapat ini mewujudkan RUKUNEGARA yang diisytiharkan pada 31 Ogos 1970. RUKUNEGARA merupakan ideologi kebangsaan yang bertujuan untuk menyatukan fikiran, pendapat, dan perasaan rakyat tanpa mengira perbezaan berdasarkan asal keturunan, bahasa, agama, dan budaya. Perkara ini amat penting kerana dijangka dapat menimbulkan semangat dan kesedaran yang tinggi di kalangan semua lapisan masyarakat untuk bersatu padu dengan hasrat membentuk sebuah masyarakat dan negara Malaysia yang demokratik, adil dan saksama, liberal, dan progresif.

Perisytiharan RUKUNEGARA

telah menyatakan;

Bahawasanya negara kita Malaysia

mendukung cita-cita hendak

mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakat;

mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak;

membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

Maka kami rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN

KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA

KELUHURAN PERLEMBAGAAN

KEDAULATAN UNDANG-UNDANG

KESOPANAN DAN KESUSILAAN

Cita-cita hendak mencapai perpaduan yang lebih erat dalam masyarakat, memelihara satu cara hidup demokratik, mencipta satu masyarakat yang adil, menjamin satu cara hidup yang liberal, dan membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi sebagaimana yang dinyatakan oleh Rukunegara, sesungguhnya patut menjadi matlamat dan hasrat semua lapisan rakyat di negara ini. Cita-cita ini bukan merupakan suatu impian yang tidak boleh dicapai sekiranya semua peringkat dan golongan yang ada dalam masyarakat dan negara ini sanggup bekerjasama, saling hormat-menghormati, bertolak ansur, jujur, cekap, dan amanah. Bagi membentuk satu bangsa Malaysia, semua kaum mesti mempunyai perasaan cinta dan kesetiaan yang tinggi serta mendalam terhadap bangsa dan negara. Perlembagaan negara menjamin kepentingan rakyat dan cara pemerintahan demokrasi berserta dengan undang-undang dan peraturan-peraturan tertentu. Oleh itu, menjadi tugas dan tanggungjawab semua pihak bagi menghormati dan mempertahankan cara hidup demokratik. Cita-cita hendak mencipta satu masyarakat adil pula bertujuan untuk membolehkan seluruh rakyat menikmati kekayaan dan kemakmuran negara dengan adil dan saksama, bebas daripada sebarang bentuk penindasan. Pembentukan satu masyarakat yang liberal adalah penting dalam konteks masyarakat berbilang kaum di negara ini kerana cara ini akan membolehkan setiap kaum

mengamalkan agama, adat resam, tradisi, dan budaya masing-masing dengan bebas selaras dengan perlembagaan negara dan matlamat perpaduan. Selain itu, cara ini akan membolehkan juga negara dan bangsa Malaysia mengembang dan memajukan budaya yang kaya serta pelbagai corak. Cita-cita hendak mewujudkan masyarakat Malaysia yang progresif mengikut kemajuan sains dan teknologi pula selaras dengan matlamat untuk memodenkan cara kehidupan rakyat dan mempertingkatkan taraf kemajuan sosial dan ekonomi negara.

Lima prinsip Rukunegara merupakan dasar-dasar utama yang patut menjadi landasan dan pedoman dalam mencapai cita-cita seperti yang telah disebutkan. Kepercayaan kepada Tuhan adalah penting kerana kepercayaan ini menjadi pegangan setiap agama yang dianuti oleh kaum-kaum di Malaysia. Prinsip ini menerima juga hakikat bahawa setiap kaum bebas mengamalkan agama masing-masing dan Islam adalah agama rasmi Persekutuan. Prinsip kedua yang menyatakan kesetiaan kepada Raja dan negara pula perlu dihormati dan dihayati oleh semua lapisan rakyat kerana DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja-raja mempunyai kemuliaan, taraf, kedudukan, dan kuasa-kuasa tertentu sebagaimana yang dinyatakan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri-negeri. Prinsip ketiga dalam Rukunegara ialah Keluhuran Perlembagaan dan perkara ini mesti difahami, dihormati, dan dihayati oleh setiap pemimpin dan rakyat kerana Perlembagaan itu merupakan undang-undang tertinggi negara. Perlembagaan menentukan segala perkara tentang kebebasan, kewarganegaraan, kerajaan, dan perundangan Persekutuan dan negeri-negeri, kewangan, kehakiman, perkhidmatan awam, dan lain-lain yang menjadi sumber bagi memerintah negara. Perlembagaan menentukan juga kedudukan beberapa perkara yang dianggap sensitif seperti hak-hak istimewa orang-orang Melayu, dasar bahasa, kedudukan raja-raja, dan

kewarganegaraan. Kedaulatan undang-undang perlu juga dihormati kerana undang-undang yang menentukan setiap rakyat mendapat perlindungan, kebebasan, dan keadilan. Setiap rakyat digesa juga mematuhi kesopanan dan kesusilaan agar segala tingkahlaku dan perbuatannya menunjukkan rasa tanggungjawab dan nilai-nilai moral yang tinggi.

KEBUDAYAAN KEBANGSAAN DAN PERPADUAN

Dalam bahagian-bahagian bab ini yang lepas kita telah meninjau sedikit sebanyak tentang beberapa dasar yang menjadi alat kepada proses pembentukan dan pembinaan perpaduan masyarakat dan negara. Dasar Pelajaran Kebangsaan, bahasa kebangsaan, dasar-dasar pembangunan sosioekonomi khususnya Dasar Ekonomi Baru dan ideologi kebangsaan atau Rukunegara itu memang mempunyai pengaruh, peranan, dan fungsi masing-masing dalam mewujudkan sebuah negara dan masyarakat Malaysia yang bersatu padu, demokratik, adil, liberal, dan progresif. Tetapi suatu kenyataan yang patut disedari oleh semua pihak ialah hakikat bahawa proses mewujudkan dan mengukuhkan perpaduan itu adalah suatu proses kehidupan yang begitu rumit dan kompleks, perlu menghadapi pelbagai masalah dan cabaran serta melibatkan berbagai-bagai unsur politik, ekonomi, sosial, pentadbiran, dan budaya. Usaha-usaha membina dan mengukuhkan perpaduan yang giat dilaksanakan sejak tahun 1957, apabila negara mencapai kemerdekaan tentu belum dapat memenuhi matlamat dan cita-cita yang dihasratkan. Tempoh tiga puluh tahun itu merupakan masa yang begitu singkat sekali bagi mengisi matlamat dan cita-cita kemerdekaan terutama dalam konteks masyarakat pelbagai kaum, adat resam, tradisi, bahasa, agama, dan amalan hidup seperti di Malaysia.

Peranan dan pengaruh kebudayaan dalam memupuk dan

menguatkan perpaduan masyarakat dan negara memang tidak dapat dinafikan. Tetapi tidak semua daripada peranan dan pengaruh ini boleh kita lihat kerana budaya mengandungi banyak unsur dan nilai yang abstrak dan tersirat. Selain itu, setiap orang mempunyai pelbagai idea, tanggapan, dan sikap dalam menghurai, mentafsir, dan menilai bidang dan aspek budaya yang agak luas. Pada umumnya, ada dua pendapat yang begitu berbeza tentang kebudayaan kebangsaan. Pertama, ada golongan yang berpendapat bahawa pembinaan dan perkembangan kebudayaan kebangsaan itu mesti dirancang dan dikawal agar dapat memenuhi matlamat dan cita-cita perpaduan dan pembentukan identiti kebangsaan. Manakala golongan kedua pula berpendapat, proses pembinaan dan perkembangan kebudayaan kebangsaan harus dibiarkan berlaku secara semula jadi tanpa sebarang kongkongan dan paksaan.

Pembicaraan tentang konsep, bidang, dan kandungan kebudayaan kebangsaan ini telah bermula dengan serius berikutan dengan Kongres Kebudayaan yang diadakan pada tahun 1971. Kongres ini diadakan dengan dua tujuan utama iaitu: (a) untuk menentukan apakah kebudayaan kebangsaan dan (b) untuk mengemukakan syor-syor tentang cara-cara mencapai kebudayaan kebangsaan. Kongres ini telah menetapkan tiga dasar yang menjadi ciri asas kebudayaan kebangsaan negara ini iaitu:

- (1) Kebudayaan kebangsaan negara ini harus berteraskan kepada kebudayaan penduduk asli rantau ini.
- (2) Unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar diterima dan menjadi sebahagian daripada unsur-unsur kebudayaan kebangsaan.
- (3) Islam adalah menjadi unsur penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan.

Ketiga-tiga dasar yang menjadi asas kepada kebudayaan

kebangsaan ini masih tetap dipertikaikan dan menjadi bahan penegasan daripada pemimpin-pemimpin negara. Satu perkara yang begitu nyata sekali ialah kerajaan dan pemimpin-pemimpin negara cukup sedar terhadap keperluan dan kepentingan bagi semua kaum di negara ini mengembangkan unsur-unsur kebudayaan masing-masing selagi tidak bertentangan dengan Perlembagaan dan segala dasar kerajaan yang telah dipersetujui serta sesuai dengan hasrat mewujudkan identiti kebangsaan. Kebudayaan Melayu pula diterima sebagai teras kebudayaan kebangsaan kerana Kebudayaan Melayu adalah budaya penduduk asal rantau ini yang telah bertapak sejak turun-temurun merangkumi seluruh alam Melayu atau dunia Melayu yang berpusat di Nusantara. Kini budaya tersebut diwarisi dan diamalkan oleh lebih daripada 150 juta orang penduduk di alam Melayu. Agama Islam telah menjadi agama di negara ini sejak lebih daripada 600 tahun dan Islam sendiri telah mengubah hampir keseluruhan cara hidup atau budaya penduduk asal rantau ini, mengambil alih pengaruh-pengaruh agama Buddha dan Hindu. Oleh yang demikian, adalah tepat sekali bagi memilih Islam sebagai unsur penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan.

Di sebalik penerimaan dan penegasan dasar-dasar di atas, ada pula golongan yang tidak berpuas hati dan kerap kali menimbulkan tohmah dan tuduhan melulu, tanpa mengkaji dan meneliti hakikat sejarah dan perkembangan peradaban yang ditempuh oleh masyarakat dan negara ini. YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohammad pernah menegaskan bahawa:

Kita semua telah bersetuju, perpaduan dan babasa kebangsaan, satu kebudayaan iaitu kebudayaan kebangsaan. Maka babasa kebangsaan diasaskan kepada babasa Melayu dan kebudayaan kebangsaan ialah kebudayaan yang berteraskan kebudayaan rakyat asal

peribumi Malaysia, kebebasan untuk mengamalkan kebudayaan masing-masing sebagai kebudayaan kesukuan dalam rangka dan batas-batas tertentu adalah terjamin dalam perlembagaan negara kita. Dengan demikian, persoalan konsep kebudayaan kebangsaan tidak timbul lagi, sama seperti persoalan bahasa kebangsaan juga tidak timbul lagi. Yang menjadi persoalannya ialah usaha dan tanggungjawab untuk mengisi konsep ini, bagi kepentingan hidup bersama. Jika kita semua benar-benar inginkan sebuah negara yang aman makmur dengan kehidupan rakyatnya yang damai serta bahagia, bahasa dan kebudayaan tidak sebarusnya lagi dijadikan isu politik yang banyak menguntungkan golongan yang anti perpaduan dan yang taat setianya boleh diragukan.

SOALAN-SOALAN SUBJEKTIF

1. Bincangkan masalah-masalah utama yang dihadapi bagi memupuk perpaduan masyarakat berbilang kaum di negara ini.
2. Bagaimanakah Dasar Pelajaran Kebangsaan dapat mencapai matlamat perpaduan negara?
3. Apakah Dasar Ekonomi Baru dan bagaimanakah dasar ini telah berjaya mencapai matlamat-matlamatnya?
4. 'Persefahaman dan tolak ansur politik antara kaum adalah sangat penting bagi mencapai matlamat perpaduan negara.' Bincangkan kenyataan ini dengan merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai.
5. Mengapakah usaha-usaha mengseimbangkan jurang perbezaan sosioekonomi antara kaum dianggap sangat penting dalam memupuk perpaduan di negara ini?

SOALAN-SOALAN OBJEKTIF

1. Mengapakah Laporan Razak tahun 1956 dianggap sebagai suatu perkembangan penting dalam sistem pelajaran kebangsaan negara ini?
 - I. Ia bertujuan menyatupadukan penduduk berbilang kaum.
 - II. Ia telah menyatakan dengan jelas kedudukan bahasa Melayu (bahasa Malaysia) dalam sistem persekolahan.

- III. Ia telah mencadangkan penggunaan sukatan atau kandungan pelajaran yang sama bagi seluruh negara.
- IV. Ia telah menetapkan aliran Melayu dan Inggeris bagi sekolah-sekolah rendah.
- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. I, II, dan III
- D. II, III, dan IV
- E. I, II, III, dan IV
2. Dasar Pelajaran Kebangsaan adalah diasaskan kepada
- A. Laporan Razak.
- B. Laporan Abdul Rahman Talib.
- C. Laporan Jawatankuasa Kabinet.
- D. Laporan Fenn Wu.
- E. Laporan Barnes.
3. Apakah ciri-ciri utama Dasar Pelajaran Kebangsaan?
- I. Semua sekolah-sekolah rendah dan menengah menggunakan kurikulum yang sama.
- II. Bahasa Malaysia menjadi bahasa pengantar utama di semua peringkat persekolahan.
- III. Semua kanak-kanak mendapat peluang pendidikan yang sama.
- IV. Semua sekolah rendah dan menengah ditadbirkan oleh Kementerian Pelajaran.
- A. I dan II
- B. II dan III
- C. I, II, dan III
- D. II, III, dan IV
- E. I, II, III, dan IV
4. Pada tahun 1974 Kerajaan Persekutuan telah menu-
buhkan Jawatankuasa Kabinet bagi mengkaji pelak-

sanaan. Dasar Pelajaran Kebangsaan. Apakah bidang tugas Jawatankuasa ini?

- A. Mengkaji pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan dalam konteks pelajaran tinggi.
- B. Mengkaji pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan dalam konteks melahirkan tenaga rakyat yang terlatih dan pembentukan satu masyarakat yang bersatu padu dan berdisiplin.
- C. Mengkaji pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan dalam konteks mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru.
- D. Mengkaji pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan dalam konteks meninggikan produktiviti dan profesionalisme perguruan.
- E. Mengkaji pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan mengenai penggunaan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama dan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua.

Bahawasanya dasar pelajaran seperti yang diisytiharkan dalam Ordinan Pelajaran 1957 ialah untuk menubuhkan satu sistem pelajaran yang akan dapat memenuhi keperluan negara dan menggalakkan perkembangan kebudayaan, sosial, ekonomi, dan politiknya.

- 5. Perkara di atas adalah dinyatakan dalam
 - A. Laporan Razak 1956.
 - B. Laporan Rahman Talib 1960.
 - C. Laporan Jawatankuasa Kabinet 1974.
 - D. Akta Pelajaran 1961.
 - E. Perlembagaan Persekutuan 1957.

6. Matlamat utama Dasar Ekonomi Baru ialah...
- A. membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.
 - B. memodenkan cara hidup penduduk luar bandar.
 - C. memajukan kawasan dan negeri-negeri yang mundur.
 - D. mempercepatkan proses perbandaran di kalangan kaum bumiputera.
 - E. memajukan sektor pertanian dan perindustrian moden.
7. Salah satu strategi yang digunakan bagi menyusun semula masyarakat di bawah Dasar Ekonomi Baru ialah
- A. memindahkan penduduk bukan bumiputera ke kawasan luar bandar.
 - B. memodenkan sektor ekonomi dan kehidupan penduduk luar bandar.
 - C. menggalakkan penghijrahan kaum bumiputera ke bandar-bandar.
 - D. memajukan sektor perindustrian di kawasan luar bandar.
 - E. Menggalakkan pembukaan tanah baru dan pe-tempatan semula penduduk luar bandar.
8. Faktor utama yang membawa kepada pembentukan Perikatan UMNO - MCA - MIC pada tahun 1955 ialah untuk
- A. merangka Perlembagaan Persekutuan.
 - B. menghadapi Pilihanraya Umum 1955.
 - C. menuntut kemerdekaan daripada pihak Inggeris.
 - D. menghadapi pemberontakan komunis.
 - E. menyatukan masyarakat berbilang kaum.
9. Penubuhan Parti Perikatan yang menggabungkan UMNO, MCA, dan MIC dianggap sebagai satu kejayaan kerana ia telah dapat

- I. membaiki keadaan ekonomi orang-orang Melayu.
 - II. menentang pemberontakan komunis.
 - III. mewakili kaum-kaum utama di Tanah Melayu.
 - IV. mewujudkan sebuah pertubuhan politik yang kukuh.
- A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. III dan IV
 - D. I, III, dan IV
 - E. II, III, dan IV

Bangsa	Tempat Tinggal	Pekerjaan
Melayu	kampung	bertani
Cina	bandar	berniaga
India	estet	buruh

10. Pembahagian masyarakat Malaysia berdasarkan kegiatan ekonomi dan tempat tinggal seperti di atas telah wujud semasa pemerintahan Inggeris lagi. Antara berikut, dasar manakah yang mengandungi matlamat untuk memperbetulkan keadaan ini?
- A. Dasar Ekonomi Baru.
 - B. Dasar Kependudukan Negara.
 - C. Dasar Pandang Ke Timur.
 - D. Dasar Pendidikan Kebangsaan.
 - E. Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

KESELAMATAN NEGARA

PENDAHULUAN

Keselamatan negara merupakan satu bidang yang amat penting kerana keselamatan negara bertujuan untuk terus memelihara dan mengekalkan ketenteraman, kesejahteraan awam, dan keselamatan negara daripada sebarang bentuk ancaman sama ada dari dalam negeri ataupun dari luar. Justeru itu, keselamatan negara dipengaruhi oleh pelbagai faktor atau keadaan yang wujud di dalam negara dan yang berlaku juga di luar batas sempadan negara, terutama sekali di kawasan lingkungan serantau. Keselamatan negara daripada sebarang bentuk ancaman merupakan juga matlamat penting pemerintahan negara bersama-sama dengan kejayaan mencapai matlamat-matlamat perpaduan dan pembangunan sosioekonomi seluruh rakyat.

Keselamatan negara pada umumnya boleh ditinjau daripada dua bidang utama iaitu:

- (a) keselamatan dalam negeri dan
- (b) pertahanan negara.

Bidang keselamatan dalam negara meliputi pelbagai persoalan seperti keadaan keselamatan dan ketenteraman awam, ancaman dan cabaran terhadap keselamatan, strategi dan langkah-langkah keselamatan dalam negeri. Manakala bidang pertahanan pula meliputi soal-soal pembentukan dasar, strategi, dan pelaksanaan program-program pertahanan negara secara menyeluruh dalam hubungan dengan

keadaan keselamatan dalam negara, pergolakan politik serta kestabilan serantau dan antarabangsa.

ANCAMAN-ANCAMAN TERHADAP KESELAMATAN DALAM NEGARA

Pelbagai bentuk ancaman. Keadaan keselamatan dalam negara merupakan keadaan-keadaan yang boleh berubah dari semasa ke semasa dan dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti ekonomi, politik, sosial, dan budaya. Sebagai sebuah negara yang mempunyai masyarakat berbilang kaum, agama, bahasa, dan kebudayaan, negara ini terdedah kepada pelbagai faktor dan keadaan yang boleh menjejaskan dan mengancam keselamatan negara. Keadaan ini menjadi lebih rumit lagi kerana negara sedang mengalami pelbagai bentuk perubahan sosial dan ekonomi seperti pertumbuhan penduduk dan perbandaran, perkembangan perindustrian, teknologi, dan lain-lain.

Semenjak zaman penjajahan hingga kepada dekad-dekad dalam zaman kemerdekaan, negara ini telah menghadapi pelbagai bentuk ancaman yang menjejaskan dan memburukkan keadaan keselamatan dalam negara. Antara ancaman-ancaman tersebut ialah:

- (a) kegiatan komunis terutama sekali Parti Komunis Malaya (PKM),
- (b) eksploitasi isu-isu sensitif dan perkauman,
- (c) penyalahgunaan dadah yang meluas,
- (d) peranan media massa terutama sekali akhbar,
- (e) kegiatan-kegiatan antisosial dalam pelbagai bentuk perlakuan jenayah.

Ancaman Komunis. Parti Komunis Malaya (PKM) yang ditubuhkan di Singapura pada tahun 1930 telah menjalankan pelbagai kegiatan bersenjata dan propaganda yang me-

ngancam keselamatan negara dan kententeraman awam. Tujuan utama PKM ialah menggulingkan Kerajaan Inggeris di Tanah Melayu dan menubuhkan sebuah Republik Komunis.

Semasa pendudukan Jepun (1942 - 1945), pihak PKM telah menubuhkan unit-unit gerila MPAJA untuk menentang tentera Jepun, tetapi mereka telah gagal. Kegiatan-kegiatan PKM menjadi lebih agresif selepas Perang Dunia Kedua dan semasa pendudukan semula Inggeris di Tanah Melayu. Ancaman pemberontakan bersenjata PKM menyebabkan darurat diisytiharkan pada tahun 1948. PKM telah melancarkan serang hendap terhadap lombong-lombong bijih timah, ladang getah, memusnahkan kemudahan infrastruktur seperti landasan keretapi, rangkaian telefon, dan bekalan air di samping pasukan-pasukan keselamatan serta orang-orang awam juga telah dijadikan sasaran.

Tindakan tegas daripada pihak kerajaan berjaya mematahkan pemberontakan komunis dan darurat telah diisytiharkan tamat pada 31 Julai 1960. Namun begitu, ancaman komunis terhadap keselamatan negara dan kententeraman awam masih berterusan walaupun penganas komunis telah berundur ke sebelah utara bersempadan dengan negara Thai. Ancaman komunis begitu kuat juga di Sarawak dalam dekad 1960-an, tetapi telah dapat dibanteras dengan berkesan.

Kegagalan untuk mencapai matlamat menerusi pemberontakan bersenjata menyebabkan PKM menukarkan taktik perjuangan iaitu dengan mengadakan kegiatan-kegiatan propaganda dan subversif. Mereka cuba mempengaruhi fikiran rakyat pelbagai kaum agar menerima ideologi komunis dan kemudian bangun menentang kerajaan. Dalam usaha mencapai matlamat ini, PKM cuba menyusup masuk menerusi pelbagai saluran seperti parti-parti politik, kesatuan sekerja, pertubuhan, persatuan, pergerakan pelajar, dan pertubuhan-pertubuhan lain serta mengambil kesem-

patan daripada pelbagai isu dan keadaan tertentu yang wujud dalam negara.

EKSPLOITASI ISU-ISU SENSITIF DAN PERKAUMAN

Sebagai sebuah negara demokrasi yang mempunyai masyarakat berbilang kaum, bahasa, agama, dan kebudayaan, negara ini tidak terlepas daripada pelbagai bentuk ancaman atau kemungkinan ancaman yang berpunca daripada eksploitasi isu-isu sensitif dan berbentuk perkauman seperti perkara-perkara yang telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan dasar-dasar kerajaan yang telah diterima oleh semua pihak, tetapi kerap kali dijadikan isu oleh pihak-pihak tertentu seperti parti-parti politik, kesatuan, pertubuhan, persatuan, dan kelompok dengan tujuan untuk mendapat sokongan bagi memenuhi hasrat yang diidam-idamkan. Tindakan seperti ini tentu boleh menimbulkan reaksi daripada berbagai pihak-pihak lain yang berkepentingan dalam bentuk kebimbangan, kegelisahan, prasangka, dan kemarahan yang akhirnya menimbulkan konflik yang serius dalam bentuk pertentangan dan rusuhan antara kumpulan dan antara kaum.

Peristiwa 13 Mei 1969, misalnya telah membuktikan dengan jelas bahawa tindakan-tindakan mengeksploitasi isu-isu sensitif dan berbentuk perkauman oleh pihak-pihak tertentu mendatangkan kesan yang amat buruk terhadap keselamatan negara dan ketenteraman awam. Eksploitasi terhadap perkara-perkara yang telah dipersetujui bersama sebagaimana yang telah diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan seperti soal-soal kedaulatan raja-raja, kewarganegaraan, dasar bahasa, agama, perkhidmatan awam, dan lain-lain di samping dasar-dasar kerajaan adalah begitu bahaya dan boleh menimbulkan pelbagai bentuk ancaman. Apa lagi jika isu-isu ini dibangkitkan dengan perasaan dan sentimen perkauman yang tebal.

Pihak-pihak tertentu telah juga mengambil kesempatan daripada dasar liberal yang diamalkan oleh kerajaan. Golongan ini kerap kali membangkitkan isu-isu sensitif dan berbentuk perkauman seperti pendidikan, bahasa, kebudayaan, dan ekonomi dengan niat dan matlamat yang tidak sihat. Isu-isu sensitif telah juga sengaja diperbesar-besarkan menerusi saluran-saluran tertentu seperti penerbitan, perhimpunan haram, dan lain-lain bentuk penyebaran.

PENYALAHGUNAAN DADAH

Kegiatan-kegiatan penyalahgunaan dadah terutama sekali di kalangan kaum belia merupakan musuh utama negara selain ancaman komunis. Sungguhpun kegiatan-kegiatan pengeluaran, pengedaran, dan penyalahgunaan dadah ini dikawal dengan begitu ketat, perangkaan telah menunjukkan peningkatan bilangan penagih dadah yang begitu membimbangkan. Perangkaan yang terkumpul dari tahun 1970 hingga November 1987, menunjukkan terdapat seramai kira-kira 128,000 orang penagih dadah di negara ini. Kes-kes penagihan dadah telah meningkat juga dari setahun ke setahun dan jumlah ini tentu lebih besar jika ditambah dengan kes-kes yang tidak dapat dikesan atau dilaporkan kepada pihak berkuasa. Dianggarkan juga seramai 100,000 daripada jumlah tersebut merupakan penagih-penagih yang masih aktif.

Wabak penagihan dadah yang semakin serius dan membimbangkan ini telah mendatangkan pelbagai kesan buruk bukan sahaja kepada penagih-penagih yang terlibat, malah menimbulkan pelbagai masalah kepada keluarga dan masyarakat. Kadar perlakuan jenayah seperti mencuri, merompak, pecah rumah, penipuan, dan lain-lain yang terus meningkat ada kaitan juga dengan isu penyalahgunaan dadah yang berlaku secara meluas.

Dalam konteks yang lebih luas, masalah penyalah-

gunaan dadah ini ternyata mengancam ketenteraman awam dan keselamatan negara kerana masalah ini boleh melemahkan ketahanan negara dan melemahkan nilai-nilai keagamaan dan sosiobudaya. Perkara ini bertambah menyedihkan kerana penyalahgunaan dadah telah meresapi anggota pasukan keselamatan dan kakitangan perkhidmatan awam. Selain itu, negara ini telah dijadikan juga pengkalan oleh sindiket-sindiket dadah untuk pengedaran ke negara-negara luar seperti Amerika Syarikat, Eropah, dan Australia.

KEGIATAN MEMPERALATKAN AGAMA

Perlembagaan Persekutuan telah memberi peruntukan kebebasan kepada setiap orang, mereka berhak menganuti dan mengamalkan hal agamanya sendiri, menubuh, dan menyelenggarakan yayasan-yayasan bagi maksud-maksud agama atau khairat, memperolehi dan mempunyai harta serta memegang dan mentadbirnya mengikut undang-undang. Perlembagaan Persekutuan telah juga menetapkan agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan dengan kedudukan yang tertentu di sisi undang-undang negara.

Semua hak dan kebebasan beragama yang dilindungi oleh Perlembagaan ini bukan bermakna setiap orang atau kumpulan mempunyai kebebasan mutlak dalam mengembangkan agamanya atau menjalankan kegiatan menentang agama-agama lain.

Perkembangan yang berlaku sejak beberapa tahun kebelakangan ini menunjukkan ada kegiatan-kegiatan memeralatkan agama yang boleh menimbulkan konflik dalam agama itu sendiri atau antara penganut-penganut agama yang berlainan. Antaranya ialah seperti:

- (a) Kegiatan mengkristiankan orang-orang Melayu dan isu ini telah dieksploitasikan sehingga timbul kegeli-sahan di kalangan masyarakat Islam.

- (b) Kegiatan memperalatkan agama Islam untuk faedah dan kepentingan peribadi seperti menerusi ajaran-ajaran sesat dan pertubuhan sulit yang mengancam bukan sahaja ketenteraman dalam negeri, tetapi juga kesucian dan kemuliaan agama Islam sendiri.
- c) Selain itu, terdapat juga kegiatan kumpulan Marxist yang mempunyai hubungan dengan pertubuhan luar negeri dan antarabangsa. Kumpulan ini menjalankan dakyah bagi mengembangkan ideologi tersebut di kalangan kumpulan-kumpulan tertentu dan cuba menghasut orang-orang yang terlibat agar bangun berjuang menentang kerajaan dan pihak-pihak lain walaupun menggunakan kekerasan. Tujuan mereka adalah untuk menukarkan sistem sosial yang sedia diamalkan dengan satu sistem sosial baru yang didakwa sebagai kesamarataan (egalitarian). Kegiatan-kegiatan seumpama ini dilakukan secara sulit menerusi saluran-saluran tertentu seperti persidangan, sesi pertemuan, bengkel, pementasan, dan kegiatan-kegiatan lain dengan bertopengkan pertubuhan, persatuan atau badan yang sah di sisi undang-undang. Kegiatan-kegiatan ini telah menyusup juga masuk ke dalam badan-badan Kristian untuk mencapai matlamatnya.

Penglibatan Akhbar dan Penerbitan. Negara ini pada umumnya memberi kebebasan akhbar dengan syarat akhbar mematuhi undang-undang dan tidak menjejaskan keselamatan dalam negeri. Oleh sebab akhbar merupakan media utama dalam memberi pengetahuan, menyampaikan berita dan maklumat serta mempengaruhi pendapat awam, maka semua perkara yang disiarkan perlu diteliti agar tidak timbul dan menyemarakkan konflik perkauman atau bentuk-bentuk lain pertentangan antara kumpulan. Jika akhbar-akhbar dan media cetak lain digunakan dengan

sewenang-wenangnya untuk menjadi alat kepada kumpulan-kumpulan tertentu, maka timbul pelbagai masalah yang boleh mengancam keselamatan dan ketenteraman awam.

Kegiatan-kegiatan antisosial. Satu lagi faktor yang turut sama mempengaruhi dan mengancam ketenteraman awam ialah kegiatan-kegiatan antisosial yang dilakukan dalam pelbagai bentuk jenayah terhadap manusia dan harta benda. Antaranya ialah seperti rasuah, penyeludupan, rompakan, pencurian, penipuan, pecah rumah, keganasan, pembunuhan, rogol, penyeksaan, dan lain-lain. Semua ancaman, ini walaupun masih belum mencapai ke suatu tahap yang agak serius, tetap memerlukan perhatian dan kawalan yang lebih berkesan dan peratus kejadiannya mestilah dikurangkan dari semasa ke semasa.

Kejadian jenayah secara keseluruhannya telah berkurangan sebanyak 10.4 peratus iaitu daripada 95,159 kejadian pada tahun 1986 kepada 85,248 kejadian dalam tahun 1987. Namun begitu, kejadian jenayah di negara ini masih berada pada paras yang agak tinggi iaitu antara 6 hingga 10 peratus setiap tahun berbanding dengan pertumbuhan penduduk sebanyak 2.5 peratus setahun.

TUGAS, TANGGUNGJAWAB, DAN KESELAMATAN DALAM NEGARA

Kerajaan memberi perhatian utama terhadap pelbagai aspek keselamatan dalam negara sebagaimana tumpuan untuk menjayakan rancangan-rancangan lima tahun negara. Segala tugas dan tanggungjawab untuk terus memelihara dan mengekalkan ketenteraman, kesejahteraan awam, dan keselamatan negara daripada ancaman-ancaman dalam negara dilaksanakan oleh Kementerian Dalam Negeri. Oleh itu, Kementerian Dalam Negeri bertanggungjawab menggubal, melaksana, mengawas, dan menilai dasar-dasar dan program-

program yang bertujuan mencapai, memelihara, dan mengekalkan ketenteraman awam serta keselamatan dalam negara dengan kerjasama kementerian-kementerian lain yang berkaitan seperti Kementerian Pertahanan, Kementerian Luar Negeri, Kementerian Kehakiman, dan Jabatan Perdana Menteri.

Bagi melaksanakan pelbagai tugas dan tanggungjawab ketenteraman awam dan keselamatan dalam negeri ini, Kementerian Dalam Negeri mempunyai beberapa jabatan atau bahagian tertentu iaitu:

1. Polis Diraja Malaysia (PDRM) bertanggungjawab menguatkuasakan undang-undang dalam negara dan merupakan pasukan keselamatan dalam negara yang terbesar dan terpenting mengandungi beberapa bahagian utama seperti operasi trafik, siasatan jenayah, risikan keselamatan, Pasukan Polis Hutan (PPH), Pasukan Simpanan Persekutuan (PSP), Unit Kawalan Kawasan, Polis Marin, Unit Udara Polis, Polis Bantuan, Kadet Polis, dan Latihan.
2. Jabatan Imigresen bertanggungjawab mengawal pergerakan keluar masuk orang-orang asing yang tiba di negara ini dan pergerakan keluar masuk rakyat negara ini dengan negara-negara luar.
3. Jabatan Pertahanan Awam bertanggungjawab membentuk pasukan pertahanan awam secara sukarela, memperluaskan perkhidmatan dan pengetahuan pertahanan awam ke seluruh negara.
4. Jabatan Ikatan Relawan Rakyat (RELA) bertanggungjawab sebagai 'Pelapis Ketiga Benteng Pertahanan Negara' iaitu selepas Pasukan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis Diraja Malaysia. RELA berperanan juga sebagai 'mata dan telinga' kerajaan dari sudut keselamatan dalam negara. Oleh

itu, RELA bertanggungjawab membantu pasukan keselamatan dan lain-lain.

5. Jabatan Penjara Malaysia bertanggungjawab memulih atau mengubah sikap dan akhlak pesalah-pesalah yang ditahan supaya mereka dapat kembali ke pangkuan masyarakat serta memberi kawalan yang selamat ke atas penghuni-penghuni penjara semasa menjalani hukuman dan penahanan mereka sehingga cukup tempoh untuk pembebasan.
6. Jabatan Percetakan Negara (JPN) bertanggungjawab untuk mencetak bahan-bahan keperluan Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri-negeri dan jabatan-jabatan kerajaan serta semua jenis percetakan keselamatan kerajaan. Tugas utama JPN ialah mencetak, menerbit dan mengedar warta-warta Kerajaan Persekutuan dan negeri-negeri, semua pekeliling kerajaan, dan agensi kerajaan pada masa aman dan pada masa darurat.
7. Jabatan Pendaftaran Pertubuhan bertanggungjawab menguatkuasa Akta Pertubuhan 1966 dan Peraturan-peraturan Pertubuhan 1984 berhubung dengan pendaftaran, penolakan, pembatalan pengawasan, dan kawalan pertubuhan serta cawangan pertubuhan.
8. Jabatan Pendaftaran Negara yang bertanggungjawab untuk mengumpul, menyatu, dan mendaftarkan maklumat-maklumat penting perseorangan seluruh negara termasuk pendaftaran-pendaftaran kelahiran, kematian, perkahwinan, anak angkat, kad pengenalan, dan kewarganegaraan.
9. Jabatan Hal-Ehwal Orang Asli (JHEOA) bertanggungjawab melaksanakan program-program pembangunan sosioekonomi dan keselamatan masyarakat Orang Asli.

10. Bahagian Kawalan Penerbitan bertanggungjawab memastikan semua penerbitan tempatan dan yang diimport tidak mengandungi sebarang bahan yang memudaratkan keselamatan, ketenteraman, dan moral. Terdapat juga Lembaga Penapisan Filem yang bertanggungjawab menapis pelbagai bahan tayangan seperti filem, pita video, ceper video, dan bahan-bahan publisiti filem sebelum diluluskan untuk tontonan dan kegunaan umum.
11. Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah bertanggungjawab melaksanakan program-program rawatan dan pemulihan dadah di seluruh negara meliputi perkhidmatan luar dan perkhidmatan institusi.

PERTAHANAN

Keselamatan negara mengandungi dua bidang utama iaitu keselamatan dalam negara dan pertahanan. Kementerian Pertahanan ialah agensi pusat yang bertanggungjawab menggubal dan mendapatkan arahan dasar kerajaan mengenai perkara-perkara pertahanan dan menentukan arahan-arahan tersebut dilaksanakan oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Peranan utama Kementerian Pertahanan (KEMENTAHA) ialah untuk mempertahankan tanahair daripada sebarang ancaman dan pencerobohan luar, menjaga keselamatan perhubungan luar, menjaga keselamatan perhubungan antara dan dalam jajahan negara serta membantu mengekalkan kuasa kerajaan yang dipilih.

ANGKATAN TENTERA MALAYSIA

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) terdiri daripada tiga perkhidmatan iaitu Tentera Darat, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). Ke bawah DYMM Yang di-Pertuan Agong ialah

Pemerintah Tertinggi ATM dan baginda menguatkuasakan tugas-tugas sebagai Pemerintah Tertinggi atas nasihat Jemaah Menteri atau Menteri Pertahanan. Tugas dan tanggungjawab mengenai perancangan dan operasi ATM diamanahkan kepada Jawatankuasa Panglima-panglima yang dipengerusikan oleh Panglima Angkatan Tentera. Jawatankuasa ini merupakan badan ikhtisas ketenteraan yang tertinggi yang bertanggungjawab terhadap semua tugas operasi ATM.

Tugas utama ATM ialah mempertahankan negara daripada sebarang pencerobohan atau serangan luar, menjaga keselamatan perhubungan antara dan dalam jajahan negara dan membantu mengekalkan kerajaan yang dipilih. ATM telah melaksana tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan cemerlang. Ini dapat dibuktikan dengan kejayaan membanteras kegiatan bersenjata komunis semasa Zaman Darurat (1948 - 1960), menghadapi Konfrantasi Indonesia, dan menjaga keselamatan negara menerusi pelbagai operasi dan langkah-langkah kawalan keselamatan.

Matlamat utama ATM ialah untuk mencapai kedudukan berdikari dalam bidang pertahanan negara. Matlamat ini dapat dicapai menerusi pelbagai usaha modenisasi dan perkembangan dalam bidang pertahanan darat, laut, dan udara. ATM menjalankan juga program-program latihan biasa bagi ketiga-tiga perkhidmatan dan anggota-anggota selama enam bulan hingga setahun berdasarkan kepada jenis cawangan anggota-anggota ini akan ditempatkan. Latihan untuk pegawai-pegawai bertauliah terdiri pula daripada pegawai-pegawai kadet yang dilatih di akademi-akademi latihan. Dalam tempoh perkhidmatan, anggota-anggota tentera daripada berbagai-bagai peringkat diberi peluang untuk mengikuti kursus-kursus di institusi-institusi tentera atau awam, sama ada di dalam ataupun di luar negara.

TENTERA DARAT

Tentera Darat ditubuhkan pada 1 Mac 1933, di Port Dickson dengan satu Skwad Askar Melayu seramai 25 orang, yang kemudian menjadi Kompeni Percubaan Askar Melayu seramai 156 orang. Perkembangan yang lebih besar telah membentuk Rejimen Askar Melayu. Tentera Darat mempunyai sejarah operasi yang cemerlang menentang komunis dalam Zaman Darurat sehingga sekarang. Tentera Darat berjuang juga menentang Konfrantasi Regim Sukarno (1963 – 1966). Operasi bersama menentang komunis diadakan juga bersama tentera Thai dan Indonesia terutama dalam tahun 1970-an. Latihan-latihan bersama diadakan juga dengan tentera Thai, Tentera Nasional Indonesia, Tentera Darat British, Australia, dan New Zealand di bawah Peraturan Pertahanan Lima Negara; dengan cogan kata 'Gagah Setia' kini Tentera Darat Malaysia berkembang menjadi sebuah angkatan darat yang berkemampuan dan lengkap.

TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA

Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) telah ditubuhkan pada tahun 1937 oleh Kerajaan British yang dikenali sebagai Seksyen Melayu Royal Navy yang terdiri daripada 400 orang anggota. TLDM bertanggungjawab untuk mempertahankan perairan negara daripada sebarang pencerobohan dan serangan luar, mengawal Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) dan menjalankan rondaan tetap di kawasan laut terbuka yang memisahkan Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak.

TLDM menjalankan juga rondaan dan latihan bersama dengan Tentera Laut Thai, Britain, Australia, New Zealand, Indonesia, dan Singapura sejak tahun 1971. Kini TLDM mempunyai sebuah pengkalan yang lengkap dan moden di Lumut, Perak. Sejajar dengan usaha modenisasi, TLDM dilengkapi juga dengan kapal-kapal dan senjata moden.

TENTERA UDARA DIRAJA MALAYSIA

Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) telah ditubuhkan pada 2 Jun 1958 di Pengkalan Tentera Udara Diraja British (RAF) Kuala Lumpur. Pada tahun 1960, pengkalan tentera ini telah diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu. Kini TUDM mempunyai dua buah pengkalan iaitu di Kuantan, Pahang dan di Kuching, Sarawak. Tugas utama TUDM ialah mempertahankan ruang angkasa negara daripada sebarang pencerobohan dan serangan musuh. TUDM mempunyai satu sistem pertahanan udara yang lengkap dengan berbagai-bagai kemudahan moden seperti alat radar pertahanan udara, pesawat-pesawat terbang untuk pertahanan dan skuadron helikopter pengangkut jarak dekat dan jarak jauh.

Selain perkhidmatan Tentera Darat, TLDM dan TUDM, pertahanan negara mempunyai juga pasukan simpanan darat, laut, dan udara yang merupakan anggota-anggota sukarela yang diberi latihan asas ketenteraan dan akan dipanggil berkhidmat pada masa darurat. Negara mempunyai juga Pusat Sains dan Teknologi Pertahanan yang bertugas menjalankan kajian saintifik dan teknikal sebagai sokongan kepada keperluan pertahanan negara.

LANGKAH-LANGKAH MENGAWAL DAN MEMELIHARA KESELAMATAN DALAM NEGERI

Langkah-langkah untuk mengawal dan memelihara keselamatan dalam negeri adalah sangat penting dalam usaha menjayakan program-program pembangunan negara, memelihara dan mengekalkan ketenteraman, kesejahteraan awam dan keselamatan serta perpaduan negara. Pihak kerajaan telah mengambil berbagai-bagai langkah dan tindakan bagi menghadapi pelbagai bentuk ancaman terhadap keselamatan dalam negara. Antara langkah-langkah

utama yang telah diambil bagi mengawal dan memelihara keselamatan dalam negara adalah seperti berikut:

Membentaras kegiatan-kegiatan komunisme. Operasi menentang pemberontakan bersenjata oleh PKM telah dilakukan secara besar-besaran semenjak zaman penjajahan Inggeris hingga setelah negara mencapai kemerdekaan, iaitu dalam Zaman Darurat (1948 – 1960). Antara strategi dan langkah penting yang telah diambil bagi menentang PKM ialah: (a) mengadakan petempatan semula penduduk di bawah Rancangan Briggs dengan tujuan menyekat bekalan makanan dan keperluan-keperluan lain daripada sampai ke tangan komunis. Penduduk setinggalan berketurunan Cina di tempatkan di Kampung Baru yang dikawal oleh pihak berkuasa. Dengan cara ini kegiatan-kegiatan komunis menjadi lumpuh kerana tidak mendapat bantuan dan sokongan penduduk tempatan. (b) Memperkenalkan Undang-undang Darurat 1948 bagi memberi kuasa kepada kerajaan untuk menentang keganasan komunis. (c) Mengadakan langkah-langkah bukan berbentuk ketenteraan bagi menentang pemberontakan komunis. Antaranya ialah dengan cara memberi berbagai-bagai kemudahan dan kelonggaran kepada orang-orang Cina agar mereka menyokong kerajaan dan menentang komunis. Kerajaan Inggeris, misalnya telah memberi kemudahan dalam hak kerakyatan, pemilikan tanah, jawatan-jawatan pentadbiran, kemudahan-kemudahan kesihatan dan pelajaran kepada penduduk Kampung-kampung Baru.

Gerakan membantaras kegiatan-kegiatan Komunis diteruskan oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu selepas negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Dalam masa 12 tahun darurat, seramai 6,710 orang pengganas komunis telah dibunuh dan 3,989 orang telah ditangkap ataupun menyerah diri. Darurat telah diisytiharkan tamat pada 31 Julai 1960. Pergerakan komunis di Sarawak adalah melalui "The Clandestine Communist Organization" atau

CCO dan gerakan ini dapat dibanteras melalui operasi besar-besaran. Namun begitu, pergerakan komunis berterusan di kawasan sempadan Malaysia – Thai dan menyusup masuk menerusi pertubuhan, persatuan, dan kesatuan tertentu.

Gerakan komunis oleh PKM telah berakhir apabila Perjanjian Damai ditandatangani pada 2 Disember 1989 di Haadyai, Thailand antara PKM dengan Kerajaan Malaysia dan PKM dengan kerajaan Thai yang bersetuju untuk menamatkan semua aktiviti bersenjata serta mewujudkan perdamaian di seluruh kawasan sempadan Thai – Malaysia dan Malaysia.

Membasmi kegiatan-kegiatan penyalahgunaan dadah. Membasmi kegiatan-kegiatan penyalahgunaan dadah dilakukan oleh pihak berkuasa menerusi pelbagai cara seperti penguatkuasaan undang-undang, penubuhan pasukan petugas antidadah, langkah-langkah kawalan yang lebih ketat, rawatan, pemulihan, dan lain-lain. Akta Dadah Berbahaya 1952 telah diperketatkan bagi membanteras semua kegiatan penyalahgunaan dadah seperti mengeluarkan, mengedar, menyimpan, mengimport, dan mengeksport dadah. Pindaan kepada akta ini telah juga menetapkan hukuman mati mandatori (wajib) terhadap pengedar dadah yang telah disabitkan kesalahannya. Selain itu, kerajaan mempunyai juga kuasa untuk menahan sesiapa sahaja yang disyaki mengedar dadah tanpa perbicaraan sehingga dua tahun melalui Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1984.

Usaha-usaha membanteras penyalahgunaan dadah melibatkan juga langkah-langkah menghapuskan semua kegiatan yang berkaitan pengeluaran, pengedaran, dan penggunaan dadah. Antara agensi yang bertanggungjawab ialah Cawangan Antidadah (Polis Diraja Malaysia) yang melakukan operasi rampasan dan tangkapan dan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja yang bertugas membanteras kegiatan penyeludupan dadah terutama sekali melalui pintu

masuk dan keluar utama negara. Kerjasama antarabangsa atau antara negara diperluaskan juga bagi memperhebatkan lagi gerakan-gerakan membanteras pengedaran dadah sama ada menerusi jalan-jalan udara, laut ataupun darat. Kerjasama ini melibatkan juga pertukaran maklumat dan persefahaman dari segi undang-undang.

Selain itu, usaha-usaha membanteras penyalahgunaan dadah dilakukan juga dengan cara menjalankan rawatan dan pemulihan kepada penagih-penagih dadah agar mereka berhenti daripada mengambil dadah dan dapat diterima kembali oleh masyarakat. Kerja-kerja pemulihan dan rawatan ini dilakukan di pusat serenti dan pusat pemulihan dadah yang ditubuhkan di seluruh negara. Kejayaan program rawatan dan pemulihan ini adalah terhad kerana sebahagian daripada penagih-penagih yang telah menerima rawatan dan pemulihan akan kembali semula menagih dadah dan pusat-pusat ini mempunyai kemampuan yang kecil untuk menampung penagih-penagih pada sesuatu masa. Jawatankuasa pemulihan dadah peringkat daerah dan kawasan dibentuk juga bagi menjayakan program rawatan dan pemulihan yang dijalankan.

Langkah-langkah membanteras penyalahgunaan dadah dilakukan juga dengan mengadakan kempen antidadah melalui media massa. Tujuannya ialah untuk menimbulkan kesedaran dan keinsafan yang mendalam di kalangan orang ramai tentang bahaya dan keburukan dadah. Unsur-unsur pendidikan penyalahgunaan dadah diperkenalkan juga kepada murid-murid dan pelajar-pelajar supaya mereka menjauhkan diri daripada sebarang kegiatan penyalahgunaan dadah.

MENETAPKAN PELBAGAI UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN-PERATURAN

Langkah-langkah mengawal dan memelihara keselamatan

dalam negeri dilakukan juga dengan mengadakan pelbagai undang-undang dan peraturan-peraturan bagi mencegah perbuatan mengeksploitasi isu-isu sensitif, perkauman, dan keagamaan yang boleh mengancam keselamatan dan ketenteraman awam. Antara undang-undang dan peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan berhubung dengan perkara-perkara di atas ialah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, Kanun Keseksaan dan Akta Hasutan (1984), Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (pindaan) 1987, dan Undang-undang Darurat. Selain itu, terdapat berbagai-bagai akta lain yang bertujuan memelihara keselamatan dalam negara dan ketenteraman awam meliputi perkara-perkara yang berkaitan dengan sivil dan jenayah. Akta-akta ini meliputi hal-hal yang berkait dengan tanah, perniagaan, pengangkutan, perdagangan, pekerjaan, syarikat, kontrak, rasuah, perumahan, alam sekitar, imigrasi, pertubuhan, kekeluargaan, kastam, eksais, senjata api, dan lain-lain.

MENJALANKAN KUATKUASA UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN-PERATURAN

Tugas dan tanggungjawab menguatkuasakan undang-undang dan peraturan-peraturan dijalankan oleh beberapa agensi atau institusi tertentu. Pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) merupakan agensi yang terpenting dalam mengawal, mengatur, mentadbir, dan memastikan orang ramai mematuhi segala undang-undang dan peraturan-peraturan yang dikenakan. Dalam hal ini pasukan polis mempunyai berbagai-bagai bahagian atau unit tertentu untuk menguatkuasakan undang-undang seperti Polis Trafik, Unit Udara, Cawangan Antidadah, Cawangan Marin, Pasukan Polis Hutan, Unit Kawalan Kawasan, dan Pasukan Simpanan Persekutuan.

Selain itu, terdapat juga agensi atau institusi lain yang menjalankan kuatkuasa undang-undang seperti Jabatan

Imigresen, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Penjara, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan, Lembaga Penapis Filem, Badan Pencegah Rasuah, dan pasukan-pasukan petugas lain atau penguatkuasa.

SOALAN-SOALAN SUBJEKTIF

1. Bincangkan faktor-faktor utama yang mempengaruhi keselamatan dalam negeri.
2. Bagaimanakah kegiatan-kegiatan komunisme mengancam keselamatan negara ini? Apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi mengatasi ancaman tersebut?
3. Mengapakah masalah penyalahgunaan dadah mengancam keselamatan negara dan pada pendapat anda bagaimanakah masalah ini patut diatasi?
4. Bincangkan fungsi dan peranan agensi-agensi kerajaan dalam memelihara keselamatan dalam negara.
5. Tuliskan rencana ringkas tentang perkara-perkara berikut:
 - (a) Polis Diraja Malaysia
 - (b) Angkatan Tentera Malaysia
 - (c) Jabatan Imigresen

SOALAN-SOALAN OBJEKTIF

1. Keselamatan negara mengandungi dua bidang utama iaitu keselamatan dalam negeri dan
 - A. hubungan diplomatik.
 - B. perpaduan negara.
 - C. pembangunan sosioekonomi.
 - D. pertahanan negara.
 - E. kestabilan parti-parti politik.

2. Dua faktor utama yang mengancam keselamatan dalam negara semenjak negara mencapai kemerdekaan ialah
- A. kegiatan komunisme dan rusuhan kaum.
 - B. rusuhan kaum dan penyalahgunaan dadah.
 - C. penyalahgunaan dadah dan penyeludupan.
 - D. penyeludupan dan kemasukan orang-orang pelarian asing.
 - E. penyalahgunaan dadah dan kegiatan komunisme.
3. Apakah sebab utama yang membawa kepada peristiwa rusuhan kaum pada 13 Mei 1969?
- A. Kemenangan parti-parti pembangkang dalam pilihanraya umum.
 - B. Hasutan oleh Parti Komunis Malaya.
 - C. Eksploitasi isu-isu perkauman yang sensitif.
 - D. Pertelingkahan antara agama-agama.
 - E. Pemilihan kekayaan yang tidak seimbang di kalangan rakyat berbilang kaum.
4. Dua buah kementerian yang bertanggungjawab terhadap keselamatan negara ialah kementerian-kementerian
- A. Kehakiman dan Dalam Negeri.
 - B. Pertahanan dan Kehakiman.
 - C. Dalam Negeri dan Luar Negeri.
 - D. Luar Negeri dan Pertahanan.
 - E. Pertahanan dan Dalam Negeri.
5. Pasukan manakah antara berikut digelar sebagai 'mata dan telinga' kerajaan?
- A. Jawatankuasa Kemajuan Kampung (JKK).
 - B. Pasukan Rukun Tetangga.
 - C. Pasukan Pertahanan Awam.
 - D. Ikatan Relawan Rakyat (RELA).
 - E. Pasukan Kawalan Kampung.

6. Tugas dan tanggungjawab utama pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) ialah
- A. menghapuskan kegiatan-kegiatan komunisme.
 - B. menguatkuasakan undang-undang negara.
 - C. membasmi kegiatan-kegiatan penyeludupan.
 - D. membawa pesalah ke muka pengadilan.
 - E. menghapuskan kegiatan-kegiatan penyalahgunaan dadah.
7. Apakah tugas utama Jabatan Penjara Malaysia?
- A. Memulihkan penagih-penagih dadah.
 - B. Menghukum pesalah-pesalah.
 - C. Menahan orang-orang pelarian asing.
 - D. Memulihkan pesalah-pesalah.
 - E. Menahan penjenayah-penjenayah.
8. Semua jabatan berikut terletak di bawah Kementerian Dalam Negeri **kecuali**
- A. Jabatan Pertahanan Awam.
 - B. Jabatan Pendaftaran Negara.
 - C. Jabatan Percetakan Negara.
 - D. Jabatan Hal-Ehwal Orang Asli.
 - E. Jabatan Perpaduan Negara.
9. Apakah tugas dan tanggungjawab utama Angkatan Tentera Malaysia?
- A. Mempertahankan negara daripada serangan komunisme.
 - B. Mempertahankan negara daripada sebarang pencerobohan asing.
 - C. mempertahankan negara daripada serangan kuasa-kuasa besar.
 - D. Mempertahankan negara daripada serangan negara-negara jiran.

- E. Mempertahankan negara daripada ancaman per-
musuhan antara kaum.
10. Cogan kata bagi Angkatan Tentera Darat Malaysia ialah
- A. Gagah Setia.
 - B. Setia Berkhidmat.
 - C. Khidmat Setia.
 - D. Sedia Berkhidmat.
 - E. Rela Berkhidmat.

DASAR LUAR DAN HUBUNGAN ANTARABANGSA

PEMBENTUKAN DAN CIRI DASAR LUAR

Sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, Malaysia membentuk dan mengamalkan dasar luar yang tersendiri selaras dengan kepentingan negara dan perkembangan-perkembangan yang berlaku dalam bidang-bidang keselamatan, politik, dan ekonomi di dalam lingkungan serantau dan antarabangsa. Pembentukan suatu dasar luar yang menyeluruh, berkesan, dan dinamik bukan sahaja penting dalam meletakkan martabat dan peranan negara dalam kawasan serantau dan dunia antarabangsa, tetapi sekaligus akan memberi kesan terhadap pembangunan negara terutama sekali dari segi keselamatan, pembangunan dalam bidang ekonomi dan sosial.

Pembentukan dan pelaksanaan dasar luar negara pada umumnya dipengaruhi oleh pelbagai faktor dalaman dan luaran. Antara faktor-faktor atau keadaan-keadaan yang menjadi pertimbangan dan pedoman dalam pembentukan dan pelaksanaan dasar luar negara ini ialah:

- (a) Kedudukan negara ini dan kawasan Asia Tenggara yang strategik dari segi geo-politik, iaitu kedudukannya di tengah jalan Timur-Barat dan merupakan kawasan perantaraan antara Lautan Hindi dan Lautan Pasifik. Kedudukan ini bukan sahaja menarik minat dan perhatian kuasa-kuasa besar seperti Amerika Syarikat, Rusia, dan Republik Rakyat China, tetapi juga untuk tujuan-tujuan ketenteraan

semasa peperangan di samping kepentingan sebagai jalan perhubungan dan perdagangan Timur-Barat yang sangat penting.

- (b) Potensi dan kekayaan negara ini dengan pelbagai sumber bahan mentah seperti petroleum, kayu kayan, bijih timah, kelapa sawit, getah, koko, dan lain-lain yang sudah tentu menjadi tumpuan pelabur asing dari negara-negara luar, terutama sekali negara-negara perindustrian yang maju seperti Jepun, Amerika Syarikat, negara-negara Eropah, dan lain-lain.
- (c) Keadaan keselamatan dan kestabilan politik serantau terutama di kalangan negara-negara Asia Tenggara yang sentiasa mengalami pergolakan seperti yang berlaku di negara-negara Indochina, (Perang Vietnam, kejatuhan Vietnam Selatan ke tangan komunis Viet Kong, perang saudara di Kampuchea), dan pergolakan politik di negara Thai dan Filipina.
- (d) Kesan dan pengaruh penjajahan British ke atas dasar luar negara terutama sekali dalam dekad pertama setelah mencapai kemerdekaan. Ancaman kegiatan komunis yang serius dan berterusan dalam tempoh yang agak lama iaitu semenjak Zaman Darurat 1948 – 1960. Kegiatan komunis di Sarawak dan konfrantasi Indonesia dari tahun 1963 – 1966. Tambahan pula kegiatan-kegiatan PKM ini ada hubungannya dengan pergerakan komunis di peringkat antarabangsa.
- (e) Timbul kesedaran di peringkat antarabangsa, terutama sekali di kalangan negara-negara Dunia Ketiga (Afrika, Asia, dan Amerika Latin) untuk menubuhkan pakatan dan pertubuhan serantau yang mementingkan kerjasama dalam bidang ekonomi, kebudayaan, sosial, dan teknikal sesama sendiri, di

samping mengelakkan tekanan-tekanan oleh negara-negara perindustrian yang maju. Dalam hal ini, Malaysia telah dan sedang berusaha untuk mengukuhkan kerjasama di kalangan negara-negara ASEAN dan memperluaskan hubungan persahabatan dengan lebih banyak negara di seluruh dunia.

- (f) Perubahan-perubahan penting yang berlaku dalam negara seperti rancangan-rancangan pembangunan sosial dan ekonomi, pengenalan dasar-dasar negara yang baru, perubahan kepimpinan, dan keadaan keselamatan negara (termasuk keselamatan dalam negeri) juga turut sama mempengaruhi pembentukan dan pelaksanaan dasar luar terutama sekali bagi menjaga kepentingan negara atau kepentingan nasional.

Dasar luar Malaysia mempunyai ciri-ciri tersendiri dan antara ciri utamanya ialah:

- (a) Memelihara dan menjamin keamanan berdasarkan nilai-nilai demokrasi dan Piagam Bangsa-bangsa Bersatu.
- (b) Memelihara dan mengukuhkan kerjasama serantau terutama sekali di Asia Tenggara.
- (c) Mengembangkan kedaulatan agama Islam selaras dengan kedudukan agama ini sebagai agama rasmi Persekutuan.
- (d) Mengukuhkan dasar berkecuali dalam ertikata yang sebenar.
- (e) Mewujudkan hubungan persahabatan dengan se-berapa banyak negara.
- (f) Menguatkan hubungan dengan negara-negara yang mempunyai kepentingan bersama dengan Malaysia.

DASAR BERKECUALI

Prinsip utama dalam dasar luar Malaysia ialah prinsip dasar berkecuali iaitu satu dasar yang berhasrat untuk mengadakan hubungan persahabatan dengan semua negara yang mengamalkan dasar aman, damai, dan hormat-menghormati. Dasar luar negara antara tahun 1957 hingga 1970 berlandaskan prinsip berkecuali, tetapi boleh disifatkan sebagai "pro-Barat". Keadaan ini bukan sahaja disebabkan oleh masalah dalam negeri seperti ancaman komunis yang serius dan konfrantasi Indonesia (1963 - 1966) yang mengancam keselamatan negara, tetapi juga pergolakan politik dan keselamatan serantau yang melibatkan pergerakan ketenteraan di Indochina, penglibatan kuasa besar terutama sekali Amerika Syarikat, Rusia, dan China serta pertentangan antara blok komunis dan blok bukan komunis. Selain itu, negara masih memerlukan juga bantuan ketenteraan dari luar seperti United Kingdom, Australia, dan New Zealand bagi menjamin pertahanan dan keselamatan negara.

Perubahan-perubahan yang berlaku dalam politik serta keselamatan serantau dan antarabangsa telah menyebabkan kerajaan mengambil pendirian yang lebih tegas untuk mengamalkan sepenuhnya dasar berkecuali selepas tahun 1970. Malaysia dengan sokongan negara-negara ASEAN yang lain telah mengambil inisiatif memperkenalkan dasar berkecuali seperti yang telah diumumkan dalam Perisytiharan Kuala Lumpur dan perkara ini telah dibawa ke dalam Perhimpunan Agung ke-26 Bangsa-bangsa Bersatu pada 22 Disember 1971.

Antara perkara-perkara penting dalam dasar perkecualian ini ialah: pertama, tiap-tiap negara anggota ASEAN hendaklah menghormati kedaulatan dan keutuhan wilayah masing-masing, mengamalkan dasar tidak campur tangan dan tidak menjalankan sebarang kegiatan yang boleh

mengancam keselamatan antara satu sama lain dan mengambil sikap tidak agresif. Kedua, semua kuasa tentera asing hendaklah keluar dari rantau ini dan Asia Tenggara tidak boleh dijadikan medan konflik dalam perebutan pengaruh dan kekuasaan antarabangsa. Ketiga, semua negara di rantau ini hendaklah berusaha memikul tanggungjawab bersama mewujudkan perdamaian dan menggalakkan kerjasama serantau yang lebih erat. Perisytiharan Dasar Perkecualian ini adalah selaras dengan cita-cita untuk mewujudkan kawasan Awam, Bebas, dan Berkecuali di Asia Tenggara (ZOPFAN).

Bagi melaksanakan Dasar Berkecuali ini Malaysia telah dan sedang mengambil bahagian yang aktif dalam Pergerakan Negara-negara Berkecuali, mengelakkan diri daripada menyebelahi mana-mana kuasa besar dunia, menjalani hubungan persahabatan dengan lebih banyak negara tanpa mengira ideologi politik dan mematuhi Piagam Bangsa-bangsa Bersatu.

KAWASAN AMAN, BEBAS, DAN BERKECUALI – ZOPFAN

Tujuan utama konsep ZOPFAN ini ialah untuk menjadikan Asia Tenggara sebagai kawasan yang bebas daripada pertelingkahan politik kuasa-kuasa besar terutama sekali Amerika Syarikat, Rusia, dan China. Konsep ini telah juga mendapat sokongan moral negara-negara Kesatuan Ekonomi Eropah, Republik Rakyat China, Pakistan, Romania, Somalia, Korea Selatan, Jepun, Amerika Syarikat, dan negara-negara berkecuali. Konsep ini mempunyai juga hasrat menggalakkan kerjasama serantau yang bukan berbentuk ketenteraan, mengandungi matlamat jangka panjang yang memerlukan pengunduran tentera asing dari kawasan Asia Tenggara dan menjadi Asia Tenggara sebagai kawasan yang bebas daripada senjata nuklear.

Pelaksanaan konsep ZOPFAN menghadapi beberapa masalah dan antaranya ialah:

- (a) pergolakan di Indochina yang melibatkan pencerobohan Vietnam ke atas Kampuchea, penglibatan dua kuasa besar iaitu Rusia dan China serta kesediaan Vietnam untuk menyelesaikan masalah menerusi perundingan,
- (b) sokongan penuh kuasa-kuasa besar terutama sekali Amerika Syarikat, Rusia, dan China terhadap konsep dan pencapaian matlamat-matlamat ZOPFAN, dan
- (c) minat dan kesediaan semua anggota ASEAN untuk mencapai matlamat-matlamat ZOPFAN yang berbeza disebabkan oleh kepentingan negara yang tidak sama. Filipina, misalnya mempunyai perjanjian ketenteraan dengan Amerika Syarikat, Singapura bersikap pro-Amerika secara terbuka, dan Thai pula lebih condong kepada China.

KERJASAMA SERANTAU DALAM ASEAN

Kesedaran dan minat untuk menubuhkan pakatan ekonomi atau kerjasama serantau di kalangan negara-negara Asia Tenggara telah timbul sejak dekad enam puluhan apabila terbentuk Pertubuhan Asia Tenggara atau ASA (Association of South East Asia) dalam tahun 1961 yang dianggotai oleh Filipina, Persekutuan Tanah Melayu, dan negara Thai. Tetapi ASA tidak berjaya mencapai matlamatnya kerana bilangan negara anggota yang terhad, kurang kemampuan dari segi ekonomi, dan perkembangan politik serantau yang tidak menggalakkan. Tiga tahun kemudian iaitu pada bulan Jun 1963, timbul keinginan Indonesia untuk menyertai ASA dan wujud pula sebuah pakatan baru yang dikenali sebagai MAPHILINDO. Pertubuhan ini tidak dapat juga mengorak langkah kerana Indonesia melancarkan konfrantasi terhadap

pembentukan Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963 dan Filipina pula membuat tuntutan terhadap Sabah.

Kekeruhan suasana dan ketegangan hubungan antara negara-negara Asia Tenggara akhirnya dapat dipulihkan dan Persidangan Bangkok pada 8 Ogos 1967 telah merumuskan kata sepakat dan persefahaman di kalangan lima buah negara iaitu Malaysia, Indonesia, Filipina, Singapura, dan Thai bagi mewujudkan Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN). Matlamat utama ASEAN ialah untuk mengukuh dan memajukan kerjasama serantau dalam bidang-bidang ekonomi, sosial, kebudayaan, dan teknologi.

Kerjasama dan semangat persefahaman yang erat telah menyebabkan ASEAN dapat mengatur pelbagai program bagi mencapai matlamat-matlamat penubuhannya. Perkembangan-perkembangan yang berlaku di rantau Asia Tenggara ketika itu seperti campur tangan kuasa-kuasa besar iaitu Amerika Syarikat, Rusia, dan China, Perang Vietnam dan pencerobohan Vietnam ke atas Kampuchea telah menyebabkan negara-negara ASEAN mengambil pendirian bersama yang bertujuan menjamin dan memelihara keselamatan dan kestabilan Asia Tenggara.

Deklarasi Kuala Lumpur pada 27 November 1971 telah mengumumkan persetujuan anggota ASEAN terhadap dasar berkecuali dan menerima cadangan Malaysia bagi mewujudkan kawasan Asia Tenggara yang aman, bebas dan berkecuali (*Zone of Peace, Freedom and Neutrality*) atau ZOPFAN.

Dalam tempoh lebih dua dekad penubuhannya, ASEAN telah mencatat banyak kejayaan dalam mencapai matlamat-matlamatnya. Ini meliputi hubungan dan kerjasama serantau yang erat dalam bidang ekonomi, meliputi sektor-sektor perdagangan, perindustrian, pertanian, makanan, pengangkutan, dan perhubungan. Antara perkara-perkara yang telah dilaksanakan di bawah rangka kerjasama ekonomi ASEAN ialah:

- (a) Peraturan Perdagangan Istimewa yang meluluskan potongan tarif 10 peratus yang melibatkan lebih 2,300 jenis barangan negara-negara anggota ASEAN.
- (b) Projek Perindustrian ASEAN yang menggalakkan pengkhususan dalam pengeluaran, penggunaan sumber-sumber ekonomi tempatan, mengatasi masalah kekurangan modal dalam negeri, teknologi dan kepakaran sekiranya industri-industri yang sama dijalankan secara persaingan.
- (c) Projek-projek di bawah Rancangan Pembangunan 10 Tahun bagi Pengangkutan dan Perhubungan ASEAN meliputi bidang-bidang pengangkutan darat, perkapalan, penerbangan awam, pos, dan perhubungan berjumlah 85 projek bagi tempoh 1978 - 1988.
- (d) Peraturan perkongsian dalam bidang makanan dan tenaga terutama sekali untuk menghadapi masa kecemasan.

Kerjasama dalam bidang ekonomi melibatkan juga hubungan ASEAN dengan negara-negara asing yang berupa rakan dagangan utama. Dalam hal ini ASEAN telah bertindak secara kolektif dengan mengadakan siri dialog antarabangsa dengan Amerika Syarikat, Jepun, Kesatuan Ekonomi Eropah, dan Australia yang bertujuan membincangkan isu dan masalah ekonomi dua hala meliputi pemindahan modal, teknologi, kepakaran, peraturan-peraturan perdagangan, pengangkutan, dan perhubungan. Selain itu, kerjasama di kalangan anggota ASEAN meliputi juga bidang-bidang lain seperti pendidikan, pelancungan, kebudayaan, dan politik.

Semua perkara yang berkaitan dengan rancangan, pelaksanaan, dan kerjasama serantau ASEAN ini sentiasa dikaji dan dinilai oleh Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan ASEAN, Persidangan Peringkat Menteri ASEAN, Jawatan-

kuasa-jawatankuasa Tetap dan forum-forum lain peringkat ASEAN dan antarabangsa seperti dialog dengan Jepun, Amerika Syarikat, dan Kesatuan Ekonomi Eropah.

HUBUNGAN ANTARABANGSA YANG LUAS

Dasar luar yang berlandaskan prinsip berkecuali telah membolehkan Malaysia menjalin hubungan persahabatan dengan banyak negara di dunia tanpa mengira sistem politik dan sosial yang diamalkan oleh negara-negara berkenaan serta mengambil bahagian yang cergas dalam pelbagai pertubuhan dan forum serantau dan antarabangsa, pengaliran modal, teknologi, kepakaran, komunikasi, pendidikan dan latihan, perhubungan, pengangkutan, dan pelancongan. Hubungan dan penyertaan negara di peringkat antarabangsa telah dapat juga meningkatkan imej dan kedudukan negara di mata dunia.

Dalam melaksanakan dasar luar ini, Malaysia telah berusaha mengukuhkan kerjasama serantau dengan negara-negara jiran di Asia Tenggara menerusi ASEAN dengan pelbagai bentuk kerjasama serantau dalam bidang ekonomi, politik, sosial, teknologi, dan kebudayaan. Hubungan persahabatan dua hala telah diperluaskan juga meliputi negara-negara di Asia Timur, Asia Selatan, Asia Barat, Afrika, Eropah Barat, Eropah Timur, Amerika Syarikat, Kanada, Australia, New Zealand, dan Pasifik Selatan. Dalam hal ini, Malaysia mempunyai sebanyak 36 buah kedutaan dan 12 Pesuruhjaya Tinggi di seberang laut. Malaysia menerima juga perwakilan dari 82 buah negara asing yang berupa perwakilan diplomatik, perwakilan konsular, perwakilan perdagangan, agensi-agensi Bangsa-bangsa Bersatu dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa yang lain. Malaysia turut mengambil bahagian yang cergas dalam pelbagai mesyuarat dan persidangan yang dianjurkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, dan pertubuhan antarabangsa yang lain

seperti Komanwel, Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC), dan pergerakan Negara-negara Berkecuali, dan Suruhanjaya Selatan-selatan.

PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU

Malaysia telah diterima menjadi ahli Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pada bulan Oktober 1957 dan memegang kuat prinsip-prinsip dalam Piagam PBB. Di antara matlamat PBB sebagaimana yang tercatat dalam Piagamnya ialah:

- (a) Untuk menjamin keamanan dan keselamatan antarabangsa melalui penyelesaian bagi sebarang perselisihan serta menindas keganasan.
- (b) Untuk mewujudkan hubungan yang baik di kalangan negara-negara yang merdeka.
- (c) Untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi, sosial, kebudayaan dan melindungi hak-hak asasi manusia tanpa mengira bangsa, jantina, bahasa atau agama.
- (d) Untuk menyatukan penduduk dunia.

Satu ciri penting pembentukan dan amalan dasar luar Malaysia ialah pegangan yang kuat terhadap Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu. Pegangan ini menyebabkan Malaysia mempunyai pendirian yang amat tegas dan jelas mengenai pelbagai isu dan persoalan antarabangsa seperti dasar aparteid, pencerobohan Russia di Afghanistan, isu Kampuchea, hak asasi rakyat Palestin, ancaman penyalahgunaan dadah, isu Antartika, senjata nuklear, alam sekitar, dan lain-lain.

Malaysia turut mengambil bahagian yang cergas dalam Perhimpunan Agung dan agensi-agensi atau Jawatankuasa-Jawatankuasa PBB seperti UNESCO, WHO, UNICEF, ILO, FAO, WMO, WTO, IMCO, IAEA, UNIDO, UNEP, GATT,

IBRD, IMF, ITU, UPU serta jawatankuasa dan suruhanjaya ad-hoc yang lain, misalnya mengenai penduduk, dadah, sumber-sumber asli, perakaunan, dan pelaporan. Semua perkara ini bukan sahaja memberi keuntungan kepada negara, malah dapat memberi sumbangan positif dalam usaha-usaha mencapai keamanan, keselamatan, dan pembangunan di peringkat antarabangsa, khasnya di negara-negara sedang membangun.

HUBUNGAN DENGAN KOMANWEL

Malaysia telah menjadi ahli Pertubuhan Komanwel semenjak tahun 1957 dengan tujuan untuk mempunyai hubungan baik dengan Britain dan negara-negara anggota Komanwel yang semuanya merupakan tanah jajahan British pada suatu masa dahulu. Antara kebaikan dan keuntungan yang diperolehi menerusi Pertubuhan ini ialah bantuan ketenteraan daripada Britain, Australia, dan New Zealand untuk menentang komunis dan ancaman-ancaman lain terhadap keselamatan negara. Selain itu, negara mendapat juga faedah-faedah perdagangan dengan Britain dan negara-negara lain dalam Komanwel. Malaysia juga menjadi ahli Rancangan Colombo yang turut sama dianggotai oleh beberapa negara dalam Komanwel seperti Britain, Australia, New Zealand, Kanada, India, Pakistan, dan Sri Lanka. Menerusi rancangan ini, Malaysia memperolehi berbagai-bagai jenis pinjaman, bantuan teknikal, dan biasiswa untuk pendidikan lanjutan di negara-negara Komanwel.

Dalam tahun 1970-an Komanwel tidak lagi menduduki tempat penting dalam dasar luar negara kerana Malaysia tidak lagi bergantung kepada Britain dan negara lain-lain Komanwel untuk pertahanan. Hubungan ekonomi dan perdagangan negara telah diperluaskan juga ke negara-negara lain seperti Amerika Syarikat, Jepun, dan Kesatuan Ekonomi Eropah. Tambahan pula, tujuan dasar luar negara

pada waktu ini ialah kerjasama serantau dengan negara-negara ASEAN dan kawasan-kawasan dunia lain yang lebih luas.

Namun begitu, sebagai ahli Komanwel, Malaysia menganggap Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel Rantau Asia/Pasifik (CHOGM) sebagai satu forum yang berguna untuk membincangkan isu-isu ekonomi serantau dan kerjasama dua hala diberi pertimbangan yang secukupnya. Melalui CHOGM, Malaysia telah dapat melaksanakan objektif Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) dengan memberi bantuan ekonomi dan teknik kepada negara-negara di Kepulauan Pasifik Selatan.

RANCANGAN KERJASAMA TEKNIKAL MALAYSIA

Rancangan Kerjasama Teknikal Malaysia (RKTM) ialah satu rancangan kerjasama yang diluluskan oleh Kabinet pada 25 Julai 1979 dengan hasrat mengeratkan kerjasama antara Malaysia dengan negara-negara sedang membangun terutama sekali dengan negara-negara mundur di rantau Asia, Pasifik, dan Afrika. Rancangan ini yakin bahawa negara-negara sedang membangun boleh mempelajari pengalaman dan kepakaran sesama sendiri dalam usaha mempertingkatkan lagi taraf pembangunan masing-masing dan tidak hanya bergantung kepada negara-negara perindustrian yang maju.

Tujuan-tujuan utama RKTM ialah:

- (a) mengeratkan lagi perhubungan Malaysia dengan negara-negara sedang membangun,
- (b) mempertingkatkan lagi perdagangan antara Malaysia dengan negara-negara sedang membangun seperti dalam perdagangan langsung dan pasaran untuk barangan Malaysia sendiri,
- (c) memberi peluang kepada pihak swasta Malaysia

untuk menceburkan diri dalam pelaburan di negara-negara sedang membangun, dan

- (d) untuk membantu negara-negara mundur dan sedang membangun, atas dasar peri kemanusiaan tanpa mendapat apa-apa balasan.

Di bawah rancangan, Malaysia menyediakan berbagai-bagai jenis bantuan dan kemudahan meliputi biasiswa dan latihan untuk mengikuti pelbagai kursus di universiti-universiti dan institusi-institusi latihan di Malaysia, kemudahan-kemudahan lain untuk latihan di Malaysia, lawatan sambil belajar serta penempatan dalam agensi-agensi kerajaan, kepakaran dan khidmat kerana Malaysia mempunyai kepakaran serta bantuan dalam bentuk kebendaan dan peralatan.

Bagi menjayakan rancangan ini, sebuah Jawatankuasa Utama yang dipengerusikan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah ditubuhkan. Rancangan ini dilaksanakan melalui empat cara seperti berikut:

- (a) Malaysia menanggung semua kos bantuan yang terlibat,
- (b) Malaysia dan negara penerima sama-sama menanggung kos bantuan,
- (c) Malaysia menyediakan kemudahan dan negara penerima akan menanggung kos bantuan tersebut, dan
- (d) Malaysia menyediakan semua kemudahan dan pihak-pihak tertentu seperti UNDP, CFTC, dan lain-lain membiayai kos penyertaannya.

Oleh kerana RKTM ini satu program kerjasama yang baru, maka terdapat beberapa masalah utama bagi menjayakannya seperti sambutan yang terhad dan kurang memuaskan serta masalah pentadbiran yang berkaitan

seperti visa, penerbangan, kebajikan peserta, perkhidmatan-perkhidmatan sokongan yang lain. Namun begitu pelbagai usaha sedang diambil bagi memperluas dan menjayakan rancangan ini.

DASAR ANTARTIKA

Malaysia mempunyai pendirian yang tegas terhadap isu-isu antarabangsa seperti soal-soal dasar aparteid, Palestine, Kampuchea, Afghanistan, dadah, alam sekitar, senjata nuklear, dan Antartika selaras dengan dasar luar negara yang berpegang teguh kepada matlamat Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu dan dasar berkecuali. YAB Perdana Menteri mula menimbulkan isu Antartika ketika berucap dalam sesi ke-37 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada bulan September 1982.

Dalam soal ini, Malaysia menganggap benua Antartika sebagai mustahak dari segi pengaruhnya terhadap ekologi, alam sekitar dan cuaca dunia dengan potensi bekalan bahan makanan dan bahan mentah galian serta haiwan dan tumbuh-tumbuhan yang penting untuk seluruh masyarakat dunia. Benua tersebut sangat berpotensi untuk membekalkan bahan-bahan mentah galian seperti kobalt, zink, tembaga, timah, emas, perak, kromium, minyak, dan gas asli. Selain itu, Benua Antartika dianggap strategik dari segi perhubungan kerana kedudukannya yang di kelilingi oleh empat buah lautan. Berdasarkan hakikat ini, Malaysia menyeru kepada seluruh dunia agar Benua Antartika dijadikan sebagai 'Warisan Bersama Untuk Faedah Bersama'.

Pada masa ini, pengurusan mengenai hal-ehwal Antartika hanya dibuat oleh wakil-wakil negara yang menjadi ahli Perjanjian Antartika yang ditandatangani pada bulan Disember 1959 yang mengandungi 16 buah negara. Hakikat ini bukan sahaja menunjukkan monopoli kuasa-kuasa besar

dalam memperolehi pelbagai faedah dan keuntungan tertentu, tetapi sekaligus bertentangan dengan matlamat asal perjanjian yang menekankan kedudukan benua Antartika sebagai satu regim antarabangsa yang patut diurus untuk faedah manusia sejagat. Tindakan ahli-ahli yang menandatangani Perjanjian Antartika ini juga tidak langsung mengambilkira kepentingan dan hak negara-negara lain ke atas benua tersebut.

Konsep Warisan Bersama yang dikemukakan oleh negara ini mempunyai matlamat yang jelas iaitu bagi membolehkan:

- (a) bahan-bahan di Antartika digunakan untuk faedah manusia,
- (b) ekologi dan alam sekitar dipertahankan,
- (c) kerjasama dan penyelarasan antarabangsa dalam kajian saintifik dan lain-lain, dan
- (d) kawasan Antartika bebas daripada kegiatan-kegiatan persenjataan, nuklear, dan ketenteraan.

Pada tahun 1985, Malaysia berjaya memasukkan isu pengagihan bahan-bahan galian di Antartika dalam agenda PBB. Malaysia berpendapat, Regim Galian (*Mineral Regime*) yang dicadangkan oleh ahli-ahli Perjanjian Antartika merupakan satu lagi percubaan untuk meluaskan kuasa mereka. Kegiatan-kegiatan perlombongan bahan-bahan galian jika tidak dikawal rapi, sudah tentu akan merosakkan sistem ekologi di kawasan Antartika dan dunia seluruhnya. Persidangan Agung Bangsa-bangsa Bersatu bagi sesi ke-41 telah menerima tiga resolusi berhubung dengan isu Antartika iaitu:

- (a) Resolusi A menyeru negara-negara Perjanjian Antartika mengemukakan segala maklumat berhubung dengan Antartika kepada Setiausaha Agung PBB.

- (b) Resolusi B berhubung dengan soal eksploitasi sumber galian dan
- (c) Resolusi C berhubung dengan pengecualian Afrika Selatan daripada Perjanjian Antartika.


SOALAN-SOALAN SUBJEKTIF

1. Huraikan faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan dasar luar Malaysia.
2. 'Prinsip utama dasar luar Malaysia ialah prinsip dasar berkecuali.' Bincangkan kenyataan ini.
3. Mengapakah Malaysia memberi perhatian utama terhadap hubungan antarabangsa di dalam lingkungan rantau Asia Tenggara?
4. Bincangkan kedudukan dan peranan Malaysia dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Pertubuhan Komanwel.
5. Jelaskan tentang perkara-perkara berikut:
 - (a) Rancangan Kerjasama Teknikal Malaysia
 - (b) Dasar Antartika
 - (c) Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN)

SOALAN-SOALAN OBJEKTIF

1. Semua faktor berikut menjadi pertimbangan utama dalam pembentukan dasar luar Malaysia **kecuali**
 - A. Kedudukan negara yang strategik.
 - B. Pengalaman sejarah masa lampau.
 - C. Kekayaan negara dari segi sumber-sumber ekonomi.
 - D. Pergolakan politik serantau dan antarabangsa.
 - E. Sistem pemerintahan demokrasi berparlimen.

2. Prinsip utama dalam dasar luar Malaysia ialah
- prinsip keadilan.
 - prinsip ekonomi terbuka.
 - prinsip berkecuali.
 - prinsip kesejahteraan sejagat.
 - prinsip tidak campur tangan.
3. Tujuan utama konsep kawasan aman, bebas dan berkecuali atau ZOPFAN ialah mewujudkan kawasan Asia Tenggara yang
- bebas daripada ancaman komunisme.
 - bebas daripada ancaman kolonialisme.
 - bebas daripada ancaman kuasa-kuasa besar.
 - bebas daripada ancaman kemiskinan.
 - bebas daripada pertelingkahan antarabangsa.
4. Cadangan untuk mewujudkan kawasan aman, bebas dan berkecuali adalah dikenali sebagai
- Deklarasi Bangkok.
 - Deklarasi Kuala Lumpur.
 - Deklarasi Singapura.
 - Deklarasi Jakarta.
 - Deklarasi Manila.



5. Rajah di sebelah menunjukkan matlamat-matlamat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sebagaimana yang tercatat dalam Piagamnya. Matlamat yang dinyatakan sebagai X ialah
- A. menjamin hak-hak asasi manusia.
 - B. menghapuskan penindasan antara negara-negara.
 - C. menyelesaikan pertelingkahan menerusi rundingan.
 - D. menyatukan penduduk dunia.
 - E. membasmi kemiskinan dan buta huruf.
6. Apakah agenda penting yang dilaksanakan oleh negara-negara dalam Pertubuhan Komanwel?
- A. Mengadakan sukan Komanwel.
 - B. Mengadakan pakatan ekonomi dan perdagangan Komanwel.
 - C. Mengadakan persidangan atau mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel.
 - D. Mengadakan bantuan dan kerjasama teknikal Komanwel.
 - E. Mengadakan dialog Komanwel dengan negara-negara lain.
7. Rancangan Kerjasama Teknikal Malaysia ialah untuk memberi bantuan dan kerjasama teknikal kepada
- A. negara-negara jiran di Asia Tenggara.
 - B. negara-negara mundur di Dunia Ketiga.
 - C. negara-negara kecil di Kepulauan Pasifik.
 - D. negara-negara mundur di Afrika.
 - E. negara-negara sedang membangun di Asia.
8. Slogan bagi Dasar Antartika yang dicadangkan oleh Malaysia ialah
- A. Bebas Daripada Ancaman Nuklear.
 - B. Warisan Bersama Untuk Faedah Bersama.

- C. Selamatkan Alam Sekitar Untuk Generasi Akan Datang.
 - D. Antartika Milik Masyarakat Dunia.
 - E. Pelihara Ekosistem Untuk Kesejahteraan Sejagat.
9. Faktor utama yang menjadi halangan kepada pelaksanaan Dasar Antartika sebagaimana yang dicadangkan oleh Malaysia kepada masyarakat antarabangsa ialah
- A. ketiadaan sokongan daripada kebanyakan negara-negara yang menganggotai PBB.
 - ✓ B. tentangan daripada negara-negara kuasa besar.
 - C. kekurangan penyelidikan saintifik.
 - D. ketiadaan tenaga kepakaran dalam bidang-bidang sains semula jadi.
 - E. kelemahan dalam pengurusan dan persefahaman antarabangsa.
10. Semua perkara berikut merupakan amalan-amalan dalam dasar luar Malaysia **kecuali**
- A. menentang dasar Aparteid.
 - B. menentang pencerobohan kuasa-kuasa besar ke atas negara-negara kecil.
 - ✓ C. menutup hubungan dengan negara-negara komunisme.
 - D. mengiktiraf hak-hak rakyat Palestine.
 - E. menentang pendudukan Israel di bumi Palestine.

SENARAI RUJUKAN

- Abdullah Sanusi Ahmad, *Kerajaan Pentadbiran dan Rakyat*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1982.
- Ahmad Atory Hussain, *Pengantar Pentadbiran Awam*, Utusan Publications & Distributions Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1986.
- Buku Panduan Dasar-Dasar Kerajaan*, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Kuala Lumpur, 1987.
- Dasar-dasar Baru Kerajaan*, Jabatan Penerangan Malaysia, Kementerian Penerangan, Kuala Lumpur, 1986.
- Falsafah Pendidikan Negara*, Kementerian Pendidikan Malaysia, DBP, Kuala Lumpur, 1990.
- H.S. Khera, *Masalah-masalah dan Harapan-harapan Ekonomi Malaysia*, Merican & Sons (M) Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1972.
- James C. Jackson, *Sarawak: Satu Kajian Ilmu Alam tentang Sebuah Negeri Yang Sedang Membangun*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1976.
- J.S. Jersey dan H.S. Khera, *Peperiksaan Am Untuk Pegawai-Pegawai Kerajaan Bahagian Dua*, Khera Sdn. Bhd., Petaling Jaya, 1982.
- Katiman Rostam dan Tengku Anuar, *Geografi Kemanusiaan*, Nurin Enterprise, Kuala Lumpur, 1984.

Katiman Rostam, *Penduduk Malaysia*, Nurin Enterprise, Kuala Lumpur, 1984.

Kemajuan Lebih Cerah Untuk Semua RML (1986 – 1990), Jabatan Penerangan Malaysia, Kementerian Penerangan, Kuala Lumpur, 1986.

Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur, 1982.

Malaysia Selepas 1990 – Cabaran Masa Depan, dalam SIRI UCAPAN PENTING, Kementerian Penerangan, Jabatan Percetakan Negara, 1989.

Malaysia – Buku Rasmi Tabunan 1988 dan 1989, Kementerian Penerangan Malaysia, Kuala Lumpur 1989 dan 1990.

Mid-term Review of the Fourth Malaysia Plan 1981 – 1985, Jabatan Percetakan Negara Kuala Lumpur, 1984.

Mohd Aris Hj. Osman, *Perkembangan Perlembagaan Malaysia*, Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd., Petaling Jaya, 1983.

Negara kita: Sejarah, Pentadbiran dan Dasar-dasar Pembangunan, Institut Tadbiran Awam Negara, Kuala Lumpur, 1983.

Oii Jin Bee, *Semenanjung Malaysia*, Longman Malaysia Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1979.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Kementerian Penerangan, Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur.

- Perintah-Perintah Am dan Araban Pentadbiran*, International Law Book Services, Kuala Lumpur, 1987.
- Perlembagaan dan Undang-undang Am*, International Law Book Services, Kuala Lumpur, 1986.
- Rancangan Malaysia Kedua 1971 - 1975*, Jabatan Cetak Kerajaan, Kuala Lumpur, 1971.
- Rancangan Malaysia Ketiga 1976 - 1980*, Jabatan Cetak Kerajaan, Kuala Lumpur, 1976.
- Rancangan Malaysia Keempat 1981 - 1985*, Jabatan Cetak Kerajaan, Kuala Lumpur, 1981.
- Rancangan Malaysia Kelima 1986 - 1990*, Jabatan Cetak Kerajaan, Kuala Lumpur.
- Ting Chew Peh dan Wong Khek Seng, *Pengajian Am: Ringkasan Buku-buku Rujukan Jilid 1*, Buku Kreatif Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1986.
- Tun Mohamed Suffian, H.P. Lee, F.A. Trindade (diedit), *Perlembagaan Malaysia - Perkembangan 1957 - 1977*, Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd., Petaling Jaya, 1984.
- Wu Min Aun, *Pengenalan Kepada Sistem Perundangan Malaysia*, Heineman Educational Books (Asia) Ltd., Kuala Lumpur, 1985.

JAWAPAN SOALAN-SOALAN OBJEKTIF

BAB	NOMBOR SOALAN DAN JAWAPAN									
	S1	S2	S3	S4	S5	S6	S7	S8	S9	S10
BAB 1	D	C	C	B	E	D	B	A	B	D
	S11	S12	S13	214	S15					
	C	B	A	C	A					

BAB	NOMBOR SOALAN DAN JAWAPAN									
	S1	S2	S3	S4	S5	S6	S7	S8	S9	S10
BAB 2	A	A	D	E	A	D	B	C	D	C
BAB 3	C	B	C	A	C	B	C	E	A	B
BAB 4	C	A	C	C	E	B	C	C	B	C
BAB 5	C	C	D	D	A	C	D	A	C	C
BAB 6	E	A	C	C	E	B	B	B	B	E
BAB 7	C	B	C	B	E	B	C	B	A	B
BAB 8	D	B	E	A	A	E	C	B	C	E
BAB 9	E	A	C	B	A	E	B	A	E	A
BAB 10	B	C	C	B	A	C	C	E	D	A
BAB 11	D	C	C	B	C	C	D	B	D	A
BAB 12	C	A	D	B	D	A	B	C	C	A
BAB 13	D	E	C	E	D	B	D	E	B	A
BAB 14	E	C	C	B	D	C	B	B	B	C